Kebolehpasaran graduan menjadi pengukur kualiti pengajaran dari segi keberkesanan dalam mempersiapkan pelajar untuk menyertai pasaran kerja yang memenuhi keperluan ekonomi. Melalui 10 lonjakan yang dikenal pasti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik dengan minda keusahawanan, melahirkan 'penjana pekerjaan' dan bukan sahaja 'pencari pekerjaan', meletakkan program berasaskan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) setaraf dengan program akademik, dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat di peringkat kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pihak majikan kini juga mengambil pendekatan yang holistik dengan memberi penekanan terhadap sahsiah diri dan bukan sahaja menilai segulung ijazah yang diperoleh daripada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) semata-mata. Justeru, melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang telah mula diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sejak tahun 2006 secara atas talian telah menjadi sumber utama bagi melihat corak kebolehpasaran graduan negara di peringkat nasional. Bertitik tolak daripada usaha tersebut, saban tahun KPT akan menganalisis data yang diperoleh daripada kajian tersebut dan menghasilkan laporan lengkap hasil dapatan kaji selidik yang dijalankan terhadap graduan IPT negara bagi tahun berkenaan. Tujuan laporan ini dihasilkan adalah bagi memenuhi keperluan KPT sendiri khususnya, IPT dan agensi-agensi yang memerlukan maklumat berkaitan status pekerjaan graduan baharu ketika musim konvokesyen, terutamanya dari aspek kebolehpasaran graduan, sama ada mereka telah memperoleh pekerjaan, sedang aktif mencari pekerjaan atau sedang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Laporan ini dilihat amat penting dan banyak menyumbang kepada usaha-usaha daripada pelbagai pihak untuk melihat kebolehpasaran graduan ini dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Ini adalah untuk memastikan para graduan baharu dapat berdaya saing dan bukan sahaja memperoleh pekerjaan tetapi pekerjaan yang berkaitan dengan program yang diikuti di IPT masing-masing. Justeru, laporan tahun 2020 ini akan turut memaparkan trend pekerjaan pada masa kini disusuli dengan senario kebolehpasaran graduan semasa. Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran sebenar tentang apa yang berlaku di samping dapat memberikan pandangan secara keseluruhan tentang aspek-aspek yang boleh ditambah baik agar kebolehpasaran graduan dapat ditingkatkan secara berterusan.

1.2 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan responden dalam kalangan graduan yang menamatkan pengajian pada tahun 2020. Seramai 318,593 graduan yang bergraduasi daripada 872 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menyertai Kajian Pengesanan Graduan bagi tahun 2020. Tiga (3) kumpulan terbesar keluaran 2020 adalah daripada Universiti Awam (UA), iaitu seramai 127,334 graduan, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) seramai 110,797 graduan dan politeknik seramai 28,532 graduan. Selain itu, graduan daripada Institusi Latihan Kemahiran Awam Kementerian Pembangunan Luar Bandar (ILKA KPLB) juga turut mengambil bahagian, iaitu seramai 20,134 graduan, kolej vokasional seramai 11,878 graduan dan kolej komuniti seramai 6,939 graduan. Kaji selidik ini turut disertai graduan dari Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), dan Kementerian Sumber Manusia (KSM).

1.3 Kebolehpasaran Graduan 2020

Kajian Pengesanan Graduan tahun 2020 yang telah dilaksanakan oleh KPT merekodkan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 84.4 peratus, menurun sedikit dari tahun sebelumnya (2019: 86.2%). Situasi ini berikutan keadaan ekonomi yang agak meruncing disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat global secara mendadak. Berdasarkan Statistik Siswazah 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar siswazah menganggur menunjukkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus, iaitu 4.4 peratus pada tahun 2020 berbanding 3.9 peratus yang direkodkan pada tahun 2019 dan 2018. Penurunan kadar kebolehpasaran graduan ini juga berkait rapat dengan prestasi ekonomi negara yang menyusut sebanyak 3.4 peratus manakala pasaran buruh juga menunjukkan kadar pengangguran tertinggi dalam tempoh 20 tahun.

Jika dilihat daripada statistik siswazah tahun 2020, didapati sektor swasta (termasuk NGO) merupakan pembekal utama pekerjaan kepada majoriti graduan (68.5%), menurun 2.1 peratus berbanding tahun 2019 (70.6%). Hal ini selari dengan data Jabatan Perangkaan Malaysia yang merekodkan penurunan jumlah jawatan kepada 8.457 juta pada tahun 2020 berbanding 8.661 juta pada suku sama tahun 2019, dengan jumlah jawatan di sektor swasta menurun sebanyak 204,000 pada suku ke-4 tahun 2020 (Sinar Harian, 09 Februari 2021).

Graduan ILKA KSM mencatatkan peratus tertinggi, iaitu sebanyak 83.1 peratus merupakan pekerja swasta (termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan; NGO), diikuti graduan politeknik (77.3%), kolej vokasional (75.5%) dan kolej komuniti serta ILKBS, iaitu masing-masing 72.4 peratus. Graduan UA pula mencatatkan peratus tertinggi yang bekerja dengan kerajaan, iaitu 17.6 peratus, diikuti graduan ILKAP MAFI sebanyak 8.4 peratus dan IPTS sebanyak 8.0 peratus.

Perubahan sekeliling disebabkan pandemik COVID-19 secara mendadak memperlihatkan graduan secara tidak langsung, terpaksa akur dengan perubahan ini dengan cuba mengadaptasikan keadaan dengan peluang yang ada. Statistik menunjukkan secara keseluruhan, sebanyak 15.2 peratus graduan 2020 memilih menjadi usahawan (bekerja sendiri, *freelance* dan sebagai majikan), iaitu meningkat sebanyak 1.5 peratus berbanding tahun 2019. Terdapat lima (5) IPT yang mencatatkan peratus graduan yang menjadi usahawan melebihi 20.0 peratus, dengan peratus tertinggi adalah graduan ILKA KPLB (33.0%), diikuti ILKA MOTAC (32.1%), ILKA KKR (25.0%), IPT lain (24.7%) dan ILKAP MAFI sebanyak 24.1 peratus.

Berdasarkan siaran akhbar Statistik Utama Tenaga Buruh di Malaysia, Februari 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar pengangguran pada bulan Februari 2021 meningkat sebanyak 48.0 peratus (tahun-ke-tahun) kepada 777.5 ribu berbanding Februari 2020 (525.5 ribu). Sehingga bulan Februari, seramai 15.27 juta telah mendapat pekerjaan untuk memenuhi keperluan tenaga buruh yang seramai 16.06 juta. Trend pengangguran dilihat agak meningkat secara konsisten dengan tercetusnya pandemik COVID-19 pada penghujung tahun 2019 dan berlarutan hingga kini.

Justeru, susulan daripada masalah pandemik COVID-19, KPT bersama dengan industri di Malaysia, terlebih dahulu telah mengadakan beberapa inisiatif untuk memastikan para graduan masih boleh bertahan dan mendapat pekerjaan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak KPT ialah dengan mengadakan kolaborasi bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) di bawah program KPT-MEDAC Siswapreneur. Melalui program kolaborasi ini, para graduan akan didedahkan dengan kemahiran keusahawanan yang dapat melatih mereka menjadi usahawan yang berjaya. Selain itu, KPT juga sentiasa menambah baik fungsi portal GREaT yang merupakan “one stop center” atau hab maklumat sehenti berkaitan program dan inisiatif kebolehpasaran graduan. Salah satu peranan portal **GREaT adalah sebagai platform untuk graduan memohon program yang disediakan oleh Kerajaan seperti Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Career Advancement Programme atau PENJANA KPT-CAP**. Program PENJANA KPT-CAP ini merupakan program peningkatan kemahiran seperti *Place and Train* dan ekonomi gig yang merupakan inisiatif Kerajaan dalam menangani impak pandemik COVID-19 ke atas kebolehpasaran graduan. Melalui program kerjasama antara KPT dengan industri ini, pihak industri akan menawarkan program latihan teknikal kepada para graduan yang berminat untuk mengikuti program tersebut. Setelah graduan menamatkan latihan, pihak industri akan menawarkan pekerjaan kepada graduan yang terlibat.

Di samping itu, portal GREaT juga merupakan platform untuk graduan mendapatkan maklumat kekosongan pekerjaan melalui agensi-agensi seperti SPA Malaysia, MyFutureJobs, JobStreet.com dan lain-lain lagi. Graduan juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada industri berkaitan dengan pekerjaan, latihan yang disediakan dan lain-lain yang berkaitan dengan persediaan pekerjaan. Graduan juga berpeluang memahami minat kerjaya mereka melalui *e-Profiling*, iaitu soal selidik yang boleh menjangkakan minat kerjaya graduan. Melalui *e-Profiling* graduan boleh memohon pekerjaan yang bersesuaian dengan minat kerjaya mereka.

Melalui Portal GREaT, KPT juga membangunkan platform padanan pekerjaan yang dikenali sebagai *JobMatching@GREaT*. Perkhidmatan ini akan memudahkan pihak industri mencari calon graduan yang layak ditawarkan peluang pekerjaan mengikut kriteria yang diperlukan. Justeru, kemudahan ini dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan negara dan secara tidak langsung akan membantu mengurangkan pengangguran dalam kalangan siswazah.

Ekosistem ekonomi Malaysia kini menuju ke arah ekonomi gig yang merupakan satu sistem pasaran bebas berlandaskan pekerjaan bersifat sementara dan syarikat cenderung menggaji pekerja bebas dalam tempoh jangka pendek. Ekonomi gig bercirikan kerja yang fleksibel, sementara atau bebas dengan pendapatan dan waktu kerja yang tidak menentu berbanding dengan ekonomi tradisional (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Berikutan transformasi ke arah ekonomi gig ini, maka dapat dilihat secara keseluruhannya pada tahun 2020, terdapat kira-kira 540,000 pekerja yang aktif berpeluang untuk mendapat pekerjaan. Selain daripada itu, sekitar 190,000 pekerja gig juga terlibat dalam menyediakan perkhidmatan sebagai penunggang dan pemandu di pelbagai platform logistik dan penghantaran melalui firma-firma seperti *Grab* dan *Foodpanda* yang mendapat permintaan yang tinggi terutamanya pada musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membataskan pergerakan masyarakat secara umumnya (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Memahami hakikat ini, amat penting bagi semua pemegang taruh yang terlibat untuk bergerak ke arah melengkapkan tenaga sumber manusia dengan kemahiran yang bersesuaian untuk menyokong ekonomi gig ini sebagai sumber baharu kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ini termasuklah menyediakan lebih banyak latihan dalam pembangunan perisian dan teknologi, penghasilan karya kreatif dan multimedia, analisis data, serta penulisan dan terjemahan.

Selaras dengan peningkatan penyertaan graduan dalam ekonomi gig, pihak pembuat dasar dan polisi Malaysia tahun 2021 mencadangkan agar IPT memperkenalkan kemahiran asas bagi menyediakan graduan untuk bekerja secara bebas, memperluaskan perkhidmatan kerjaya yang meliputi ekonomi gig dan mempromosikan kursus dalam talian. Langkah ini penting dalam merangka semula silibus perniagaan seperti pengetahuan untuk bekerja sendiri dan menjalankan perniagaan yang dapat mempersiapkan pelajar untuk bebas menentukan laluan kerjaya. Di samping itu, penggunaan teknologi perlu dipertingkatkan dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai kemahiran penting seperti pembelajaran sendiri, komunikasi berkesan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kolaborasi dan pengurusan projek (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Perubahan corak penawaran pekerjaan ke arah ekonomi gig menyebabkan para graduan juga terpaksa mencari jalan untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu yang memerlukan perubahan dilakukan agar dapat lebih berdaya saing. Antaranya para graduan perlu menyediakan diri dengan kemahiran ICT agar dapat turut serta merebut peluang pekerjaan yang cenderung ke arah dalam talian, selain berupaya mencipta kerjaya sendiri dengan kemahiran inovatif selaku usahawan.

Bank Dunia (2018) melaporkan bahawa ekonomi digital di Malaysia berkembang sebanyak 18.5 peratus antara 2015 hingga 2019 setahun. Pada tahun 2020, Malaysia kekal berada di kedudukan ke-26 daripada 63 negara dalam *IMD World Digital Competitiveness Ranking 2020*. Konsep digital Malaysia yang diperkenalkan mampu menghubungkan rakyat Malaysia secara digital. Konsep ini telah memacu pertumbuhan syarikat digital di Malaysia yang mencetus fenomena ekosistem ekonomi gig di Malaysia dan mampu memberi manfaat kepada generasi milenium di Malaysia.

KPT sentiasa komited merancang secara strategik dan melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memastikan kebolehpasaran graduan ditingkatkan khasnya pada era pasca pandemik COVID-19 terutama memantapkan pelaksanaan program '*reskilling*' dan '*upskilling*'. Antara inisiatif yang berjaya membantu graduan adalah Program Peningkatan Kemahiran menerusi dana PENJANA dengan meliputi program PENJANA KPT-CAP dan KPT-PACE yang memfokuskan graduan UA dan IPTS. Sehingga 15 September 2021, seramai 7,256 peserta memperoleh pekerjaan atau menjana pendapatan (Berita Harian, 24 September 2021).

1.4 Metodologi Kajian

Kajian ini dibahagi kepada tiga (3) peringkat utama, iaitu: 1) Pengumpulan data graduan mengikut status pekerjaan; 2) Penganalisisan data dan interpretasi; dan 3) Pelaporan hasil pengesanan graduan bekerja dan tidak bekerja.

Peringkat Pertama: Pengumpulan Data Graduan

Peringkat pertama melibatkan pengumpulan data graduan yang dilakukan secara berkala. Data graduan terdiri daripada dua (2) kategori, iaitu:

- a. Data graduan peringkat PhD, sarjana, diploma/sijil pascasiswazah, ijazah pertama, diploma lanjutan, diploma, sijil dan profesional. Data-data ini dikumpul melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG1);
- b. Data graduan daripada TVET, iaitu singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. Data graduan TVET dikumpul melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan TVET (SKPG TVET).

Pengumpulan data SKPG1 dan SKPG TVET dilaksanakan semasa musim konvokesyen IPT/ILKA masing-masing, iaitu sepanjang tahun kajian (Januari hingga Disember). Sistem kaji selidik pengesanan graduan wajib dilengkapkan oleh graduan sebelum sesi konvokesyen bermula. Sistem tersebut boleh dicapai melalui laman web <https://great.mohe.gov.my>.

Bagi tujuan penyediaan laporan, graduan berpeluang mengemas kini status pekerjaan terkini sehingga 28 Februari tahun berikutnya menggunakan sistem SKPG2.0. Data akan digabungkan dan status pekerjaan terkini akan digunakan sebagai hasil kajian.

Peringkat Ke-2: Penganalisan Data dan Interpretasi

Penganalisan data pengesanan graduan menggunakan kaedah Analisis Deskriptif data graduan pada tahun 2020 yang merangkumi:

- a. Demografi graduan
- b. Status pekerjaan graduan
- c. Maklumat pekerjaan graduan
- d. Graduan yang melanjutkan pengajian
- e. Graduan yang belum bekerja
- f. Kumpulan berfokus (bekerja sendiri/OKU/Orang Asli)
- g. Trend kebolehpasaran keseluruhan graduan bagi tahun 2016-2020
- h. Trend kebolehpasaran graduan (fokus pada peringkat ijazah pertama dan diploma)
- i. Trend pendapatan bulanan graduan bagi tahun 2016-2020

Peringkat Ke-3: Pelaporan Hasil Analisis Data

Hasil analisis data pengesanan graduan adalah seperti yang dilaporkan di dalam Bab 1 hingga 9, diikuti dengan rumusan keseluruhan kajian. Pelaporan terbahagi kepada dua (2) bahagian utama, iaitu:

- a. Keluaran dan kebolehpasaran graduan 2020 yang menerangkan pencapaian tahun semasa; dan
- b. Trend perbandingan data dan pencapaian bagi tempoh lima (5) tahun (2016-2020)

1.5 Susunan Buku Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2020

Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2020 yang berbentuk infografik ini terdiri daripada tiga (3) bahagian:

- a. **Bahagian I: Bab 1** Pengenalan
- b. **Bahagian II:** Mengandungi enam (6) bab dan setiap bab dimulakan dengan memaparkan dapatan terpilih bagi tahun 2019 dan 2020. Perbincangan memfokuskan dapatan Kajian Pengesanan Graduan tahun 2020 sahaja. Perincian setiap bab adalah seperti berikut:
 - i. **Bab 2** memaparkan keluaran graduan tahun 2020 mengikut jenis IPT, peringkat pengajian, taraf warganegara dan jantina.
 - ii. **Bab 3** memperihalkan kebolehpasaran graduan warganegara (*graduate employability*; GE) dan status pekerjaan secara keseluruhan serta mengikut kategori peringkat pengajian.
 - iii. **Bab 4** mengandungi maklumat pekerjaan graduan 2020 yang bekerja seperti taraf pekerjaan, taraf jawatan, kumpulan dan sektor pekerjaan, pendapatan bulanan serta sektor ekonomi.
 - iv. **Bab 5** memaparkan maklumat graduan 2020 yang melanjutkan pengajian sejeurus selepas tamat pengajian bagi warganegara dan graduan antarabangsa.

- v. **Bab 6** mengandungi maklumat graduan 2020 yang belum bekerja, iaitu sebab belum bekerja, kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian, peringkat pengajian, negeri bermastautin dan sebagainya.
 - vi. **Bab 7** memaparkan graduan (warganegara) bagi kumpulan berfokus berkaitan keluaran dan maklumat pekerjaan, iaitu graduan yang bekerja sendiri, graduan dalam kategori Orang Kurang Upaya (OKU) dan graduan berketurunan Orang Asli.
- c. **Bahagian III:** Terbahagi kepada tiga (3) bab yang membincangkan trend bagi tempoh lima (5) tahun dapatan Kajian Pengesanan Graduan tahun 2016-2020:
- i. **Bab 8** mengandungi trend keluaran graduan tempatan dan antarabangsa, kebolehpasaran graduan warganegara dan status pekerjaan serta maklumat pekerjaan graduan yang bekerja.
 - ii. **Bab 9** memperihalkan maklumat trend keluaran, kadar kebolehpasaran graduan (warganegara) dan status pekerjaan dengan memberi fokus terhadap graduan ijazah pertama dan diploma yang berumur 30 tahun & ke bawah.
 - iii. **Bab 10** memperincikan trend pendapatan bulanan graduan ijazah pertama dan diploma yang berumur 30 tahun & ke bawah.
- d. **Bab 11** Kesimpulan

Susunan laporan tahun 2020 berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya dengan memberikan maklumat yang lebih komprehensif dan mendapat perspektif yang lebih jelas tentang kebolehpasaran graduan semasa krisis COVID-19.

BAB 2


BAHAGIAN II

CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2020

- Keluaran Keseluruhan Graduan 2020
- Keluaran Graduan UA 2020
- Keluaran Graduan IPTS 2020
- Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2020
- Keluaran Graduan Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian 2020

KELUARAN GRADUAN DAN KADAR RESPONS TAHUN 2019-2020

- Graduan yang terlibat dalam kajian ini adalah merangkumi peringkat pengajian Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf.
- Semua keluaran graduan termasuk bukan warganegara.



- Kadar penyertaan IPT ↓ 1.4% berbanding tahun sebelumnya.
- Jumlah graduan ↓ 8.1% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.
- Bilangan graduan bukan warganegara ↓ 17.6% pada tahun 2020.

Penyertaan IPT dan graduan dalam Kajian Pengesanan Graduan tahun 2020

Jenis IPT	Bil IPT	Keseluruhan			Warganegara		
		Graduan	Responden	KR (%)	Graduan	Responden	KR (%)
UA	20	127,334	106,879	83.9	122,544	104,286	85.1
IPTS	303	110,797	88,554	79.9	102,295	83,323	81.5
Politeknik	36	28,532	25,901	90.8	28,532	25,901	90.8
Kolej komuniti	92	6,939	6,471	93.3	6,939	6,471	93.3
Kolej vokasional	81	11,878	11,675	98.3	11,878	11,675	98.3
ILKA, KSM	33	5,995	5,781	96.4	5,995	5,781	96.4
ILKBS	21	3,286	3,070	93.4	3,286	3,070	93.4
ILKAP MAFI	14	898	830	92.4	898	830	92.4
ILKA KPLB	256	20,134	17,414	86.5	20,134	17,414	86.5
ILKA MOTAC	1	64	61	95.3	64	61	95.3
ILKA KKR	6	929	125	13.5	929	125	13.5
IPT lain	9	1,807	1,764	97.6	1,807	1,764	97.6
Keseluruhan	872	318,593	268,525	84.3	305,301	260,701	85.4

- Pada tahun 2020, kadar respons graduan warganegara adalah **85.4%**, iaitu 260,701 daripada keseluruhan 305,301 graduan.

Keluaran graduan dan kadar respons mengikut peringkat pengajian, 2019-2020

Peringkat pengajian	2019			2020		
	Bil.	%	KR (%)	Bil.	%	KR (%)
PhD	5,079	1.5	77.7	4,354	1.4	71.9
Sarjana	23,519	6.8	85.3	20,158	6.3	81.1
Diploma pascasiswazah	1,288	0.4	91.5	1,374	0.4	83.0
Ijazah pertama	139,520	40.2	93.4	131,045	41.1	84.9
Diploma lanjutan	424	0.1	74.5	201	0.1	82.6
Diploma	138,768	40.0	88.9	127,747	40.1	84.2
Sijil	37,418	10.8	77.8	33,251	10.4	85.8
Profesional	644	0.2	77.2	401	0.1	72.3
Sijil pascasiswazah	26	0.01	57.7	62	0.02	67.7
Keseluruhan	346,686	100	89.1	318,593	100	84.3

- Hampir semua peringkat pengajian pada tahun 2020 menunjukkan penurunan jumlah graduan kecuali peringkat diploma pascasiswazah dan sijil pascasiswazah.

BW= Bukan warganegara
KR= Kadar respons

CIRI-CIRI KELUARAN GRADUAN 2020

Bab ini memaparkan jumlah graduan yang berkonvokesyen pada tahun 2020 di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seluruh negara. Peringkat pengajian yang terlibat dalam kaji selidik ini adalah graduan peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Doktor Falsafah (PhD) dan setaraf termasuk graduan antarabangsa. Antara yang dibincangkan dalam bab ini ialah keluaran graduan mengikut jenis IPT, taraf warganegara, jantina, peringkat pengajian, bidang pengajian dan sebagainya.

2.1 Keluaran Keseluruhan Graduan 2020

2.1.1 Keluaran Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

Carta 2.1a

Keluaran Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Bil. IPT	Graduan	KR (%)
UA	20	127,334	83.9
IPTS	303	110,797	79.9
Politeknik	36	28,532	90.8
ILKA KPLB	256	20,134	86.5
Kolej vokasional	81	11,878	98.3
Kolej komuniti	92	6,939	93.3
ILKA KSM	33	5,995	96.4
ILKBS	21	3,286	93.4
IPT lain	9	1,807	97.6
ILKA KKR	6	929	13.5
ILKAP MAFI	14	898	92.4
ILKA MOTAC	1	64	95.3
Keseluruhan	872	318,593	84.3

- Seramai 318,593 graduan telah dikeluarkan oleh 872 IPT yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan bagi tahun 2020.
- Tiga (3) kumpulan terbesar merupakan graduan UA (40.0%; 127,334 graduan), IPTS (34.8%; 110,797 graduan) dan politeknik seramai 28,532 graduan atau 9.0% peratus.
- Ini diikuti dengan graduan ILKA KPLB (6.3%; 20,134 graduan), kolej vokasional (3.7%; 11,878 graduan) dan kolej komuniti seramai 6,939 orang atau 2.2 peratus.
- Selebihnya adalah dalam lingkungan antara 64 dan 5,995 graduan (atau 0.02% dan 1.9%).

KR= Kadar respons


Nota: IPT lain merangkumi:

- Kolej Profesional MARA
- Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)
- Institut Penilaian Negara (INSPEN)
- Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)

2.1.2 Keluaran Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

Carta 2.1b

Keluaran Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



- Graduan peringkat ijazah pertama merupakan kumpulan terbesar, iaitu mewakili 41.1 peratus, diikuti graduan diploma (40.1%), sijil (10.4%), sarjana (6.3%), PhD (1.4%) dan lain-lain peringkat sebanyak 0.6 peratus.
- Hampir semua peringkat pengajian mencatatkan bilangan graduan perempuan melebihi lelaki kecuali bagi peringkat PhD dan sijil.

N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.1.3 Keluaran Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian

- Bagi graduan UA 2020 yang berjumlah 127,334, sebahagian besar adalah graduan ijazah pertama, iaitu 60.2 peratus, diikuti graduan diploma (24.4%), sarjana (11.4%), PhD (3.0%) dan peringkat lain sebanyak 1.0 peratus.
- Dua (2) kelompok terbesar keluaran IPTS adalah graduan ijazah pertama dan diploma, iaitu masing-masing sebanyak 48.9 peratus (54,177 graduan) dan 43.5 peratus (48,168 graduan).
- Kolej vokasional mengeluarkan graduan peringkat diploma sepenuhnya. Majoriti graduan politeknik (99.0%; 28,246 graduan), ILKA MOTAC (84.4%; 20 graduan) dan IPT lain (86.1%; 1,556 graduan) juga merupakan graduan diploma.
- Bagi lain-lain ILKA pula, sebahagian besar keluarannya adalah graduan peringkat sijil.

Carta 2.1c

Keluaran Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT dan Peringkat Pengajian


Jenis IPT	Jumlah graduan	PhD	Sarjana	Ijazah pertama	Diploma	Sijil	* Peringkat lain
UA	127,334	3.0%	11.4%	60.2%	24.4%	-	1.0%
IPTS	110,797	0.5%	5.1%	48.9%	43.5%	1.4%	0.6%
Politeknik	28,532	-	-	0.6%	99.0%	0.4%	-
ILKA KPLB	20,134	-	-	-	15.5%	84.5%	-
Kolej vokasional	11,878	-	-	-	100%	-	-
Kolej komuniti	6,939	-	-	-	3.2%	96.8%	-
ILKA KSM	5,995	-	-	-	37.8%	61.5%	0.7%
ILKBS	3,286	-	-	-	31.6%	68.3%	0.1%
ILKA KKR	929	-	-	-	-	100%	-
ILKAP MAFI	898	-	-	-	11.2%	88.8%	-
ILKA MOTAC	64	-	-	-	84.4%	15.6%	-
IPT lain	1,807	-	-	5.1%	86.1%	8.7%	-
Keseluruhan	318,593	1.4%	6.3%	41.1%	40.1%	10.4%	0.6%

* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.1.4 Keluaran Graduan 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

Carta 2.1d

Keluaran Graduan 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki

- Dua (2) kelompok terbesar keluaran 2020 adalah graduan bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (32.1%) dan graduan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (30.2%). Graduan bidang sains, matematik & komputer mewakili 10.8 peratus, diikuti graduan sastera & kemanusiaan dan bidang perkhidmatan, iaitu masing-masing 7.7 peratus.
- Hanya graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan mempunyai bilangan graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu 67.4 peratus.

2.1.5 Keluaran Graduan 2020 IPT Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian

- Peratus tertinggi bagi graduan UA dan IPTS adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan, masing-masing 33.5 peratus dan 44.4 peratus. Begitu juga bagi IPT lain, sebanyak 56.8 peratus merupakan graduan bidang tersebut.
- Bagi ILKA, sebahagian besar adalah graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan kecuali graduan ILKAP MAFI yang majoritinya adalah bidang pertanian & veterinar (91.2%).

Carta 2.1e


Keluar Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT dan Bidang Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Sains, matematik dan komputer	Sastera dan kemanusiaan	Perkhidmatan	Kesihatan dan kebajikan	Pendidikan	Pertanian dan veterinar
UA	127,334	33.5%	23.4%	15.4%	9.9%	4.3%	5.1%	5.7%	2.7%
IPTS	110,797	44.4%	14.2%	9.0%	7.7%	9.4%	8.3%	6.7%	0.3%
Politeknik	28,532	24.5%	55.4%	9.5%	2.7%	5.7%	-	-	2.2%
ILKA KPLB	20,134	-	80.6%	2.8%	2.9%	13.4%	-	0.1%	0.1%
Kolej vokasional	11,878	19.6%	58.9%	5.2%	3.1%	10.4%	1.2%	-	1.5%
Kolej komuniti	6,939	1.4%	45.9%	5.6%	14.8%	31.6%	-	-	0.7%
ILKA KSM	5,995	-	80.7%	6.5%	2.2%	-	-	10.6%	-
ILKBS	3,286	-	73.9%	2.2%	1.4%	22.5%	-	-	-
ILKA KKR	929	-	100%	-	-	-	-	-	-
ILKAP MAFI	898	3.5%	5.3%	-	-	-	-	-	91.2%
ILKA MOTAC	64	-	-	-	100%	-	-	-	-
IPT lain	1,807	56.8%	1.8%	6.5%	27.3%	4.6%	-	-	2.9%
Keseluruhan	318,593	32.1%	30.2%	10.8%	7.7%	7.7%	5.0%	4.8%	1.7%

2.1.6 Keluaran Graduan 2020 Mengikut Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT

Carta 2.1f

Keluaran Graduan 2020 Mengikut Kewarganegaraan, Jantina dan Jenis IPT



N= Jumlah graduan L= Lelaki


* Merangkumi jumlah keluaran graduan keseluruhan IPT tahun 2020

- Secara keseluruhan, sebanyak 4.2 peratus merupakan graduan antarabangsa dengan majoritinya adalah lelaki (65.1%).
- Bagi UA, terdapat seramai 4,790 graduan antarabangsa, iaitu 3.8 peratus daripada jumlah keluaran UA tahun 2020.
- Lulusan antarabangsa di IPTS adalah seramai 8,502 graduan atau 7.7 peratus daripada jumlah graduannya.

2.1.7 Keluaran Graduan UA dan IPTS 2020 Mengikut Peringkat Pengajian, Kewarganegaraan dan Jantina

Carta 2.1g

Keluaran Graduan UA dan IPTS 2020 Mengikut Peringkat Pengajian, Kewarganegaraan dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki

- Bagi peringkat PhD di UA dan IPTS, sekitar 41.0 hingga 46.0 peratus adalah graduan antarabangsa.
- Sebahagian besar graduan peringkat sarjana di UA dan IPTS adalah graduan warganegara, iaitu masing-masing 86.9 peratus dan 65.4 peratus.
- Majoriti graduan antarabangsa di UA dan IPTS bagi peringkat PhD adalah lelaki, iaitu sekitar 77 peratus. Trend yang sama dapat dilihat bagi graduan peringkat sarjana dan ijazah pertama.

2.2 Keluaran Graduan UA 2020

2.2.1 Keluaran Graduan UA 2020 bagi Setiap Universiti

Carta 2.2a

Keluaran Graduan UA 2020 bagi Setiap Universiti




- Setiap tahun, secara umumnya UiTM merupakan pengeluar terbesar graduan yang menyumbang lebih daripada satu pertiga keseluruhan graduan UA. Bagi tahun 2020, UiTM menghasilkan seramai 49,533 graduan atau mewakili 38.9 peratus daripada 127,334 graduan UA. Ini diikuti dengan UKM seramai 6,168 graduan, USM (5,965 graduan) dan UTM seramai 5,946 graduan.

2.2.2 Keluaran Graduan UA 2020 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Sebanyak 60.2 peratus merupakan graduan ijazah pertama, diikuti peringkat diploma (24.4%), sarjana (11.4%) dan peringkat PhD (3.0%).
- Secara umumnya, bilangan graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua peringkat pengajian kecuali PhD, peratusan lelaki adalah 54.2 peratus berbanding perempuan (45.8%).
- Bagi semua peringkat pengajian, peratusan graduan warganegara (96.2%) adalah lebih tinggi berbanding graduan antarabangsa (3.8%).

Carta 2.2b

Keluaran Graduan UA 2020 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan



* Termasuk diploma pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.2.3 Keluaran Graduan 2020 Mengikuti Kategori UA dan Peringkat Pengajian

Carta 2.2c

Keluaran Graduan 2020 Mengikuti Kategori UA dan Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Universiti Penyelidikan (N= 29,070)	Universiti Komprehensif (N= 63,465)	Universiti Teknikal (N= 13,297)	Universiti Berfokus (N= 21,502)
Ijazah pertama	60.4%	51.8%	72.8%	76.6%
Diploma	5.2%	40.2%	16.8%	8.5%
Sarjana	26.2%	6.1%	8.5%	8.8%
PhD	7.8%	1.1%	2.0%	2.7%
* Peringkat lain	0.4%	0.8%	-	3.3%

N= Jumlah graduan









* Termasuk diploma pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

- Hampir 50.0 peratus graduan UA adalah lulusan Universiti Komprehensif, iaitu 49.8 peratus (63,465 graduan), diikuti Universiti Penyelidikan (22.8%; 29,070 graduan), Universiti Berfokus (16.9%; 21,502 graduan) dan Universiti Teknikal (10.4%; 13,297 graduan).
- Graduan ijazah pertama merupakan kumpulan terbesar bagi semua kategori UA, iaitu antara 51.8 hingga 76.6 peratus, diikuti peringkat diploma (5.2 hingga 40.2 peratus), sarjana (6.1 hingga 26.2 peratus), PhD (1.1 hingga 7.8 peratus) dan peringkat lain (0.4 hingga 3.3 peratus).
- Bagi peringkat pengajian ijazah pertama, dua (2) kategori UA mencatatkan peratusan melebihi 70.0 peratus, iaitu Universiti Berfokus (76.6%; 16,478 graduan) dan Universiti Teknikal (72.8%; 9,675 graduan). Bagi peringkat diploma, peratusan tertinggi adalah di Universiti Komprehensif (40.2%; 25,508 graduan). Untuk peringkat sarjana dan PhD pula, peratusan tertinggi tertumpu kepada graduan Universiti Penyelidikan, masing-masing 26.2 peratus dan 7.8 peratus.

2.2.4 Keluaran Graduan UA 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.2d

Keluaran Graduan UA 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

		N	L	P	W
		127,334	45,937	81,397	122,544
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	42,669	33.5%	28.8%	96.3%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	29,844	23.4%	53.0%	96.1%
	Sains, matematik dan komputer	19,552	15.4%	33.7%	95.5%
	Sastera dan kemanusiaan	12,575	9.9%	32.8%	95.4%
	Pendidikan	7,243	5.7%	25.3%	96.1%
	Kesihatan dan kebajikan	6,512	5.1%	24.4%	97.2%
	Perkhidmatan	5,495	4.3%	42.5%	98.5%
	Pertanian dan veterinar	3,444	2.7%	40.6%	98.9%









N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

- Peratusan tertinggi bagi graduan UA mengikut bidang pengajian adalah bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (33.5%), diikuti graduan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (23.4%) dan bidang sains, matematik & komputer sebanyak 15.4 peratus.
- Hanya graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan mencatatkan peratus graduan lelaki melebihi perempuan, iaitu 53.0 peratus.
- Keluaran graduan antarabangsa UA tertinggi adalah dalam bidang sastera & kemanusiaan (4.6%), diikuti bidang sains, matematik & komputer sebanyak 4.5 peratus.

2.2.5 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.2e

Keluaran Graduan UA Peringkat PhD Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan


		N	L	P	W
		3,821	2,070	1,751	2,266
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	994	26.0%	60.1%	54.3%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	932	24.4%	59.1%	62.3%
	Sains, matematik dan komputer	713	18.7%	49.1%	56.8%
	Sastera dan kemanusiaan	399	10.4%	64.9%	46.6%
	Pendidikan	353	9.2%	42.5%	69.1%
	Kesihatan dan kebajikan	314	8.2%	36.6%	74.8%
	Perkhidmatan	76	2.0%	39.5%	69.7%
	Pertanian dan veterinar	40	1.0%	45.0%	55.0%

N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

- Tiga (3) bidang pengajian tertinggi bagi graduan PhD UA adalah sains sosial, perniagaan & perundangan (26.0%), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (24.4%) dan sains, matematik & komputer (18.7%).
- Bilangan graduan lelaki melebihi perempuan bagi bidang sastera & kemanusiaan (64.9%), bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (60.1%) serta bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (59.1%).
- Bidang sastera & kemanusiaan mencatatkan peratusan tertinggi bagi graduan antarabangsa UA, iaitu 53.4 peratus.

2.2.6 Keluaran Graduan UA Peringkat PhD Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina









- Kebanyakan graduan PhD UA adalah dalam lingkungan umur 41 tahun & ke atas (35.7%), diikuti kumpulan umur 31 hingga 35 tahun (30.0%) dan 36 hingga 40 tahun (24.7%).
- Bagi kumpulan umur 36 tahun & ke atas, keluaran graduan lelaki melebihi perempuan. Sebaliknya bagi kumpulan umur 26 hingga 35 tahun, bilangan graduan perempuan melebihi lelaki.
- Bilangan graduan PhD lelaki dan perempuan adalah setara bagi kumpulan umur 21 hingga 25 tahun.



2.2.7 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.2g

Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan


		N	L	P	W
		14,499	5,825	8,674	12,599
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	4,470	30.8%	39.8%	87.7%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	2,593	17.9%	52.5%	81.8%
	Pendidikan	2,575	17.8%	25.6%	94.0%
	Sains, matematik dan komputer	1,870	12.9%	41.7%	81.1%
	Kesihatan dan kebajikan	1,244	8.6%	35.0%	92.4%
	Sastera dan kemanusiaan	1,084	7.5%	37.5%	77.8%
	Perkhidmatan	486	3.4%	69.8%	96.5%
	Pertanian dan veterinar	177	1.2%	37.9%	90.4%

N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

- Peratusan tertinggi graduan sarjana UA adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (30.8%), diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (17.9%) serta pendidikan sebanyak 17.8 peratus.
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi bidang perkhidmatan (69.8%) dan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (52.5%).
- Peratusan tertinggi keluaran graduan sarjana antarabangsa UA adalah dalam bidang sastera & kemanusiaan (22.2%), manakala yang terendah adalah dalam bidang perkhidmatan, iaitu 3.5 peratus.

2.2.8 Keluaran Graduan UA Peringkat Sarjana Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina









- Kebanyakan graduan UA peringkat sarjana adalah dalam lingkungan umur 26 hingga 30 tahun (43.2%), diikuti kumpulan umur 31 hingga 35 tahun (19.9%) dan 36 hingga 40 tahun sebanyak 13.3 peratus.
- Peratus graduan perempuan melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur kecuali 41 tahun & ke atas.



2.2.9 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.2i

Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

		N 76,609	L 26,097	P 50,512	W 75,277
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	25,545	33.3%	26.8%	97.8%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	19,544	25.5%	51.1%	98.2%
	Sains, matematik dan komputer	11,974	15.6%	31.7%	98.2%
	Sastera dan kemanusiaan	8,040	10.5%	28.7%	98.5%
	Kesihatan dan kebajikan	4,128	5.4%	22.2%	99.7%
	Pendidikan	3,233	4.2%	23.7%	99.4%
	Perkhidmatan	2,561	3.3%	36.5%	98.3%
	Pertanian dan veterinar	1,584	2.1%	34.5%	99.8%

N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan


- Graduan sains sosial, perniagaan & perundangan merupakan kelompok terbesar graduan ijazah pertama UA 2020, iaitu 33.3 peratus. Ini diikuti graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (25.5%) dan graduan sains, matematik & komputer sebanyak 15.6 peratus.
- Bilangan graduan perempuan adalah melebihi lelaki bagi semua bidang pengajian kecuali bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan yang mempunyai graduan lelaki sebanyak 51.1 peratus.
- Majoriti graduan bagi semua bidang pengajian adalah warganegara.

2.2.10 Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebahagian besar, iaitu 88.5 peratus graduan ijazah pertama UA berada dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun, diikuti 8.5 peratus berumur antara 26 hingga 30 tahun dan 1.6 peratus berumur 31 hingga 35 tahun.
- Bagi kumpulan umur 35 tahun & ke bawah, bilangan graduan perempuan melebihi lelaki manakala bagi kumpulan umur 36 tahun & ke atas, bilangan graduan lelaki mengatasi perempuan.

Carta 2.2j

Keluaran Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020
Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.2.11 Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020

- Hampir sebahagian graduan ijazah pertama memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dalam julat 3.00 – 3.49, iaitu 49.9 peratus, diikuti 2.50 – 2.99 (21.2%) dan 3.50 – 3.69 sebanyak 16.7 peratus.
- Secara keseluruhannya, 22.9 peratus daripada graduan peringkat ini tidak mencapai PNGK 3.00.
- Sebanyak 9.8 peratus graduan ijazah pertama UA memperoleh PNGK 3.70 dan ke atas.

Carta 2.2k

Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020











N= Jumlah graduan

* Lulus – merujuk kepada graduan perubatan, pergigian dan farmasi yang tidak menggunakan sistem PNGK

2.2.12 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.21

Keluarannya Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

		N	L	P	W
		31,081	11,535	19,546	31,079
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	11,175	36.0%	25.7%	100.0%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	6,775	21.8%	57.7%	99.99%
	Sains, matematik dan komputer	4,995	16.1%	33.3%	99.98%
	Sastera dan kemanusiaan	3,052	9.8%	37.5%	100%
	Perkhidmatan	2,372	7.6%	43.4%	100%
	Pertanian dan veterinar	1,643	5.3%	46.7%	100%
	Kesihatan dan kebajikan	821	2.6%	14.5%	100%
	Pendidikan	248	0.8%	12.1%	100%

N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan


- Seperti juga graduan ijazah pertama UA, tiga (3) kumpulan terbesar graduan diploma adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (36.0%), bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (21.8%) dan bidang sains, matematik & komputer sebanyak 16.1 peratus.
- Hanya graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan mempunyai graduan lelaki melebihi perempuan.
- Hampir semua bidang pengajian merekodkan 100.0 peratus graduan warganegara kecuali kejuruteraan, pembuatan & pembinaan serta bidang sains, matematik & komputer.

2.2.13 Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Kebanyakan graduan diploma UA adalah dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun (92.9%), diikuti umur 19 hingga 20 tahun (5.2%) dan selebihnya (1.9%) berumur 26 tahun & ke atas.
- Bagi kumpulan umur 25 tahun & ke bawah, sebahagian besarnya adalah graduan perempuan (melebihi 60 peratus). Bagi kumpulan lain, peratusan lelaki dan perempuan tidak jauh berbeza.

Carta 2.2m

Keluaran Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.2.14 Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2020

Carta 2.2n

Pencapaian Akademik Graduan UA Peringkat Diploma Tahun 2020



- Hampir sebahagian graduan diploma UA mencapai PNGK dalam julat 3.00 – 3.49, diikuti 2.50 – 2.99 (25.4%) dan 3.50 – 3.69 (15.3%).
- Sebanyak 26.8 peratus daripada graduan diploma memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.
- Peratus graduan yang mencapai PNGK dalam julat 3.70 – 4.00 adalah sebanyak 9.9 peratus.

2.3 Keluaran Graduan IPTS 2020

2.3.1 Keluaran Graduan IPTS 2020 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

Carta 2.3a

Keluaran Graduan IPTS 2020 Mengikut Kategori dan Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Universiti (N= 50,019)	Kolej Universiti (N= 23,971)	Kolej dan lain-lain (N= 31,642)	Kampus cawangan universiti luar negara (N= 5,165)
PhD	0.8%	0.01%	-	2.7%
Sarjana	8.9%	0.8%	1.8%	8.3%
Ijazah pertama	70.1%	39.3%	16.2%	87.7%
Diploma	19.3%	59.1%	76.8%	0.7%
Sijil	0.1%	0.3%	4.6%	-
* Peringkat lain	0.7%	0.4%	0.5%	0.6%

- Peratusan tertinggi keluaran graduan IPTS bertaraf universiti dan kampus cawangan universiti luar negara adalah graduan peringkat ijazah pertama, iaitu masing-masing 70.1 peratus (35,073 graduan) dan 87.7 peratus (4,531 graduan).
- Bagi IPTS bertaraf kolej universiti dan kolej & lain-lain, peratusan tertinggi ialah graduan diploma, iaitu masing-masing 59.1 peratus dan 76.8 peratus.

N= Jumlah graduan


* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.3.2 Keluaran Graduan IPTS 2020 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

- Kumpulan terbesar graduan IPTS adalah di peringkat ijazah pertama (48.9%), diikuti graduan diploma (43.5%), sarjana (5.1%) dan sijil (1.4%). Graduan peringkat PhD dan peringkat lain ialah masing-masing 0.5 peratus dan 0.6 peratus daripada jumlah keluaran graduan IPTS tahun 2020.
- Graduan lelaki melebihi perempuan bagi peringkat PhD dan sarjana, iaitu masing-masing 61.4 peratus dan 52.4 peratus.
- Bagi graduan PhD dan sarjana, sebanyak 46.0 peratus dan 34.6 peratus merupakan graduan antarabangsa.

Carta 2.3b

Keluaran Graduan IPTS 2020 Mengikut Peringkat Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan











* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

2.3.3 Keluaran Graduan IPTS 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.3c

Keluaran Graduan IPTS 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

		N	L	P	W
		110,797	49,870	60,927	102,295
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	49,159	44.4%	39.6%	91.7%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	15,732	14.2%	71.2%	89.2%
	Perkhidmatan	10,379	9.4%	50.2%	92.9%
	Sains, matematik dan komputer	10,023	9.0%	70.4%	89.7%
	Kesihatan dan kebajikan	9,204	8.3%	23.8%	96.9%
	Sastera dan kemanusiaan	8,535	7.7%	44.0%	94.0%
	Pendidikan	7,386	6.7%	10.5%	98.2%
	Pertanian dan veterinar	379	0.3%	61.2%	99.5%








N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

- Peratusan tertinggi graduan IPTS mengikut bidang pengajian adalah bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (44.4%), diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (14.2%) dan bidang perkhidmatan (9.4%).
- Graduan lelaki adalah melebihi perempuan dengan ketara (70.0 peratus ke atas) bagi bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan bidang sains, matematik & komputer.
- Terdapat dua (2) bidang pengajian yang mempunyai graduan antarabangsa melebihi 10.0 peratus ialah kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan bidang sains, matematik & komputer.

2.3.4 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.3d

Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan


		N	L	P	W
		533	327	206	288
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	193	36.2%	36.2%	47.7%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	189	35.5%	35.5%	52.9%
	Sains, matematik dan komputer	79	14.8%	14.8%	58.2%
	Kesihatan dan kebajikan	39	7.3%	7.3%	61.5%
	Pendidikan	20	3.8%	3.8%	90.0%
	Sastera dan kemanusiaan	11	2.1%	2.1%	63.6%
	Perkhidmatan	2	0.4%	0.4%	50.0%

N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

- Tiga (3) bidang pengajian tertinggi bagi graduan PhD di IPTS ialah sains sosial, perniagaan & perundangan (36.2%), kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (35.5%) serta sains, matematik & komputer (14.8%).
- Graduan lelaki adalah melebihi perempuan bagi semua bidang pengajian kecuali kesihatan & kebajikan.
- Peratusan tertinggi graduan antarabangsa adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (52.3%).

2.3.5 Keluaran Graduan IPTS Peringkat PhD Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina








- Peratusan tertinggi graduan PhD adalah berada dalam lingkungan umur 41 tahun dan ke atas (32.1%). Ini diikuti kumpulan umur 31 hingga 35 tahun (27.6%) serta kumpulan umur 26 hingga 30 tahun (20.6%).
- Bagi semua kumpulan umur, graduan lelaki melebihi perempuan.



2.3.6 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.3f

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan


		N	L	P	W
		5,659	2,967	2,692	3,702
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	3,889	68.7%	56.0%	59.6%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	523	9.2%	59.8%	78.2%
	Pendidikan	489	8.6%	20.9%	87.9%
	Sains, matematik dan komputer	244	4.3%	61.1%	55.3%
	Kesihatan dan kebajikan	229	4.0%	31.0%	81.7%
	Sastera dan kemanusiaan	204	3.6%	53.4%	84.3%
	Perkhidmatan	81	1.4%	58.0%	65.4%

N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan

- Majoriti graduan sarjana IPTS adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (68.7%), diikuti kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (9.2%) serta bidang pendidikan (8.6%).
- Hampir semua bidang merekodkan graduan lelaki melebihi perempuan kecuali bidang pendidikan serta bidang kesihatan & kebajikan.
- Peratusan tertinggi graduan antarabangsa adalah dalam bidang sains, matematik & komputer (44.7%).

2.3.7 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Sarjana Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina









- Peratusan tertinggi graduan sarjana IPTS adalah dalam kumpulan umur 26 hingga 30 tahun (34.2%), diikuti 31 hingga 35 tahun (17.6%) serta 41 tahun & ke atas (17.5%).
- Peratusan keluaran graduan lelaki tidak menunjukkan perbezaan ketara berbanding graduan perempuan bagi semua kumpulan umur, iaitu antara 49.0 hingga 56.1 peratus. Bagi kumpulan umur 21 hingga 25 tahun dan 26 hingga 30 tahun, peratusan graduan lelaki adalah hampir sama, iaitu masing-masing sebanyak 49.0 peratus dan 50.1 peratus.



2.3.8 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.3h

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

		Bil.	%	L	W
N 54,177 L 25,406 P 28,771 W 48,936					
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	24,765	45.7%	38.8%	91.6%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	11,396	21.0%	69.4%	87.6%
	Sains, matematik dan komputer	5,786	10.7%	67.5%	86.3%
	Kesihatan dan kebajikan	5,014	9.3%	28.2%	95.8%
	Sastera dan kemanusiaan	3,142	5.8%	38.6%	89.2%
	Perkhidmatan	2,175	4.0%	49.1%	83.0%
	Pendidikan	1,836	3.4%	13.4%	98.6%
	Pertanian dan veterinar	63	0.1%	61.9%	100%

N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan


- Peratusan tertinggi graduan ijazah pertama IPTS adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (45.7%), diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (21.0%) serta bidang sains, matematik & komputer (10.7%).
- Tiga (3) bidang pengajian yang mencatatkan graduan lelaki melebihi perempuan ialah kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, bidang sains, matematik & komputer, serta bidang pertanian & veterinar.
- Semua bidang pengajian menunjukkan bilangan graduan warganegara melebihi graduan antarabangsa.

2.3.9 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Sebahagian besar graduan IPTS peringkat ijazah pertama berada dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun, iaitu sebanyak 84.4 peratus.
- Graduan perempuan adalah melebihi lelaki bagi semua kumpulan umur kecuali kumpulan 26 hingga 30 tahun.

Carta 2.3i

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

2.3.10 Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020

- Kebanyakan graduan ijazah pertama IPTS memperoleh PNGK dalam julat 3.00 – 3.49 (35.5%), diikuti 2.50 – 2.99 (24.2%) dan 3.50 – 3.69 (10.7%).
- Daripada keseluruhan graduan ini, 28.9 peratus memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.
- Sebanyak 9.4 peratus graduan memperoleh PNGK dalam julat 3.70 – 4.00.

Carta 2.3j

Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Ijazah Pertama Tahun 2020











N= Jumlah graduan

* Lulus – merujuk kepada graduan perubatan, pergigian, farmasi dan program di IPTS yang tidak menggunakan sistem PNGK

2.3.11 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

Carta 2.3k

Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian, Jantina dan Kewarganegaraan

		N	L	P	W
		48,168	20,260	27,908	47,254
		Bil.	%	L	W
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	19,362	40.2%	36.9%	98.6%
	Perkhidmatan	7,996	16.6%	50.3%	96.1%
	Sastera dan kemanusiaan	5,006	10.4%	47.1%	97.5%
	Pendidikan	4,705	9.8%	7.2%	99.5%
	Sains, matematik dan komputer	3,729	7.7%	75.9%	97.5%
	Kesihatan dan kebajikan	3,537	7.3%	17.3%	99.5%
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	3,517	7.3%	78.2%	98.0%
	Pertanian dan veterinar	316	0.7%	61.1%	99.4%

N = Jumlah graduan L= Lelaki
W= Warganegara P= Perempuan


- Majoriti graduan diploma IPTS adalah dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (40.2%), diikuti bidang perkhidmatan (16.6%) serta bidang sastera & kemanusiaan (10.4%).
- Graduan perempuan mewakili 57.9 peratus (27,908 graduan) daripada jumlah graduan diploma IPTS tahun 2020.
- Bilangan graduan perempuan adalah melebihi lelaki bagi bidang sains sosial, perniagaan & perundangan, bidang sastera & kemanusiaan, bidang pendidikan, serta bidang kesihatan & kebajikan.
- Semua bidang pengajian menunjukkan majoriti graduannya adalah warganegara dengan peratusan melebihi 95.0 peratus.

2.3.12 Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina

- Majoriti graduan diploma IPTS adalah dalam kumpulan umur 21 hingga 25 tahun (62.1%), diikuti 19 hingga 20 tahun (33.8%) dan 26 hingga 30 tahun (1.9%). Sebanyak 2.1 peratus sahaja yang berumur melebihi 30 tahun.
- Peratusan graduan perempuan adalah melebihi lelaki dalam semua kumpulan umur kecuali 26 hingga 30 tahun serta 18 tahun & ke bawah.

Carta 2.31


Keluaran Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2020 Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina



2.3.13 Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2020

Carta 2.3m

Pencapaian Akademik Graduan IPTS Peringkat Diploma Tahun 2020



- Peratus tertinggi graduan diploma IPTS berada dalam julat PNGK 3.00 – 3.49 (39.1%), diikuti 2.50 – 2.99 (28.2%) dan 3.50 – 3.69 (12.5%).
- Sebanyak 34.8 peratus daripada graduan ini memperoleh PNGK kurang daripada 3.00.
- Terdapat 10.2 peratus graduan diploma IPTS yang memperoleh PNGK dalam julat 3.70 – 4.00.

N= Jumlah graduan


* Lulus – merujuk kepada program di IPTS yang tidak menggunakan sistem PNGK

2.4 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti 2020

2.4.1 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

Carta 2.4a

Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

- Keluaran graduan politeknik pada tahun 2020 adalah seramai 28,532 graduan dengan 99.0 peratus adalah pada peringkat diploma. Jumlah graduan lelaki dan perempuan bagi peringkat diploma adalah hampir seimbang, iaitu 50.1 peratus bagi lelaki dan 49.9 peratus bagi perempuan. Peratus graduan perempuan (54.8%) melebihi lelaki bagi peringkat ijazah pertama dan sebaliknya bagi peringkat sijil (43.5%). Walau bagaimanapun, dari segi bilangan graduan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.
- Sebahagian besar graduan kolej komuniti adalah di peringkat sijil, iaitu 96.8 peratus dan selebihnya adalah diploma. Bagi peringkat sijil, peratus graduan lelaki (59.2%) melebihi perempuan. Begitu juga bagi graduan peringkat diploma turut menunjukkan corak yang sama.

2.4.2 Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

Carta 2.4b

Keluaran Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2020 Mengikut Bidang Pengajian dan Jantina

	Politeknik (N= 28,532)	Kolej komuniti (N= 6,939)
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	55.4% (15,815) L= 64.9%	45.9% (3,182) L= 90.4%
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	24.5% (6,988) L= 24.8%	1.4% (94) L= 23.4%
 Perkhidmatan	5.7% (1,633) L= 29.5%	31.6% (2,196) L= 34.2%
 Sains, matematik dan komputer	9.5% (2,701) L= 43.3%	5.6% (389) L= 47.8%
 Sastera dan kemanusiaan	2.7% (765) L= 48.2%	14.8% (1,029) L= 24.5%
 Pertanian dan veterinar	2.2% (630) L= 44.1%	0.7% (49) L= 63.3%


N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan

- Kumpulan terbesar graduan politeknik dan kolej komuniti adalah graduan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu masing-masing 55.4 peratus dan 45.9 peratus.
- Peratus kedua tertinggi bagi politeknik adalah graduan sains sosial, perniagaan & perundangan (24.5%) dan bagi kolej komuniti pula adalah graduan bidang perkhidmatan (31.6%).
- Dalam semua bidang di politeknik, peratusan graduan lelaki adalah melebihi perempuan kecuali dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan. Bagi kolej komuniti pula, dua (2) bidang, iaitu kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (90.4 peratus daripada 3,182 graduan) serta pertanian & veterinar (63.3 peratus daripada 49 graduan) mencatatkan peratusan graduan lelaki melebihi perempuan.

2.4.3 Pencapaian Akademik Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2020

Carta 2.4c

Pencapaian Akademik Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2020



N= Jumlah graduan

- Peratusan tertinggi graduan politeknik adalah dalam julat PNGK 3.00 – 3.49 (40.0%), diikuti 2.50 – 2.99 (34.5%).
- Sebanyak 45.2 peratus graduan politeknik memperoleh PNGK kurang daripada 3.00, manakala 4.9 peratus memperoleh PNGK antara 3.70 – 4.00.
- Bagi graduan kolej komuniti pula, peratusan tertinggi adalah dalam julat PNGK 3.70 – 4.00 (42.1%), diikuti 3.50 – 3.69 (26.8%) dan 3.00 – 3.49 (25.3%).
- Hanya segelintir sahaja pelajar kolej komuniti tidak mencapai PNGK 3.00 (5.8%).

2.5 Keluaran Graduan Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian 2020

2.5.1 Keluaran Graduan 2020 bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

Carta 2.5a

Keluaran Graduan 2020 bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian Mengikut Peringkat Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Ijazah pertama	Diploma lanjutan	Diploma	Sijil
ILKA KPLB	20,134	-	-	15.5%	84.5%
Kolej vokasional	11,878	-	-	100%	-
ILKA KSM	5,995	-	0.7%	37.8%	61.5%
ILKBS	3,286	-	0.1%	31.6%	68.3%
IPT lain	1,807	5.1%	-	86.1%	8.7%
ILKA KKR	929	-	-	-	100%
ILKAP MAFI	898	-	-	11.2%	88.8%
ILKA MOTAC	64	-	-	84.4%	15.6%
Keseluruhan	44,991	0.2%	0.1%	44.5%	55.2%

- Semua keluaran graduan kolej vokasional adalah dari peringkat pengajian diploma. Sebahagian besar IPT lain dan ILKA MOTAC juga adalah graduan peringkat diploma, iaitu antara 84.4 hingga 86.1 peratus.
- Bagi ILKA KKR pula, semua graduan adalah peringkat sijil, diikuti graduan ILKAP MAFI dan ILKA KPLB, masing-masing 88.8 peratus (797 graduan) dan 84.5 peratus (17,013 graduan). Bagi ILKA KSM dan ILKBS, majoriti juga merupakan graduan sijil, iaitu antara 61.5 hingga 68.3 peratus.
- Manakala 5.1 peratus (93 graduan) peringkat ijazah pertama adalah keluaran daripada IPT lain, iaitu graduan Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA).

2.5.2 Keluaran Graduan 2020 bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

- Semua graduan ILKA MOTAC (64 graduan) adalah graduan bidang sastera & kemanusiaan manakala bagi ILKA KKR, keseluruhan (929 graduan) adalah dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan. Bagi ILKAP MAFI pula, sebahagian besar merupakan graduan bidang pertanian & veterinar (91.2%; 819 graduan).
- Hanya kolej vokasional yang mempunyai graduan bidang kesihatan & kebajikan, iaitu 1.2 peratus.
- Majoriti institusi menghasilkan graduan tertinggi dalam bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dengan peratusan antara 58.9 hingga 100.0 peratus, kecuali IPT lain, dengan bidang sains sosial, perniagaan & perundangan dan ILKAP MAFI dengan bidang pertanian & veterinar, iaitu masing-masing 56.2 peratus dan 91.2 peratus.

Carta 2.5b

Keluaran Graduan 2020 bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian Mengikut Bidang Pengajian

Jenis IPT	Jumlah graduan	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	Perkhidmatan	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	Sains, matematik dan komputer	Sastera dan kemanusiaan	Pertanian dan veterinar	Pendidikan	Kesihatan dan kebajikan
ILKA KPLB	20,134	80.6%	13.4%	-	2.8%	2.9%	0.1%	0.1%	-
Kolej vokasional	11,878	58.9%	10.4%	19.6%	5.2%	3.1%	1.5%	-	1.2%
ILKA KSM	5,995	80.7%	-	-	6.5%	2.2%	-	10.6%	-
ILKBS	3,286	73.9%	22.5%	-	2.2%	1.4%	-	-	-
IPT lain	1,807	1.8%	4.6%	56.8%	6.5%	27.3%	2.9%	-	-
ILKA KKR	929	100%	-	-	-	-	-	-	-
ILKAP MAFI	898	5.3%	-	3.5%	-	-	91.2%	-	-
ILKA MOTAC	64	-	-	-	-	100%	-	-	-
Keseluruhan	44,991	70.0%	10.6%	7.5%	3.9%	3.8%	2.4%	1.5%	0.3%

2.5.3 Keluaran Graduan 2020 bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian Mengikut Kumpulan Umur

- Sebahagian besar graduan kolej vokasional berada dalam kumpulan umur 19 hingga 20 tahun (97.9%), diikuti graduan IPT lain (56.2%), ILKBS (48.4%) dan ILKAP MAFI (41.6%).
- Graduan ILKA MOTAC mencatatkan peratus tertinggi bagi kumpulan umur 21 hingga 25 tahun (84.4%), diikuti ILKA KSM (61.9%) dan ILKAP MAFI (52.6%).
- Bagi kumpulan umur 18 tahun & ke bawah, peratus tertinggi adalah graduan ILKA KPLB, iaitu 32.4 peratus.

Carta 2.5c

Keluaran Graduan 2020 bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian Mengikut Kumpulan Umur

Jenis IPT	Jumlah graduan	18 dan ke bawah	19 - 20	21 - 25	26 - 30	31 - 35	36 - 40	41 dan ke atas
ILKA KPLB	20,134	32.4%	31.5%	29.1%	3.3%	1.6%	1.0%	1.2%
Kolej vokasional	11,878	-	97.9%	2.1%	-	-	-	-
ILKA KSM	5,995	0.1%	34.4%	61.9%	3.1%	0.4%	0.1%	-
ILKBS	3,286	0.5%	48.4%	49.5%	1.4%	0.2%	-	-
IPT lain	1,807	-	56.2%	37.1%	2.9%	1.5%	0.8%	1.5%
ILKA KKR	929	17.4%	25.7%	38.6%	11.8%	4.6%	1.2%	0.5%
ILKAP MAFI	898	-	41.6%	52.6%	4.1%	1.1%	0.3%	0.2%
ILKA MOTAC	64	-	14.1%	84.4%	1.6%	-	-	-
Keseluruhan	44,991	14.9%	51.7%	28.9%	2.4%	0.9%	0.5%	0.6%

2.5.4 Pencapaian Akademik Graduan 2020 bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian

- Bagi ILKA yang menggunakan sistem PNGK, hampir semua ILKA mencatatkan peratus tertinggi dalam julat PNGK 3.00 – 3.49, iaitu antara 44.3 hingga 64.1 peratus kecuali graduan ILKBS yang mencatatkan peratus tertinggi (55.0%) dalam julat PNGK 2.50 – 2.99.
- Bagi julat PNGK 3.70 – 4.00, peratus tertinggi adalah bagi graduan IPT lain (13.7%), diikuti graduan kolej vokasional (10.9%) dan ILKA KPLB (5.3%).
- Secara keseluruhan, 22.8 peratus keluaran graduan 2020 bagi institusi di bawah lain-lain kementerian memperoleh PNGK kurang daripada 3.00. Bagi ILKAP MAFI, hanya sebahagian kecil program pengajian menggunakan sistem PNGK. Sehubungan itu, 80.5 peratus graduan dikategorikan sebagai lulus.

Carta 2.5d

Pencapaian Akademik Graduan 2020 bagi Institusi di Bawah Lain-lain Kementerian

Jenis IPT	Jumlah graduan	* Lulus	2.00 - 2.49	2.50 - 2.99	3.00 - 3.49	3.50 - 3.69	3.70 - 4.00
ILKA KPLB	20,134	0.9%	6.3%	29.4%	48.1%	9.9%	5.3%
Kolej vokasional	11,878	-	-	0.5%	46.1%	42.4%	10.9%
ILKA KSM	5,995	36.4%	0.9%	9.1%	44.3%	8.4%	0.9%
ILKBS	3,286	5.3%	6.5%	55.0%	30.2%	2.7%	0.3%
IPT Lain	1,807	8.4%	2.4%	17.0%	41.8%	16.7%	13.7%
ILKA KKR	929	100%	-	-	-	-	-
ILKAP MAFI	898	80.5%	-	1.3%	13.3%	2.6%	2.3%
ILKA MOTAC	64	-	-	14.1%	64.1%	17.2%	4.7%
Keseluruhan	44,991	9.6%	3.5%	19.3%	43.9%	17.7%	6.0%

* Lulus – merujuk kepada program pengajian yang tidak menggunakan sistem PNGK

BAB 3

BAHAGIAN II


STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2020

- Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan
- Kadar Kebolehpasaran Graduan
- Status Pekerjaan Graduan PhD
- Status Pekerjaan Graduan Sarjana
- Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama
- Status Pekerjaan Graduan Diploma
- Status Pekerjaan Graduan Sijil

STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019-2020

Kadar kebolehpasaran graduan (Graduate Employability; GE)


Kadar kebolehpasaran graduan 2019-2020 mengikut peringkat pengajian



Peringkat pengajian	2019	2020
PhD	88.0%	89.8%
Sarjana	89.8%	90.5%
Ijazah pertama	83.7%	82.1%
Diploma	87.5%	85.6%
Sijil	89.2%	85.0%
* Peringkat lain	88.8%	91.7%

* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

Status pekerjaan graduan 2019-2020



Kadar kebolehpasaran graduan 2019-2020 mengikut jenis IPT

Kadar kebolehpasaran graduan 2019-2020 mengikut bidang pengajian

Jenis IPT	2019	2020
UA	87.8%	86.7%
IPTS	79.0%	79.4%
Politeknik	96.7%	91.4%
ILKA KPLB	86.0%	83.6%
Kolej vokasional	97.4%	81.6%
Kolej komuniti	97.8%	94.2%
ILKA KSM	86.3%	84.8%
ILKBS	89.2%	85.3%
IPT lain	83.6%	86.8%
ILKAP MAFI	67.4%	63.7%
ILKA KKR	*100%	68.0%
ILKA MOTAC	64.9%	67.2%

Bidang pengajian	2019	2020
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	90.1%	86.5%
Sains, matematik dan komputer	87.2%	85.3%
Kesihatan dan kebajikan	86.1%	84.4%
Sains sosial, perniagaan dan perundangan	84.5%	83.8%
Pendidikan	79.2%	83.0%
Perkhidmatan	85.0%	82.5%
Sastera dan kemanusiaan	83.4%	81.2%
Pertanian dan veterinar	84.5%	81.2%

n= Jumlah responden

* Bilangan responden adalah sangat rendah (7 orang)

STATUS PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2020


Bab ini menerangkan maklumat berkaitan kadar kebolehpasaran graduan dan status pekerjaan graduan warganegara bagi tahun 2020. Berdasarkan *National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*, kebolehpasaran graduan bermaksud keupayaan graduan untuk dipasarkan di dalam industri, iaitu mempunyai kecekapan bagi mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang bersesuaian. Kadar kebolehpasaran graduan di dalam laporan ini merujuk kepada graduan yang berstatus bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Antara maklumat yang dihuraikan dalam bab ini adalah kadar kebolehpasaran graduan dan status pekerjaan graduan tahun 2020 secara keseluruhan dan juga mengikut jenis IPT, peringkat pengajian, bidang pengajian serta negeri bermastautin.

3.1 Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan (Warganegara)

3.1.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan dan Status Pekerjaan Tahun 2020

Carta 3.1a

Kadar Kebolehpasaran Graduan dan Status Pekerjaan Tahun 2020



n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan

- Secara keseluruhannya, kadar kebolehpasaran graduan warganegara bagi tahun 2020 adalah 84.4 peratus dengan 60.0 peratus bekerja, diikuti 17.8 peratus melanjutkan pengajian, 4.6 peratus menunggu penempatan pekerjaan dan 2.0 peratus sedang meningkatkan kemahiran.
- Kadar kebolehpasaran bagi graduan lelaki dan perempuan adalah hampir sama, iaitu masing-masing 86.0 peratus dan 83.3 peratus dan lebih daripada separuh adalah bekerja.
- Sebanyak 15.6 peratus graduan 2020 menyatakan masih belum bekerja.

3.1.2 Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

- Graduan kolej komuniti mencatatkan kadar bekerja tertinggi, iaitu 74.4 peratus daripada 6,471 graduan, diikuti ILKBS (70.2% daripada 3,070 graduan), politeknik (69.2% daripada 25,901 graduan) dan kolej vokasional sebanyak 66.6 peratus daripada 11,675 graduan.
- Bagi dua (2) IPT yang mempunyai bilangan graduan paling tinggi, iaitu UA (59.7% daripada 104,286 graduan) dan IPTS (55.2% daripada 83,323 graduan) masing-masing merekodkan kadar bekerja melebihi 50.0 peratus.
- Bagi kumpulan belum bekerja, terdapat tiga (3) ILKA mencatatkan peratusan melebihi 30.0 peratus, iaitu ILKAP MAFI (36.3%; 301 graduan), diikuti ILKA MOTAC (32.8%; 20 graduan) dan ILKA KKR (32.0%; 40 graduan).
- Hampir separuh graduan IPT lain (48.5%; 856 graduan) memilih untuk melanjutkan pengajian. (**Carta 3.1b**)

Carta 3.1b

Status Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	104,286	59.7%	18.5%	3.5%	5.0%	13.3%
IPTS	83,323	55.2%	17.3%	1.6%	5.3%	20.6%
Politeknik	25,901	69.2%	19.0%	0.3%	2.9%	8.6%
Kolej komuniti	6,471	74.4%	19.0%	0.1%	0.7%	5.8%
Kolej vokasional	11,675	66.6%	4.7%	0.6%	9.7%	18.4%
ILKA KSM	5,781	64.4%	18.7%	0.3%	1.5%	15.2%
ILKBS	3,070	70.2%	13.1%	0.2%	1.8%	14.7%
ILKA KPLB	17,414	61.7%	19.4%	0.7%	1.8%	16.4%
ILKA MOTAC	61	45.9%	6.6%	8.2%	6.6%	32.8%
ILKAP MAFI	830	47.6%	12.3%	0.4%	3.5%	36.3%
ILKA KKR	125	57.6%	7.2%	-	3.2%	32.0%
* IPT lain	1,764	37.1%	48.5%	0.5%	0.7%	13.2%
Keseluruhan	260,701	60.0%	17.8%	2.0%	4.6%	15.6%

Nota: * IPT lain merangkumi graduan:


- Kolej Profesional MARA
- Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)
- Institut Penilaian Negara (INSPEN)
- Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)

3.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan

3.2.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

Carta 3.2a

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT



n= Jumlah responden

- Graduan kolej komuniti mencatatkan kadar kebolehpasaran tertinggi, iaitu 94.2 peratus, diikuti graduan politeknik sebanyak 91.4 peratus, graduan IPT lain (86.8%) dan graduan UA (86.7%). Walau bagaimanapun, peratusan ini adalah bergantung kepada bilangan responden mengikut jenis IPT.
- Tiga (3) IPT yang mencatatkan kadar kebolehpasaran kurang daripada 70.0 peratus adalah ILKA KKR (68.0%), ILKA MOTAC (67.2%) dan ILKAP MAFI (63.7%).

3.2.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Carta 3.2b

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian



n= Jumlah responden

- Kadar kebolehpasaran graduan peringkat sijil pascasiswazah ialah 100 peratus yang mewakili seramai 33 responden. Semua peringkat ini merupakan graduan bidang pendidikan.
- Bagi peringkat pascasiswazah, kadar kebolehpasaran graduan sarjana ialah 90.5 peratus dan 89.8 peratus bagi graduan PhD.
- Bagi tiga (3) peringkat pengajian utama, kadar kebolehpasaran yang direkodkan adalah antara 82.1 hingga 85.6 peratus, iaitu ijazah pertama (82.1%), diploma (85.6%) dan sijil (85.0%).

3.2.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 bagi Setiap UA

Carta 3.2c

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 bagi Setiap UA

Bil.	UA	n	GE	Bil.	UA	n	GE
1	UPNM	994	95.0%	11	UniMAP	2,544	87.9%
2	UTHM	3,782	94.6%	12	UUM	5,137	87.9%
3	UPM	4,865	93.5%	13	USM	5,301	86.2%
4	UMP	2,984	92.8%	14	UniSZA	3,187	84.7%
5	UMS	4,361	92.0%	15	UiTM	34,190	84.5%
6	UTM	5,421	92.0%	16	UNIMAS	3,609	84.4%
7	UMK	1,888	90.6%	17	UKM	5,566	83.6%
8	UPSI	3,860	90.3%	18	UM	4,332	83.5%
9	USIM	2,479	90.2%	19	UMT	2,786	82.7%
10	UTeM	2,901	88.1%	20	UIAM	4,099	74.2%

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

- Sembilan (9) UA berjaya mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus dengan kadar tertinggi adalah UPNM (95.0%), diikuti oleh UTHM (94.6%), UPM (93.5%), UMP (92.8%) dan UMS serta UTM masing-masing 92.0 peratus.
- Sepuluh (10) UA pula mencatat kadar kebolehpasaran graduan antara 82.7 hingga 88.1 peratus. Manakala UIAM mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 80.0 peratus.

3.2.4 Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 bagi IPTS Bertaraf Universiti (90 Peratus dan Ke Atas)

Carta 3.2d

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 bagi IPTS Bertaraf Universiti (90 Peratus dan Ke Atas)

Bil.	IPTS (universiti)	n	GE	Bil.	IPTS (universiti)	n	GE
1	UniKL-MIIT	512	100%	12	UniKL-MSI	282	95.4%
2	MISI	8	100%	13	UniKL-BMI	461	95.2%
3	MU	8	100%	14	AeU	533	94.9%
4	UCSI-U	1,632	99.8%	15	UniKL-RCMP	398	94.2%
5	UniKL-MIAT	696	99.0%	16	UniKL-MIMET	328	93.3%
6	MSU	1,305	98.8%	17	UniKL-BiS	872	93.1%
7	TU	1,775	98.5%	18	OUM	2,739	92.7%
8	UniKL-MIDI	122	98.4%	19	PERDANA	39	92.3%
9	UniKL-MICET	381	98.2%	20	UniKL-MESTECH	181	91.7%
10	UniKL-MITEC	438	97.7%	21	PUTRABS	101	91.1%
11	UniKL-MFI	528	97.2%	22	WOU	619	90.0%

n= Jumlah responden









GE= Kadar kebolehpasaran graduan

- Terdapat tiga (3) IPTS bertaraf universiti merekodkan kadar kebolehpasaran graduan 100 peratus, iaitu *UniKL-Malaysian Institute of Information Technology* (UniKL-MIIT) seramai 512 graduan, *Meritus University* (MU) dan *Malaysia Institute for Supply Chain* (MISI), masing-masing mempunyai lapan (8) responden.
- Terdapat empat (4) IPTS yang mempunyai responden melebihi seribu graduan dan mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan lebih daripada 90.0 peratus, iaitu UCSI-U (99.8%), MSU (98.8%), TU (98.5%) dan OUM (92.7%).

3.2.5 Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Carta 3.2e

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020
Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	n	GE
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	81,961	86.5%
 Sains, matematik dan komputer	27,777	85.3%
 Kesihatan dan kebajikan	13,299	84.4%
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	80,252	83.8%
 Pendidikan	13,445	83.0%
 Perkhidmatan	19,240	82.5%
 Sastera dan kemanusiaan	19,909	81.2%
 Pertanian dan veterinar	4,818	81.2%

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan









- Tiga (3) bidang pengajian yang mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi ialah kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (86.5%), diikuti sains, matematik & komputer (85.3%) dan kesihatan & kebajikan (84.4%).
- Manakala tiga (3) bidang pengajian yang mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan terendah ialah perkhidmatan (82.5%), sastera & kemanusiaan dan pertanian & veterinar, iaitu masing-masing sebanyak 81.2 peratus.

3.2.6 Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Bidang Pengajian dengan Status Pekerjaan

- **Carta 3.2f** memaparkan hasil jadual silang bagi maklumat kadar kebolehpasaran graduan 2020 antara lapan (8) bidang pengajian dengan lima (5) kategori status pekerjaan. Dapatan kajian menunjukkan tiga (3) bidang pengajian yang mencatatkan peratusan bekerja tertinggi ialah bidang pendidikan (68.9%), perkhidmatan (63.4%) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (61.4%).
- Sebanyak 24.6 peratus graduan bidang sains, matematik & komputer memilih untuk melanjutkan pengajian, iaitu tertinggi berbanding bidang pengajian yang lain.
- Dari segi bilangan, responden bidang pengajian sains sosial, perniagaan & perundangan mencatatkan jumlah responden belum bekerja tertinggi, iaitu seramai 13,005 graduan atau 16.2 peratus.

Carta 3.2f

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Bidang Pengajian dengan Status Pekerjaan

Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	81,961	86.5%	61.4%	18.7%	2.4%	4.0%	13.5%
 Sains, matematik dan komputer	27,777	85.3%	54.6%	24.6%	2.5%	3.7%	14.7%
 Kesihatan dan kebajikan	13,299	84.4%	55.1%	7.1%	1.1%	21.1%	15.6%
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	80,252	83.8%	59.6%	19.0%	1.7%	3.4%	16.2%
 Pendidikan	13,445	83.0%	68.9%	6.9%	0.7%	6.5%	17.0%
 Perkhidmatan	19,240	82.5%	63.4%	14.9%	1.4%	2.9%	17.5%
 Sastera dan kemanusiaan	19,909	81.2%	60.2%	16.3%	2.0%	2.7%	18.8%
 Pertanian dan veterinar	4,818	81.2%	51.3%	18.7%	6.5%	4.7%	18.8%
Keseluruhan	260,701	84.4%	60.0%	17.8%	2.0%	4.6%	15.6%









GE= Kadar kebolehpasaran graduan

3.2.7 Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Bidang Pengajian dengan Peringkat Pengajian

- **Carta 3.2g** memaparkan hasil jadual silang bagi kadar kebolehpasaran graduan 2020 antara lapan (8) bidang pengajian dengan lima (5) peringkat pengajian, iaitu PhD, sarjana, ijazah pertama, diploma dan sijil. Dapatan kajian menunjukkan pada peringkat PhD, bidang pengajian yang berjaya menghasilkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus adalah pendidikan (95.4%), kesihatan & kebajikan (93.6%), sastera & kemanusiaan (92.4%), perkhidmatan (91.5%) dan pertanian & veterinar (90.9%).
- Bagi peringkat sarjana pula, bidang pengajian yang merekodkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 90.0 peratus adalah pendidikan (94.3%), perkhidmatan (93.9%), kesihatan & kebajikan (93.2%) dan sains sosial, perniagaan & perundangan (90.3%).
- Bagi peringkat ijazah pertama, semua bidang pengajian mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi 80.0 peratus kecuali sastera & kemanusiaan. Manakala bagi peringkat diploma, tiga (3) bidang pengajian yang merekodkan kadar kebolehpasaran graduan kurang daripada 80.0 peratus adalah pendidikan, kesihatan & kebajikan dan perkhidmatan.
- Seterusnya, bagi peringkat sijil, bidang kesihatan & kebajikan (99.0%) merekodkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi, diikuti sains sosial, perniagaan & perundangan (91.5%) dan sastera & kemanusiaan (90.8%).

Carta 3.2g

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Bidang Pengajian dengan Peringkat Pengajian

Bidang pengajian		Kadar Kebolehpasaran Graduan									
		PhD		Sarjana		Ijazah pertama		Diploma		Sijil	
		n	%	n	%	n	%	n	%	n	%
	Pendidikan	241	95.4	2,706	94.3	4,624	83.5	4,300	73.2	661	79.7
	Sastera dan kemanusiaan	158	92.4	833	85.5	9,555	78.8	7,839	81.5	1,524	90.8
	Sains sosial, perniagaan dan perundangan	533	89.1	5,271	90.3	40,117	81.3	33,081	85.4	691	91.5
	Sains, matematik dan komputer	386	88.3	1,450	86.3	14,388	82.2	10,227	89.2	1,321	88.1
	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	619	87.1	2,236	88.6	25,663	83.3	35,224	89.6	18,167	84.6
	Pertanian dan veterinar	22	90.9	145	89.0	1,507	85.3	2,352	83.5	792	64.8
	Kesihatan dan kebajikan	204	93.6	1,160	93.2	7,712	85.1	3,982	78.9	193	99.0
	Perkhidmatan	47	91.5	479	93.9	3,553	82.8	10,011	79.9	5,134	86.3
Keseluruhan		2,210	89.8	14,280	90.5	107,119	82.1	107,016	85.6	28,483	85.0


n= Jumlah responden

3.2.8 Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Negeri Bermastautin

- Purata kadar kebolehpasaran graduan adalah 84.4 peratus bagi tahun 2020. Sembilan (9) buah negeri merekodkan kadar kebolehpasaran graduan melebihi nilai purata. Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan kadar tertinggi, iaitu sebanyak 90.3 peratus, diikuti Pulau Pinang (87.6%) dan Johor serta Selangor, masing-masing 87.0 peratus.
- Terdapat tujuh (7) negeri mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan di bawah nilai purata, iaitu antara 76.2 hingga 83.0 seperti yang dipaparkan pada **Carta 3.2h**.

Carta 3.2h

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2020 Mengikut Negeri Bermastautin



n= Jumlah responden
GE= Kadar kebolehpasaran graduan


Nota:

- 1) Seramai 150 graduan bermastautin di luar negara. Kadar kebolehpasaran graduan adalah 88.7 peratus
- 2) Seramai 1,461 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

3.3 Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan PhD 2020

3.3.1 Status Pekerjaan Graduan PhD 2020

Carta 3.3a Status Pekerjaan Graduan PhD 2020



- Kadar kebolehpasaran graduan PhD ialah 89.8 peratus (1,985 graduan) dengan 83.8 peratus berstatus bekerja, 3.2 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan, 2.2 peratus mengikuti program bagi meningkatkan kemahiran dan 0.6 peratus melanjutkan pengajian.
- Hanya 10.2 peratus graduan PhD masih belum bekerja.
- Daripada 2,210 responden PhD, majoriti adalah perempuan, iaitu 1,338 graduan dengan 80.4 peratus adalah bekerja.

3.3.2 Status Pekerjaan Graduan PhD 2020 bagi UA dan IPTS

Carta 3.3b Status Pekerjaan Graduan PhD 2020 bagi UA dan IPTS

Status pekerjaan	GE	90.2%	86.5%
		UA (n= 1,981)	IPTS (n= 229)
Bekerja		83.9%	82.5%
Melanjutkan pengajian		0.5%	1.3%
Meningkatkan kemahiran		2.5%	-
Menunggu penempatan pekerjaan		3.3%	2.6%
Belum bekerja		9.8%	13.5%


n= Jumlah responden
GE= Kadar kebolehpasaran graduan

- Kadar kebolehpasaran graduan PhD bagi UA ialah 90.2 peratus dengan 83.9 peratus bekerja.
- Bagi IPTS pula, kadar kebolehpasaran graduan PhD adalah 86.5 peratus dengan 82.5 peratus bekerja.
- Sebanyak 9.8 peratus graduan UA dan 13.5 peratus graduan IPTS peringkat PhD berada dalam kategori belum bekerja.

3.4 Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan Sarjana 2020

3.4.1 Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2020

Carta 3.4a Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2020



- Graduan sarjana mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 90.5 peratus (12,917 graduan). Daripada jumlah tersebut, 82.2 peratus telah bekerja, diikuti melanjutkan pengajian (3.9%), menunggu penempatan pekerjaan (2.6%) dan meningkatkan kemahiran (1.8%).
- Sebanyak 9.5 peratus graduan sarjana tahun 2020 belum bekerja.
- Kadar kebolehpasaran graduan lelaki adalah 93.6 peratus, iaitu 5.1 peratus melebihi graduan perempuan.

3.4.2 Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2020 bagi UA dan IPTS

Carta 3.4b Status Pekerjaan Graduan Sarjana 2020 bagi UA dan IPTS

Status pekerjaan	GE	90.3%	91.2%
		UA (n= 11,355)	IPTS (n= 2,925)
Bekerja		81.0%	86.8%
Melanjutkan pengajian		4.3%	2.5%
Meningkatkan kemahiran		2.2%	0.2%
Menunggu penempatan pekerjaan		2.8%	1.7%
Belum bekerja		9.7%	8.8%

n= Jumlah responden
GE= Kadar kebolehpasaran graduan


- Jumlah graduan sarjana UA (11,355 graduan) adalah jauh lebih ramai berbanding dengan IPTS (2,925 graduan).
- Kadar kebolehpasaran graduan sarjana bagi UA dan IPTS adalah hampir sama, iaitu masing-masing 90.3 peratus dan 91.2 peratus.
- Peratus bekerja graduan sarjana IPTS adalah 86.8 peratus dan UA pula sebanyak 81.0 peratus.
- Graduan sarjana UA lebih cenderung memilih melanjutkan pengajian, iaitu 4.3 peratus berbanding 2.5 peratus bagi graduan IPTS.

3.5 Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama 2020

3.5.1 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2020

Carta 3.5a

Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2020



- Kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama adalah 82.1 peratus daripada 107,119 graduan. Daripada jumlah ini, 66.4 peratus adalah graduan bekerja manakala 17.9 peratus belum bekerja.
- Graduan lelaki mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 82.9 peratus dengan 68.6 peratus bekerja.
- Bagi graduan perempuan pula, kadar kebolehpasaran graduan ialah 81.7 peratus dengan 65.1 peratus bekerja.

3.5.2 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2020 Mengikut Jenis IPT

- Kadar tertinggi kebolehpasaran graduan adalah dari politeknik, iaitu 93.3 peratus, diikuti graduan UA (84.5%) dan IPTS (78.3%). Walau bagaimanapun, bilangan graduan ijazah pertama di UA dan IPTS lebih besar berbanding politeknik.
- Majoriti responden adalah berstatus bekerja dengan peratusan tertinggi adalah graduan politeknik (86.6%), diikuti UA (68.4%) dan IPTS sebanyak 63.1 peratus.
- Graduan ijazah pertama UA mencatatkan peratus tertinggi bagi status meningkatkan kemahiran, iaitu 4.7 peratus manakala graduan IPT lain merekodkan peratusan tertinggi bagi kategori melanjutkan pengajian, iaitu 5.2 peratus.
- Kadar belum bekerja bagi graduan IPT lain ialah 40.3 peratus, diikuti graduan IPTS (21.7%), UA (15.5%) dan politeknik sebanyak 6.7 peratus.

Carta 3.5b

Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama 2020 Mengikut Jenis IPT

Status pekerjaan	GE			
	UA (n= 66,243)	IPTS (n= 40,665)	Politeknik (n= 134)	* IPT lain (n= 77)
Bekerja	68.4%	63.1%	86.6%	51.9%
Melanjutkan pengajian	4.8%	5.0%	3.0%	5.2%
Meningkatkan kemahiran	4.7%	2.4%	-	1.3%
Menunggu penempatan pekerjaan	6.6%	7.8%	3.7%	1.3%
Belum bekerja	15.5%	21.7%	6.7%	40.3%

n= Jumlah responden

GE= Kadar kebolehpasaran graduan


* IPT lain merangkumi graduan ijazah pertama ASWARA

3.6 Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma 2020

3.6.1 Status Pekerjaan Graduan Diploma 2020

Carta 3.6a

Status Pekerjaan Graduan Diploma 2020



n= Jumlah responden L= Lelaki P= Perempuan

- Kadar kebolehpasaran graduan diploma tahun 2020 ialah 85.6 peratus dengan bekerja sebanyak 49.5 peratus, diikuti menunggu penempatan pekerjaan (3.3%), melanjutkan pengajian (32.1%) dan meningkatkan kemahiran (0.7%).
- Sebanyak 14.4 peratus graduan diploma belum bekerja.
- Graduan lelaki mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 87.1 peratus (52.8 peratus bekerja) dan graduan perempuan sebanyak 84.3 peratus (46.7 peratus bekerja).

3.6.2 Status Pekerjaan Graduan Diploma 2020 Mengikut Jenis IPT

- Dari **Carta 3.6b**, empat (4) jenis IPT mencatatkan jumlah responden melebihi 10,000 graduan, iaitu IPTS, politeknik, UA dan kolej vokasional. Politeknik mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi, iaitu 91.4 peratus manakala yang terendah adalah IPTS, iaitu 79.2 peratus. Bagi status bekerja, politeknik mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 69.1 peratus manakala bagi status belum bekerja pula, IPTS merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 20.8 peratus.
- Seterusnya, terdapat empat (4) IPT yang mencatatkan jumlah responden kurang daripada 1,000 graduan, iaitu ILKBS, kolej komuniti, ILKAP MAFI dan ILKA MOTAC. Bagi status bekerja, kolej komuniti mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu 92.6 peratus manakala bagi status belum bekerja pula, ILKA MOTAC merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 34.6 peratus.

Carta 3.6b

Status Pekerjaan Graduan Diploma 2020 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
IPTS	37,989	79.2%	44.5%	30.6%	0.9%	3.1%	20.8%
Politeknik	25,685	91.4%	69.1%	19.2%	0.3%	2.9%	8.6%
UA	23,598	90.5%	22.2%	65.8%	0.9%	1.6%	9.5%
Kolej vokasional	11,675	81.6%	66.6%	4.7%	0.6%	9.7%	18.4%
ILKA KPLB	3,050	90.2%	68.4%	17.5%	2.0%	2.3%	9.8%
ILKA KSM	2,185	84.9%	75.4%	7.9%	0.2%	1.4%	15.1%
* IPT lain	1,529	88.2%	33.8%	53.3%	0.5%	0.6%	11.8%
ILKBS	970	91.0%	76.2%	12.4%	0.3%	2.2%	9.0%
Kolej komuniti	215	97.7%	92.6%	4.2%	-	0.9%	2.3%
ILKAP MAFI	68	77.9%	60.3%	16.2%	-	1.5%	22.1%
ILKA MOTAC	52	65.4%	51.9%	3.8%	3.8%	5.8%	34.6%
Keseluruhan	107,016	85.6%	49.5%	32.1%	0.7%	3.3%	14.4%


GE= Kadar kebolehpasaran graduan

* IPT lain merangkumi graduan diploma Kolej Profesional MARA, ASWARA dan IPDAS

3.7 Status Pekerjaan dan Kadar Kebolehpasaran Graduan Sijil 2020

3.7.1 Status Pekerjaan Graduan Sijil 2020

Carta 3.7a Status Pekerjaan Graduan Sijil 2020



- Graduan peringkat sijil tahun 2020 mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 85.0 peratus dengan majoriti graduan bekerja (62.2%), diikuti melanjutkan pengajian (21.0%), menunggu penempatan pekerjaan (1.5%) dan meningkatkan kemahiran sebanyak 0.3 peratus.
- Kadar belum bekerja bagi graduan sijil ialah 15.0 peratus.
- Graduan lelaki mencatatkan kadar kebolehpasaran sebanyak 86.9 peratus (63.1% bekerja) dan graduan perempuan sebanyak 82.0 peratus (60.7% bekerja).

3.7.2 Status Pekerjaan Graduan Sijil 2020 Mengikut Jenis IPT

- Terdapat dua (2) IPT yang mencatatkan kadar kebolehpasaran melebihi 90.0 peratus, iaitu graduan kolej komuniti (94.1%) dan IPTS (93.2%). Majoriti graduan kolej komuniti berstatus bekerja, iaitu 73.8 peratus manakala graduan IPTS lebih cenderung melanjutkan pengajian (55.6%).
- Graduan sijil ILKA KKR dan ILKAP MAFI mencatatkan kadar belum bekerja tertinggi, iaitu masing-masing 32.0 peratus dan 37.5 peratus.
- Walaupun ILKA KPLB mempunyai bilangan responden tertinggi, iaitu seramai 14,364 graduan, peratusan bekerja yang direkodkan adalah 60.3 peratus.

Carta 3.7b

Status Pekerjaan Graduan Sijil 2020 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
ILKA KPLB	14,364	82.2%	60.3%	19.8%	0.5%	1.7%	17.8%
Kolej komuniti	6,256	94.1%	73.8%	19.5%	0.1%	0.7%	5.9%
ILKA KSM	3,554	84.7%	57.4%	25.4%	0.3%	1.5%	15.3%
ILKBS	2,097	82.6%	67.5%	13.4%	0.1%	1.7%	17.4%
IPTS	1,076	93.2%	36.2%	55.6%	0.6%	0.9%	6.8%
ILKAP MAFI	762	62.5%	46.5%	11.9%	0.4%	3.7%	37.5%
*IPT lain	158	86.7%	62.0%	23.4%	-	1.3%	13.3%
ILKA KKR	125	68.0%	57.6%	7.2%	-	3.2%	32.0%
Politeknik	82	82.9%	79.3%	1.2%	-	2.4%	17.1%
ILKA MOTAC	9	77.8%	11.1%	22.2%	33.3%	11.1%	22.2%
Keseluruhan	28,483	85.0%	62.2%	1.0%	0.3%	1.5%	15.0%

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

* IPT lain merangkumi graduan sijil Kolej Profesional MARA dan INSPEN

BAB 4

BAHAGIAN II

MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2020

- Taraf Pekerjaan
- Taraf Jawatan
- Sektor Pekerjaan
- Kumpulan Pekerjaan
- Pendapatan Bulanan
- Sektor Ekonomi


MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2019-2020

Taraf pekerjaan


Taraf pekerjaan	2019 (n=189,543)	2020 (n=156,525)
Pekerja swasta (termasuk NGO)	70.6%	68.5%
Pekerja kerajaan	10.7%	10.4%
Bekerja dengan keluarga	5.1%	5.9%
Bekerja sendiri	6.5%	8.0%
Majikan	4.8%	4.2%
Freelance	2.4%	3.0%

- Pada tahun 2020, peratus graduan yang bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) menunjukkan penurunan antara 0.3 hingga 2.1 peratus.
- Kadar graduan yang menjadi usahawan (bekerja sendiri, majikan dan *freelance*) meningkat, iaitu 15.2 peratus pada tahun 2020 (2019: 13.7%).

3 Sektor ekonomi tertinggi




Pendapatan bulanan



- Sebanyak 53.6 peratus graduan ijazah pertama berpendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah pada tahun 2020 (2019: 50.7%).
- Graduan diploma yang memperoleh pendapatan RM1,500 & ke bawah meningkat 0.7 peratus, iaitu kepada 64.3 peratus (2019: 63.6%).


Kategori tahap kemahiran



Nota:

- 1) Melibatkan pekerja kerajaan, pekerja swasta (termasuk NGO) dan bekerja dengan keluarga
- 2) Tidak termasuk kumpulan pekerjaan Angkatan Tentera

n= Jumlah responden



MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2020

Bab ini memaparkan maklumat pekerjaan graduan warganegara yang telah bekerja bagi tahun 2020. Antara maklumat yang dihuraikan dalam bab ini adalah taraf pekerjaan, taraf jawatan, kumpulan pekerjaan utama, sektor pekerjaan, pendapatan bulanan (termasuk elaun) mengikut jenis IPT dan peringkat pengajian graduan serta sektor ekonomi yang diceburi. Kumpulan pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (*Malaysian Standard Classification of Occupation; MASCO*) manakala sektor ekonomi adalah merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (*Malaysia Standard Industrial Classification; MSIC 2008 ver 1.0*).

4.1 Taraf Pekerjaan

4.1.1 Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

- **Carta 4.1a** menunjukkan 68.5 peratus graduan 2020 merupakan pekerja swasta (termasuk NGO). Peratus tertinggi bagi taraf pekerjaan ini adalah graduan ILKA KSM (83.1%), diikuti graduan politeknik (77.3%), kolej vokasional (75.5%), kolej komuniti dan ILKBS, iaitu masing-masing 72.4 peratus serta UA sebanyak 63.6 peratus.
- Graduan UA mencatatkan peratus tertinggi, iaitu 17.6 peratus sebagai pekerja kerajaan manakala peratus terendah ialah graduan kolej vokasional (2.0%) dan ILKA KKR (1.4%). Graduan daripada IPT lain yang bekerja dengan kerajaan hanya dalam julat 2.3 hingga 8.6 peratus.
- Secara keseluruhan, sebanyak 15.2 peratus graduan 2020 yang menjadi usahawan (bekerja sendiri, sebagai majikan dan *freelance*). Terdapat lima (5) IPT yang mencatatkan peratus graduan yang menjadi usahawan dengan peratus tertinggi terdiri daripada graduan ILKA KPLB (33.0%), diikuti ILKA MOTAC (32.1%), ILKA KKR (25.0%), IPT lain (24.7%) dan ILKAP MAFI sebanyak 24.1 peratus.

Carta 4.1a

Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	Jumlah responden	Pekerja swasta (termasuk NGO)	Pekerja kerajaan	Bekerja dengan keluarga	* Usahawan	Usahawan		
						Bekerja sendiri	Majikan	Freelance
UA	62,237	63.6%	17.6%	5.7%	13.1%	6.8%	2.9%	3.4%
IPTS	45,998	71.9%	8.0%	5.2%	14.9%	5.4%	6.2%	3.3%
Politeknik	17,921	77.3%	4.3%	5.6%	12.8%	9.2%	1.8%	1.7%
ILKA KPLB	10,748	55.2%	2.3%	9.5%	33.0%	21.2%	8.3%	3.5%
Kolej vokasional	7,779	75.5%	2.0%	8.3%	14.2%	7.9%	4.3%	1.9%
Kolej komuniti	4,815	72.4%	2.6%	6.5%	18.5%	13.8%	2.3%	2.4%
ILKA KSM	3,722	83.1%	4.0%	3.1%	9.8%	6.0%	2.6%	1.2%
ILKBS	2,155	72.4%	3.6%	5.4%	18.5%	12.6%	4.2%	1.7%
IPT lain	655	62.1%	6.3%	6.9%	24.7%	10.7%	7.6%	6.4%
ILKAP MAFI	395	56.2%	8.4%	11.4%	24.1%	17.2%	5.3%	1.5%
ILKA MOTAC	28	64.3%	3.6%	-	32.1%	10.7%	14.3%	7.1%
ILKA KKR	72	70.8%	1.4%	2.8%	25.0%	9.7%	9.7%	5.6%
Keseluruhan	156,525	68.5%	10.4%	5.9%	15.2%	8.0%	4.2%	3.0%

* Sebarang perbezaan pada data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran

4.1.2 Taraf Pekerjaan Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan PhD mencatatkan peratus tertinggi sebagai pekerja kerajaan, iaitu sebanyak 59.5 peratus, diikuti pekerja swasta (termasuk NGO) sebanyak 29.7 peratus. Manakala sebanyak 9.7 peratus menceburi bidang keusahawanan dan selebihnya bekerja dengan keluarga (1.1%).
- Graduan sarjana mencatatkan peratus tertinggi bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO), iaitu sebanyak 47.8 peratus dan pekerja kerajaan (41.9%).
- Kebanyakan graduan ijazah pertama (71.4%), diploma (73.2%) dan sijil (62.2%) merupakan pekerja swasta (termasuk NGO).
- Graduan sijil mencatatkan peratus tertinggi yang menjadi usahawan, iaitu 26.8 peratus, diikuti diploma (15.5%), ijazah pertama (13.4%), PhD (9.7%) dan sarjana (9.0%).

Carta 4.1b

Taraf Pekerjaan Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Pekerja swasta (termasuk NGO)	Pekerja kerajaan	Bekerja dengan keluarga	* Usahawan	Usahawan		
						Bekerja sendiri	Majikan	Freelance
PhD	1,852	29.7%	59.5%	1.1%	9.7%	4.4%	1.2%	4.1%
Sarjana	11,738	47.8%	41.9%	1.3%	9.0%	4.3%	2.0%	2.7%
Ijazah pertama	71,108	71.4%	9.5%	5.7%	13.4%	6.2%	4.0%	3.2%
Diploma	52,938	73.2%	4.5%	6.8%	15.5%	8.1%	4.6%	2.8%
Sijil	17,714	62.2%	3.0%	8.1%	26.8%	17.8%	6.1%	2.8%

* Sebarang perbezaan pada data agregat adalah disebabkan oleh pembundaran

4.2 Taraf Jawatan

4.2.1 Taraf Jawatan Keseluruhan Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

- Dalam kalangan graduan yang bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) dan pekerja kerajaan, sebanyak 55.3 peratus menyatakan taraf jawatan mereka adalah tetap. Selebihnya adalah bertaraf kontrak (27.1%) dan bekerja sementara (17.6%).
- Dua (2) IPT yang mencatatkan peratus graduan yang bekerja tetap melebihi 60.0 peratus adalah graduan ILKA KSM (63.3%) dan kolej komuniti (61.1%). Ini diikuti oleh graduan IPTS (59.1%), ILKBS (58.5%) dan UA (54.5%).
- Graduan yang bekerja sebagai pekerja kontrak, ILKA MOTAC mencatatkan peratus tertinggi, iaitu sebanyak 57.9 peratus. Walau bagaimanapun, jumlah graduan bagi ILKA MOTAC hanyalah seramai 19 graduan. Manakala IPT yang mempunyai jumlah graduan yang ramai seperti UA, IPTS dan politeknik, peratusan graduan yang bekerja sebagai pekerja kontrak ialah antara 25.1 hingga 29.4 peratus.
- Bagi graduan yang bekerja sebagai pekerja sementara pula, graduan kolej vokasional merekodkan peratusan tertinggi, iaitu 30.9 peratus, diikuti graduan ILKAP MAFI (28.2%).

Jenis IPT	Jumlah responden	Tetap	Kontrak	Sementara
UA	50,558	54.5%	29.4%	16.1%
IPTS	36,786	59.1%	25.3%	15.6%
Politeknik	14,628	54.0%	25.1%	20.8%
ILKA KPLB	6,186	43.0%	34.5%	22.5%
Kolej vokasional	6,029	47.2%	21.9%	30.9%
Kolej komuniti	3,611	61.1%	18.3%	20.6%
ILKA KSM	3,241	63.3%	22.5%	14.2%
ILKBS	1,639	58.5%	28.2%	13.3%
IPT lain	448	47.8%	29.0%	23.2%
ILKAP MAFI	255	41.6%	30.2%	28.2%
ILKA KKR	52	34.6%	48.1%	17.3%
ILKA MOTAC	19	26.3%	57.9%	15.8%
Keseluruhan	123,452	55.3%	27.1%	17.6%

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

4.2.2 Taraf Jawatan Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan yang bekerja tetap bagi peringkat sarjana dan PhD masing-masing merekodkan sebanyak 82.3 peratus dan 78.5 peratus.
- Bagi graduan ijazah pertama, diploma dan sijil, peratus graduan yang bekerja tetap ialah antara 51.0 hingga 53.0 peratus.
- Sebanyak 52.0 peratus graduan peringkat lain mencatatkan peratus tertinggi sebagai pekerja kontrak, manakala graduan diploma mencatatkan peratus tertinggi sebagai pekerja sementara (23.0%).

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Tetap	Kontrak	Sementara
PhD	1,652	78.5%	15.9%	5.7%
Sarjana	10,534	82.3%	14.3%	3.4%
Ijazah pertama	57,520	52.8%	31.0%	16.2%
Diploma	41,136	52.2%	24.8%	23.0%
Sijil	11,538	51.7%	26.8%	21.5%
* Peringkat lain	1,072	39.4%	52.0%	8.7%
Keseluruhan	123,452	55.3%	27.1%	17.6%

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

* Peringkat diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

4.3 Sektor Pekerjaan

4.3.1 Sektor Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

- Sektor utama pekerjaan graduan ialah swasta tempatan, iaitu 53.8 peratus, diikuti swasta multinasional (16.4%), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebanyak 13.1 peratus dan kerajaan persekutuan sebanyak 7.7 peratus.
- Dua (2) IPT yang mencatatkan peratus bekerja dalam swasta tempatan melebihi 70.0 peratus, iaitu graduan ILKA KKR (76.9%) dan kolej komuniti (73.2%; 2,650 graduan). Walau bagaimanapun, ILKA KKR hanya mencatatkan seramai 40 graduan. Graduan UA mencatatkan peratusan terendah, iaitu 47.2 peratus (23,863 graduan) namun mempunyai bilangan graduan tertinggi. Peratus bagi lain-lain IPT dalam sektor ini ialah antara 53.3 hingga 67.8 peratus.
- Graduan IPTS pula mencatatkan peratus tertinggi bekerja dalam sektor swasta multinasional, iaitu sebanyak 20.4 peratus, diikuti UA (16.7%), politeknik (14.2%) dan IPT lain sebanyak 14.1 peratus.
- Graduan UA mencatatkan peratusan tertinggi bagi sektor kerajaan persekutuan, iaitu sebanyak 13.0 peratus (6,572 graduan). Manakala peratus terendah ialah sektor Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebanyak 9.9 peratus (5,005 graduan).

Jenis IPT	Jumlah responden	Swasta tempatan	Swasta multinasional	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	Kerajaan Persekutuan	Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	Kerajaan Negeri/Tempatan	Badan berkanun
UA	50,558	47.2%	16.7%	9.9%	13.0%	4.4%	4.4%	4.4%
IPTS	36,786	54.8%	20.4%	11.6%	6.2%	3.2%	2.6%	1.3%
Politeknik	14,628	56.8%	14.2%	20.6%	2.2%	3.1%	2.1%	1.0%
ILKA KPLB	6,186	63.7%	8.1%	21.4%	2.0%	2.7%	1.6%	0.4%
Kolej vokasional	6,029	65.0%	10.4%	20.3%	0.9%	1.8%	1.4%	0.3%
Kolej komuniti	3,611	73.2%	9.3%	12.2%	2.0%	1.9%	1.0%	0.4%
ILKA KSM	3,241	67.8%	13.8%	12.1%	2.1%	1.7%	2.2%	0.3%
ILKBS	1,639	57.5%	12.8%	21.8%	2.1%	3.2%	2.0%	0.7%
IPT lain	448	53.3%	14.1%	19.2%	3.6%	4.2%	3.6%	2.0%
ILKAP MAFI	255	57.3%	5.5%	21.6%	4.3%	2.7%	7.5%	1.2%
ILKA KKR	52	76.9%	1.9%	13.5%	1.9%	5.8%	-	-
ILKA MOTAC	19	57.9%	-	36.8%	-	-	5.3%	-
Keseluruhan	123,452	53.8%	16.4%	13.1%	7.7%	3.5%	3.1%	2.4%

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

4.3.2 Sektor Pekerjaan Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Sebanyak 32.5 peratus atau 537 graduan peringkat PhD adalah pekerja kerajaan persekutuan, diikuti badan berkanun (31.4%) dan swasta tempatan sebanyak 19.6 peratus.
- Kerajaan persekutuan juga merupakan sektor pekerjaan utama kepada graduan sarjana, iaitu sebanyak 36.2 peratus, diikuti swasta tempatan (27.9%), swasta multinasional (16.1%) dan badan berkanun (6.1%).
- Bagi graduan ijazah pertama, diploma dan sijil, sektor swasta tempatan merupakan sektor pekerjaan utama yang merekodkan antara 53.0 hingga 68.0 peratus.
- Peratus kedua tertinggi bagi graduan ijazah pertama ialah swasta multinasional yang merekodkan sebanyak 21.0 peratus manakala graduan diploma dan sijil masing-masing merekodkan sebanyak 20.5 peratus dan 16.6 peratus bagi sektor NGO.

Status pekerjaan	PhD (n=1,652)	Sarjana (n=10,534)	Ijazah pertama (n=57,520)	Diploma (n=41,136)	Sijil (n=11,538)
Swasta tempatan	19.6%	27.9%	53.8%	58.4%	67.9%
Swasta multinasional	7.2%	16.1%	21.0%	12.8%	8.7%
Pertubuhan Bukan kerajaan (NGO)	2.1%	3.4%	9.4%	20.5%	16.6%
Kerajaan Persekutuan	32.5%	36.2%	6.5%	2.6%	2.2%
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	4.4%	5.8%	4.1%	2.6%	2.2%
Kerajaan Negeri/Tempatan	2.8%	4.4%	3.3%	2.2%	2.0%
Badan berkanun	31.4%	6.1%	2.0%	1.0%	0.4%

Nota: Merangkumi graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

4.4 Kumpulan Pekerjaan

4.4.1 Kumpulan Pekerjaan Keseluruhan Graduan 2020

- Terdapat tiga (3) kumpulan pekerjaan utama iaitu:
 - mahir** yang terdiri daripada kumpulan pengurus, profesional dan kumpulan juruteknik dan profesional bersekutu;
 - separuh mahir** yang merangkumi kumpulan pekerja sokongan perkeranian, pekerja perkhidmatan dan jualan, pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan, kumpulan pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan dan kumpulan operator mesin dan loji; dan
 - berkemahiran rendah** merangkumi graduan pekerja asas.
- Daripada seramai 132,117 graduan (tidak termasuk kumpulan angkatan tentera), sebanyak 65.3 peratus berada dalam kumpulan mahir, 30.8 peratus merupakan pekerja separuh mahir dan 3.9 peratus pekerja berkemahiran rendah.
- Berdasarkan kumpulan pekerjaan utama (**Carta 4.4a**), peratus tertinggi adalah dalam kumpulan profesional iaitu sebanyak 37.2 peratus (49,413 graduan), diikuti kumpulan juruteknik dan profesional bersekutu (20.1%; 26,604 graduan), pekerja perkhidmatan dan jualan (11.9%; 15,815 graduan) dan pekerja sokongan perkeranian sebanyak 11.2 peratus (14,882 graduan).
- Sebanyak 0.4 peratus atau 565 graduan 2020 adalah angkatan tentera.



Nota: Tidak termasuk graduan bekerja sendiri, majikan dan *freelance*

4.4.2 Kumpulan Pekerjaan Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Sebanyak 85.0 peratus (1,421 graduan) graduan PhD bekerja dalam kumpulan profesional, diikuti pengurus (9.3%) dan kumpulan juruteknik & profesional bersekutu sebanyak 4.1 peratus.
- Graduan sarjana merekodkan sebanyak 70.5 peratus (7,529 graduan) bekerja dalam kumpulan profesional diikuti pengurus (15.4%) dan kumpulan juruteknik & profesional bersekutu sebanyak 8.3 peratus (892 graduan).
- Graduan ijazah pertama mencatatkan peratus tertinggi bekerja dalam kumpulan profesional iaitu sebanyak 48.5 peratus (29,876 graduan), diikuti kumpulan juruteknik & profesional bersekutu (17.4%) dan pekerja sokongan perkeranian sebanyak 11.3 peratus (6,933 graduan).
- Kumpulan pekerjaan utama bagi graduan diploma dan sijil adalah juruteknik & profesional bersekutu iaitu antara 23.0 hingga 27.0 peratus. Kumpulan pekerjaan kedua tertinggi bagi graduan diploma adalah profesional (18.9%; 8,431 graduan), manakala bagi graduan sijil sebanyak 19.4 peratus (2,516 graduan) ialah dalam kumpulan pekerja perkhidmatan & jualan.

Kumpulan pekerjaan	PhD (n=1,672)	Sarjana (n=10,683)	Ijazah pertama (n=61,551)	Diploma (n=44,714)	Sijil (n=12,974)
Profesional	85.0%	70.5%	48.5%	18.9%	10.1%
Juruteknik dan profesional bersekutu	4.1%	8.3%	17.4%	26.5%	23.0%
Pekerja perkhidmatan dan jualan	0.3%	1.5%	8.8%	17.2%	19.4%
Pekerja sokongan perkeranian	0.6%	3.1%	11.3%	15.2%	5.9%
Pengurus	9.3%	15.4%	9.5%	5.3%	1.3%
Pekerja asas	0.1%	0.2%	2.0%	5.8%	10.4%
Operator mesin dan loji, dan pemasang	0.1%	0.1%	1.4%	6.0%	10.4%
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	0.1%	0.1%	0.5%	4.3%	18.4%
Angkatan tentera	0.3%	0.8%	0.3%	0.5%	0.4%
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	-	0.04%	0.3%	0.4%	0.6%

Nota: Tidak termasuk graduan bekerja sendiri, majikan dan *freelance*

4.5 Pendapatan Bulanan

4.5.1 Pendapatan Bulanan Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jenis IPT

- Peratus tertinggi graduan PhD ialah dalam julat pendapatan bulanan RM5,001 – RM10,000, iaitu masing-masing 60.1 peratus (1,000 graduan) dan 60.8 peratus (115 graduan) bagi UA dan IPTS.
Julat pendapatan kedua tertinggi bagi UA ialah RM2,001 – RM3,000 (8.0%; 133 graduan), diikuti julat RM4,001 – RM5,000 (7.6%; 127 graduan). Bagi IPTS pula, julat pendapatan kedua tertinggi ialah RM4,001 – RM5,000 dan julat lebih daripada RM10,000 dengan peratus yang sama, iaitu 12.2 peratus (23 graduan).
- Peratus tertinggi bagi graduan sarjana ialah dalam julat pendapatan bulanan RM5,001 – RM10,000, iaitu masing-masing sebanyak 31.1 peratus (2,857 graduan) dan 32.7 peratus (831 graduan) bagi UA dan IPTS.
Julat pendapatan seterusnya tertinggi bagi UA ialah RM3,001 – RM4,000 (17.0%; 1,567 graduan) dan julat RM2,001 – RM3,000 (16.7%; 1,534 graduan). Manakala bagi IPTS, julat kedua tertinggi ialah RM4,001 – RM5,000 (18.8%; 478 graduan), diikuti julat RM3,001 – RM4,000 (16.6%; 421 graduan).
- Secara keseluruhan, dua kumpulan tertinggi bagi graduan ijazah pertama ialah julat RM1,001 – RM2,000, iaitu 40.7 peratus (28,921 graduan) dan RM2,001 – RM3,000 sebanyak 31.8 peratus (22,640 graduan).
Peratus tertinggi yang dicatatkan oleh graduan ijazah pertama UA ialah dalam julat RM1,001 – RM2,000 (7.5%; 21,517 graduan) manakala bagi graduan IPTS ialah RM2,001 – RM3,000 (42.7%; 10,967 graduan). Bagi politeknik dan IPT lain pula, peratus tertinggi adalah dalam julat RM1,001 – RM2,000, iaitu antara 44.0 hingga 57.5 peratus.
- Graduan diploma merekodkan sebanyak 70.4 peratus (37,269 graduan) dalam julat pendapatan RM1,001 – RM2,000, diikuti RM1,000 & ke bawah (17.2%; 9,096 graduan) dan RM2,001 – RM3,000 (9.8%; 5,189 graduan).
Empat (4) IPT yang mempunyai jumlah graduan diploma tertinggi, iaitu politeknik, IPTS, kolej vokasional dan UA kesemuanya mencatatkan peratus tertinggi dalam julat RM1,001 – RM2,000, iaitu antara 66.4 hingga 73.4 peratus.

- Graduan sijil merekodkan sebanyak 62.3 peratus (11,034 graduan) dalam julat pendapatan RM1,001 – RM2,000, diikuti RM1,000 & ke bawah (28.9%; 5,117 graduan) dan RM2,001 – RM3,000 sebanyak 6.7 peratus (1,187 graduan).

Carta 4.5
Pendapatan Bulanan Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Jenis IPT

Peringkat pengajian	Jenis IPT	Jumlah responden	RM1,000 & ke bawah	RM1,001 - RM2,000	RM2,001 - RM3,000	RM3,001 - RM4,000	RM4,001 - RM5,000	RM5,001 - RM10,000	Lebih daripada RM10,000
PhD	UA	1,663	4.8%	6.6%	8.0%	5.7%	7.6%	60.1%	7.1%
	IPTS	189	2.1%	2.6%	4.8%	5.3%	12.2%	60.8%	12.2%
	Keseluruhan	1,852	4.5%	6.2%	7.7%	5.7%	8.1%	60.2%	7.6%
Sarjana	UA	9,199	4.6%	11.1%	16.7%	17.0%	15.8%	31.1%	3.8%
	IPTS	2,539	2.4%	5.6%	13.5%	16.6%	18.8%	32.7%	10.3%
	Keseluruhan	11,738	4.1%	9.9%	16.0%	16.9%	16.4%	31.4%	5.2%
Ijazah pertama	UA	45,295	16.4%	47.5%	25.7%	7.6%	1.8%	0.9%	0.1%
	IPTS	25,657	6.6%	28.6%	42.7%	15.3%	3.8%	2.6%	0.4%
	Politeknik	116	10.3%	44.0%	34.5%	9.5%	1.7%	-	-
	IPT lain	40	10.0%	57.5%	25.0%	5.0%	2.5%	-	-
	Keseluruhan	71,108	12.9%	40.7%	31.8%	10.4%	2.5%	1.5%	0.2%
Diploma	UA	5,250	20.1%	66.4%	9.1%	1.9%	1.2%	1.1%	0.1%
	IPTS	16,913	17.3%	67.7%	11.5%	1.7%	0.7%	0.8%	0.3%
	Politeknik	17,740	15.1%	73.4%	9.6%	1.1%	0.4%	0.3%	0.1%
	Kolej komuniti	199	17.6%	61.8%	16.6%	2.0%	1.5%	-	0.5%
	ILKA KSM	1,648	6.1%	78.0%	14.4%	1.0%	0.4%	0.2%	-
	ILKBS	739	6.9%	70.9%	18.1%	2.8%	0.9%	0.3%	-
	ILKAP MAFI	41	39.0%	51.2%	7.3%	2.4%	-	-	-
	ILKA MOTAC	27	40.7%	51.9%	3.7%	-	-	-	3.7%
	Kolej vokasional	7,779	23.6%	71.2%	4.2%	0.6%	0.1%	0.2%	0.1%
	ILKA KPLB	2,085	13.8%	69.2%	13.6%	1.6%	1.1%	0.5%	0.1%
	IPT lain	517	18.8%	69.4%	9.1%	1.5%	0.4%	0.2%	0.6%
Keseluruhan	52,938	17.2%	70.4%	9.8%	1.3%	0.6%	0.5%	0.2%	
Sijil	IPTS	389	11.1%	31.6%	33.7%	14.9%	5.7%	2.6%	0.5%
	Politeknik	65	58.5%	38.5%	3.1%	-	-	-	-
	Kolej komuniti	4,616	22.2%	70.9%	5.7%	0.7%	0.3%	0.2%	0.1%
	ILKA KSM	2,041	14.8%	75.9%	7.8%	0.5%	0.7%	0.1%	-
	ILKBS	1,415	18.2%	72.5%	8.4%	0.5%	0.2%	0.1%	-
	ILKAP MAFI	354	34.2%	59.3%	5.6%	0.3%	0.3%	0.3%	-
	ILKA MOTAC	1	-	-	100%	-	-	-	-
	ILKA KPLB	8,663	38.2%	54.9%	5.4%	0.6%	0.4%	0.3%	0.2%
	ILKA KKR	72	12.5%	73.6%	11.1%	-	2.8%	-	-
	IPT lain	98	9.2%	20.4%	14.3%	9.2%	17.3%	24.5%	5.1%
Keseluruhan	17,714	28.9%	62.3%	6.7%	1.0%	0.6%	0.4%	0.1%	

4.6 Sektor Ekonomi

4.6.1 Sektor Ekonomi bagi Keseluruhan Graduan 2020

- Sektor ekonomi yang menyumbang kepada peratusan pekerjaan tertinggi graduan 2020 ialah aktiviti perkhidmatan lain, merangkumi aktiviti keahlian organisasi, membaiki komputer & barangan persendirian & isi rumah dan pelbagai aktiviti perkhidmatan persendirian yang tidak diliputi dalam mana-mana klasifikasi *Malaysia Industrial Standard Classification* (MSIC), iaitu sebanyak 16.5 peratus. Manakala sektor pembuatan dan pendidikan masing-masing menyumbang sebanyak 14.6 peratus dan 10.0 peratus. Keseluruhannya, ketiga-tiga sektor ini menyumbang sebanyak 41.1 peratus pekerjaan graduan 2020.

Carta 4.6

Sektor Ekonomi bagi Keseluruhan Graduan 2020

Bil.	Sektor ekonomi	Bil. responden	%
1	Aktiviti Perkhidmatan Lain	25,829	16.5
2	Pembuatan	22,881	14.6
3	Pendidikan	15,668	10.0
4	Profesional, Aktiviti Sainifik dan Teknikal	11,323	7.2
5	Penginapan dan Aktiviti-aktiviti Perkhidmatan Makanan	9,812	6.3
6	Perdagangan Jual Borong dan Jual Runcit, Pembaikan Kenderaan	9,492	6.1
7	Pembinaan	8,813	5.6
8	Maklumat dan Komunikasi	8,423	5.4
9	Kewangan dan Insurans / Aktiviti Takaful	6,767	4.3
10	Kesihatan Manusia dan Aktiviti Kerja Sosial	6,521	4.2
11	Bekalan Elektrik, Gas, Stim dan Penyaman Udara	5,640	3.6
12	Pentadbiran dan Aktiviti Perkhidmatan Sokongan	5,294	3.4
13	Pengangkutan dan Penyimpanan	4,420	2.8
14	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	3,416	2.2
15	Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan Bagi Personel Domestik Aktiviti Mengeluarkan Barangan dan Perkhidmatan Yang Tidak Dapat Dibezakan Oleh Isi Rumah Persendirian Untuk Kegunaan Sendiri	3,514	2.2
16	Seni, Hiburan dan Rekreasi	2,803	1.8
17	Aktiviti Hartanah	2,074	1.3
18	Pentadbiran Awam dan Pertahanan; Keselamatan Sosial Wajib	1,843	1.2
19	Aktiviti Organisasi dan Badan-badan Luar Wilayah	838	0.5
20	Bekalan Air, Pembetulan, Pengurusan Sisa dan Aktiviti-aktiviti Pemulihan	702	0.4
21	Perlombongan dan Pengkuarian	452	0.3
Jumlah		156,525	100

BAB 5


BAHAGIAN II

GRADUAN 2020 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN


- Graduan Warganegara
- Graduan Antarabangsa

GRADUAN WARGANEGARA 2019-2020 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN

Kadar melanjutkan pengajian




Kadar graduan melanjutkan pengajian mengikut jenis IPT



n= Jumlah responden

Taburan graduan yang melanjutkan pengajian mengikut jantina



Kadar graduan yang melanjutkan pengajian dalam bidang sama mengikut peringkat pengajian

Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	2019		2020	
	n	Bidang yang sama	n	Bidang yang sama
PhD	80	72.5%	48	75.0%
Sarjana	1,480	86.2%	1,253	86.3%
Ijazah pertama	8,797	84.5%	7,849	83.6%
Diploma	40,307	85.4%	38,459	85.8%
Sijil	8,011	85.2%	7,276	83.1%
* Peringkat lain	346	91.6%	245	91.0%
Keseluruhan	59,021	85.3%	55,130	85.2%

- * Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional
- Seramai 1,353 responden 2019 tiada maklumat

Sebab utama graduan warganegara melanjutkan pengajian

Sebab UTAMA melanjutkan pengajian	2019 (n=59,021)	2020 (n=54,319)
Meningkatkan tahap kelayakan akademik	31.5%	32.4%
Minat yang mendalam mencari ilmu	25.4%	22.6%
Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan	15.0%	16.8%
Prospek kerjaya yang lebih baik	16.6%	16.6%
Dorongan keluarga	7.9%	7.8%
Belum bersedia memasuki dunia pekerjaan	2.0%	2.0%
Sukar mendapat pekerjaan yang bersesuaian	1.1%	1.3%
Lain-lain	0.6%	0.5%

- Seramai 811 responden 2020 tiada maklumat

GRADUAN 2020 YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN

Bab ini memperihalkan kecenderungan graduan tahun 2020 yang melanjutkan pengajian setelah mereka menamatkan pengajian di institusi masing-masing dan terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu graduan tempatan dan antarabangsa. Berdasarkan definisi operasi *National Graduate Employability Blueprint 2012-2017* Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), graduan yang berstatus melanjutkan pengajian turut dikategorikan di bawah kebolehpasaran graduan (*graduate employability*; GE). Terdapat seramai 46,278 graduan atau sebanyak 17.8 peratus daripada 260,701 responden warganegara tahun 2020 berada dalam kategori ini.

Namun begitu, bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang kecenderungan graduan melanjutkan pengajian, analisis pada bab ini turut merangkumi graduan yang pada masa sama berstatus bekerja, sedang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Justeru itu, ia melibatkan seramai 55,130 graduan (21.1%) daripada 260,701 graduan tempatan yang telah menyatakan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi (2019: 60,374 daripada 298,551 graduan tempatan). Kajian Pengesanan Graduan menunjukkan beberapa faktor utama yang memacu hasrat graduan untuk melanjutkan pengajian iaitu meningkatkan tahap kelayakan akademik, minat yang mendalam mencari ilmu, meningkatkan peluang mendapat pekerjaan, dan prospek kerjaya yang lebih baik. Faktor-faktor ini merupakan pemangkin kepada hasrat graduan untuk melanjutkan pengajian. Disusuli dengan pasaran kerja yang agak kurang stabil disebabkan krisis COVID-19 yang berlaku pada awal tahun 2020, dan perubahan pesat yang berlaku pada teknologi masa kini terutama dalam bidang seperti kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI), internet benda atau *internet of things* (IOT), analitiks data raya atau *big data analytics* serta blok rantai atau *blockchain*, telah mengubah corak ekonomi dunia dan cara hidup masyarakat moden (Jabatan Perdana Menteri, 2021).

Perubahan pesat dalam teknologi ini memerlukan perangkaan yang teliti dan penyediaan sumber tenaga manusia yang berpengetahuan di dalam bidang-bidang tersebut untuk mencapai hasrat kerajaan ke arah Dasar Digital Malaysia dan pelaksanaan dasar tersebut melalui MyDigital Malaysia.


Menurut Bridgstock & Jackson (2019), melalui kajian mereka berkaitan dengan pendekatan strategik institusi ke arah kebolehpasaran graduan di Australia, mereka mencadangkan Institusi Pendidikan Tinggi perlu menetapkan tiga matlamat utama, iaitu: i) penghasilan graduan jangka pendek (*short-term graduate outcomes*); ii) ketersediaan profesional (*professional readiness*); dan iii) produktiviti kehidupan dan pekerjaan yang bermakna sepanjang hayat (*living and working productively and meaningfully across the lifespan*). Dengan itu, adalah diharapkan agar lebih banyak graduan di masa akan datang dapat memanfaatkan peluang untuk melanjutkan pengajian agar sasaran tersebut dapat dicapai dan seterusnya Malaysia mampu maju setapak lagi seiring dengan negara maju dalam penghasilan graduan yang berkemahiran dan berdaya saing.

5.1 Graduan Warganegara 2020 yang Melanjutkan Pengajian

5.1.1 Graduan 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT

Carta 5.1a

Graduan 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT




Jenis IPT	Jumlah responden	Kadar melanjutkan pengajian
UA	104,286	21.2% (22,098)
IPTS	83,323	21.1% (17,602)
Politeknik	25,901	23.2% (6,002)
Kolej komuniti	6,471	21.5% (1,391)
ILKA KSM	5,781	21.2% (1,224)
ILKBS	3,070	18.6% (570)
ILKAP MAFI	830	18.9% (157)
ILKA MOTAC	61	8.2% (5)
Kolej vokasional	11,675	7.5% (871)
IPT lain	1,764	53.3% (940)
ILKA KPLB	17,414	24.4% (4,257)
ILKA KKR	125	10.4% (13)
Keseluruhan	260,701	21.1% (55,130)

- Sebanyak 21.1 peratus atau 55,130 graduan tahun 2020 melanjutkan pengajian selepas bergraduat. Daripada jumlah ini, 44.3 peratus adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan.
- Secara keseluruhannya, daripada 112,641 graduan lelaki, 21.7 peratus (24,447 graduan) sahaja yang melanjutkan pengajian. Bagi graduan perempuan pula, sebanyak 20.7 peratus atau 30,683 graduan telah melanjutkan pengajian daripada jumlah keseluruhannya.
- Kadar tertinggi graduan yang melanjutkan pengajian dicatat oleh graduan IPT lain iaitu sebanyak 53.3 peratus (terdiri daripada Kolej Profesional MARA, ASWARA, INSPENS dan IPDAS, iaitu di bawah pengurusan atau pengelolaan kementerian lain/kerajaan negeri). Ini diikuti graduan ILKA KPLB (24.4%), politeknik (23.2%) dan kolej komuniti sebanyak 21.5 peratus.

5.1.2 Graduan 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)

Carta 5.1b

Graduan 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)



n= Jumlah responden


* Peringkat diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

- Graduan peringkat diploma merekodkan peratus tertinggi melanjutkan pengajian dengan 69.8 peratus, diikuti graduan ijazah pertama (14.2%) dan peringkat sijil (13.2%).
- Manakala graduan peringkat PhD mencatatkan peratus terendah melanjutkan pengajian dengan 0.09 peratus, diikuti graduan sarjana sebanyak 2.3 peratus (1,253 graduan).

5.1.3 Peringkat Pengajian yang Diikuti oleh Graduan 2020

Carta 5.1c

Peringkat Pengajian yang Diikuti oleh Graduan 2020




n= Jumlah responden

- Graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama merekodkan peratus tertinggi, iaitu sebanyak 64.1 peratus (35,357 graduan), diikuti peringkat sarjana (11.3%; 6,230 graduan) dan diploma/tahap 4 (11.2%; 6,155 graduan).
- Peratus terendah adalah ke peringkat diploma eksekutif dan SKM Tahap 1, iaitu masing-masing 0.1 peratus. Ini diikuti ke peringkat sijil pascasiswazah, Sijil Kecekapan Kemahiran dan kursus pendek dengan masing-masing sebanyak 0.2 peratus serta 0.5 peratus pula ke peringkat SKM Tahap 2.

5.1.4 Tumpuan Utama bagi Graduan 2020 yang Melanjutkan Pengajian

Carta 5.1d

Tumpuan Utama bagi Graduan 2020 yang Melanjutkan Pengajian



n= Jumlah responden

Nota: Memaparkan dua (2) peringkat pengajian lanjutan yang mencatatkan peratus tertinggi kecuali graduan sarjana dan diploma (tertinggi)

- Dalam kalangan graduan sarjana yang melanjutkan pengajian, 83.0 peratus meneruskan pengajian ke peringkat PhD.
- Bagi graduan ijazah pertama, sebanyak 67.0 peratus graduan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana manakala 13.8 peratus ke peringkat profesional.
- Peratus tertinggi graduan yang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama adalah graduan peringkat diploma, iaitu sebanyak 89.6 peratus.
- Graduan peringkat sijil yang melanjutkan pengajian ke peringkat diploma adalah sebanyak 61.2 peratus, manakala ke peringkat sijil pula sebanyak 25.3 peratus.

5.1.5 Graduan 2020 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama

Carta 5.1e

Graduan 2020 Melanjutkan Pengajian dalam Bidang yang Sama

Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	Bil. responden	Bidang yang sama	
		Bil.	%
PhD	48	36	75.0%
Sarjana	1,253	1,081	86.3%
Ijazah pertama	7,894	6,563	83.6%
Diploma	38,459	33,009	85.8%
Sijil	7,276	6,045	83.1%
* Peringkat lain	245	223	91.0%
Keseluruhan	55,130	46,957	85.2%

* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan, sijil dan profesional

- Sebahagian besar lulusan 2020 yang melanjutkan pengajian memilih dalam bidang yang sama, iaitu 85.2 peratus (46,957 graduan).
- Semua peringkat pengajian mencatatkan kadar melebihi 80.0 peratus yang memilih melanjutkan pengajian dalam bidang yang sama kecuali graduan PhD, iaitu 75.0 peratus.

5.1.6 Tempat Graduan 2020 Melanjutkan Pengajian

Carta 5.1f

Tempat Graduan 2020 Melanjutkan Pengajian

UA	96.4%	UA
	2.7%	IPTS
IPTS	86.6%	IPTS
	9.8%	UA
Politeknik	82.5%	UA
	11.1%	IPTS
Kolej komuniti	65.5%	Politeknik
	10.2%	Kolej komuniti
ILKA KSM	81.1%	ILKA KSM
	6.5%	UA
ILKBS	66.2%	ILKBS
	4.6%	IPTS
ILKAP MAFI	44.6%	ILKAP MAFI
	43.3%	UA
ILKA MOTAC	80.0%	ILKA MOTAC
	20.0%	UA
Kolej vokasional	44.3%	UA
	38.0%	IPTS
IPT lain	52.2%	IPTS
	42.0%	UA
ILKA KPLB	49.2%	ILKA KPLB
	16.6%	IPTS

Nota: Memaparkan dua (2) tempat yang mencatatkan peratus tertinggi

- Sebanyak 96.4 peratus atau 21,143 graduan UA tetap memilih UA sebagai institusi untuk melanjutkan pengajian semula.
- Begitu juga bagi graduan IPTS, sebilangan besar iaitu sebanyak 86.6 peratus (14,784 graduan) juga memilih IPTS sebagai institusi untuk melanjutkan pengajian.
- Bagi graduan politeknik pula, sebanyak 82.5 peratus (4,922 graduan) melanjutkan pengajian di UA dan 11.1 peratus (665 graduan) pula di IPTS.
- Sebanyak 65.5 peratus atau 897 graduan kolej komuniti melanjutkan pengajian ke politeknik. Segelintir daripada graduan kolej komuniti (10.2%; 140 graduan) kembali semula ke kolej komuniti untuk melanjutkan pengajian. Hanya dua peratus (28 graduan) melanjutkan pengajian ke UA.
- Sebilangan besar graduan ILKA KSM, iaitu sebanyak 81.1 peratus (993 graduan) melanjutkan pengajian semula ke ILKA KSM dan 6.5 peratus (79 graduan) ke UA.
- Sebanyak 66.2 peratus atau 374 graduan ILKBS kembali melanjutkan pengajian ke ILKBS manakala 4.6 peratus (26 graduan) ke IPTS.
- Bagi ILKAP MAFI, 44.6 peratus (70 graduan) melanjutkan pengajian semula di ILKAP MAFI, manakala 43.3 peratus (68 graduan) memilih UA.
- Seramai empat (4) graduan ILKA MOTAC atau 80.0 peratus melanjutkan pengajian di ILKA MOTAC manakala selebihnya (20.0%) ke UA.
- Sebanyak 44.3 peratus atau 382 graduan kolej vokasional melanjutkan pengajian ke UA dan 38.0 peratus (328 graduan) adalah ke IPTS.
- Majoriti graduan IPT lain, iaitu sebanyak 52.2 peratus (488 graduan) melanjutkan pengajian ke IPTS dan 42.0 peratus (393 graduan) ke UA.
- Bagi graduan ILKA KPLB, sebanyak 49.2 peratus (2,002 graduan) melanjutkan pengajian di ILKA KPLB. Selebihnya 16.6 peratus (674 graduan) ke IPTS, 11.3 peratus (458 graduan) ke UA, ke ILKA KSM (7.6 %; 311 graduan), ke politeknik (4.8%; 194 graduan), ILKBS (3.1%; 126 graduan) dan kolej komuniti (1.9%; 78 graduan) manakala selebihnya iaitu 6.7 peratus ke institusi lainnya.

5.1.7 Melanjutkan Pengajian di Institusi yang Sama bagi Graduan UA 2020

Carta 5.1g

Graduan UA 2020 Melanjutkan Pengajian ke Institusi yang Sama

Institusi semasa konvo	Bil. responden	Memilih UA yang sama	
		Bil.	%
UPNM	160	153	95.6
UiTM	13,771	13,104	95.2
UTeM	476	435	91.4
UMP	453	400	88.3
UTM	818	705	86.2
UPM	541	460	85.0
UMS	314	265	84.4
UniSZA	798	660	82.7
USM	427	346	81.0
UPSI	349	282	80.8
UniMAP	407	327	80.3
UKM	323	257	79.6
UTHM	747	594	79.5
UMT	216	171	79.2
UM	269	200	74.3
UIAM	320	236	73.8
UUM	201	142	70.6
USIM	192	135	70.3
UNIMAS	275	193	70.2
UMK	86	39	45.3
Keseluruhan	21,143	19,104	90.4


- Sebilangan besar graduan UA melanjutkan pengajian ke institusi yang sama, dengan peratus tertinggi adalah graduan UPNM (95.6%; 153 graduan), UiTM (95.2%; 13,104 graduan) dan UTeM sebanyak 91.4 peratus (435 graduan) daripada jumlah graduan masing-masing yang melanjutkan pengajian.

Nota: Bagi graduan UMK, sebanyak 11.6 peratus melanjutkan pengajian ke USM, UKM (10.5%), UPM (9.3%), UiTM (9.3%) dan selebihnya lain-lain IPT

5.1.8 Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2020

- Daripada jumlah graduan 2020 yang melanjutkan pengajian iaitu 55,130 graduan, seramai 46,278 orang atau 83.9 peratus adalah graduan yang sememangnya berada dalam kategori melanjutkan pengajian. Selebihnya adalah graduan yang pada masa yang sama bekerja, sedang meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan pekerjaan. Terdapat ramai yang tiada maklumat alasan melanjutkan pengajian memandangkan set soal selidik yang berbeza.
- Alasan utama kedua-dua kumpulan melanjutkan pengajian adalah untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik (28.8 hingga 33.1 peratus). Ini diikuti minat yang mendalam mencari ilmu, di mana kumpulan graduan yang melanjutkan pengajian dan pada masa yang sama berada dalam lain-lain status lebih tinggi iaitu 27.8 peratus.

Carta 5.1h Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2020



n= Jumlah responden

Nota:

- 1) Seramai 811 graduan tiada maklumat alasan melanjutkan pengajian (hanya sertai SKPG2.0)
- 2) Seramai 300 graduan ialah tidak berkenaan dengan kumpulan di atas

5.1.9 Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2020 Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)

- Analisis pada **Carta 5.1i** dan **Carta 5.1j** hanya melibatkan graduan yang berstatus melanjutkan pengajian semasa melengkapkan kaji selidik pada tahun 2020.
- Bagi graduan pascaijazah (PhD dan sarjana), alasan utama mereka melanjutkan pengajian adalah demi minat yang mendalam mencari ilmu dan untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik (**Carta 5.1i**).
- Berbeza daripada graduan ijazah pertama dan diploma, mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana ingin meningkatkan tahap kelayakan akademik, diikuti dengan alasan minat yang mendalam mencari ilmu dan mendapatkan prospek kerjaya yang lebih baik.
- Bagi graduan sijil pula, alasan meningkatkan tahap kelayakan akademik juga mencatatkan peratus tertinggi (29.3%), diikuti meningkatkan peluang mendapat pekerjaan (23.6%) dan minat yang mendalam mencari ilmu sebanyak 21.0 peratus.
- Kesimpulannya graduan berpendapat tujuan utama mereka melanjutkan pengajian adalah untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik, diikuti dengan minat yang mendalam untuk mencari ilmu, dan meningkatkan peluang mendapat pekerjaan. Kesukaran untuk mendapat pekerjaan bukan isu utama bagi graduan diploma dan sijil melanjutkan pengajian. Bagi graduan sarjana dan ijazah pertama pula, masing-masing mencatatkan 5.1 peratus (27 graduan) dan 3.9 peratus (195 graduan) memberikan alasan sukar mendapat pekerjaan yang bersesuaian.

Carta 5.1i

Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2020 Mengikut Peringkat Pengajian (Semasa Konvokesyen)

Alasan utama melanjutkan pengajian	Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)				
	PhD (n=12)	Sarjana (n=529)	Ijazah pertama (n=4,958)	Diploma (n=33,862)	Sijil (n=5,930)
Meningkatkan tahap kelayakan akademik	25.0%	29.1%	32.6%	33.7%	29.3%
Minat yang mendalam mencari ilmu	50.0%	38.6%	25.2%	20.9%	21.0%
Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan	-	5.3%	11.8%	17.0%	23.6%
Prospek kerjaya yang lebih baik	16.7%	16.3%	16.9%	17.5%	10.3%
Dorongan keluarga	-	3.4%	6.1%	7.7%	11.3%
Belum bersedia memasuki dunia pekerjaan	-	1.1%	2.4%	2.0%	3.0%
Sukar mendapat pekerjaan yang bersesuaian	-	5.1%	3.9%	0.9%	0.9%
Lain-lain	8.3%	1.1%	1.1%	0.3%	0.5%

n= Jumlah responden

5.1.10 Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2020 Mengikut Jenis IPT (Semasa Konvokesyen)

- Graduan di semua jenis IPT mencatatkan alasan utama melanjutkan pengajian adalah untuk meningkatkan tahap kelayakan akademik.
- Bagi graduan UA, IPTS dan IPT lain, corak alasan yang diperolehi adalah sama, iaitu diikuti alasan minat yang mendalam mencari ilmu, diikuti mendapatkan prospek kerjaya yang lebih baik dan untuk meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan .
- Bagi graduan politeknik, kolej komuniti dan ILKA, peratus kedua tertinggi juga adalah kerana minat yang mendalam mencari ilmu dan diikuti untuk meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan.

Carta 5.1j

Alasan Melanjutkan Pengajian bagi Graduan Warganegara 2020 Mengikut Jenis IPT (Semasa Konvokesyen)

Alasan utama melanjutkan pengajian	IPT (semasa konvokesyen)					
	UA (n=19,038)	IPTS (n=14,159)	Politeknik (n=4,915)	Kolej komuniti (n=1,227)	IPT lain (n=713)	ILKA (n=5,414)
Meningkatkan tahap kelayakan akademik	32.0%	35.5%	36.3%	35.4%	30.6%	27.2%
Minat yang mendalam mencari ilmu	22.2%	22.6%	17.6%	18.1%	23.8%	20.9%
Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan	15.8%	15.8%	16.7%	20.2%	15.8%	25.1%
Prospek kerjaya yang lebih baik	18.7%	16.6%	14.3%	11.2%	21.6%	10.7%
Dorongan keluarga	7.7%	5.2%	11.4%	11.8%	7.2%	11.7%
Belum bersedia memasuki dunia pekerjaan	2.0%	2.1%	2.1%	1.9%	0.6%	3.2%
Sukar mendapat pekerjaan yang bersesuaian	1.3%	1.6%	1.2%	0.9%	0.4%	0.8%
Lain-lain	0.4%	0.4%	0.3%	0.6%	0.0%	0.6%

n= Jumlah responden


Nota: Seramai 811 graduan tiada maklumat alasan melanjutkan pengajian (hanya sertai SKPG2.0)

5.2 Graduan Antarabangsa 2020 yang Melanjutkan Pengajian

5.2.1 Graduan Antarabangsa 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT

Carta 5.2a

Graduan Antarabangsa 2020 yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Jenis IPT



- Sebanyak 23.7 peratus atau 1,853 graduan antarabangsa tahun 2020 yang melanjutkan pengajian.
- Graduan lelaki yang melanjutkan pengajian adalah sebanyak 24.1 peratus (1,215 graduan) manakala graduan perempuan sebanyak 22.9 peratus (638 graduan) daripada jumlah masing-masing.

Jenis IPT	Jumlah responden	Kadar melanjutkan pengajian
UA	2,593	20.1% (522)
IPTS	5,231	25.4% (1,331)
Keseluruhan	7,824	23.7% (1,853)

5.2.2 Peringkat Pengajian yang Diikuti oleh Graduan Antarabangsa 2020

Carta 5.2b

Peringkat Pengajian yang Diikuti oleh Graduan Antarabangsa 2020

Peringkat pengajian (lanjutan)	UA (n=522)	IPTS (n=1,331)	Keseluruhan (n=1,853)
PhD	42.7%	14.1%	22.2%
Sarjana	47.9%	50.0%	49.4%
Diploma pascasiswazah	0.4%	0.3%	0.3%
Ijazah pertama	1.5%	21.6%	15.9%
Diploma lanjutan/tahap 5	0.2%	1.4%	1.0%
Diploma/tahap 4	1.1%	3.8%	3.1%
Sijil/tahap 3	1.7%	2.7%	2.4%
Profesional	1.3%	1.8%	1.7%
Sijil pascasiswazah	1.1%	1.4%	1.3%
Kursus pendek	1.9%	2.9%	2.6%
Diploma eksekutif	0.1%	0.2%	0.1%


n= Jumlah responden

- Sebanyak 49.4 peratus atau 915 graduan antarabangsa cenderung melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, sebanyak 22.2 peratus (411 graduan) ke peringkat PhD manakala sebanyak 15.9 peratus (295 graduan) ke peringkat ijazah pertama.
- Graduan antarabangsa UA dan IPTS mencatat peratus tertinggi melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana, iaitu masing-masing sebanyak 47.9 peratus (250 graduan) dan 50.0 peratus (665 graduan).
- Peratus terendah adalah melanjutkan pengajian ke peringkat diploma eksekutif (0.1%), diikuti diploma lanjutan/tahap 5 (1.0%) dan sijil pascasiswazah sebanyak 1.3 peratus.

5.2.3 Tempat Graduan Antarabangsa 2020 Melanjutkan Pengajian

Carta 5.2c

Tempat Graduan Antarabangsa 2020 Melanjutkan Pengajian



n= Jumlah responden

Nota: Memaparkan dua (2) tempat yang mencatatkan peratus tertinggi

- Sebilangan besar, iaitu 84.4 peratus atau 325 graduan antarabangsa UA tahun 2020 kembali melanjutkan pengajian ke UA, manakala sebanyak 9.4 peratus (36 graduan) ke IPTS.
- Bagi graduan antarabangsa IPTS, sebanyak 73.1 peratus (716 graduan) turut kembali melanjutkan pengajian semula ke IPTS, manakala sebanyak 11.2 peratus (110 graduan) memilih untuk melanjutkan pengajian ke luar negara.

BAB 6


BAHAGIAN II

GRADUAN (WARGANEGARA) 2020 YANG BELUM BEKERJA




GRADUAN WARGANEGARA 2019-2020 BELUM BEKERJA

Kadar belum bekerja



Taburan graduan belum bekerja mengikut jantina



Alasan utama belum bekerja

Alasan belum bekerja	2019 (n=41,161)	2020 (n=40,550)
Sedang mencari pekerjaan	67.1%	72.8%
Berehat/melancong/bercuti	11.8%	6.7%
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	6.2%	6.0%
Tanggungjawab terhadap keluarga	4.9%	4.5%
Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	2.7%	2.4%
Memilih untuk tidak bekerja	2.3%	2.3%
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	1.0%	1.5%
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	1.5%	1.5%
Tidak berminat untuk bekerja	1.0%	0.8%
Lain-lain	1.5%	1.6%

Kadar belum bekerja mengikut peringkat pengajian

Peringkat pengajian (semasa konvokesyen)	2019	2020
PhD	12.0%	10.2%
Sarjana	10.2%	9.5%
Ijazah pertama	16.3%	17.9%
Diploma	12.5%	14.4%
Sijil	10.8%	15.0%
*Peringkat lain	11.2%	8.3%

* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

Kadar belum bekerja mengikut negeri bermastautin (5 Tertinggi)

Negeri bermastautin (lima tertinggi tahun 2020)	2019	2020
Sabah	18.0%	23.8%
Sarawak	16.8%	19.9%
Kelantan	17.9%	19.1%
Perak	15.5%	18.2%
Terengganu	16.0%	17.4%

Kadar belum bekerja mengikut bidang pengajian

Bidang pengajian	2019	2020
Sastera dan kemanusiaan	16.6%	18.8%
Pertanian dan veterinar	15.5%	18.8%
Perkhidmatan	15.0%	17.5%
Pendidikan	20.8%	17.0%
Sains sosial, perniagaan dan perundangan	15.5%	16.2%
Kesihatan dan kebajikan	13.9%	15.6%
Sains, matematik dan komputer	12.8%	14.7%
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	9.9%	13.5%

GRADUAN (WARGANEGARA) 2020 YANG BELUM BEKERJA

Bab ini memberi maklumat berkenaan graduan (warganegara) yang masih belum bekerja pada tahun 2020 mengikut jenis IPT, peringkat pengajian, bidang pengajian, negeri bermastautin, penaja pengajian, dan pendapatan bulanan keluarga. Selain itu, alasan graduan belum bekerja mengikut IPT, kekerapan graduan menghadiri temu duga, serta sumber graduan mendapatkan maklumat pekerjaan juga dinyatakan dalam bab ini.

6.1 Alasan Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan 2020

Carta 6.1

Alasan Belum Bekerja bagi Keseluruhan Graduan 2020

n= 40,550



- Keseluruhan bilangan graduan berstatus belum bekerja adalah 40,550 orang. Sebahagian besar graduan, iaitu 72.8 peratus yang belum bekerja sedang mencari pekerjaan.
- Manakala 6.7 peratus graduan memilih untuk berehat/melancong/bercuti dan 6.0 peratus pula sedang menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian.
- Terdapat juga graduan memilih untuk tidak bekerja, iaitu 2.3 peratus dan tidak berminat untuk bekerja sebanyak 0.8 peratus. Walau bagaimanapun, bilangan ini amat kecil berbanding mereka yang aktif mencari pekerjaan.
- Terdapat 4.5 peratus graduan menyatakan alasan tidak bekerja kerana tanggungjawab terhadap keluarga.

0.4%	Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)	0.1%	Masalah komunikasi/softskill
0.4%	Enggan berpindah ke tempat lain	0.1%	Pekerjaan yang ditawarkan tidak berkaitan dengan bidang pengajian
0.2%	Bersara pilihan/wajib	0.05%	Gaji yang ditawarkan tidak setaraf dengan kelayakan
0.2%	Tamat kontrak	0.01%	Pekerjaan yang ditawarkan tidak setaraf dengan kelayakan
0.1%	Tidak dibenarkan untuk bekerja (undang-undang)	0.002%	Memilih opsyen Skim Berhenti Sukarela (VSS)
0.1%	Diberhentikan kerja		

n= Jumlah responden

6.2 Kadar Belum Bekerja Graduan 2020

6.2.1 Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

Carta 6.2a

Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Jenis IPT

Jenis IPT	n	%
ILKAP MAFI	830	36.3% (301)
ILKA MOTAC	61	32.8% (20)
ILKA KKR	125	32.0% (40)
IPTS	83,323	20.6% (17,125)
Kolej Vokasional	11,675	18.4% (2,146)
ILKA KPLB	17,414	16.4% (2,850)
ILKA KSM	5,781	15.2% (878)
ILKBS	3,070	14.7% (451)
UA	104,286	13.3% (13,906)
IPT lain	1,764	13.2% (233)
Politeknik	25,901	8.6% (2,224)
Kolej komuniti	6,471	5.8% (376)

n= Jumlah responden

- Kadar belum bekerja terendah adalah graduan kolej komuniti, iaitu 5.8 peratus (376 graduan), diikuti graduan politeknik 8.6 peratus (2,224 graduan).
- Bagi IPT yang mempunyai jumlah graduan yang besar, iaitu UA dan IPTS, kadar belum bekerja masing-masing sebanyak 13.3 peratus (13,906 graduan) dan 20.6 peratus (17,125 graduan).
- Terdapat tiga (3) IPT mencatatkan kadar belum bekerja melebihi 30.0 peratus, iaitu ILKAP MAFI 36.3 peratus, ILKA MOTAC 32.8 peratus dan ILKA KKR sebanyak 32.0 peratus. Walau bagaimanapun, bilangan graduan ILKA KKR (40 graduan) dan ILKA MOTAC (20 graduan) adalah kecil.

6.2.2 Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Carta 6.2b

Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	n	%
Ijazah pertama	107,119	17.9% (19,135)
Sijil	28,483	15.0% (4,266)
Diploma	107,016	14.4% (15,429)
Diploma lanjutan	138	12.3% (17)
PhD	2,210	10.2% (225)
Sarjana	14,280	9.5% (1,363)
Diploma pascasiswazah	1,133	8.5% (96)
Profesional	289	6.6% (19)

n= Jumlah responden


Nota: Seramai 33 graduan peringkat sijil pascasiswazah telah bekerja

- Kadar belum bekerja tertinggi mengikut peringkat pengajian adalah graduan ijazah pertama 17.9 peratus (19,135 graduan), diikuti sijil (15.0%; 4,266 graduan), diploma (14.4%; 15,429 graduan), diploma lanjutan (12.3%; 17 graduan) dan PhD (10.2%; 225 graduan).
- Graduan sarjana, diploma pascasiswazah dan profesional mencatatkan kadar belum bekerja kurang daripada 10.0 peratus.

6.2.3 Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Jantina

Carta 6.2c

Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Jantina











n= Jumlah responden

- Kadar belum bekerja graduan perempuan ialah 16.7 peratus, iaitu melebihi lelaki sebanyak 2.7 peratus.

6.2.4 Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Carta 6.2d

Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	n	%
 Sastera dan kemanusiaan	19,909	18.8% (3,745)
 Pertanian dan veterinar	4,818	18.8% (908)
 Perkhidmatan	19,240	17.5% (3,358)
 Pendidikan	13,445	17.0% (2,284)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	80,252	16.2% (13,005)
 Kesihatan dan kebajikan	13,299	15.6% (2,080)
 Sains, matematik dan komputer	27,777	14.7% (4,077)
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	81,961	13.5% (11,093)

n= Jumlah responden

- Graduan bidang sastera & kemanusiaan serta graduan pertanian & veterinar mencatatkan kadar belum bekerja tertinggi, iaitu masing-masing 18.8 peratus.
- Terdapat dua (2) bidang yang mencatatkan kadar belum bekerja kurang daripada 15.0 peratus, iaitu sains, matematik & komputer (14.7%; 4,077 graduan) dan kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (13.5%; 11,093 graduan).

6.2.5 Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Negeri Bermastautin

- Graduan yang bermastautin di Sabah mencatatkan kadar belum bekerja tertinggi, iaitu 23.8 peratus (3,641 graduan), diikuti Sarawak (19.9%; 3,162 graduan), Kelantan (19.1%; 3,114 graduan) dan Perak (18.2%; 3,867 graduan).
- Graduan di Wilayah Persekutuan Putrajaya pula merekodkan kadar belum bekerja terendah, iaitu 9.7 peratus (129 graduan).
- Terdapat tiga (3) negeri yang mencatatkan jumlah graduan melebihi 20 ribu, iaitu Selangor, Johor dan Perak. Kadar belum bekerja bagi graduan yang bermastautin di Selangor dan Johor masing-masing 13.0 peratus manakala di Perak ialah 18.2 peratus.

Carta 6.2e

Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Negeri Bermastautin



n= Jumlah responden


Nota:

- 1) Seramai 150 graduan bermastautin di luar negara. Kadar belum bekerja ialah 11.3 peratus
- 2) Seramai 1,461 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

6.3 Taburan Graduan 2020 yang Belum Bekerja Mengikut Penaja Pengajian

Carta 6.3

Taburan Graduan 2020 yang Belum Bekerja Mengikut Penaja Pengajian



- Dalam kalangan graduan yang belum bekerja dan mempunyai maklumat penaja pengajian (40,490 graduan), sebanyak 45.0 peratus merupakan tajaan PTPTN.
- Seterusnya diikuti pembiayaan persendirian 27.8 peratus, MARA 9.5 peratus, KPM 5.4 peratus dan lain-lain pembiayaan 4.9 peratus.
- Walau bagaimanapun, graduan belum bekerja bagi pembiayaan oleh Kerajaan/ Yayasan Negeri, JPA, KBS, KPT dan MAFI adalah rendah, iaitu antara 0.7 hingga 1.2 peratus.

n= Jumlah responden

Nota: Seramai 60 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0 dan IPT tidak dapat bekalkan maklumat)

6.4 Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga

Carta 6.4

Kadar Belum Bekerja Graduan 2020 Mengikut Pendapatan Bulanan Keluarga

Pendapatan bulanan keluarga	n	%
RM4,000 dan ke bawah	181,583	16.4 (29,824)
RM1,000 dan ke bawah	36,766	20.3 (7,481)
RM1001, - RM2,000	65,676	16.2 (10,661)
RM2,001 - RM3,000	51,184	15.0 (7,684)
RM3,001 - RM4,000	27,957	14.3 (3,998)
RM4,001 - RM8,500	53,440	13.8 (7,355)
RM4,001 - RM5,000	25,317	14.1 (3,582)
RM5,001 - RM8,500	28,123	13.4 (3,773)
RM8,501 dan ke atas	24,226	12.5 (3,038)

n= Jumlah responden

Nota: Seramai 333 graduan tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)


- Kadar belum bekerja bagi graduan dalam kategori RM4,000 & ke bawah adalah sebanyak 16.4 peratus, 13.8 peratus bagi kategori RM4,001 – RM8,500 dan 12.5 peratus bagi kumpulan pendapatan bulanan keluarga RM8,501 & ke atas.
- Graduan dengan pendapatan keluarga antara RM5,001 – RM8,500 dan yang melebihi RM8,500 mempunyai kadar belum bekerja terendah, iaitu masing-masing 13.4 peratus dan 12.5 peratus.
- Graduan dengan pendapatan keluarga antara RM4,001 – RM5,000 merekodkan kadar belum bekerja 14.1 peratus.
- Justeru, semakin rendah pendapatan bulanan keluarga, semakin tinggi kadar belum bekerja graduan.

6.5 Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan 2020 yang Belum Bekerja

Carta 6.5

Kekerapan Menghadiri Temu Duga bagi Graduan 2020 yang Belum Bekerja

n= 37,805



n= Jumlah responden

Nota:

- 1) Tidak melibatkan graduan yang Memilih untuk tidak bekerja/ Tidak berminat untuk bekerja/ Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)/ Tidak dibenarkan untuk bekerja (undang-undang), iaitu seramai 1,553 graduan
- 2) Seramai 1,192 tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

- Sebanyak 56.0 peratus graduan pernah menghadiri temu duga pekerjaan dengan 49.5 peratus merekodkan antara satu (1) hingga lima (5) kali dan 6.5 peratus lebih daripada lima (5) kali.
- Sebanyak 44.0 peratus graduan yang belum bekerja tidak pernah menghadiri temu duga pekerjaan.

6.6 Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan 2020 yang Belum Bekerja

- Sumber utama yang digunakan oleh graduan belum bekerja bagi mendapatkan maklumat pekerjaan adalah internet 36.1 peratus, agensi pekerjaan 31.4 peratus, media sosial sebanyak 12.3 peratus dan JobsMalaysia 9.5 peratus.
- Sumber paling rendah yang digunakan oleh graduan belum bekerja adalah Unit/Pusat kaunseling & kerjaya (0.5%) dan persatuan alumni (0.1%).

Carta 6.6

Sumber Mendapatkan Maklumat Pekerjaan bagi Graduan 2020 yang Belum Bekerja

Jenis IPT	Jumlah responden	Internet	Agensi pekerjaan	Media sosial (fb, twitter, blog)	Jobs Malaysia	Rakan / keluarga	Media cetak	Karnival kerjaya	Media elektronik	Pensyarah	Unit/ Pusat Kaunseling / Kerjaya	Persatuan Alumni	Lain-lain
IPTS	15,763	36.0%	35.3%	11.8%	8.5%	5.1%	0.8%	1.0%	0.1%	0.7%	0.7%	-	-
UA	13,263	36.3%	37.8%	11.7%	9.0%	3.0%	0.8%	0.6%	0.0%	0.4%	0.4%	-	-
ILKA KPLB	2,596	32.4%	8.6%	13.1%	9.9%	23.3%	3.4%	1.6%	3.0%	0.7%	0.4%	0.3%	3.0%
Politeknik	2,077	37.7%	24.7%	12.0%	14.6%	6.1%	1.1%	1.1%	1.7%	0.1%	0.0%	-	0.7%
Kolej vokasional	2,024	36.4%	15.8%	15.6%	10.5%	13.6%	1.1%	0.2%	3.2%	0.8%	0.8%	0.0%	2.1%
ILKA KSM	785	38.3%	10.2%	16.3%	15.4%	5.7%	3.6%	2.7%	2.9%	1.8%	-	1.5%	1.5%
ILKBS	433	31.4%	18.2%	13.2%	11.1%	11.5%	4.8%	1.4%	4.2%	0.2%	0.5%	0.5%	3.0%
Kolej komuniti	332	44.6%	8.1%	20.5%	7.8%	13.3%	1.5%	-	0.9%	0.9%	-	0.3%	2.1%
ILKAP MAFI	296	37.8%	8.4%	13.5%	18.6%	11.8%	3.0%	0.3%	3.4%	1.0%	-	-	2.0%
IPT lain	179	41.3%	22.3%	19.0%	5.6%	8.4%	1.7%	-	0.6%	0.6%	0.6%	-	-
ILKA KKR	38	28.9%	5.3%	15.8%	13.2%	23.7%	-	-	-	-	-	-	13.2%
ILKA MOTAC	19	31.6%	-	36.8%	21.1%	5.3%	-	-	-	-	5.3%	-	-
Keseluruhan	37,805	36.1%	31.4%	12.3%	9.5%	6.4%	1.2%	0.9%	0.7%	0.6%	0.5%	0.1%	0.5%

Nota:

- 1) Tidak melibatkan graduan yang Memilih untuk tidak bekerja/ Tidak berminat untuk bekerja/ Tidak dibenarkan untuk bekerja (keluarga)/ Tidak dibenarkan untuk bekerja (undang-undang), iaitu seramai 1,553 graduan
- 2) Seramai 1,192 tiada maklumat (hanya sertai SKPG2.0)

BAB 7

BAHAGIAN II

KUMPULAN BERFOKUS: KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

- 7.1 Graduan Usahawan
- 7.2 Graduan Berstatus OKU
- 7.3 Graduan Keturunan Orang Asli


BAB 7.1

**GRADUAN USAHAWAN 2020
(BEKERJA SENDIRI,
MAJIKAN DAN *FREELANCE*)**




GRADUAN USAHAWAN WARGANEGARA 2019-2020

Kadar graduan usahawan




Taburan graduan usahawan mengikut jantina



n= Jumlah responden usahawan

Kadar graduan usahawan mengikut jenis IPT




Kadar graduan usahawan mengikut peringkat pengajian

Peringkat pengajian	2019	2020
PhD	7.6%	9.7%
Sarjana	7.4%	9.0%
Ijazah pertama	12.3%	13.4%
Diploma	15.0%	15.5%
Sijil	21.3%	26.8%
* Peringkat lain	10.0%	7.4%

* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan dan profesional

Pendapatan bulanan graduan usahawan



Jenis perniagaan (10 tertinggi)

Jenis perniagaan	2019 (n=25,888)	2020 (n=23,843)
Perniagaan dalam talian (e-business/online)	10.3%	16.6%
Restoran/warung/food truck	6.6%	6.4%
Pemprosesan & pembuatan makanan	4.9%	5.8%
Pendidikan	6.4%	5.7%
Kontraktor binaan/elektrik/paip/dll	5.4%	5.4%
Tukang jahit/butik	5.4%	5.4%
Jualan langsung	5.5%	5.4%
Bengkel membaiki kenderaan	3.7%	4.0%
Kedai runcit/pasaraya	4.9%	3.8%
Percetakan/pengiklanan/grafik	3.7%	2.9%

n= Jumlah responden usahawan

GRADUAN USAHAWAN 2020

Bab ini mengandungi maklumat graduan (warganegara) 2020 yang berada dalam kategori usahawan, merangkumi graduan bekerja sendiri, sebagai majikan dan *freelance* pada taraf pekerjaan (rujuk Bab 4). Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang amat diberi perhatian oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 yang telah dibangunkan bertujuan memupuk minda keusahawanan dalam kalangan graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai usaha merealisasikan aspirasi negara bagi melahirkan graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang. Berdasarkan dapatan Kajian Pengesanan Graduan 2020, perkara yang dibincangkan di dalam bab ini adalah kadar graduan yang memilih bidang keusahawanan mengikut jenis IPT, peringkat pengajian, jenis perniagaan yang dijalankan, sumber modal dan pendapatan bulanan yang diperolehi.

7.1 Graduan Usahawan 2020

7.1.1 Graduan Usahawan 2020 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

Carta 7.1a

Graduan Usahawan 2020 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

Jenis IPT	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan	L	P
ILKA KPLB	10,748	33.0% (3,542)	56.5%	43.5%
ILKA MOTAC	28	32.1% (9)	66.7%	33.3%
ILKA KKR	72	25.0% (18)	100%	0.0%
IPT lain	655	24.7% (162)	59.9%	40.1%
ILKAP MAFI	395	24.1% (95)	70.5%	29.5%
ILKBS	2,155	18.5% (399)	72.9%	27.1%
Kolej komuniti	4,815	18.5% (889)	47.4%	52.6%
IPTS	45,998	14.9% (6,833)	46.6%	53.4%
Kolej vokasional	7,779	14.2% (1,101)	60.7%	39.3%
UA	62,237	13.1% (8,141)	36.0%	64.0%
Politeknik	17,921	12.8% (2,290)	51.7%	48.3%
ILKA KSM	3,722	9.8% (364)	75.3%	24.7%
Keseluruhan	156,525	15.2% (23,843)	46.7%	53.3%


L= Lelaki P= Perempuan

- Secara keseluruhan, sebanyak 15.2 peratus atau 23,843 graduan tahun 2020 memilih menjadi usahawan.
- Peratus tertinggi ialah graduan ILKA KPLB, iaitu 33.0 peratus, diikuti ILKA MOTAC (32.1%), ILKA KKR (25.0%), IPT lain (24.7%) dan ILKAP MAFI sebanyak 24.1 peratus.
- Bagi kebanyakan jenis IPT, peratus graduan lelaki yang menjadi usahawan lebih tinggi berbanding perempuan, kecuali bagi graduan dari UA, IPTS dan kolej komuniti.

7.1.2 Kadar Graduan Usahawan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Carta 7.1b

Kadar Graduan Usahawan 2020 Mengikut Peringkat Pengajian











- Graduan peringkat sijil merekodkan peratusan tertinggi sebagai usahawan, dengan 26.8 peratus (4,740 graduan), diikuti diploma (15.5%; 8,224 graduan) dan ijazah pertama (13.4%; 9,557 graduan).

n= Jumlah responden bekerja

7.1.3 Kadar Graduan Usahawan 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Carta 7.1c

Kadar Graduan Usahawan 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden bekerja	Kadar usahawan
 Sastera dan kemanusiaan	11,990	22.8% (2,737)
 Perkhidmatan	12,195	20.9% (2,554)
 Pertanian dan veterinar	2,471	20.6% (508)
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	50,301	15.4% (7,735)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	47,831	13.7% (6,574)
 Pendidikan	9,257	13.3% (1,229)
 Sains, matematik dan komputer	15,156	12.0% (1,815)
 Kesihatan dan kebajikan	7,324	9.4% (691)

- Graduan sastera & kemanusiaan merekodkan peratusan tertinggi sebagai usahawan (22.8%), diikuti bidang perkhidmatan (20.9%) dan bidang pertanian & veterinar sebanyak 20.6 peratus.


7.1.4 Sepuluh (10) Jenis Perniagaan Utama Diceburi Graduan Usahawan 2020

- Jenis perniagaan tertinggi yang diceburi oleh graduan usahawan ialah e-perniagaan atau perniagaan dalam talian yang menyumbang sebanyak 16.6 peratus (3,949 graduan), diikuti restoran/warung/*food truck* (6.4%; 1,534 graduan), pemprosesan & pembuatan makanan (5.8%; 1,380 graduan) dan pendidikan (5.7%; 1,352 graduan).

Carta 7.1d

Sepuluh (10) Jenis Perniagaan Utama Diceburi Graduan Usahawan 2020

n= 23,843




n= Jumlah responden usahawan

7.1.5 Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan 2020

- Sumber modal utama bagi graduan untuk memulakan perniagaan ialah keluarga (45.8%; 9,377 graduan), diikuti modal persendirian (27.1%; 5,534 graduan) dan pinjaman dari bank komersil (12.2%; 2,489 graduan).
- Selain itu, sebanyak 3.7 peratus (762 graduan) graduan mendapat suntikan modal dari rakan kongsi, diikuti dari Agro Bank dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), masing-masing sebanyak 1.4 peratus.

Carta 7.1e

Sumber Modal (Pilihan Pertama) Graduan Usahawan 2020




Nota: Seramai 3,385 responden tiada maklumat kerana soalan ini tiada dalam SKPG2.0

7.1.6 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2020

Carta 7.1f

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2020



- Pendapatan bulanan tertinggi bagi graduan usahawan ialah pada julat pendapatan RM1,000 dan ke bawah iaitu 42.2 peratus (10,068 graduan), diikuti RM1,001 – RM2,000 (38.4%; 9,153 graduan) dan RM2,001 – RM3,000 (12.3%; 2,941 graduan).
- Ini selari dengan peratusan graduan yang baru menceburi bidang perniagaan secara dalam talian.
- Graduan perempuan mencatatkan peratusan tertinggi bagi julat pendapatan RM1,000 & ke bawah dengan menyumbang 61.6 peratus.
- Graduan usahawan yang mempunyai pendapatan melebihi RM10,000 merekodkan 0.7 peratus sahaja dan majoriti merupakan graduan lelaki.

7.1.7 Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2020 Mengikut Jenis Perniagaan (10 Tertinggi)

- Bagi julat pendapatan RM1,000 & ke bawah terdapat tiga (3) jenis perniagaan yang merekodkan peratusan melebihi 50.0 peratus iaitu tukang jahit/butik (70.9%; 907 graduan) diikuti perniagaan dalam talian (59.4%; 2,344 graduan) dan jualan langsung (51.6%; 659 graduan).
- Manakala bagi julat pendapatan RM1,001 – RM2,000, empat (4) jenis perniagaan yang mencatatkan peratusan tertinggi, iaitu kedai runcit/pasaraya (56.7%; 509 graduan), kontraktor binaan/elektrik/paip & lain-lain (47.1%; 608 graduan), restoran/warung/food truck (46.7%; 717 graduan) dan bengkel membaiki kenderaan (45.4%; 432 graduan).

Carta 7.1g

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan 2020 Mengikut Jenis Perniagaan (10 Tertinggi)

Jenis perniagaan (10 tertinggi)	Jumlah responden usahawan	RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 - RM2,000	RM2,001 - RM3,000	RM3,001 - RM4,000	RM4,001 - RM5,000	RM5,001 - RM10,000	Lebih daripada RM10,000
 Perniagaan dalam talian (e-business/online)	3,949	59.4%	29.1%	7.3%	1.6%	1.3%	1.0%	0.4%
 Restoran/warung/food truck	1,534	39.5%	46.7%	8.4%	2.6%	1.5%	1.2%	0.1%
 Pemprosesan & pembuatan makanan	1,380	49.6%	37.8%	9.0%	1.2%	1.3%	0.7%	0.4%
 Pendidikan	1,352	44.8%	35.0%	11.3%	3.7%	2.1%	2.2%	0.9%
 Kontraktor binaan/elektrik/paip/dll	1,292	22.8%	47.1%	19.5%	4.0%	2.9%	2.4%	1.3%
 Tukang jahit/butik	1,279	70.9%	23.3%	3.6%	0.7%	0.9%	0.2%	0.3%
 Jualan langsung	1,277	51.6%	37.6%	7.0%	1.6%	1.2%	1.0%	0.1%
 Bengkel membaiki kenderaan	952	39.5%	45.4%	10.6%	1.7%	1.4%	0.8%	0.6%
 Kedai runcit/pasaraya	898	30.1%	56.7%	9.1%	1.3%	1.0%	1.0%	0.8%
 Percetakan/pengiklanan/grafik	684	46.1%	38.6%	11.5%	1.8%	0.7%	1.3%	-

BAB 7.2

**GRADUAN OKU 2020
KELUARAN DAN
MAKLUMAT PEKERJAAN**




GRADUAN OKU 2019-2020

Keluaran graduan OKU dan kadar respons


Jantina	2019 (N=1,017)	2020 (N=958)
	59.7%	61.7%
	40.3%	38.3%
KR	85.5%	85.5%

↓ 0.6%


Kadar kebolehpasaran graduan OKU




Status pekerjaan graduan OKU



Taraf pekerjaan graduan OKU



Pendapatan bulanan graduan OKU



Sebab belum bekerja graduan OKU (5 tertinggi)

5 sebab utama belum bekerja	2019 (n=186)	2020 (n=166)
Sedang mencari pekerjaan	55.4%	59.6%
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	14.5%	12.7%
Tanggungjawab terhadap keluarga	2.2%	5.4%
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	7.5%	5.4%
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	3.2%	4.8%

N= Jumlah graduan
n= Jumlah responden
KR= Kadar respons

GRADUAN OKU 2020 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN

Orang Kurang Upaya (OKU) adalah kelompok penting masyarakat yang mempunyai potensi dan dinamika tersendiri. Justeru, golongan OKU mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan dan menyumbang kepada kemakmuran negara. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan graduan yang tergolong sebagai OKU. Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), “OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”. Bagi membantu golongan ini agar mendapat peluang pendidikan tertiar, Kementerian Pengajian Tinggi telah menyediakan skim bantuan kewangan kepada pelajar OKU yang mendaftar di IPTA dan IPTS yang dikenali sebagai Bantuan Kewangan Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) seperti di pautan https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/.


Bab ini akan memaparkan keluaran graduan OKU tahun 2020 dan status pekerjaan serta maklumat pekerjaan mereka seperti taraf pekerjaan, jenis pekerjaan, sektor yang menawarkan pekerjaan kepada graduan OKU dan pendapatan bulanan yang diperolehi.

7.2 Graduan OKU 2020

7.2.1 Graduan OKU 2020 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

Carta 7.2a

Graduan OKU 2020 Mengikut Jenis IPT dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan









- Seramai 958 graduan OKU yang telah bergraduat pada tahun 2020. Ini menyumbang sebanyak 0.3 peratus sahaja dari keseluruhan graduan. Graduan UA mempunyai bilangan graduan OKU tertinggi iaitu seramai 291 orang, diikuti IPTS seramai 236 orang dan kolej komuniti seramai 154 orang.
- Graduan lelaki melebihi perempuan di setiap jenis IPT.

7.2.2 Graduan OKU 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Kumpulan terbesar graduan OKU tahun 2020 merupakan graduan peringkat sijil, iaitu seramai 362 orang, diikuti graduan ijazah pertama (266 orang) dan diploma seramai 245 graduan. Selebihnya, graduan pascasiswazah (PhD dan sarjana) seramai 81 orang dan lain-lain peringkat (4 graduan).
- Peratusan tertinggi graduan OKU ialah bidang pengajian sains sosial, perniagaan & perundangan (26.9%; 258 graduan), diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (24%; 230 graduan) dan bidang perkhidmatan (17.4%; 167 graduan).
- Bidang sains sosial, perniagaan & perundangan mencatatkan kadar tertinggi bagi peringkat pengajian PhD (46.7%; 7 graduan), sarjana (45.5%; 30 graduan), ijazah pertama (44.4%; 118 graduan) dan diploma (40.4%; 99 graduan), manakala bidang perkhidmatan, serta kejuruteraan, pembuatan & pembinaan lebih diminati oleh graduan peringkat sijil dengan masing-masing sebanyak 39.2 peratus (141 graduan) dan 36.5 peratus (130 graduan).

Carta 7.2b

Graduan OKU 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

Bidang pengajian	PhD (N= 15)	Sarjana (N= 66)	Ijazah pertama (N= 266)	Diploma (N= 245)	Sijil (N= 362)	* Peringkat lain (N= 4)	Keseluruhan (N= 958)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	46.7%	45.5%	44.4%	40.4%	0.3%	75.0%	26.9%
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	6.7%	3.0%	16.2%	21.2%	36.5%	-	24.0%
 Perkhidmatan	6.7%	3.0%	3.0%	5.7%	39.2%	-	17.4%
 Sastera dan kemanusiaan	13.3%	19.7%	11.7%	15.1%	16.6%	-	14.9%
 Sains, matematik dan komputer	13.3%	15.2%	17.3%	11.8%	5.0%	-	11.0%
 Pendidikan	6.7%	7.6%	4.1%	3.3%	-	25.0%	2.7%
 Pertanian dan veterinar	-	-	0.8%	0.8%	2.5%	-	1.4%
 Kesihatan dan kebajikan	6.7%	6.1%	2.6%	1.6%	-	-	1.7%


N= Jumlah graduan

* Merangkumi graduan diploma pascasiswazah dan profesional

7.2.3 Jenis Kecacatan Graduan OKU 2020

Carta 7.2c

Jenis Kecacatan Graduan OKU 2020



N= Jumlah graduan


* Seramai 30 graduan TVET tidak mempunyai maklumat

- Jenis kecacatan anggota fizikal menyumbang peratusan tertinggi iaitu (34.6%), diikuti yang menghadapi masalah pembelajaran (22.4%), masalah pendengaran (16.9%) serta masalah penglihatan (15.4%).
- Hanya sebahagian kecil daripada graduan OKU mengalami masalah mental dan pertuturan, masing-masing kurang daripada 2.0 peratus.

7.2.4 Status Pekerjaan Graduan OKU 2020

Carta 7.2d(i)

Status Pekerjaan Graduan OKU 2020



n= Jumlah responden

- Majoriti graduan OKU tahun 2020 telah bekerja (62.1%), diikuti melanjutkan pengajian (14.0%), menunggu penempatan pekerjaan (2.4%) dan sedang mengikuti program meningkatkan kemahiran (1.1%).
- Manakala sebanyak 20.3 peratus graduan OKU belum bekerja.

7.2.4.1 Status Pekerjaan Graduan OKU 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Graduan OKU peringkat PhD, sijil dan peringkat lain mencatatkan kadar bekerja melebihi 70.0 peratus. Graduan sarjana mencatatkan 67.3 peratus (33 graduan) bekerja, diikuti 58.7 peratus (132 graduan) bagi graduan ijazah pertama serta 47.3 peratus (98 graduan) bagi graduan diploma.
- Sebanyak 27.5 peratus (57 graduan) graduan diploma mencatatkan peratus tertinggi yang melanjutkan pengajian.
- Peringkat pengajian yang mencatatkan peratus tertinggi belum bekerja ialah graduan PhD, iaitu 30.0 peratus (3 graduan), namun bilangan adalah kecil sahaja.
- Hanya sebahagian kecil graduan OKU yang sedang meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan iaitu kurang daripada 6.0 peratus (29 graduan).

Carta 7.2d(ii)

Status Pekerjaan Graduan OKU 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
PhD	10	70.0%	-	-	-	30.0%
Sarjana	49	67.3%	4.1%	-	4.1%	24.5%
Ijazah pertama	225	58.7%	10.7%	2.2%	5.3%	23.1%
Diploma	207	47.3%	27.5%	1.5%	1.5%	22.2%
Sijil	324	72.8%	9.6%	0.3%	0.9%	16.4%
* Peringkat lain	4	75.0%	25.0%	-	-	-
Keseluruhan	819	62.1%	14.0%	1.1%	2.4%	20.3%

* Merangkumi graduan diploma pascasiswazah dan profesional

7.2.5 Taraf Pekerjaan Graduan OKU 2020

Carta 7.2e

Taraf Pekerjaan Graduan OKU 2020




n= Jumlah responden

- Majoriti graduan OKU (80.2%; 408 graduan) tergolong dalam kumpulan taraf pekerjaan yang mempunyai majikan, iaitu sebanyak 59.7 peratus merupakan pekerja swasta (termasuk NGO), diikuti bekerja dengan keluarga (12.4%) dan pekerja kerajaan sebanyak 8.1 peratus.
- Sebaliknya, 19.8 peratus memilih menjadi usahawan (bekerja sendiri, sebagai majikan dan *freelance*).

7.2.6 Sektor Pekerjaan Graduan OKU 2020

Carta 7.2f

Sektor Pekerjaan Graduan OKU 2020



n= Jumlah responden


Nota: Merangkumi graduan OKU pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

- Majoriti graduan OKU tahun 2020 bekerja dalam sektor swasta tempatan dengan 61.7 peratus, diikuti swasta multinasional (12.5%) dan NGO sebanyak 11.6 peratus.
- Graduan OKU yang bekerja di sektor kerajaan dan badan berkanun menyumbang sebanyak 14.2 peratus.

7.2.7 Pendapatan Bulanan Graduan OKU 2020

Carta 7.2g

Pendapatan Bulanan Graduan OKU 2020











- Bagi kalangan graduan OKU yang bekerja, sebanyak 44.6 peratus memperoleh pendapatan antara RM1,001 – RM2,000. Ini diikuti julat pendapatan RM1,000 & ke bawah (36.4%) dan RM2,001 – RM3,000 sebanyak 10.4 peratus.

n= Jumlah responden

7.2.8 Kadar Belum Bekerja bagi Graduan OKU 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Carta 7.2h

Kadar Belum Bekerja bagi Graduan OKU 2020 Mengikut Bidang Pengajian

Bidang pengajian	Jumlah responden	Kadar belum bekerja
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	217	27.6% (60)
 Sastera dan kemanusiaan	114	24.6% (28)
 Sains, matematik dan komputer	85	22.4% (19)
 Pendidikan	26	19.2% (5)
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	208	18.8% (39)
 Kesihatan dan kebajikan	15	13.3% (2)
 Perkhidmatan	142	8.5% (12)
 Pertanian dan veterinar	12	8.3% (1)

- Kadar belum bekerja tertinggi bagi graduan OKU ialah dari bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (27.6%), diikuti sastera & kemanusiaan (24.6%) dan bidang sains, matematik & komputer (22.4%).



BAB 7.3

GRADUAN ORANG ASLI 2020 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN






GRADUAN ORANG ASLI 2019-2020


Keluaran graduan Orang Asli dan kadar respons (KR)

	2019 (N=275)	2020 (N=56)	
	34.2%	32.1%	↓ 79.6%
	65.8%	67.9%	
KR	86.2%	89.3%	

Kadar kebolehpasaran graduan Orang Asli

	2019 (n=237)	2020 (n=50)	
	81.4%	84.0%	↑ 2.6%
	90.2%	82.4%	
	76.8%	84.8%	


Status pekerjaan graduan Orang Asli




Sebab belum bekerja graduan Orang Asli (5 tertinggi)

5 Sebab utama belum bekerja	2019 (n=44)	2020 (n=8)
Sedang mencari pekerjaan	77.3%	50.0%
Berehat/melancong/bercuti	2.3%	25.0%
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	9.1%	12.5%
Enggan berpindah ke tempat lain	-	12.5%
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	6.8%	-

Pendapatan bulanan graduan Orang Asli



Sektor pekerjaan graduan Orang Asli



* Melibatkan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

N= Jumlah graduan

n= Jumlah responden

KR= Kadar respons

GRADUAN ORANG ASLI 2020 KELUARAN DAN MAKLUMAT PEKERJAAN


Maklumat berkaitan graduan 2020 berketurunan Orang Asli dipaparkan pada bab ini. Bermula pada pertengahan tahun 2020, sistem Kajian Pengesanan Graduan mula mengumpul data mengikut pecahan kaum Orang Asli di Malaysia berbanding sebelum ini yang dikelompokkan sebagai Orang Asli Semenanjung sahaja. Mengikut Jabatan Kemajuan Orang Asli, terdapat tiga (3) suku kaum utama Orang Asli di Malaysia, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2021). Analisis yang disediakan pada bab ini merangkumi keluaran graduan Orang Asli mengikut jenis IPT, jantina, peringkat pengajian dan bidang pengajian mereka. Dimuatkan juga status pekerjaan dan maklumat pekerjaan seperti sektor dan jenis pekerjaan graduan Orang Asli tahun 2020 serta sebab belum bekerja.

7.3 Graduan Orang Asli 2020

7.3.1 Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Jenis IPT dan Jantina

Carta 7.3a

Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Jenis IPT dan Jantina



N= Jumlah graduan L= Lelaki P= Perempuan









- Seramai 56 graduan tahun 2020 adalah berketurunan Orang Asli. Daripada jumlah tersebut, 34 graduan merupakan keluaran UA, diikuti politeknik (7 graduan), IPTS (6 graduan) dan ILKA KPLB (5 graduan).
- Secara umumnya, majoriti graduan Orang Asli di semua jenis IPT ialah perempuan kecuali di ILKA KPLB.

7.3.2 Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian

- Majoriti graduan Orang Asli adalah pada peringkat diploma (42.9%; 24 graduan), diikuti peringkat ijazah pertama (37.5%; 21 orang), sijil (16.1%; 9 graduan) dan sarjana (3.6%; 2 graduan).
- Bagi keseluruhan bidang pengajian, kumpulan terbesar graduan Orang Asli adalah dari bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (35.7%), diikuti bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (23.2%) dan bidang sains, matematik & komputer (10.7%).

Carta 7.3b

Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian


Bidang pengajian	Sarjana (N=2)	Ijazah pertama (N=21)	Diploma (N=24)	Sijil (N=9)	Keseluruhan (N=56)
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	50.0%	42.9%	41.7%	-	35.7%
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	-	28.6%	8.3%	55.6%	23.2%
 Sains, matematik dan komputer	50.0%	4.8%	16.7%	-	10.7%
 Perkhidmatan	-	4.8%	12.5%	22.2%	10.7%
 Kesihatan dan kebajikan	-	9.5%	8.3%	-	7.1%
 Pendidikan	-	-	4.2%	22.2%	5.4%
 Sastera dan kemanusiaan	-	4.8%	4.2%	-	3.6%
 Pertanian dan veterinar	-	4.8%	4.2%	-	3.6%

N= Jumlah graduan

7.3.3 Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020

Carta 7.3c(i)

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020



- Majoriti graduan Orang Asli tahun 2020 berstatus telah bekerja (66.0%; 33 graduan).
- Sebanyak 14.0 peratus pula melanjutkan pengajian dan 4.0 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan.
- Selebihnya masih belum bekerja, iaitu sebanyak 16.0 peratus (8 graduan).

7.3.3.1 Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Semua graduan Orang Asli peringkat sarjana (2 graduan) telah bekerja. Manakala bagi peringkat ijazah pertama, diploma dan sijil, masing-masing 70.6 peratus (12 graduan), 63.6 peratus (14 graduan) dan 55.6 peratus (5 graduan) telah bekerja.
- Bagi kategori belum bekerja, peratus tertinggi ialah dalam kalangan graduan peringkat ijazah pertama iaitu sebanyak 23.5 peratus (4 graduan).
- Bagi kategori melanjutkan pengajian pula, peratus tertinggi ialah dalam kalangan graduan diploma (27.3%; 6 graduan).
- Kadar yang agak kecil, iaitu kurang daripada 10.0 peratus dapat dilihat dalam kalangan graduan yang menunggu penempatan pekerjaan.

Carta 7.3c(ii)

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Sarjana	2	100%	100%	-	-	-
Ijazah pertama	17	76.5%	70.6%	-	5.9%	23.5%
Diploma	22	90.9%	63.6%	27.3%	-	9.1%
Sijil	9	77.8%	55.6%	11.1%	11.1%	22.2%
Keseluruhan	50	84.0%	66.0%	14.0%	4.0%	16.0%









GE= Kadar kebolehpasaran graduan

7.3.3.2 Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Bidang Pengajian

- Bagi status yang telah bekerja, kadar tertinggi graduan Orang Asli ialah dari bidang sastera & kemanusiaan (100%; 2 graduan), diikuti bidang perkhidmatan (80.0%; 4 graduan) serta sains sosial, perniagaan & perundangan (76.5%; 13 graduan).
- Graduan Orang Asli dari bidang pendidikan mencatatkan kadar belum bekerja tertinggi, iaitu 33.3 peratus (1 graduan).
- Bagi status melanjutkan pengajian, peratus tertinggi ialah bidang pertanian & veterinar (50.0%; 1 graduan).
- Hanya bidang pengajian kejuruteraan, pembuatan & pembinaan merekodkan 18.2 peratus (2 graduan) sedang menunggu penempatan pekerjaan.
- Bagi kategori melanjutkan pengajian pula, kadar tertinggi ialah dalam kalangan graduan diploma (27.3%; 6 graduan).

Carta 7.3c(iii)

Status Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Bidang Pengajian


Bidang pengajian	Jumlah responden	GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
 Sastera dan kemanusiaan	2	100%	100%	-	-	-
 Perkhidmatan	5	100%	80.0%	20.0%	-	-
 Pertanian dan veterinar	2	100%	50.0%	50.0%	-	-
 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	17	88.2%	76.5%	11.8%	-	11.8%
 Sains, matematik dan komputer	6	83.3%	66.7%	16.7%	-	16.7%
 Kesihatan dan kebajikan	4	75.0%	75.0%	-	-	25.0%
 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	11	72.7%	36.4%	18.2%	18.2%	27.3%
 Pendidikan	3	66.7%	66.7%	-	-	33.3%
Keseluruhan	50	84.0%	66.0%	14.0%	4.0%	16.0%

GE= Kadar kebolehpasaran graduan

7.3.4 Taraf Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020

Carta 7.3d

Taraf Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020




n= Jumlah responden

- Kebanyakan graduan Orang Asli merupakan pekerja swasta termasuk NGO (72.7%; 24 graduan), diikuti pekerja kerajaan (15.2%; 5 graduan) dan bekerja dengan keluarga (9.1%; 3 graduan).
- Selebihnya memilih untuk bekerja sendiri, iaitu sebanyak 3.0 peratus.

7.3.5 Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020

Carta 7.3e

Sektor Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020



n= Jumlah responden

Nota: Merangkumi graduan Orang Asli pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

- Sektor swasta tempatan adalah yang tertinggi membekalkan pekerjaan kepada graduan Orang Asli (55.2%; 16 graduan). Ini diikuti sektor NGO dan kerajaan negeri/tempatan, iaitu masing-masing sebanyak 17.2 peratus dan 10.3 peratus.

7.3.6 Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

- Julat pendapatan yang mencatatkan peratusan tertinggi bagi graduan Orang Asli ialah RM1,001 – RM1,500 (42.4%; 14 graduan). Seterusnya, diikuti julat pendapatan RM1,000 & ke bawah (21.2%) serta RM1,501 – RM2,000 (18.2%).
- Bagi graduan ijazah pertama, peratusan tertinggi adalah julat pendapatan RM1,000 & ke bawah (41.7%; 5 graduan) manakala bagi graduan diploma dan sijil, peratusan tertinggi adalah julat pendapatan RM1,001 – RM1,500, iaitu masing-masing 50.0 peratus (7 graduan) dan 60.0 peratus (3 graduan).

Carta 7.3f

Pendapatan Bulanan Graduan Orang Asli 2020 Mengikut Peringkat Pengajian

Pendapatan bulanan	Sarjana (n=2)	Ijazah pertama (n=12)	Diploma (n=14)	Sijil (n=5)	Keseluruhan (n=33)
RM1000 dan ke bawah	-	41.7%	14.3%	-	21.2%
RM1,001 - RM1,500	-	33.3%	50.0%	60.0%	42.4%
RM1,501 - RM2,000	50.0%	8.3%	14.3%	40.0%	18.2%
RM2,501 - RM3,000	-	-	14.3%	-	6.1%
RM3,001 - RM4,000	50.0%	8.3%	7.1%	-	9.1%
RM 5,001 - RM10,000	-	8.3%	-	-	3.0%

Nota: Tiada graduan Orang Asli yang berpendapatan RM2,001 - RM2,500 dan RM4,001 - RM5,000

7.3.7 Jenis Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020

- Tiga (3) jenis pekerjaan utama graduan Orang Asli tahun 2020 ialah jururawat, kerani am pejabat dan pembantu kedai yang masing-masing mencatatkan seramai dua (2) orang.
- Selebihnya, setiap jenis pekerjaan lain terdiri daripada seorang graduan sahaja.

Carta 7.3g

Jenis Pekerjaan Graduan Orang Asli 2020

n= 32


Jururawat	2	Eksekutif Pembangunan Perniagaan	1
Kerani Am Pejabat	2	Perunding Lapangan	1
Pembantu Kedai	2	Kontraktor Buruh	1
Perancang Pengeluaran	1	Juruteknik Kejuruteraan Telekomunikasi	1
Pengurus Floor (Broadcasting)	1	Pembantu Muzium Gred S17	1
Jurutera Mekanikal	1	Kerani Kemasukan Data Komputer	1
Guru Taska	1	Kerani Bilik Stor	1
Guru Agama Islam	1	Pembantu Jualan	1
Guru Tuisyen	1	Juruwang	1
Pegawai Tadbir Gred N41	1	Promoter Jualan	1
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	1	Penanam Sayur-Sayuran	1
Pegawai Pentadbiran	1	Penoreh Getah	1
Pegawai Penyelidik Gred Q41	1	Pekerja Kebun	1
Juruteknik Kejuruteraan Sistem Penyejukan dan Penyaman Udara	1	Pekerja Am	1
Jurujual	1		

Nota: Tidak termasuk seorang graduan Orang Asli yang bekerja sendiri

7.3.8 Alasan Belum Bekerja bagi Graduan Orang Asli 2020

Carta 7.3h

Alasan Belum Bekerja bagi Graduan Orang Asli 2020



- Sebanyak 50.0 peratus graduan Orang Asli yang belum bekerja menyatakan bahawa mereka sedang mencari pekerjaan.
- Manakala sebanyak 25.0 peratus pula menyatakan alasan untuk berehat/melancong/bercuti.
- Selebihnya, sedang menunggu keputusan/tawaran untuk melanjutkan pengajian atau enggan berpindah ke tempat lain dengan masing-masing sebanyak 12.5 peratus.

BAB 8

BAHAGIAN III

TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) 2016-2020

TREND KELUARAN KESELURUHAN GRADUAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA), 2016-2020

Kajian kebolehpasaran graduan ini meliputi tempoh lima (5) tahun, bermula dari tahun 2016 hingga 2020 yang merangkumi keluaran graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di Malaysia. Bab ini memperihalkan trend keluaran graduan, kebolehpasaran graduan warganegara dan maklumat pekerjaan terpilih bagi tempoh lima tahun (2016-2020).

8.1 Trend Penyertaan IPT/ILKA dan Graduan, 2016-2020

Pada tahun 2020, bilangan IPT yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan menurun sebanyak 1.4 peratus kepada 872 IPT berbanding 884 IPT pada tahun 2019. Pengurangan jumlah penyertaan IPT ini adalah kerana terdapat IPTS yang mengadakan konvokesyen secara tidak berkala (bukan setiap tahun), iaitu bergantung kepada jumlah graduan yang layak berkonvokesyen. Walaupun trend menunjukkan penurunan, namun bilangan penyertaan IPT untuk tahun 2020 masih mengatasi jumlah penyertaan IPT pada tahun 2016-2018. **(Carta 8.1.1a)**


Keluaran graduan turut menurun sebanyak 8.1 peratus, iaitu daripada seramai 346,686 graduan pada tahun 2019 kepada 318,593 graduan pada tahun 2020. Bilangan ini juga lebih rendah berbanding tahun 2018 (-6.7%; 341,311 graduan). Antara penyebab penurunan ini ialah pengurangan kemasukan pelajar bagi tempoh tiga (3) tahun lalu terutama di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Seterusnya, bagi kolej vokasional, kapasiti pengambilan pelajar pada tahun 2019 turut dikurangkan dengan berakhirnya program *Buying Places* Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS), program kolaboratif dan program *trade-off* antara kolej vokasional dengan ILKA lain serta penjumudan program yang mempunyai nilai pasaran yang rendah (perbankan, insurans dan pemasaran). Bagi kolej komuniti pula, pengambilan graduan dikurangkan daripada tiga (3) sesi kepada dua (2) sesi pada tahun 2018 dan tahun seterusnya. Justeru, kesemua ini memberi kesan kepada jumlah keluaran graduan pada tahun 2020.

Trend juga menunjukkan kadar respons graduan yang dicatatkan pada tahun 2020 merupakan yang terendah bagi tempoh lima (5) tahun kajian, iaitu sebanyak 84.3 peratus pada tahun 2020. Jika dibandingkan dengan tahun 2019, iaitu tahun yang merekodkan kadar respons tertinggi, kadar penurunannya sebanyak 4.8 peratus. Penurunan ini antara lain disebabkan pembatalan majlis konvokesyen di kebanyakan IPT menyebabkan sukar untuk memantau penyertaan graduan mereka terutama dalam kalangan graduan bukan warganegara. Walau bagaimanapun, masih terdapat IPT/ILKA yang mampu mencapai kadar respons yang tinggi dengan mengambil pelbagai inisiatif seperti:

- i. menghubungi graduan masing-masing melalui telefon / emel / hebahan / *whatsapp* oleh pensyarah atau tenaga pengajar atau alumni;
- ii. membuat hebahan di laman web / media sosial IPT/ILKA masing-masing;
- iii. menetapkan syarat graduan perlu melengkapkan kajian sebelum membuat temu janji / memohon pengeposan transkrip / menghadiri konvokesyen secara maya atau pandu lalu;
- iv. graduan perlu melengkapkan kaji selidik pada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) KPT sebelum memohon program PENJANA KPT-CAP; dan
- v. terdapat institusi yang menyediakan cenderamata kepada graduan bertuah.


Carta 8.1.1a

Keluaran Keseluruhan Graduan, Bilangan IPT dan Kadar Respons bagi Tahun 2016-2020



8.1.1 Trend Keluaran Keseluruhan Graduan, 2016-2020

- Keluaran graduan merupakan pelajar IPT yang telah berjaya menamatkan pengajian dan layak berkonvokesyen pada tahun tersebut bagi peringkat pengajian mereka. **Carta 8.1.1b** memaparkan kadar keluaran graduan seluruh IPT di Malaysia sepanjang lima (5) tahun kajian.
- Trend keluaran graduan sepanjang lima (5) tahun kajian mengikut peringkat pengajian tidak menunjukkan perubahan ketara. Sedikit peningkatan dari tahun sebelumnya dapat dilihat pada ijazah pertama, iaitu sebanyak 0.9 peratus dan diploma sebanyak 0.1 peratus. Peratusan tertinggi keluaran ialah graduan ijazah pertama (41.1%), diikuti graduan diploma (40.1%) dan lain-lain peringkat sebanyak 11.1 peratus pada tahun 2020. Kadar keluaran antara diploma dan ijazah pertama tidak jauh berbeza sepanjang tahun 2018 hingga 2020, dengan julat perbezaan antara 0.2 hingga 1.1 peratus sahaja.
- Penurunan juga dapat dilihat pada jumlah graduan bukan warganegara (BW) yang mencatatkan hanya 4.2 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan tahun 2020 (13,292 graduan) berbanding 4.7 peratus tahun sebelumnya (16,129 graduan). Ini merupakan kadar terendah dicatatkan sepanjang tempoh lima (5) tahun.
- Bilangan graduan bukan warganegara pada tahun 2020 ialah 13,292 graduan, merupakan yang terendah pernah direkodkan bagi tempoh lima (5) tahun ini.



* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan, sijil dan profesional

- Bilangan keluaran graduan bagi semua peringkat pengajian menunjukkan penurunan, kecuali peringkat diploma pascasiswazah dan sijil pascasiswazah seperti pada **Carta 8.1.1c**. Malah, bilangan keluaran graduan bagi kedua-dua peringkat pengajian ini merupakan yang tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun kajian.
- Trend kadar keluaran bagi diploma pascasiswazah menunjukkan peningkatan berterusan sepanjang tempoh tersebut. Peningkatan kadar bagi peringkat pengajian ini untuk tahun 2020 (1,374 graduan) ialah 6.7 peratus.
- Bagi sijil pascasiswazah pula, bilangan graduan adalah sentiasa kecil dengan julat antara 26 hingga 62 graduan sahaja. Disebabkan bilangan keluaran yang kecil ini, hanya dengan peningkatan seramai 36 graduan pada tahun 2020 telah melonjakkan peratus perubahan sijil pascasiswazah kepada 138.5 peratus.
- Pada tahun 2020, terdapat tiga (3) peringkat pengajian yang mencatatkan bilangan keluaran graduan paling rendah sepanjang lima (5) tahun kajian, iaitu sarjana, diploma lanjutan, dan profesional. Penurunan paling ketara ialah graduan peringkat diploma lanjutan, iaitu sebanyak 52.6 peratus kepada seramai 201 graduan pada tahun 2020 berbanding 424 graduan pada tahun 2019. Kadar penurunan bagi peringkat profesional juga mencatatkan angka yang agak tinggi, iaitu sebanyak 37.7 peratus, penurunan daripada 644 graduan (tahun 2019) kepada 401 graduan (tahun 2020).
- Selain peringkat sarjana (20,158 graduan), bilangan graduan peringkat PhD (4,354 graduan) juga menunjukkan penurunan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Kedua-dua peringkat pascasiswazah ini mencatatkan kadar penurunan yang sama, iaitu sebanyak 14.3 peratus.
- Bagi dua (2) kumpulan terbesar, iaitu graduan ijazah pertama dan diploma masing-masing menurun sebanyak 6.1 peratus dan 7.9 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Peringkat pengajian ijazah pertama mencatatkan bilangan graduan seramai 131,045 graduan dan diploma seramai 127,747 graduan.
- Graduan peringkat sijil juga menunjukkan bilangan graduan yang besar. Trend keluaran graduan sijil mempamerkan peningkatan yang berterusan sehingga tahun 2019 (37,418 graduan). Walau bagaimanapun, berlaku penurunan sebanyak 11.1 peratus pada tahun 2020 (33,251 graduan).


Peringkat pengajian	Tahun Konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2020
	2016 Bil.	2017 Bil.	2018 Bil.	2019 Bil.	2020 Bil.	
PhD	4,318	5,000	5,145	5,079	4,354	-14.3%
Sarjana	22,004	24,068	22,878	23,519	20,158	-14.3%
Diploma pascasiswazah	577	637	845	1,288	1,374	6.7%
Ijazah pertama	139,668	136,645	139,741	139,520	131,045	-6.1%
Diploma lanjutan	317	353	387	424	201	-52.6%
Diploma	105,891	120,650	140,632	138,768	127,747	-7.9%
Sijil	10,166	11,547	30,846	37,418	33,251	-11.1%
Profesional	650	679	799	644	401	-37.7%
Sijil pascasiswazah	36	56	38	26	62	138.5%
Jumlah	283,627	299,635	341,311	346,686	318,593	-8.1%

8.1.2 Trend Keluaran Graduan UA, 2016-2020

- Jumlah keluaran graduan UA yang dicatatkan pada tahun 2020 ialah seramai 127,334 graduan berbanding 129,700 graduan pada tahun 2019, iaitu penurunan sebanyak 1.8 peratus.
- Bilangan graduan bukan warganegara di UA juga turut menurun sebanyak 7.7 peratus, iaitu 4,790 graduan pada tahun 2020 berbanding 5,188 graduan pada tahun 2019 dan merupakan bilangan terendah bagi tempoh lima (5) tahun.
- Hampir keseluruhan peringkat pengajian menunjukkan penurunan keluaran graduan. Walau bagaimanapun, peringkat diploma mencatatkan peningkatan daripada 21.9 peratus pada tahun 2019 kepada 24.4 peratus pada tahun 2020. Manakala graduan bagi lain-lain peringkat menurun antara 0.7 hingga 1.5 peratus.
- Walaupun trend keseluruhan menunjukkan peningkatan bilangan graduan ijazah pertama, tetapi trend keluaran graduan UA di peringkat ini menunjukkan sedikit penurunan (0.7%). (**Carta 8.1.2a**)

Carta 8.1.2a

Trend Keluaran Graduan UA bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2016-2020



* Termasuk diploma pascasiswazah, diploma lanjutan, sijil dan profesional

- Daripada lapan (8) peringkat pengajian yang disenaraikan (**Carta 8.1.2b**), hanya bilangan graduan UA peringkat diploma pascasiswazah (1,126 graduan) dan diploma (31,081 graduan) menunjukkan peningkatan pada tahun 2020, iaitu masing-masing 7.4 peratus dan 9.5 peratus.
- Penurunan paling ketara (95.7 peratus) ialah graduan diploma lanjutan memandangkan graduan bagi program-program peringkat ini merupakan graduan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) yang akan berkonvokesyen pada tahun 2021. Antara program yang terlibat ialah Diploma Lanjutan Kebidanan, Diploma Lanjutan Perawatan Kecemasan, Diploma Lanjutan Perawatan Kritikal, Diploma Lanjutan Perioperatif dan lain-lain. Bilangan graduan peringkat profesional turut menunjukkan penurunan, iaitu sebanyak 28.3 peratus pada tahun 2020 berbanding 2019.
- Bagi peringkat pascasiswazah, bilangan graduan peringkat PhD (3,821 graduan) dan sarjana (14,499 graduan) masing-masing menunjukkan penurunan sebanyak 10.2 peratus dan 13.2 peratus pada tahun 2020. Bilangan graduan yang direkodkan bagi kedua-dua peringkat tersebut merupakan yang terendah sepanjang tempoh lima (5) tahun, begitu juga bagi graduan ijazah pertama yang turut merekodkan penurunan sebanyak 2.9 peratus.


Peringkat pengajian	Tahun Konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2020
	2016 Bil.	2017 Bil.	2018 Bil.	2019 Bil.	2020 Bil.	
PhD	3,903	4,550	4,477	4,254	3,821	-10.2%
Sarjana	17,010	18,247	16,871	16,695	14,499	-13.2%
Diploma pascasiswazah	532	425	695	1,048	1,126	7.4%
Ijazah pertama	85,921	81,314	81,551	78,930	76,609	-2.9%
Diploma lanjutan	68	126	107	116	5	-95.7%
Diploma	16,550	30,349	28,658	28,388	31,081	9.5%
Sijil	-	30	25	-	-	0.0%
Profesional	239	100	134	269	193	-28.3%
Jumlah	124,223	135,141	132,518	129,700	127,334	-1.8%

8.1.3 Trend Keluaran Graduan IPTS, 2016-2020

- Jumlah graduan IPTS menurun sebanyak 13.7 peratus, iaitu daripada 128,392 graduan pada tahun 2019 kepada 110,797 graduan pada tahun 2020, terendah dalam tempoh lima (5) tahun.
- Kadar keluaran graduan mengikut peringkat pengajian menunjukkan graduan ijazah pertama (54,177 graduan) meningkat sebanyak 1.9 peratus dan peringkat lain sebanyak 0.2 peratus, manakala bagi lain-lain peringkat mencatatkan penurunan.
- Bilangan graduan bukan warganegara di IPTS telah menurun sebanyak 22.3 peratus, iaitu kepada 8,502 graduan pada tahun 2020 berbanding 10,936 graduan pada tahun 2019. Jumlah ini merupakan rekod terendah bagi tempoh lima (5) tahun. **(Carta 8.1.3a)**

Carta 8.1.3a

Trend Keluaran Graduan IPTS bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2016-2020



* Termasuk diploma pascasiswazah, sijil pascasiswazah, diploma lanjutan, sijil dan profesional

- Terdapat sembilan (9) peringkat pengajian yang disenaraikan di IPTS berbanding lapan (8) di UA, iaitu tambahan peringkat sijil pascasiswazah. Trend keluaran graduan bagi IPTS mempamerkan peningkatan tertinggi pada peringkat ini (sijil pascasiswazah) dengan kadar 138.5 peratus pada tahun 2020 berbanding 2019. Peratus yang tinggi ini disebabkan perbandingan dilakukan terhadap jumlah bilangan keluaran graduan yang kecil, daripada 26 graduan pada tahun 2019 kepada 62 graduan pada tahun 2020.
- Peningkatan juga dapat dilihat pada peringkat sijil, iaitu sebanyak 6.8 peratus dan graduan diploma pascasiswazah sebanyak 3.3 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Sepanjang tempoh lima (5) tahun kajian, peringkat diploma pascasiswazah merekodkan trend peningkatan berterusan.
- Bagi peringkat pengajian yang lain pula menunjukkan trend penurunan. Penurunan ketara dapat dilihat dalam kalangan graduan peringkat profesional (208 graduan), iaitu 44.5 peratus, diikuti graduan PhD (533 graduan) yang menurun sebanyak 35.3 peratus dan graduan diploma lanjutan (150 graduan) sebanyak 30.6 peratus.
- Bagi peringkat sarjana (5,659 graduan) dan diploma, kadar penurunan keluaran graduan mencatatkan peratusan yang hampir sama, iaitu lebih kurang 17.0 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Jumlah graduan diploma IPTS pada tahun 2020 seramai 48,168 graduan, iaitu bilangan kedua tertinggi berbanding lain-lain peringkat pengajian. Walau bagaimanapun, peringkat ini menunjukkan trend penurunan sejak tahun 2018.
- Graduan ijazah pertama yang mencatat bilangan keluaran tertinggi turut menurun sebanyak 10.2 peratus berbanding tahun 2019. Jumlah keluaran graduan pada tahun 2020 (54,177 graduan) adalah 0.9 peratus lebih tinggi berbanding tahun 2016 (53,675 graduan). **(Carta 8.1.3b)**


Peringkat pengajian	Tahun Konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2020
	2016 Bil.	2017 Bil.	2018 Bil.	2019 Bil.	2020 Bil.	
PhD	415	448	667	824	533	-35.3%
Sarjana	4,991	5,820	6,005	6,819	5,659	-17.0%
Diploma pascasiswazah	45	212	150	240	248	3.3%
Ijazah pertama	53,675	55,127	57,969	60,309	54,177	-10.2%
Diploma lanjutan	134	179	109	216	150	-30.6%
Diploma	60,850	63,897	59,953	58,092	48,168	-17.1%
Sijil	2,402	1,977	2,548	1,491	1,592	6.8%
Profesional	411	579	665	375	208	-44.5%
Sijil pascasiswazah	36	56	38	26	62	138.5%
Jumlah	122,959	128,295	128,104	128,392	110,797	-13.7%

8.1.4 Trend Keluaran Graduan Politeknik, 2016-2020

- Keluaran graduan politeknik merangkumi empat (4) peringkat pengajian, iaitu ijazah pertama, diploma lanjutan, diploma dan sijil. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019 dan 2020 tiada keluaran graduan bagi peringkat diploma lanjutan. Keseluruhannya, keluaran graduan politeknik pada tahun 2020 ialah seramai 28,532 graduan. Jumlah ini merekodkan penurunan sebanyak 2.0 peratus berbanding 29,127 graduan pada tahun 2019. Bagi tempoh lima (5) tahun kajian, keluaran tertinggi graduan politeknik ialah pada tahun 2016 (29,905 graduan) dan terendah pada tahun 2017 (25,532 graduan).
- Majoriti keluaran graduan politeknik ialah peringkat diploma dengan kadar 99.0 peratus dan ke atas.
- Graduan ijazah pertama mewakili 0.6 peratus bagi tempoh tiga (3) tahun (2018-2020) manakala pada tahun 2016 dan 2017, masing-masing sebanyak 0.03 peratus dan 0.5 peratus. Bagi peringkat sijil pula, keluaran graduan mencatatkan peratusan antara 0.2 hingga 0.4 peratus bagi tempoh lima (5) tahun. **(Carta 8.1.4a)**

Carta 8.1.4a

Trend Keluaran Graduan Politeknik bagi Tempoh Lima (5) Tahun Mengikut Peringkat Pengajian, 2016-2020



- Semua peringkat pengajian politeknik pada tahun 2020 mencatatkan penurunan keluaran graduan berbanding tahun 2019. Peringkat pengajian sijil (108 graduan) mencatatkan penurunan paling tinggi, iaitu sebanyak 9.2 peratus, diikuti ijazah pertama (166 graduan) dengan penurunan sebanyak 6.7 peratus. Manakala peringkat pengajian diploma yang merupakan bilangan graduan tertinggi turut mencatatkan penurunan sebanyak 2.0 peratus, iaitu kepada 28,258 graduan pada tahun 2020. **(Carta 8.1.4b)**


Carta 8.1.4b

Trend Keluaran Graduan Politeknik Mengikut Peringkat Pengajian, 2016-2020

Peringkat pengajian	Tahun Konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2020
	2016 Bil.	2017 Bil.	2018 Bil.	2019 Bil.	2020 Bil.	
Ijazah pertama	8	126	162	178	166	-6.7%
Diploma lanjutan	85	48	47	-	-	-
Diploma	26,707	25,308	28,384	28,830	28,258	-2.0%
Sijil	105	50	92	119	108	-9.2%
Jumlah	26,905	25,532	28,685	29,127	28,532	-2.0%

8.1.5 Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti, 2016-2020

- Keluaran graduan kolej komuniti meliputi dua (2) peringkat pengajian, iaitu sijil dan diploma. Peringkat sijil mewakili lebih daripada 96.0 peratus keluaran graduan bagi tempoh lima (5) tahun dengan kadar terendah adalah pada tahun 2020, iaitu 96.8 peratus. **(Carta 8.1.5a)**



- Jumlah graduan kolej komuniti menunjukkan trend peningkatan, iaitu daripada 7,574 graduan pada tahun 2016 kepada 11,150 graduan pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, jumlah keluaran kolej komuniti mencatatkan kadar penurunan yang ketara (-37.8%) pada tahun 2020, iaitu kepada 6,939 graduan. Penurunan ini disebabkan berlakunya peralihan pengambilan pelajar daripada tiga (3) kali kepada dua (2) kali setahun.
- Graduan peringkat diploma dan sijil menunjukkan penurunan, masing-masing sebanyak 23.4 peratus dan 38.1 peratus berbanding tahun 2019. **(Carta 8.1.5b)**

Carta 8.1.5b Trend Keluaran Graduan Kolej Komuniti Mengikut Peringkat Pengajian, 2016-2020

Peringkat pengajian	Tahun Konvokesyen					Peratus perubahan tahunan 2020
	2016 Bil.	2017 Bil.	2018 Bil.	2019 Bil.	2020 Bil.	
Diploma	25	95	167	286	219	-23.4%
Sijil	7,549	9,438	10,265	10,864	6,720	-38.1%
Jumlah	7,574	9,533	10,432	11,150	6,939	-37.8%

8.2 Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara), 2016-2020

Berdasarkan *National Graduate Employability Blueprint 2012-2017*, kebolehpasaran graduan bermaksud **keupayaan graduan untuk dipasarkan di dalam industri, iaitu mempunyai kecekapan bagi mendapat pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang bersesuaian.**


Kadar kebolehpasaran graduan (*Graduate Employability*; GE) dalam Kajian Pengesanan Graduan KPT merangkumi graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

8.2.1 Kadar Kebolehpasaran Graduan Warganegara dan Belum Bekerja, 2016-2020

- Kadar kebolehpasaran graduan (warganegara) menurun sebanyak 1.8 peratus kepada 84.4 peratus pada tahun 2020 berbanding 86.2 peratus pada tahun 2019. Mengambil kira situasi negara yang bergelut dengan pandemik COVID-19 pada awal Januari 2020 telah memberi kesan terhadap ekonomi dan tenaga kerja, penurunan sebanyak itu dilihat tidak begitu ketara.
- Kadar bekerja menunjukkan penurunan sebanyak 3.5 peratus pada tahun 2020, iaitu 60.0 peratus berbanding 63.5 peratus pada tahun 2019. Namun kadar ini masih lebih tinggi daripada kadar yang direkodkan pada tahun 2016 hingga 2018. Peratusan bekerja sepanjang tempoh lima (5) tahun kajian ialah antara 55.4 hingga 63.5 peratus.
- Trend kadar graduan yang sedang menunggu penempatan pekerjaan didapati konsisten dalam tempoh empat (4) tahun (2017-2020), iaitu antara 4.6 hingga 4.7 peratus.
- Kadar belum bekerja menunjukkan peningkatan daripada 13.8 peratus (41,161 graduan) pada tahun 2019 kepada 15.6 peratus (40,550 graduan) pada tahun 2020.
- Kadar graduan yang melanjutkan pengajian dan meningkatkan kemahiran juga merekodkan peningkatan berbanding tahun 2019, iaitu masing-masing sebanyak 1.1 peratus dan 0.7 peratus. (**Carta 8.2.1a**)

Carta 8.2.1a

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan (Warganegara), 2016-2020




n= Jumlah responden

- Kadar belum bekerja bagi graduan peringkat PhD dan sarjana pada tahun 2020 mencatatkan kadar terendah bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu menurun sebanyak 1.8 peratus bagi graduan PhD dan 0.7 peratus bagi graduan sarjana. **(Carta 8.2.1b)**

Carta 8.2.1b


Kadar Belum Bekerja bagi Graduan PhD dan Sarjana, 2016-2020



- Bagi graduan ijazah pertama dan diploma, kadar belum bekerja menunjukkan peningkatan pada tahun 2020, iaitu masing-masing 1.6 peratus dan 1.9 peratus. Graduan tahun 2019 merekodkan kadar belum bekerja paling rendah. **(Carta 8.2.1c)**

Carta 8.2.1c

Kadar Belum Bekerja bagi Graduan Ijazah Pertama dan Diploma, 2016-2020




8.2.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan UA dan Belum Bekerja, 2016-2020

- Kadar kebolehpasaran graduan UA pada tahun 2020 (86.7%) menurun sebanyak 1.1 peratus berbanding tahun 2019 (87.8%). Walau bagaimanapun, kadar kebolehpasaran graduan tersebut masih mengatasi kadar yang direkodkan pada tahun 2016 hingga 2018, iaitu perbezaan antara 7.4 hingga 9.4 peratus. **(Carta 8.2.2a)**

Carta 8.2.2a

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan UA, 2016-2020




n= Jumlah responden

* Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

- Hampir semua peringkat pengajian di UA merekodkan penurunan kadar belum bekerja kecuali graduan ijazah pertama (15.5%), iaitu meningkat sebanyak 2.2 peratus berbanding tahun 2019.
- Bagi graduan pascasiswazah dan diploma, penurunan kadar belum bekerja masing-masing adalah sebanyak 0.9 peratus dan 0.6 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Peratus tersebut merupakan yang terendah bagi tempoh lima (5) tahun ini untuk kedua-dua peringkat pengajian.
- Bilangan graduan belum bekerja bagi peringkat pascasiswazah dan diploma turut merekodkan trend menurun sejak tahun 2018. Walau bagaimanapun, graduan ijazah pertama menunjukkan peningkatan pada tahun 2020, iaitu kepada 10,275 graduan berbanding 10,161 graduan pada tahun 2019. **(Carta 8.2.2b)**

Carta 8.2.2b

Kadar Belum Bekerja Graduan UA Mengikut Peringkat Pengajian, 2016-2020




* Termasuk peringkat PhD dan sarjana

8.2.3 Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS dan Belum Bekerja, 2016-2020

- Kadar kebolehpasaran graduan IPTS merekodkan trend peningkatan berterusan sepanjang tempoh lima (5) tahun, walau bagaimanapun peningkatan pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya ialah 0.4 peratus sahaja. (Carta 8.2.3a)

Carta 8.2.3a

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan IPTS, 2016-2020




n= Jumlah responden

* Melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

- Penurunan kadar belum bekerja direkodkan oleh graduan pascasiswazah dan diploma IPTS, iaitu masing-masing sebanyak 0.7 peratus dan 1.4 peratus.
- Bagi ijazah pertama pula, kadar belum bekerja meningkat sebanyak 0.7 peratus, iaitu daripada 21.0 peratus pada tahun 2019 kepada 21.7 peratus pada tahun 2020. **(Carta 8.2.3b)**

Carta 8.2.3b

Kadar Belum Bekerja Graduan IPTS Mengikut Peringkat Pengajian, 2016-2020




* Termasuk peringkat PhD dan sarjana

8.2.4 Kadar Kebolehpasaran Graduan Politeknik dan Belum Bekerja, 2016-2020

- Trend kadar kebolehpasaran graduan politeknik menunjukkan peningkatan berterusan sejak tahun 2016 hingga 2019. Walau bagaimanapun, tahun 2020 memperlihatkan penurunan yang agak ketara, iaitu daripada 96.7 peratus pada tahun 2019 kepada 91.4 peratus, iaitu terendah bagi tempoh empat (4) tahun (2017-2020). **(Carta 8.2.4)**

Carta 8.2.4

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan Politeknik, 2016-2020



n= Jumlah responden


* Merujuk kepada kadar kebolehpasaran graduan - melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

8.2.5 Kadar Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti dan Belum Bekerja, 2016-2020

- Sejak tahun 2016 (7,317 graduan) hingga 2019 (10,472 graduan), kadar kebolehpasaran graduan kolej komuniti sentiasa melebihi 96.0 peratus. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 (6,471 graduan), kadar kebolehpasaran graduan adalah 94.2 peratus, iaitu menurun sebanyak 3.6 peratus berbanding tahun 2019 dan merupakan kadar terendah bagi tempoh lima (5) tahun. **(Carta 8.2.5)**

Carta 8.2.5

Trend Kadar Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti, 2016-2020



n= Jumlah responden

* Merujuk kepada kadar kebolehpasaran graduan - melibatkan graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan

8.3 Trend Maklumat Pekerjaan Graduan (Warganegara), 2016-2020


Maklumat pekerjaan yang dibincangkan pada bahagian ini merupakan trend bagi taraf pekerjaan, pendapatan bulanan mengikut peringkat pengajian, sektor ekonomi, graduan yang menceburi bidang keusahawanan serta pendapatan yang diperolehi.

8.3.1 Trend Taraf Pekerjaan Graduan, 2016-2020

- Sektor swasta (termasuk NGO) merupakan pembekal utama pekerjaan kepada graduan, iaitu antara 68.5 hingga 75.4 peratus bagi tempoh lima (5) tahun. Sebanyak 68.5 peratus yang direkodkan pada tahun 2020 merupakan yang terendah bagi tempoh tersebut.
- Penyertaan graduan di dalam sektor kerajaan semakin menurun saban tahun dengan graduan 2016 mencatatkan peratus tertinggi, iaitu 22.1 peratus kepada 10.4 peratus pada tahun 2020.
- Peratus graduan yang menceburi bidang usahawan menunjukkan trend peningkatan yang ketara terutama pada tahun 2018, iaitu kepada 10.8 peratus berbanding 3.7 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh penyertaan graduan TVET daripada kolej vokasional, ILKA KPLB, ILKA KSM, ILKAP MAFI dan ILKBS.
- Peratus graduan yang bekerja dengan keluarga adalah antara 3.0 hingga 5.9 peratus bagi tempoh tersebut. **(Carta 8.3.1)**

Carta 8.3.1

Trend Taraf Pekerjaan Keseluruhan Graduan, 2016-2020



n= Jumlah responden yang bekerja


8.3.2 Trend Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian, 2016-2020

Pendapatan bulanan merupakan salah satu indikator bagi melihat sama ada graduan menerima pendapatan bulanan setara dengan kelayakan akademik mereka. Justeru, bahagian ini memperincikan mengenai pendapatan bulanan graduan berdasarkan peringkat pengajian.

8.3.2.1 Pendapatan Bulanan Graduan PhD

- Majoriti graduan PhD berada dalam kumpulan pendapatan bulanan melebihi RM5,000, iaitu antara 64.0 hingga 70.6 peratus bagi tempoh lima (5) tahun dan sebanyak 67.8 peratus direkodkan pada tahun 2020. Julat tertinggi yang direkodkan adalah pada tahun 2017, iaitu 70.6 peratus dengan peningkatan sebanyak 0.3 peratus berbanding tahun sebelumnya, menurun kepada 66.6 peratus pada tahun 2018 dan 64.0 peratus pada tahun 2019.
- Terdapat juga graduan PhD yang memperoleh gaji permulaan RM2,000 & ke bawah, iaitu antara 5.0 hingga 11.0 peratus dengan graduan tahun 2019 mencatatkan peratus tertinggi dan diikuti 10.7 peratus pada tahun 2020. (Carta 8.3.2a)

Carta 8.3.2a Trend Pendapatan Bulanan Graduan PhD, 2016-2020




8.3.2.2 Pendapatan Bulanan Graduan Sarjana

- Peratus graduan sarjana yang berada dalam kumpulan pendapatan bulanan RM3,001 – RM5,000 dan kumpulan RM5,001 & ke atas masing-masing antara 33.0 hingga 37.1 peratus setiap tahun.
- Pada tahun 2016 dan 2017, peratus tertinggi berada dalam kumpulan RM3,001 – RM5,000, iaitu masing-masing 36.1 peratus dan 37.1 peratus. Pada tahun 2019 (35.3%) dan 2020 (36.6%), peratus tertinggi ialah dalam julat RM5,001 & ke atas.
- Terdapat graduan sarjana yang memperoleh pendapatan RM3,000 & ke bawah, iaitu antara 29.3 peratus hingga 30.9 peratus bagi tempoh lima (5) tahun. **(Carta 8.3.2b)**

Carta 8.3.2b

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sarjana, 2016-2020




n= Jumlah responden sarjana yang bekerja

8.3.2.3 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama

- Sebanyak 53.5 peratus graduan ijazah pertama tahun 2020 memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah, iaitu meningkat sebanyak 2.9 peratus berbanding tahun 2019. Graduan dalam kumpulan pendapatan ini menunjukkan trend peningkatan setiap tahun.
- Sebaliknya graduan dalam kumpulan pendapatan bulan RM2,001 – RM3,000 dan RM5,001 & ke atas merekodkan penurunan pada tahun 2020. Bagi kumpulan pendapatan RM2,001 – RM3,000, sebanyak 31.8 peratus direkodkan manakala sebanyak 1.8 peratus bagi julat RM5,001 & ke atas.
- Walau bagaimanapun, bagi kumpulan pendapatan RM3,001 – RM5,000, terdapat sedikit peningkatan, iaitu kepada 12.9 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 (12.0%). **(Carta 8.3.2c)**

Carta 8.3.2c Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2016-2020




n= Jumlah responden ijazah pertama yang bekerja

8.3.2.4 Pendapatan Bulanan Graduan Diploma

- Majoriti graduan diploma berada dalam julat pendapatan RM1,000 – RM2,000, iaitu antara 59.0 hingga 70.4 peratus. Peratus tertinggi berada dalam kumpulan tersebut ialah graduan 2020 (70.4%), dengan peningkatan sebanyak 3.1 peratus berbanding tahun 2019.
- Walau bagaimanapun, peratus graduan diploma yang berada dalam kumpulan pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah menunjukkan trend penurunan dengan peratus terendah, iaitu 17.2 peratus pada tahun 2020. **(Carta 8.3.2d)**

Carta 8.3.2d Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma, 2016-2020




n= Jumlah responden diploma yang bekerja

8.3.2.5 Pendapatan Bulanan Graduan Sijil

- Bagi graduan sijil, peratus tertinggi juga berada dalam julat pendapatan RM1,000 – RM2,000, iaitu antara 55.3 hingga 66.3 peratus. Pada tahun 2020, peratus yang berada dalam julat pendapatan RM1,000 – RM2,000 menunjukkan penurunan sebanyak 4.0 peratus kepada 62.3 peratus berbanding 66.3 peratus pada tahun 2019.
- Namun begitu, peratus graduan sijil yang berada dalam julat pendapatan RM1,000 & ke bawah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2020. Julat pendapatan RM2,001 – RM3,000 turut meningkat sebanyak 0.9 peratus kepada 6.7 peratus pada tahun 2020. **(Carta 8.3.2e)**

Carta 8.3.2e

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Sijil, 2016-2020



n= Jumlah responden sijil yang bekerja

8.3.3 Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan, 2016-2020

- Majoriti graduan bekerja dalam sektor Perkhidmatan dari tahun 2016 hingga 2020 mencatatkan antara 77.3 hingga 82.4 peratus. Walau bagaimanapun, penyertaan graduan dalam sektor ini mencatatkan penurunan sebanyak 1.4 peratus pada tahun 2020 kepada 77.3 peratus (2019: 78.7%), iaitu kadar terendah bagi tempoh empat (4) tahun.
- Peratus graduan yang terlibat dalam sektor Pembuatan dan sektor Pertanian mencatatkan peningkatan pada tahun 2020, masing-masing sebanyak 1.5 peratus dan 0.3 peratus berbanding tahun 2019. **(Carta 8.3.3)**

Carta 8.3.3

Penyertaan Graduan Mengikut Sektor Ekonomi Utama bagi Tempoh Lima (5) Tahun, 2016-2020

Sektor ekonomi	2016 (n=134,561)	2017 (n=141,257)	2018 (n=170,226)	2019 (n=189,543)	2020 (n=156,525)
Pertanian	1.6%	1.8%	1.7%	1.9%	2.2%
Perlombongan & Pengkuarian	0.2%	0.3%	0.3%	0.3%	0.3%
Pembuatan	9.2%	10.4%	13.0%	13.1%	14.6%
Pembinaan	6.6%	6.7%	6.6%	6.0%	5.6%
Perkhidmatan	82.4%	80.9%	78.4%	78.7%	77.3%


n= Jumlah responden yang bekerja

8.3.4 Trend Graduan Menceburi Keusahawanan, 2016-2020

- Kadar graduan yang menceburi bidang keusahawanan menunjukkan peningkatan setiap tahun. Peningkatan ketara pada tahun 2018 disebabkan penglibatan graduan TVET dari ILKA seluruh negara dalam kaji selidik ini.
- Pada tahun 2020, kadar graduan usahawan meningkat sebanyak 1.5 peratus, iaitu kepada 15.2 peratus (2019: 13.7%). **(Carta 8.3.4a)**

Carta 8.3.4a

Kadar Graduan Usahawan, 2016-2020



Nota: Termasuk graduan bekerja sendiri, sebagai majikan dan *freelance*

8.3.4.1 Trend Pendapatan Bulanan Keseluruhan Graduan Usahawan

- Graduan dalam bidang usahawan memperoleh pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah, iaitu antara 42.2 hingga 53.6 peratus. Peratus tertinggi berada dalam kumpulan tersebut ialah graduan 2017, iaitu meningkat sebanyak 0.5 peratus berbanding tahun 2016 (53.1%). Pada tahun 2020, sebanyak 42.2 peratus berada dalam kumpulan yang sama, iaitu meningkat 0.3 peratus tahun 2019 (41.9%).
- Bagi kumpulan pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000, julatnya ialah 38.4 hingga 27.2 peratus. Graduan 2020 mencatatkan peratus tertinggi dalam kumpulan ini, iaitu meningkat sebanyak 1.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (2019: 37.3%). Manakala graduan dalam kumpulan pendapatan bulanan RM3,001 – RM5,000 adalah kurang daripada 5.0 peratus kecuali graduan 2017 yang merekodkan 5.5 peratus. **(Carta 8.3.4b)**

Carta 8.3.4b

Trend Pendapatan Bulanan Keseluruhan Graduan Usahawan,
2016-2020

Pendapatan bulanan	2016 (n=5,001)	2017 (n=5,195)	2019 (n=25,888)	2020 (n=23,843)
RM1,000 dan ke bawah	53.1%	53.6%	41.9%	42.2%
RM1,001 – RM2,000	27.4%	27.2%	37.3%	38.4%
RM2,001 – RM3,000	11.4%	10.0%	13.3%	12.3%
RM3,001 – RM5,000	4.5%	5.5%	4.8%	4.6%
RM5,001 dan ke atas	3.7%	3.8%	2.6%	2.5%

n= Jumlah responden usahawan

Nota: Data tahun 2018 tidak dilaporkan kerana penggunaan skala yang berbeza

8.3.4.2 Sektor Ekonomi Graduan Usahawan

- Majoriti graduan usahawan menceburi sektor Perkhidmatan, iaitu antara 78.8 hingga 82.3 peratus setiap tahun. Ini diikuti sektor Pembuatan (9.8 hingga 13.6 peratus) dan sektor Pembinaan antara 3.7 hingga 4.2 peratus bagi tempoh lima (5) tahun. **(Carta 8.3.4c)**

Carta 8.3.4c

Graduan Usahawan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi Malaysia,
2016-2020

Aktiviti ekonomi	2016 (n=5,001)	2017 (n=5,195)	2018 (n=18,405)	2019 (n=25,888)	2020 (n=23,843)
Perkhidmatan	81.8%	80.3%	82.3%	81.4%	78.8%
Pembuatan	10.0%	9.8%	10.7%	11.6%	13.6%
Pembinaan	3.9%	4.2%	4.2%	3.9%	3.7%
Pertanian	4.2%	5.5%	2.6%	3.0%	3.7%
Perlombongan & Pengkuarian	0.1%	0.1%	0.1%	0.1%	0.1%

n= Jumlah responden usahawan

- Sektor Perkhidmatan merupakan sektor utama yang diceburi oleh graduan usahawan, dan kebanyakan graduan memperoleh pendapatan RM1,001 & ke bawah, iaitu antara 41.0 hingga 53.6 peratus. Walau bagaimanapun, peratus dalam kumpulan pendapatan tersebut semakin menurun manakala graduan yang memperoleh pendapatan bulanan RM1,001 – RM2,000 menunjukkan peningkatan, iaitu kepada 39.2 peratus pada tahun 2020 (2019: 37.8%). **(Carta 8.3.4d(i))**

Carta 8.3.4d(i)

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan yang Menceburi Aktiviti Ekonomi Perkhidmatan bagi Tempoh Empat (4) Tahun

Tahun	Jumlah responden	RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 - RM2,000	RM2,001 - RM3,000	RM3,001 - RM5,000	RM5001 dan ke atas
2016	4,091	52.7%	27.6%	11.9%	4.3%	3.5%
2017	4,174	53.6%	26.9%	10.1%	5.7%	3.8%
2019	21,074	41.7%	37.8%	12.9%	4.9%	2.6%
2020	18,791	41.0%	39.2%	12.6%	4.7%	2.5%
Keseluruhan	48,130	43.4%	36.5%	12.5%	4.8%	2.8%

Nota: Data tahun 2018 tidak dilaporkan kerana penggunaan skala yang berbeza

- Bagi sektor kedua tertinggi iaitu Pembuatan, sebanyak 47.7 hingga 63.7 peratus graduan usahawan memperoleh pendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah. Pada tahun 2020, peratus graduan usahawan dalam kumpulan tersebut meningkat sebanyak 4.0 peratus kepada 51.7 peratus (2019: 47.7%). Peratus graduan usahawan yang memperoleh pendapatan RM3,001 – RM5,000, dan kumpulan RM5,001 & ke atas turut meningkat sedikit (0.1 hingga 0.3 peratus) pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. **(Carta 8.3.4d(ii))**

Carta 8.3.4d(ii)

Pendapatan Bulanan Graduan Usahawan yang Menceburi Aktiviti Ekonomi Pembuatan bagi Tempoh Empat (4) Tahun

Tahun	Jumlah responden	RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 - RM2,000	RM2,001 - RM3,000	RM3,001 - RM5,000	RM5001 dan ke atas
2016	501	63.7%	24.8%	7.0%	3.0%	1.6%
2017	510	58.0%	28.4%	8.4%	3.5%	1.6%
2019	3,005	47.7%	35.2%	12.3%	3.3%	1.5%
2020	3,242	51.7%	33.6%	9.5%	3.6%	1.6%
Keseluruhan	7,258	51.3%	33.3%	10.4%	3.4%	1.6%

Nota: Data tahun 2018 tidak dilaporkan kerana penggunaan skala yang berbeza

8.4 Alasan Belum Bekerja Graduan (Warganegara), 2016-2020

- Pada tahun 2016 hingga 2018, terdapat seramai 53 ribu hingga 57 ribu graduan menyatakan belum bekerja, iaitu mewakili 19.8 hingga 22.7 peratus.
- Jumlah tersebut telah menurun pada tahun 2019 dan 2020, iaitu masing-masing seramai 41,161 graduan (13.8%) dan 40,550 graduan (15.6%).
- Dalam kalangan graduan belum bekerja, lebih daripada 67.0 peratus sedang mencari pekerjaan bagi tempoh lima (5) tahun. Ini diikuti alasan ingin berehat/melancong/bercuti, menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian, tanggungjawab terhadap keluarga dan kerja yang ditawarkan tidak sesuai.
- Peratus graduan yang sedang mencari pekerjaan pada tahun 2020 (72.8%; 29,538 graduan) menyamai peratus yang dicatatkan pada tahun 2016 (72.9%; 39,439 graduan). Pada tahun 2017 hingga 2019 pula, peratus yang dicatatkan kurang daripada 70.0 peratus. Walau bagaimanapun, bagi tempoh tersebut, alasan ingin berehat/melancong/bercuti selepas menamatkan pengajian mencatatkan peratusan yang tinggi, iaitu 9.4 hingga 11.8 peratus berbanding hanya 6.7 peratus pada tahun 2020.
- Alasan kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan terus meningkat saban tahun, iaitu 0.6 peratus (328 orang) pada tahun 2016 kepada 1.5 peratus (599 orang) pada tahun 2020. Tiga (3) IPT yang mencatatkan bilangan graduan tertinggi pada tahun 2020 memberikan alasan ini ialah IPTS (244 graduan), diikuti seramai 228 graduan UA dan 71 graduan ILKA KPLB. **(Carta 8.4)**

Carta 8.4

Alasan Belum Bekerja (10 Tertinggi) bagi Graduan Tahun 2016-2020

Alasan belum bekerja (10 tertinggi)	2016 (n=54,103)	2017 (n=53,373)	2018 (n=57,411)	2019 (n=41,161)	2020 (n=40,550)
Sedang mencari pekerjaan	72.9%	69.9%	67.8%	67.1%	72.8%
Berehat/melancong/bercuti	7.2%	9.4%	10.5%	11.8%	6.7%
Menunggu keputusan/tawaran melanjutkan pengajian	4.3%	5.0%	5.7%	6.2%	6.0%
Tanggungjawab terhadap keluarga	5.3%	5.5%	5.4%	4.9%	4.5%
Kerja yang ditawarkan tidak sesuai	2.7%	2.6%	3.0%	2.7%	2.4%
Memilih untuk tidak bekerja	2.5%	2.0%	1.8%	2.3%	2.3%
Sebab kesihatan/bersalin/hilang upaya	0.8%	0.9%	1.1%	1.5%	1.5%
Tidak berminat untuk bekerja	0.9%	1.0%	1.0%	1.0%	0.8%
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	0.6%	0.8%	0.9%	1.0%	1.5%
Enggan berpindah ke tempat lain	0.2%	0.2%	0.3%	0.4%	0.4%

n= Jumlah responden belum bekerja

BAB 9

BAHAGIAN III

TREND KELUARAN GRADUAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) BAGI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DAN DIPLOMA (UMUR 30 TAHUN DAN KE BAWAH) 2016-2020

TREND KELUARAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN (WARGANEGARA) BAGI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DAN DIPLOMA (UMUR 30 TAHUN DAN KE BAWAH), 2016-2020

Bab ini membincangkan hasil penganalisan kebolehpasaran graduan bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu tahun 2016 hingga 2020 khususnya bagi peringkat pengajian graduan ijazah pertama dan diploma. Selain daripada peringkat pengajian, penganalisan ini juga memberi tumpuan kepada dua (2) faktor lain, iaitu graduan warganegara yang berumur 30 tahun & ke bawah dengan mengecualikan responden yang berstatus “telah bekerja sebelum menyambung pengajian”. Hal ini adalah bagi melihat corak kebolehpasaran graduan dan pendapatan bulanan yang diperoleh bagi graduan pertama kali bekerja yang kebanyakannya berumur 30 tahun & ke bawah. Perbandingan dan trend bagi tempoh lima (5) tahun kajian dibincangkan untuk melihat peningkatan dan penurunan dalam setiap kategori.


9.1 Kadar Respons bagi Graduan Ijazah Pertama dan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah, 2016-2020

- **Carta 9.1a** menunjukkan secara keseluruhannya terdapat penurunan kadar respons dari tahun 2016 hingga 2019, iaitu sebanyak 6.9 peratus (92.0 peratus kepada 85.1 peratus). Kadar respons mengikut peringkat pengajian pula tidak menunjukkan perbezaan yang ketara bagi graduan ijazah pertama dan diploma dari tahun 2016 hingga 2019. Walau bagaimanapun, trend menunjukkan penurunan pada tahun 2020 bagi kedua-dua peringkat pengajian.
- Bagi peringkat pengajian ijazah pertama, trend kadar respons menunjukkan penurunan yang agak ketara, iaitu sebanyak 9.2 peratus antara tahun 2019 dan 2020. Kadar respons pada tahun 2020, iaitu sebanyak 85.9 peratus (102,106 graduan) merupakan yang terendah sejak tahun 2016. Kadar respons paling tinggi telah direkodkan pada tahun 2019 sebanyak 95.1 peratus (119,726 graduan). Perkara ini berlaku kesan daripada pandemik COVID-19 yang menyebabkan majlis konvokesyen tidak dapat dijalankan dan sukar bagi pihak IPT/ILKA untuk memastikan penyertaan graduan yang tinggi dalam kajian ini. (**Carta 9.1b**)
- Trend kadar respons bagi graduan diploma pula tidak menunjukkan perubahan ketara bagi tempoh lima (5) tahun (2016 hingga 2020). Kadar respons paling rendah dicatatkan pada tahun 2016, iaitu 84.1 peratus (86,498 graduan). Kadar respons tertinggi pula dicatatkan pada tahun 2019 sebanyak 89.1 peratus (120,828 graduan).

Carta 9.1a

Kadar Respons bagi Graduan Ijazah Pertama dan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah), 2016-2020


Kadar respons



Carta 9.1b

Bilangan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah), 2016-2020

Bilangan




9.2 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah, 2016-2020

- Kadar kebolehpasaran bagi graduan ijazah pertama dan diploma yang berumur 30 tahun & ke bawah untuk tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti yang dipaparkan pada **Carta 9.2a**. Secara keseluruhannya, purata kadar kebolehpasaran graduan (GE) bagi tempoh lima (5) tahun bagi peringkat pengajian ijazah pertama dan diploma adalah masing-masing sebanyak 75.9 peratus (423,344 graduan) dan 83.7 peratus (445,258 graduan). Dapatan ini jelas menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan diploma lebih baik berbanding dengan ijazah pertama.
- Trend kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama berumur 30 tahun & ke bawah dalam kalangan warganegara menunjukkan peningkatan yang ketara dari 69.9 peratus (74,364 graduan) pada tahun 2016 kepada 83.1 peratus (99,503 graduan) pada tahun 2019 tetapi menurun sedikit, iaitu sebanyak 1.6 peratus kepada 81.5 peratus (83,213 graduan) pada tahun 2020.

Carta 9.2a

Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama dan Diploma
(Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah), 2016-2020




- Graduan ijazah pertama berumur 30 tahun & ke bawah yang berstatus **bekerja** meningkat bagi tempoh empat (4) tahun pertama (2016 hingga 2019) bermula dari 53.7 peratus (57,181 graduan) pada tahun 2016 kepada 68.0 peratus (81,414 graduan) pada tahun 2019. Namun, pada tahun 2020, berlaku penurunan sebanyak 2.9 peratus kepada 65.1 peratus (66,461 graduan) berbanding tahun sebelumnya. (**Carta 9.2b**)
- Trend penurunan yang ketara dapat dilihat pada status **belum bekerja** graduan ijazah pertama bagi tempoh empat (4) tahun (2016 hingga 2019) dari 30.1 peratus (32,048 graduan) pada tahun 2016 kepada 16.9 peratus (20,223 graduan) pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, berlaku sedikit peningkatan sebanyak 1.6 peratus pada tahun 2020 kepada 18.5 peratus (18,893 graduan) berbanding tahun 2019.
- Kadar graduan ijazah pertama yang berstatus **melanjutkan pengajian** tidak menunjukkan perbezaan yang ketara bagi tempoh lima (5) tahun kajian (2016 hingga 2020) dengan kadar antara 4.6 peratus hingga 5.5 peratus.

- Kadar graduan ijazah pertama yang berstatus **meningkatkan kemahiran** bertambah dari 2.3 peratus (2,753 graduan) pada tahun 2019 kepada 4.0 peratus (4,064 graduan) pada tahun 2020 yang menunjukkan kadar tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun kajian. Peningkatan ini hasil daripada program-program yang dianjurkan oleh KPT dalam meningkatkan *upskilling* dan *reskilling* graduan.
- Trend kadar kebolehpasaran graduan peringkat diploma berumur 30 tahun & ke bawah pula menunjukkan peningkatan yang ketara bagi tempoh empat (4) tahun (2016 hingga 2019) dari 78.8 peratus (68,158 graduan) pada tahun 2016 kepada 87.3 peratus (105,528 graduan) pada tahun 2019. Namun berlaku penurunan sebanyak 1.9 peratus kepada 85.4 peratus (90,018 graduan) pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa kadar kebolehpasaran graduan diploma yang berumur 30 tahun & ke bawah bagi tempoh empat (4) tahun (2017 hingga 2020) adalah melebihi 80.0 peratus.
- Bagi tahun 2016 hingga 2019, graduan diploma berumur 30 tahun & ke bawah yang berstatus bekerja menunjukkan kadar peningkatan yang tidak konsisten. Dalam tempoh ini, kadar bekerja tertinggi adalah 53.8 peratus (65,040 graduan) pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, berlaku penurunan sebanyak 5.0 peratus pada tahun 2020 kepada 48.8 peratus (51,401 graduan) berbanding tahun 2019.
- Keseluruhannya, peratusan responden pada peringkat diploma yang berstatus meningkatkan kemahiran sangat rendah bagi tempoh kajian (2016 hingga 2020), iaitu 0.7 hingga 1.5 peratus.
- Kadar melanjutkan pengajian menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 berbanding 2019, iaitu masing-masing 32.5 peratus (34,279 graduan) dan 29.6 peratus (35,777 graduan). Begitu juga, kadar belum bekerja juga turut menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 berbanding 2019, iaitu masing-masing sebanyak 14.6 peratus (15,368 graduan) dan 12.7 peratus (15,300 graduan).

Carta 9.2b

Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma
(Berumur 30 Tahun dan Ke bawah), 2016-2020

Peringkat pengajian	Tahun	Jumlah responden					
			Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Diploma	2016	86,498	45.7%	29.6%	1.5%	2.1%	21.2%
	2017	100,312	44.2%	34.6%	1.0%	2.5%	17.7%
	2018	119,079	51.3%	28.9%	0.7%	2.3%	16.8%
	2019	120,828	53.8%	29.6%	0.8%	3.1%	12.7%
	2020	105,386	48.8%	32.5%	0.7%	3.4%	14.6%
	Keseluruhan	532,103	49.1%	31.0%	0.9%	2.7%	16.3%
Ijazah pertama	2016	106,412	53.7%	5.5%	3.7%	7.0%	30.1%
	2017	110,580	54.8%	5.2%	3.4%	8.1%	28.6%
	2018	118,630	58.4%	4.6%	2.3%	8.2%	26.4%
	2019	119,726	68.0%	5.1%	2.3%	7.7%	16.9%
	2020	102,106	65.1%	5.1%	4.0%	7.3%	18.5%
	Keseluruhan	557,454	60.1%	5.1%	3.1%	7.7%	24.1%


9.3 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Jantina, 2016-2020

9.3.1 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Jantina

- Status pekerjaan bagi graduan ijazah pertama yang berumur 30 tahun & ke bawah mengikut jantina bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti yang dipaparkan pada **Carta 9.3a**. Secara keseluruhannya purata kadar kebolehpasaran graduan (GE) dalam tempoh lima (5) tahun bagi peringkat ijazah pertama graduan lelaki dan perempuan agak seimbang, iaitu masing-masing 76.9 peratus (157,507 graduan) dan 75.4 peratus (265,837 graduan).
- Kadar tertinggi kebolehpasaran graduan ijazah pertama berumur 30 tahun & ke bawah bagi graduan lelaki dan perempuan adalah masing-masing 83.4 peratus dan 83.0 peratus berlaku pada tahun 2019. Manakala kadar terendah kebolehpasaran graduan ijazah pertama mengikut jantina adalah 71.2 peratus (lelaki) dan 69.1 peratus (perempuan) berlaku pada tahun 2016.

Carta 9.3a

Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Jantina, 2016-2020



- Trend kadar bekerja graduan ijazah pertama lelaki menunjukkan peningkatan dalam tempoh empat (4) tahun pertama (2016 hingga 2019) bermula dari 56.6 peratus (22,427 graduan) pada tahun 2016 kepada 69.7 peratus (31,008 graduan) pada tahun 2019. Namun, penurunan sebanyak 2.8 peratus kepada 66.9 peratus (25,101 graduan) berlaku pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Trend yang sama juga berlaku kepada kadar bekerja graduan perempuan. Kadar bekerja tertinggi adalah 67.0 peratus (50,406 graduan) pada tahun 2019 tetapi menurun kepada 64.0 peratus (41,360 graduan) pada tahun 2020.
- Seterusnya, kadar belum bekerja bagi graduan ijazah pertama lelaki menunjukkan trend penurunan yang ketara bagi tempoh empat (4) tahun pertama (2016 hingga 2019) dari 28.8 peratus pada tahun 2016 kepada 16.6 peratus pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, berlaku sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 1.3 peratus pada tahun 2020 kepada 17.9 peratus berbanding tahun 2019. Trend peningkatan juga dapat dilihat pada graduan ijazah pertama perempuan dengan perbezaan kadar sebanyak 1.8 peratus jika dibandingkan tahun 2020 (18.8%) dengan tahun 2019 (17.0%). **(Carta 9.3b)**

Carta 9.3b

Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Jantina, 2016-2020


Jantina	Tahun	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	2016	39,606	56.6%	4.7%	3.4%	6.5%	28.8%
	2017	40,072	57.4%	4.5%	3.3%	7.5%	27.3%
	2018	43,021	61.4%	4.1%	2.3%	7.2%	24.9%
	2019	44,519	69.7%	4.6%	2.4%	6.8%	16.6%
	2020	37,498	66.9%	4.6%	3.9%	6.7%	17.9%
	Keseluruhan	204,716	62.5%	4.5%	3.0%	6.9%	23.1%
Perempuan	2016	66,806	52.0%	6.0%	3.8%	7.3%	30.9%
	2017	70,508	53.3%	5.5%	3.5%	8.4%	29.2%
	2018	75,609	56.8%	4.9%	2.2%	8.8%	27.3%
	2019	75,207	67.0%	5.5%	2.3%	8.2%	17.0%
	2020	64,608	64.0%	5.4%	4.0%	7.7%	18.8%
	Keseluruhan	352,738	58.7%	5.4%	3.1%	8.1%	24.6%

9.3.2 Status Pekerjaan Graduan Diploma Mengikut Jantina

- Status pekerjaan bagi graduan diploma yang berumur 30 tahun & ke bawah mengikut jantina untuk tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti yang dipaparkan dalam **Carta 9.3c**. Secara keseluruhannya purata kadar kebolehpasaran graduan bagi tempoh lima (5) tahun bagi peringkat diploma graduan lelaki dan perempuan tidak jauh berbeza, iaitu masing-masing 85.3 peratus (200,077 graduan) dan 82.4 peratus (245,181 graduan).
- Kadar tertinggi kebolehpasaran graduan diploma berumur 30 tahun & ke bawah bagi graduan lelaki dan perempuan adalah masing-masing 89.6 peratus dan 85.5 peratus berlaku pada tahun 2019. Kadar kebolehpasaran terendah bagi graduan diploma mengikut jantina pula adalah 80.7 peratus (lelaki) dan 77.4 peratus (perempuan) direkodkan pada tahun 2016.

Carta 9.3c

Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Jantina, 2016-2020



- Trend kadar bekerja graduan diploma lelaki meningkat dalam tempoh 4 tahun pertama (2016 hingga 2019) bermula dari 47.1 peratus pada tahun 2016 kepada 56.6 peratus pada tahun 2019. Namun, tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 4.3 peratus kepada 52.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Trend kadar bekerja bagi graduan diploma perempuan pula tidak konsisten. Kadar bekerja tertinggi adalah 51.5 peratus (34,095 graduan) pada tahun 2019 tetapi menurun kepada 45.9 peratus (26,390 graduan) bagi tahun 2020. **(Carta 9.3d)**
- Seterusnya, kadar belum bekerja bagi graduan diploma lelaki menunjukkan trend penurunan yang ketara bagi tempoh empat (4) tahun pertama (2016-2019) dari 19.3 peratus pada tahun 2016 kepada 10.4 peratus pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, berlaku sedikit peningkatan sebanyak 2.6 peratus pada tahun 2020 kepada 13.0 peratus berbanding tahun 2019. Trend yang sama juga dapat dilihat pada graduan diploma perempuan yang berstatus belum bekerja pada tahun 2020 (15.9%) dengan perbezaan kadar sebanyak 1.4 peratus jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Carta 9.3d

Status Pekerjaan Graduan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Jantina, 2016-2020

Jantina	Tahun	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Lelaki	2016	37,412	47.1%	29.8%	1.9%	1.8%	19.3%
	2017	40,910	45.8%	33.7%	1.2%	2.7%	16.6%
	2018	53,678	54.5%	26.6%	0.9%	2.2%	15.8%
	2019	54,683	56.6%	28.4%	1.0%	3.5%	10.4%
	2020	47,834	52.3%	30.2%	1.0%	3.6%	13.0%
	Keseluruhan		234,517	51.8%	29.5%	1.2%	2.8%
Perempuan	2016	49,086	44.5%	29.5%	1.1%	2.2%	22.6%
	2017	59,402	43.1%	35.1%	0.9%	2.3%	18.5%
	2018	65,401	48.7%	30.7%	0.5%	2.4%	17.7%
	2019	66,145	51.5%	30.6%	0.6%	2.8%	14.5%
	2020	57,552	45.9%	34.5%	0.6%	3.2%	15.9%
	Keseluruhan		297,586	47.0%	32.1%	0.7%	2.6%


9.4 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Jenis IPT, 2016-2020

9.4.1 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Jenis IPT

- Secara keseluruhannya, purata kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama yang berumur 30 tahun & ke bawah adalah 77.2 peratus (273,669 graduan) bagi Universiti Awam (UA), 73.7 peratus (148,935 graduan) bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), 94.9 peratus (506 graduan) bagi politeknik dan 67.8 peratus (234 graduan) bagi IPT lain. Trend kadar kebolehpasaran bagi setiap jenis IPT menunjukkan peningkatan dari tahun 2016 hingga 2019, tetapi menurun pada tahun 2020. **(Carta 9.4a)**
- Kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama UA menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2019 dan buat pertama kalinya kadar ini melepasi 80.0 peratus sekaligus mencatatkan kadar tertinggi sebanyak 86.2 peratus (63,076 graduan) bagi tempoh lima (5) tahun kajian.

Carta 9.4a

Kadar Kebolehpasaran Graduan Ijazah Pertama (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Jenis IPT, 2016-2020



- Dalam tempoh lima (5) tahun, iaitu dari 2016 hingga 2020, kadar bekerja tertinggi bagi graduan UA adalah 70.7 peratus (51,737 graduan) pada tahun 2019 dan menurun sebanyak 3.4 peratus kepada 67.3 peratus (42,814 graduan) pada tahun 2020. Manakala bagi graduan ijazah pertama IPTS, kadar bekerja tertinggi adalah 63.7 peratus (29,459 graduan) dan menurun sebanyak 2.3 peratus kepada 61.4 peratus (23,494 graduan) pada tahun 2020. **(Carta 9.4b)**
- Seterusnya, berlaku penurunan kadar belum bekerja pada graduan ijazah pertama UA dan IPTS bagi tempoh empat (4) tahun pertama (2016-2019) namun kembali meningkat pada tahun 2020, iaitu masing-masing sebanyak 2.3 peratus dan 0.8 peratus berbanding tahun sebelumnya.
- Trend kadar melanjutkan pengajian bagi graduan UA dan IPTS didapati konsisten bagi tahun 2019 dan 2020, iaitu masing-masing 5.0 peratus dan 5.3 peratus. Graduan ijazah pertama UA menunjukkan kadar yang lebih tinggi dalam meningkatkan kemahiran berbanding keluaran dari institusi-institusi lain.

Carta 9.4b

Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Jenis IPT, 2016-2020


Jenis IPT	Tahun	Jumlah responden	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	2016	70,090	53.9%	6.2%	4.4%	6.0%	29.5%
	2017	72,836	54.6%	5.6%	4.0%	7.5%	28.2%
	2018	74,799	58.4%	5.0%	2.6%	8.1%	25.8%
	2019	73,195	70.7%	5.0%	2.7%	7.8%	13.8%
	2020	63,662	67.3%	5.0%	4.8%	6.9%	16.1%
	Keseluruhan	354,582	60.9%	5.4%	3.7%	7.3%	22.8%
IPTS	2016	36,258	53.4%	4.2%	2.2%	8.9%	31.2%
	2017	37,576	55.1%	4.3%	2.2%	9.2%	29.3%
	2018	43,645	58.4%	3.9%	1.7%	8.5%	27.6%
	2019	46,275	63.7%	5.3%	1.7%	7.6%	21.8%
	2020	38,240	61.4%	5.3%	2.6%	8.1%	22.6%
	Keseluruhan	201,994	58.7%	4.6%	2.0%	8.4%	26.3%
Politeknik	2016	7	71.4%	-	-	-	28.6%
	2017	103	83.5%	2.9%	1.0%	7.8%	4.9%
	2018	135	88.1%	5.9%	1.5%	0.7%	3.7%
	2019	154	94.2%	0.6%	-	1.3%	3.9%
	2020	134	86.6%	3.0%	-	3.7%	6.7%
	Keseluruhan	533	88.4%	3.0%	0.6%	3.0%	5.1%
IPT lain	2016	57	52.6%	1.8%	-	5.3%	40.4%
	2017	65	52.3%	1.5%	1.5%	10.8%	33.8%
	2018	51	51.0%	11.8%	2.0%	3.9%	31.4%
	2019	102	71.6%	2.0%	2.0%	2.0%	22.5%
	2020	70	52.9%	5.7%	1.4%	1.4%	38.6%
	Keseluruhan	345	58.0%	4.1%	1.4%	4.3%	32.2%

9.4.2 Status Pekerjaan Graduan Diploma Mengikut Jenis IPT

- Status pekerjaan bagi graduan diploma yang berumur 30 tahun & ke bawah mengikut IPT untuk tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti yang dipaparkan pada **Carta 9.4c(i)**. Bagi tempoh lima (5) tahun, purata kadar kebolehpasaran graduan peringkat diploma mengikut jenis IPT yang merekodkan lebih daripada 80.0 peratus ialah kolej komuniti (96.4%; 731 graduan), politeknik (93.5%; 113,523 graduan), UA (88.4%; 105,201 graduan) dan IPT lain (82.4%; 5,222 graduan).

Carta 9.4c(i)

Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Jenis IPT, 2016-2020




- Bagi UA, majoriti graduan memilih melanjutkan pengajian dengan kadar purata sebanyak 62.8 peratus bagi tempoh lima tahun. Kadar bekerja tertinggi graduan diploma UA adalah 24.5 peratus (tahun 2018 dan 2019). Namun menurun sebanyak 3.6 peratus pada tahun 2020 (20.9%). Bagi kadar belum bekerja pula, penurunan telah berlaku sebanyak 0.7 peratus pada tahun 2020 kepada 9.6 peratus (2019: 10.3%). [Lampiran A **Jadual 9.1**]
- Walaupun IPTS mempunyai keluaran graduan diploma yang ramai, namun kurang daripada 50.0 peratus graduannya berstatus bekerja.
- Bagi politeknik pula, purata kadar bekerja yang direkodkan ialah 76.5 peratus. Kadar bekerja tertinggi, iaitu 83.8 peratus (21,231 graduan) direkodkan pada tahun 2018 namun menurun kepada 69.0 peratus (17,648 graduan) pada tahun 2020. **Jadual 9.1** menunjukkan majoriti graduan politeknik pada tahun 2020 memilih untuk bekerja berbanding melanjutkan pengajian (19.2%; 4,922 graduan).
- Seterusnya trend kebolehpasaran graduan kolej komuniti merekodkan pencapaian yang sangat memberangsangkan (melebihi 85.0 peratus setiap tahun). Kadar bekerja tertinggi adalah 94.1 peratus pada tahun 2019, namun menurun sebanyak 1.6 peratus pada tahun 2020 (92.5%).

- Penyertaan hampir keseluruhan ILKA di bawah Kementerian lain pada tahun 2018 seperti yang dipaparkan pada **Carta 9.4c(ii)** kecuali ILKA MOTAC bermula pada tahun 2019. Purata kadar kebolehpasaran ILKA tertinggi bagi tempoh tiga (3) tahun ialah ILKBS (90.1%; 2,342 graduan), diikuti graduan kolej vokasional (81.6%; 33,429 graduan), graduan ILKA KSM (85.7%; 5,880 graduan) dan ILKA KPLB (84.9%; 9,654 graduan). ILKAP MAFI mencatatkan purata sebanyak 76.6 peratus (210 graduan) dan graduan ILKA MOTAC pula sebanyak 65.3 peratus (81 graduan) bagi tempoh dua (2) tahun.

Carta 9.4c(ii)

Kadar Kebolehpasaran Graduan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Jenis ILKA, 2016-2020



Nota: Bagi ILKA MOTAC merupakan purata bagi dua (2) tahun. Mula sertai pada tahun 2019

9.5 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Bidang Pengajian, 2016-2020

9.5.1 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Bidang Pengajian

- Secara keseluruhan, purata kadar kebolehpasaran graduan mengikut bidang pengajian bagi peringkat ijazah pertama yang mencapai kadar 80.0 peratus ke atas bagi tempoh lima (5) tahun ialah bidang kesihatan & kebajikan, iaitu sebanyak 83.5 peratus. [Lampiran A **Jadual 9.2a**]
- Trend menunjukkan bidang pengajian yang sentiasa mempunyai jumlah graduan yang ramai, iaitu melebihi 10,000 graduan setiap tahun ialah bidang sains sosial, perniagaan & perundangan, diikuti dengan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan dan bidang sains, matematik & komputer.
- Trend kadar bekerja mengikut bidang pengajian menunjukkan purata kadar bekerja yang melebihi 60.0 peratus ialah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (63.3%), perkhidmatan (65.5%), sains sosial, perniagaan & perundangan (62.6%) dan bidang sains, matematik & komputer (61.0%).

9.5.2 Status Pekerjaan Graduan Diploma Mengikut Bidang Pengajian

- Secara keseluruhannya purata kadar kebolehpasaran graduan yang mencapai sekurang-kurangnya 80.0 peratus bagi peringkat diploma mengikut bidang pengajian dalam tempoh lima (5) tahun ini ialah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (89.6%), sains, matematik & komputer (87.6%), sains sosial, perniagaan & perundangan (83.2%) dan pertanian & veterinar (81.9%). [Lampiran A **Jadual 9.2b**]
- Bidang pengajian yang menunjukkan purata kadar bekerja melebihi 50.0 peratus ialah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (57.1%), perkhidmatan (56.1%) dan kesihatan & kebajikan (53.0%).
- Bagi graduan bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, kadar bekerja tertinggi adalah 61.8 peratus (23,957 graduan) berlaku pada tahun 2019 namun berlaku penurunan kepada 56.5 peratus (19,802 graduan) pada tahun 2020.
- Trend kadar bekerja bagi bidang perkhidmatan menunjukkan turun naik bagi tempoh empat (4) tahun pertama (2016-2019), iaitu 54.0 peratus pada tahun 2016, turun sebanyak 2.5 peratus pada tahun 2017 kembali meningkat kepada 60.8 peratus pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, merekodkan penurunan sebanyak 5.4 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya.
- Bagi bidang kesihatan & kebajikan pula, kadar bekerja tertinggi ialah 61.0 peratus pada tahun 2019 dan menurun kepada 53.6 peratus pada tahun 2020 dengan mempamerkan kecenderungan graduan tahun 2020 memilih melanjutkan pengajian meningkat kepada 14.8 peratus berbanding 13.2 peratus pada tahun 2019.
- Walaupun jumlah graduan dalam bidang sains sosial, perniagaan & perundangan agak ramai, trend kadar bekerja masih rendah bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu kurang daripada 50.0 peratus.

9.6 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Pencapaian Akademik, 2016-2020

9.6.1 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Pencapaian Akademik

- Secara keseluruhannya purata kadar kebolehpasaran graduan yang mencapai sekurang-kurangnya 80.0 peratus bagi peringkat ijazah pertama mengikut pencapaian akademik dalam tempoh lima (5) tahun ini adalah pada tahun 2019 (83.1%) dan 2020 (81.5%). [Lampiran A **Jadual 9.3a**]
- Graduan ijazah pertama yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) antara 3.00 – 3.49 berjaya mendapat pekerjaan dengan kadar melebihi 50.0 peratus setiap tahun.
- Pada tahun 2019, kumpulan graduan yang paling ramai bekerja ialah dalam kalangan mereka yang memperoleh PNGK antara 3.00 – 3.49 dengan kadar 70.3 peratus (37,710 graduan). Begitu juga bagi tahun 2020, kumpulan graduan yang paling ramai bekerja ialah dalam kalangan mereka yang memperoleh PNGK antara 3.00 – 3.49, iaitu 30,538 graduan (66.3 peratus).
- Kumpulan graduan ijazah pertama yang memperoleh PNGK 3.00 ke bawah merekodkan peratus belum bekerja yang lebih tinggi setiap tahun berbanding dengan mereka yang memperoleh PNGK 3.00 & ke atas.

9.6.2 Status Pekerjaan Graduan Diploma Mengikut Pencapaian Akademik

- Majoriti graduan diploma memperoleh PNGK 3.00 & ke atas lebih cenderung untuk melanjutkan pengajian, iaitu lebih 30.0 peratus berada dalam kategori status tersebut. Kecenderungan ini ketara bagi graduan yang memperoleh PNGK 3.70 & ke atas dengan lebih daripada 43.0 peratus memilih melanjutkan pengajian. [Lampiran A **Jadual 9.3b**]
- Bagi graduan diploma yang memperoleh PNGK 3.00 ke bawah pula, lebih daripada 50.0 peratus memperoleh pekerjaan.

9.7 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Pencapaian MUET, 2016-2020

- Majoriti graduan memperoleh Band 3 dalam peperiksaan MUET bagi tempoh lima (5) tahun. Bagi kumpulan tersebut, kadar bekerja tertinggi adalah 70.5 peratus (2019) dan kadar bekerja terendah ialah 55.9 peratus (2016). [Lampiran A **Jadual 9.4**]
- Trend juga menunjukkan pada setiap tahun, kumpulan graduan bekerja ialah dalam kalangan mereka yang mendapat Band 2 dan Band 3. Ini menunjukkan, sehingga kini pencapaian bahasa Inggeris tidak menjadi kekangan terhadap kadar kebolehpasaran graduan.

9.8 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Negeri Bermastautin, 2016-2020

- Secara keseluruhannya, lima (5) buah negeri mempunyai jumlah graduan ijazah pertama yang paling ramai ialah Selangor (251,620 graduan), Johor (123,816 graduan), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (85,342 graduan), Kedah (78,173 graduan) dan Kelantan (70,137 graduan). [Lampiran A **Jadual 9.5**]
- Walau bagaimanapun, enam (6) buah negeri yang merekodkan purata kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama dan diploma sekurang-kurangnya 80.0 peratus ialah Melaka (80.1%), Negeri Sembilan (80.4%), Pulau Pinang (84.0%), Selangor (83.6%), WP Kuala Lumpur (83.2%), dan WP Putrajaya (85.6%).
- Trend kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama dan diploma menunjukkan peningkatan pada tahun 2016-2019, namun berlaku sedikit penurunan pada tahun 2020. Purata kadar kebolehpasaran graduan yang tertinggi adalah di WP Putrajaya (85.6%) manakala yang terendah di Sabah (70.2%).
- Di Selangor, kadar bekerja tertinggi adalah 61.8 peratus (34,385 graduan) pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 merekodkan penurunan kepada 58.1 peratus (27,442 graduan). Kadar bekerja tertinggi di Johor pula ialah pada tahun 2019 (65.3%; 17,835) dan menurun kepada 61.4 peratus (14,152 graduan) pada tahun 2020.
- Trend kadar belum bekerja menunjukkan penurunan bagi tempoh empat (4) tahun pertama (2016-2019) dan sedikit meningkat pada tahun 2020. Lima (5) buah negeri yang menunjukkan purata kadar belum bekerja melebihi 22.0 peratus ialah Sabah (29.8%), Kelantan (26.9%), Terengganu (24.9%), WP Labuan (24.6%) dan Perak (22.8%). Berdasarkan bilangan, Selangor (6,602 graduan) merekodkan jumlah graduan paling ramai belum bekerja pada tahun 2020, diikuti Perak (3,361 graduan).

9.9 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Pengalaman Kerja Sambilan Semasa dalam Pengajian, 2016-2020

9.9.1 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Pengalaman Kerja Sambilan Semasa dalam Pengajian

- Secara keseluruhan bagi kumpulan graduan yang mempunyai pengalaman bekerja sambilan semasa dalam pengajian, kadar kebolehpasaran graduan tertinggi adalah 86.1 peratus (graduan 2019), diikuti graduan tahun 2020, iaitu sebanyak 84.3 peratus. [Lampiran A **Jadual 9.6a**]
- Bagi kumpulan graduan yang mempunyai pengalaman bekerja sambilan semasa dalam pengajian, trend kadar bekerja menunjukkan peningkatan bagi tempoh empat (4) tahun (2016-2019) dengan kadar tertinggi adalah sebanyak 74.0 peratus (37,158 graduan) pada tahun 2019 dan menurun kepada 71.5 peratus (30,371 graduan) pada tahun 2020.
- Kumpulan graduan ijazah pertama yang tidak mempunyai pengalaman bekerja sambilan semasa dalam pengajian mencatatkan kadar belum bekerja yang lebih tinggi berbanding kumpulan yang pernah bekerja.

9.9.2 Status Pekerjaan Graduan Diploma Mengikut Pengalaman Kerja Sambilan Semasa dalam Pengajian

- Kumpulan graduan diploma yang mempunyai pengalaman bekerja sambilan semasa dalam pengajian, merekodkan kadar kebolehpasaran graduan tertinggi pada tahun 2020, iaitu 85.8 peratus, diikuti graduan tahun 2019 sebanyak 85.0 peratus. [Lampiran A **Jadual 9.6b**]
- Bagi status bekerja, kumpulan graduan yang mempunyai pengalaman bekerja sambilan semasa dalam pengajian menunjukkan penurunan pada tahun 2020 (45.4%; 9,680 graduan) berbanding tahun 2019 (47.7%; 13,042 graduan). Peratusan tertinggi direkodkan pada tahun 2016 (54.6%; 15,888 graduan).
- Kumpulan graduan diploma yang tidak mempunyai pengalaman bekerja sambilan semasa dalam pengajian mempunyai kadar belum bekerja yang lebih tinggi berbanding kumpulan yang pernah bekerja.

9.10 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan Keluarga, 2018-2020

9.10.1 Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan Keluarga

- Purata kadar kebolehpasaran bagi semua kumpulan pendapatan berada antara 78.5 hingga 81.8 peratus. [Lampiran A **Jadual 9.7a**]
- Bagi kumpulan pendapatan bulanan keluarga RM4,000 & ke bawah, kadar kebolehpasaran graduan tertinggi ialah 82.6 peratus (68,785 graduan), iaitu pada tahun 2019 dan mencatatkan penurunan yang ketara (dari segi bilangan) pada tahun 2020 kepada 81.1 peratus (54,491 graduan). Berdasarkan status pekerjaan, trend bagi tempoh lima (5) tahun merekodkan lebih daripada 50.0 peratus graduan telah bekerja dengan kadar tertinggi ialah 69.1 peratus (57,504 graduan) pada tahun 2019. Manakala bagi kadar belum bekerja merekodkan trend penurunan bilangan graduan menganggur dengan bilangan tertinggi 23,649 graduan (27.6%) pada tahun 2018 dan menurun kepada 12,672 graduan (18.9%) pada tahun 2020.
- Trend kadar bekerja yang hampir sama dapat dilihat bagi kumpulan pendapatan RM4,001 – RM8,500 dan kumpulan RM8,501 & ke atas, iaitu setiap tahun lebih daripada 50.0 peratus berjaya memperoleh pekerjaan.

9.10.2 Status Pekerjaan Graduan Diploma Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan Keluarga

- Purata kadar kebolehpasaran graduan diploma bagi semua kumpulan pendapatan bulanan keluarga ialah antara 84.6 hingga 89.7 peratus. Peratusan ini juga bergantung kepada bilangan graduan bagi setiap kumpulan dengan peratusan kumpulan RM8,501 & ke atas agak tinggi berbanding dengan kumpulan yang lain kerana jumlahnya yang agak kecil (hanya 21,294 graduan daripada jumlah keseluruhan 343,988 graduan diploma yang mempunyai maklumat. [Lampiran A **Jadual 9.7b**]
- Bagi kumpulan pendapatan RM4,000 & ke bawah, kadar kebolehpasaran tertinggi ialah pada tahun 2019 (86.8%; 81,500 graduan) dan merekodkan penurunan yang ketara (dari segi bilangan) pada tahun 2020 kepada 66,131 graduan (84.6%). Peratusan graduan bekerja, trend bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir (2018-2020) merekodkan kadar bekerja melebihi 50.0 peratus.
- Trend kadar melanjutkan pengajian menunjukkan majoriti graduan dari kumpulan RM8,501 & ke atas dengan purata kadar 62.2 peratus diikuti graduan dari kumpulan RM4,001 – RM8,500 (46.3%).



LAMPIRAN A

JADUAL BAB 9



Jenis IPT	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
UA	2016	14,842	85.9%	24.4%	59.8%	0.6%	1.1%	14.1%
	2017	27,512	88.5%	23.6%	62.7%	0.7%	1.5%	11.5%
	2018	26,727	86.8%	24.5%	60.2%	0.5%	1.6%	13.2%
	2019	26,694	89.7%	24.5%	63.5%	0.7%	1.0%	10.3%
	2020	23,196	90.4%	20.9%	66.9%	0.9%	1.6%	9.6%
	Keseluruhan	118,971	88.4%	23.6%	62.8%	0.7%	1.4%	11.6%
IPTS	2016	47,267	71.9%	40.2%	27.9%	1.2%	2.5%	28.1%
	2017	49,957	73.6%	41.0%	28.7%	1.3%	2.7%	26.4%
	2018	44,851	75.8%	43.5%	28.7%	1.0%	2.6%	24.2%
	2019	45,454	77.4%	46.6%	27.1%	1.0%	2.7%	22.6%
	2020	36,892	78.7%	43.1%	31.5%	1.0%	3.2%	21.3%
	Keseluruhan	224,421	75.3%	42.8%	28.7%	1.1%	2.7%	24.7%
Politeknik	2016	22,732	88.5%	70.6%	13.6%	2.5%	1.7%	11.5%
	2017	21,813	94.4%	77.5%	12.8%	0.8%	3.4%	5.6%
	2018	25,338	96.1%	83.8%	11.0%	0.2%	1.1%	3.9%
	2019	25,940	96.7%	81.1%	14.1%	0.3%	1.2%	3.3%
	2020	25,586	91.4%	69.0%	19.2%	0.3%	2.9%	8.6%
	Keseluruhan	121,409	93.5%	76.5%	14.2%	0.8%	2.0%	6.5%
Kolej komuniti	2016	24	87.5%	75.0%	12.5%	-	-	12.5%
	2017	88	92.0%	87.5%	3.4%	-	1.1%	8.0%
	2018	161	95.0%	93.8%	1.2%	-	-	5.0%
	2019	271	98.5%	94.1%	4.1%	0.4%	-	1.5%
	2020	214	97.7%	92.5%	4.2%	-	0.9%	2.3%
	Keseluruhan	758	96.4%	92.2%	3.7%	0.1%	0.4%	3.6%
IPT lain	2016	1,633	79.2%	47.8%	28.6%	1.2%	1.7%	20.8%
	2017	942	76.2%	42.5%	30.7%	1.3%	1.8%	23.8%
	2018	31	67.7%	32.3%	29.0%	-	6.5%	32.3%
	2019	2,206	83.6%	37.7%	43.7%	0.6%	1.6%	16.4%
	2020	1,525	88.1%	33.6%	53.4%	0.5%	0.6%	11.9%
	Keseluruhan	6,337	82.4%	40.0%	40.1%	0.8%	1.4%	17.6%

Jadual 9.1

 Status Pekerjaan Graduan **Diploma** (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Jenis IPT, 2016-2020 (samb.)

Jenis IPT	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Kolej vokasional	2018	13,597	77.6%	63.5%	7.9%	0.9%	5.3%	22.4%
	2019	13,701	97.4%	76.8%	6.3%	1.1%	13.2%	2.6%
	2020	11,675	81.6%	66.6%	4.7%	0.6%	9.7%	18.4%
	Keseluruhan	38,973	85.8%	69.1%	6.4%	0.9%	9.4%	14.2%
ILKAP MAFI	2018	114	77.2%	57.9%	17.5%	-	1.8%	22.8%
	2019	92	75.0%	67.4%	6.5%	-	1.1%	25.0%
	2020	68	77.9%	60.3%	16.2%	-	1.5%	22.1%
	Keseluruhan	274	76.6%	61.7%	13.5%	-	1.5%	23.4%
ILKA KPLB	2018	4,992	77.6%	49.4%	24.8%	0.9%	2.5%	22.4%
	2019	3,348	90.9%	67.3%	19.4%	1.9%	2.3%	9.1%
	2020	3,033	90.2%	68.2%	17.6%	2.0%	2.3%	9.8%
	Keseluruhan	11,373	84.9%	59.7%	21.3%	1.5%	2.4%	15.1%
ILKA KSM	2018	2,548	84.2%	75.1%	7.1%	0.4%	1.6%	15.8%
	2019	2,136	88.2%	78.1%	8.0%	0.7%	1.4%	11.8%
	2020	2,179	84.9%	75.4%	7.9%	0.2%	1.4%	15.1%
	Keseluruhan	6,863	85.7%	76.1%	7.6%	0.4%	1.5%	14.3%
ILKBS	2018	720	89.7%	76.5%	11.3%	0.6%	1.4%	10.3%
	2019	914	89.1%	70.1%	16.8%	1.0%	1.1%	10.9%
	2020	966	91.3%	76.4%	12.4%	0.3%	2.2%	8.7%
	Keseluruhan	2,600	90.1%	74.2%	13.7%	0.6%	1.6%	9.9%
ILKA MOTAC	2019	72	65.3%	59.7%	5.6%	-	-	34.7%
	2020	52	65.4%	51.9%	3.8%	3.8%	5.8%	34.6%
	Keseluruhan	124	65.3%	56.5%	4.8%	1.6%	2.4%	34.7%
Jumlah besar	2016	86,498	78.8%	45.7%	29.6%	1.5%	2.1%	21.2%
	2017	100,312	82.3%	44.2%	34.6%	1.0%	2.5%	17.7%
	2018	119,079	83.2%	51.3%	28.9%	0.7%	2.3%	16.8%
	2019	120,828	87.3%	53.8%	29.6%	0.8%	3.1%	12.7%
	2020	105,386	85.4%	48.8%	32.5%	0.7%	3.4%	14.6%
	Keseluruhan	532,103	83.7%	49.1%	31.0%	0.9%	2.7%	16.3%

Bidang pengajian	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	2016	23,696	71.8%	56.9%	6.2%	4.5%	4.2%	28.2%
	2017	26,069	73.3%	59.3%	5.2%	3.6%	5.2%	26.7%
	2018	27,096	75.2%	62.1%	4.6%	2.7%	5.7%	24.8%
	2019	28,784	84.9%	71.0%	4.9%	3.3%	5.7%	15.1%
	2020	25,133	83.0%	65.8%	5.1%	6.0%	6.1%	17.0%
	Keseluruhan	130,778	77.8%	63.3%	5.2%	4.0%	5.4%	22.2%
Kesihatan dan kebajikan	2016	8,017	82.9%	38.5%	2.1%	0.8%	41.5%	17.1%
	2017	8,336	80.8%	37.2%	2.3%	0.9%	40.3%	19.2%
	2018	8,638	81.1%	36.8%	2.1%	0.7%	41.5%	18.9%
	2019	8,612	87.5%	48.1%	2.9%	0.9%	35.6%	12.5%
	2020	7,254	85.3%	48.6%	3.3%	1.5%	31.9%	14.7%
	Keseluruhan	40,857	83.5%	41.7%	2.5%	0.9%	38.3%	16.5%
Pendidikan	2016	3,985	64.9%	39.3%	4.2%	1.2%	20.2%	35.1%
	2017	4,920	71.5%	40.4%	4.7%	1.1%	25.2%	28.5%
	2018	5,332	75.0%	43.8%	4.9%	0.6%	25.8%	25.0%
	2019	4,706	77.9%	54.6%	4.7%	0.9%	17.7%	22.1%
	2020	4,222	82.6%	61.1%	6.1%	0.9%	14.5%	17.4%
	Keseluruhan	23,165	74.5%	47.6%	4.9%	0.9%	21.0%	25.5%
Perkhidmatan	2016	3,657	67.8%	59.4%	2.8%	2.1%	3.5%	32.2%
	2017	3,498	71.0%	60.8%	3.6%	2.3%	4.3%	29.0%
	2018	3,621	72.2%	63.9%	3.3%	1.4%	3.7%	27.8%
	2019	4,177	83.2%	74.5%	3.5%	1.7%	3.4%	16.8%
	2020	3,254	81.6%	67.9%	3.4%	5.2%	5.0%	18.4%
	Keseluruhan	18,207	75.3%	65.5%	3.3%	2.5%	4.0%	24.7%
Pertanian dan veterinar	2016	1,739	63.5%	49.2%	7.2%	2.8%	4.2%	36.5%
	2017	1,736	61.1%	47.9%	5.9%	2.6%	4.8%	38.9%
	2018	1,690	67.1%	53.6%	7.1%	1.7%	4.8%	32.9%
	2019	1,643	85.0%	70.6%	5.2%	4.4%	4.7%	15.0%
	2020	1,498	85.2%	61.5%	4.7%	11.0%	8.0%	14.8%
	Keseluruhan	8,306	71.9%	56.3%	6.1%	4.3%	5.2%	28.1%

Jadual 9.2a

 Status Pekerjaan Graduan **Ijazah Pertama** (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Bidang Pengajian, 2016-2020 (samb.)

Bidang pengajian	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Sains sosial, perniagaan dan perundangan	2016	42,224	69.9%	57.3%	4.8%	4.6%	3.2%	30.1%
	2017	43,348	70.7%	57.5%	4.7%	4.4%	4.1%	29.3%
	2018	46,560	72.5%	61.8%	4.0%	2.7%	4.1%	27.5%
	2019	45,692	81.4%	69.5%	5.1%	2.0%	4.8%	18.6%
	2020	37,442	80.1%	67.2%	5.2%	3.2%	4.5%	19.9%
	Keseluruhan	215,266	74.9%	62.6%	4.8%	3.4%	4.1%	25.1%
Sains, matematik dan komputer	2016	14,215	67.7%	53.4%	7.8%	3.1%	3.5%	32.3%
	2017	13,910	69.9%	54.1%	7.3%	3.6%	5.0%	30.1%
	2018	15,929	73.4%	59.3%	6.8%	2.4%	4.9%	26.6%
	2019	15,248	84.6%	70.7%	6.6%	2.3%	5.0%	15.4%
	2020	14,092	81.9%	66.9%	5.8%	4.0%	5.2%	18.1%
	Keseluruhan	73,394	75.6%	61.0%	6.9%	3.0%	4.7%	24.4%
Sastera dan kemanusiaan	2016	8,879	60.5%	47.8%	7.2%	2.6%	2.8%	39.5%
	2017	8,763	65.6%	52.9%	7.3%	2.0%	3.4%	34.4%
	2018	9,764	68.6%	56.8%	6.4%	1.5%	3.9%	31.4%
	2019	10,864	82.0%	68.9%	6.3%	2.4%	4.3%	18.0%
	2020	9,211	78.2%	66.3%	5.0%	3.4%	3.5%	21.8%
	Keseluruhan	47,481	71.5%	59.0%	6.4%	2.4%	3.6%	28.5%

Bidang pengajian	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	2016	22,003	85.0%	53.0%	28.1%	2.4%	1.6%	15.0%
	2017	24,149	89.3%	51.0%	34.3%	1.3%	2.8%	10.7%
	2018	37,805	87.6%	59.0%	25.6%	0.8%	2.2%	12.4%
	2019	38,735	94.3%	61.8%	27.6%	0.9%	4.0%	5.7%
	2020	35,070	89.6%	56.5%	28.3%	0.8%	3.9%	10.4%
	Keseluruhan	157,762	89.6%	57.1%	28.4%	1.1%	3.0%	10.4%
Kesihatan dan kebajikan	2016	4,831	67.6%	49.2%	11.6%	0.6%	6.2%	32.4%
	2017	5,528	71.6%	49.3%	14.5%	0.6%	7.1%	28.4%
	2018	5,853	71.8%	51.3%	13.1%	0.5%	6.9%	28.2%
	2019	5,750	79.9%	61.0%	13.2%	0.4%	5.4%	20.1%
	2020	3,954	78.9%	53.6%	14.8%	0.5%	10.0%	21.1%
	Keseluruhan	25,916	73.9%	53.0%	13.4%	0.5%	6.9%	26.1%
Pendidikan	2016	2,494	69.6%	41.5%	24.0%	0.8%	3.2%	30.4%
	2017	3,555	67.3%	42.8%	20.5%	0.8%	3.2%	32.7%
	2018	2,754	70.6%	45.5%	21.7%	0.3%	3.0%	29.4%
	2019	4,444	67.1%	47.2%	16.3%	0.9%	2.8%	32.9%
	2020	3,793	70.4%	52.8%	14.3%	0.7%	2.5%	29.6%
	Keseluruhan	17,040	68.8%	46.4%	18.7%	0.7%	2.9%	31.2%
Perkhidmatan	2016	8,192	74.2%	54.0%	16.4%	1.4%	2.4%	25.8%
	2017	10,491	78.1%	51.5%	21.7%	1.1%	3.7%	21.9%
	2018	12,399	78.9%	57.6%	18.2%	0.6%	2.5%	21.1%
	2019	11,880	82.6%	60.8%	18.1%	0.9%	2.9%	17.4%
	2020	9,821	79.6%	55.4%	19.9%	0.7%	3.5%	20.4%
	Keseluruhan	52,783	79.0%	56.1%	18.9%	0.9%	3.0%	21.0%
Pertanian dan veterinar	2016	1,996	68.5%	34.8%	29.7%	1.5%	2.6%	31.5%
	2017	2,265	83.0%	42.7%	37.8%	0.8%	1.7%	17.0%
	2018	3,075	82.4%	50.5%	28.5%	1.2%	2.2%	17.6%
	2019	3,479	87.4%	51.5%	32.0%	1.2%	2.7%	12.6%
	2020	2,352	83.5%	44.9%	31.0%	5.1%	2.5%	16.5%
	Keseluruhan	13,167	81.9%	46.0%	31.7%	1.9%	2.3%	18.1%

Bidang pengajian	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Sains sosial, perniagaan dan perundangan	2016	32,552	80.0%	41.9%	35.2%	1.2%	1.7%	20.0%
	2017	34,408	81.6%	42.5%	36.6%	0.9%	1.7%	18.4%
	2018	36,447	83.0%	47.6%	33.0%	0.5%	1.9%	17.0%
	2019	37,072	85.7%	48.7%	33.8%	0.7%	2.5%	14.3%
	2020	32,480	85.2%	43.1%	39.0%	0.4%	2.8%	14.8%
	Keseluruhan	172,959	83.2%	44.9%	35.4%	0.7%	2.1%	16.8%
Sains, matematik dan komputer	2016	7,364	80.9%	36.7%	41.4%	1.0%	1.7%	19.1%
	2017	11,437	88.7%	30.2%	56.5%	0.8%	1.2%	11.3%
	2018	12,004	87.0%	38.8%	45.9%	0.5%	1.7%	13.0%
	2019	10,472	90.3%	38.2%	49.4%	0.5%	2.2%	9.7%
	2020	10,195	89.1%	33.1%	53.4%	0.6%	2.0%	10.9%
	Keseluruhan	51,472	87.6%	35.3%	49.8%	0.7%	1.7%	12.4%
Sastera dan kemanusiaan	2016	6,969	70.8%	41.4%	26.5%	1.2%	1.7%	29.2%
	2017	8,324	74.5%	39.2%	31.9%	1.3%	2.2%	25.5%
	2018	8,742	77.2%	44.1%	30.3%	0.8%	2.0%	22.8%
	2019	8,996	81.7%	49.0%	29.6%	0.9%	2.1%	18.3%
	2020	7,721	81.3%	46.8%	31.4%	0.8%	2.2%	18.7%
	Keseluruhan	40,752	77.3%	44.2%	30.0%	1.0%	2.1%	22.7%

Jadual 9.3a

 Status Pekerjaan Graduan **Ijazah Pertama** (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Pencapaian Akademik, 2016-2020

Tahun	Pencapaian akademik	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
2016	2.00-2.49	5,142	65.9%	52.2%	2.2%	4.9%	6.6%	34.1%
	2.50-2.99	28,502	65.9%	53.8%	3.1%	4.5%	4.6%	34.1%
	3.00-3.49	46,369	70.2%	54.7%	6.2%	3.9%	5.4%	29.8%
	3.50-3.69	11,456	73.1%	55.5%	7.8%	3.0%	6.7%	26.9%
	3.70-4.00	6,650	75.7%	57.6%	9.9%	1.9%	6.2%	24.3%
	Lulus	8,293	75.1%	43.4%	5.3%	1.2%	25.2%	24.9%
	Keseluruhan	106,412	69.9%	53.7%	5.5%	3.7%	7.0%	30.1%
2017	2.00-2.49	4,203	64.7%	53.4%	1.7%	3.7%	5.9%	35.3%
	2.50-2.99	29,946	68.0%	56.0%	2.7%	4.2%	5.1%	32.0%
	3.00-3.49	48,094	71.0%	55.5%	5.5%	3.7%	6.3%	29.0%
	3.50-3.69	13,184	75.2%	55.7%	8.0%	2.8%	8.7%	24.8%
	3.70-4.00	7,259	78.5%	58.8%	10.0%	1.9%	7.8%	21.5%
	Lulus	7,894	78.2%	41.4%	4.9%	1.0%	30.8%	21.8%
	Keseluruhan	110,580	71.4%	54.8%	5.2%	3.4%	8.1%	28.6%
2018	2.00-2.49	3,992	65.7%	54.9%	1.2%	2.0%	7.7%	34.3%
	2.50-2.99	30,544	69.9%	58.8%	2.6%	2.6%	5.9%	30.1%
	3.00-3.49	52,201	73.8%	59.9%	4.8%	2.5%	6.7%	26.2%
	3.50-3.69	14,887	77.2%	60.0%	6.6%	2.1%	8.5%	22.8%
	3.70-4.00	8,846	79.3%	59.7%	9.2%	1.4%	8.9%	20.7%
	Lulus	8,160	76.5%	45.1%	4.4%	1.0%	26.0%	23.5%
	Keseluruhan	118,630	73.6%	58.4%	4.6%	2.3%	8.2%	26.4%
2019	2.00-2.49	3,447	75.6%	65.7%	1.0%	3.0%	5.9%	24.4%
	2.50-2.99	28,130	79.8%	67.9%	2.8%	2.7%	6.5%	20.2%
	3.00-3.49	53,651	84.2%	70.3%	4.6%	2.5%	6.8%	15.8%
	3.50-3.69	16,055	86.0%	69.6%	6.8%	2.1%	7.6%	14.0%
	3.70-4.00	9,716	87.7%	69.1%	9.1%	1.7%	7.8%	12.3%
	Lulus	8,727	79.7%	51.0%	10.2%	1.0%	17.5%	20.3%
	Keseluruhan	119,726	83.1%	68.0%	5.1%	2.3%	7.7%	16.9%
2020	2.00-2.49	2,239	74.8%	63.0%	1.5%	4.6%	5.8%	25.2%
	2.50-2.99	20,845	77.6%	63.4%	3.3%	4.8%	6.0%	22.4%
	3.00-3.49	46,048	81.8%	66.3%	4.6%	4.5%	6.4%	18.2%
	3.50-3.69	15,829	84.4%	67.9%	6.1%	3.6%	6.8%	15.6%
	3.70-4.00	10,684	86.8%	69.1%	8.1%	2.5%	7.2%	13.2%
	Lulus	6,461	78.2%	49.1%	8.2%	0.8%	20.1%	21.8%
	Keseluruhan	102,106	81.5%	65.1%	5.1%	4.0%	7.3%	18.5%

Tahun	Pencapaian akademik	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
2016	2.00-2.49	6,916	69.8%	52.7%	12.2%	1.9%	2.9%	30.2%
	2.50-2.99	31,995	77.0%	50.4%	22.6%	1.7%	2.2%	23.0%
	3.00-3.49	32,863	80.6%	44.0%	33.4%	1.3%	1.9%	19.4%
	3.50-3.69	8,274	83.1%	38.0%	42.5%	1.1%	1.6%	16.9%
	3.70-4.00	5,515	83.7%	31.2%	50.2%	0.9%	1.5%	16.3%
	Lulus	935	77.5%	39.9%	31.4%	2.5%	3.7%	22.5%
	Keseluruhan	86,498	78.8%	45.7%	29.6%	1.5%	2.1%	21.2%
2017	2.00-2.49	7,392	76.0%	58.7%	13.1%	1.1%	3.2%	24.0%
	2.50-2.99	35,435	80.4%	50.0%	26.6%	1.1%	2.7%	19.6%
	3.00-3.49	38,847	83.6%	42.0%	38.2%	0.9%	2.5%	16.4%
	3.50-3.69	10,241	85.3%	35.0%	47.4%	1.0%	1.9%	14.7%
	3.70-4.00	7,151	86.8%	26.8%	57.8%	0.7%	1.5%	13.2%
	Lulus	1,246	78.5%	38.5%	33.3%	3.2%	3.5%	21.5%
	Keseluruhan	100,312	82.3%	44.2%	34.6%	1.0%	2.5%	17.7%
2018	2.00-2.49	7,709	80.8%	68.5%	9.5%	0.6%	2.1%	19.2%
	2.50-2.99	35,946	83.1%	56.1%	24.1%	0.7%	2.1%	16.9%
	3.00-3.49	46,108	83.6%	49.6%	31.0%	0.7%	2.3%	16.4%
	3.50-3.69	16,306	82.9%	46.4%	32.9%	0.6%	3.0%	17.1%
	3.70-4.00	10,802	84.3%	37.7%	43.8%	0.5%	2.3%	15.7%
	Lulus	2,208	80.2%	51.4%	25.1%	1.0%	2.7%	19.8%
	Keseluruhan	119,079	83.2%	51.3%	28.9%	0.7%	2.3%	16.8%
2019	2.00-2.49	6,997	85.1%	70.6%	11.1%	1.1%	2.3%	14.9%
	2.50-2.99	33,103	85.0%	58.6%	23.4%	0.9%	2.1%	15.0%
	3.00-3.49	48,842	87.6%	51.9%	31.7%	0.7%	3.3%	12.4%
	3.50-3.69	18,855	91.0%	52.7%	32.4%	0.8%	5.1%	9.0%
	3.70-4.00	10,394	89.3%	38.2%	48.0%	0.6%	2.6%	10.7%
	Lulus	2,637	82.6%	55.4%	24.4%	0.9%	1.9%	17.4%
	Keseluruhan	120,828	87.3%	53.8%	29.6%	0.8%	3.1%	12.7%
2020	2.00-2.49	5,210	82.1%	65.4%	11.8%	1.1%	3.9%	17.9%
	2.50-2.99	25,899	83.6%	54.4%	25.4%	0.8%	2.9%	16.4%
	3.00-3.49	45,315	85.8%	47.6%	33.9%	0.7%	3.5%	14.2%
	3.50-3.69	17,359	86.4%	46.2%	35.4%	0.7%	4.1%	13.6%
	3.70-4.00	9,973	89.2%	35.3%	50.9%	0.5%	2.5%	10.8%
	Lulus	1,630	81.9%	47.3%	30.0%	1.0%	3.6%	18.1%
	Keseluruhan	105,386	85.4%	48.8%	32.5%	0.7%	3.4%	14.6%

Tahun	Pencapaian MUET	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
2016	Band 1	5,570	58.5%	46.2%	3.5%	3.3%	5.5%	41.5%
	Band 2	24,711	68.9%	56.2%	4.6%	3.8%	4.2%	31.1%
	Band 3	38,472	70.8%	55.9%	6.0%	3.5%	5.4%	29.2%
	Band 4	14,426	73.8%	50.6%	6.2%	4.8%	12.2%	26.2%
	Band 5	1,567	78.0%	45.9%	6.0%	3.5%	22.6%	22.0%
	Band 6	44	86.4%	52.3%	4.5%	0.0%	29.5%	13.6%
	Keseluruhan	84,790	70.1%	54.2%	5.5%	3.8%	6.5%	29.9%
2017	Band 1	6,972	63.3%	49.3%	3.4%	2.7%	7.9%	36.7%
	Band 2	28,320	69.8%	55.5%	4.6%	3.5%	6.2%	30.2%
	Band 3	35,509	72.0%	56.5%	5.6%	3.5%	6.6%	28.0%
	Band 4	12,686	74.3%	50.8%	6.0%	4.2%	13.4%	25.7%
	Band 5	1,380	76.2%	43.6%	6.4%	2.1%	24.1%	23.8%
	Band 6	151	88.1%	66.2%	10.6%	0.7%	10.6%	11.9%
	Keseluruhan	85,018	71.0%	54.5%	5.1%	3.5%	7.9%	29.0%
2018	Band 1	6,368	68.0%	55.6%	2.5%	1.9%	7.9%	32.0%
	Band 2	27,407	72.3%	59.3%	3.8%	2.3%	6.8%	27.7%
	Band 3	39,526	74.1%	59.2%	5.0%	2.3%	7.5%	25.9%
	Band 4	15,816	75.4%	56.2%	5.3%	2.4%	11.4%	24.6%
	Band 5	1,736	75.9%	53.6%	5.8%	2.1%	14.3%	24.1%
	Band 6	30	90.0%	73.3%	6.7%	3.3%	6.7%	10.0%
	Keseluruhan	90,883	73.4%	58.4%	4.6%	2.3%	8.1%	26.6%
2019	Band 1	2,463	80.5%	70.0%	2.4%	2.3%	5.8%	19.5%
	Band 2	19,070	83.2%	71.4%	3.6%	2.5%	5.6%	16.8%
	Band 3	44,723	84.5%	70.5%	4.5%	2.4%	7.2%	15.5%
	Band 4	20,832	83.3%	65.0%	5.9%	2.1%	10.3%	16.7%
	Band 5	5,354	84.9%	64.3%	8.0%	1.8%	10.8%	15.1%
	Band 6	39	79.5%	64.1%	5.1%	0.0%	10.3%	20.5%
	Keseluruhan	92,481	83.9%	69.0%	4.8%	2.3%	7.8%	16.1%
2020	Band 1	1,157	80.6%	68.1%	2.7%	4.7%	5.1%	19.4%
	Band 2	14,184	81.6%	69.2%	3.1%	4.7%	4.6%	18.4%
	Band 3	40,570	82.9%	68.2%	4.2%	4.6%	5.9%	17.1%
	Band 4	22,991	82.6%	62.7%	6.3%	4.5%	9.1%	17.4%
	Band 5	3,844	82.6%	56.5%	7.8%	3.8%	14.5%	17.4%
	Band 6	61	80.3%	55.7%	9.8%	1.6%	13.1%	19.7%
	Keseluruhan	82,807	82.5%	66.3%	4.8%	4.5%	6.9%	17.5%

Jadual 9.5
Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Negeri Bermastautin, 2016-2020

Negeri mastautin	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Johor	2016	21,994	76.2%	54.7%	15.0%	2.0%	4.6%	23.8%
	2017	24,476	78.6%	54.8%	16.6%	1.6%	5.6%	21.4%
	2018	26,989	80.9%	60.4%	14.5%	1.1%	4.9%	19.1%
	2019	27,299	86.8%	65.3%	15.6%	1.2%	4.7%	13.2%
	2020	23,058	85.8%	61.4%	17.8%	1.9%	4.7%	14.2%
	Keseluruhan	123,816	81.9%	59.6%	15.9%	1.5%	4.9%	18.1%
Kedah	2016	13,301	71.9%	47.9%	16.4%	2.7%	4.8%	28.1%
	2017	15,041	75.2%	48.0%	19.0%	2.4%	5.8%	24.8%
	2018	17,157	76.8%	54.2%	16.1%	1.2%	5.2%	23.2%
	2019	17,361	85.7%	61.3%	17.2%	1.7%	5.6%	14.3%
	2020	15,313	83.3%	57.2%	18.6%	2.3%	5.2%	16.7%
	Keseluruhan	78,173	78.9%	54.1%	17.4%	2.0%	5.3%	21.1%
Kelantan	2016	13,026	62.3%	39.3%	14.2%	3.3%	5.5%	37.7%
	2017	13,948	69.3%	41.3%	18.4%	2.8%	6.8%	30.7%
	2018	15,342	70.5%	45.2%	17.2%	1.6%	6.6%	29.5%
	2019	14,935	81.7%	54.5%	18.1%	2.2%	7.0%	18.3%
	2020	12,886	81.0%	53.3%	18.4%	2.8%	6.5%	19.0%
	Keseluruhan	70,137	73.1%	46.8%	17.3%	2.5%	6.5%	26.9%
Melaka	2016	6,879	74.5%	51.1%	15.7%	2.6%	5.0%	25.5%
	2017	7,582	77.1%	49.4%	19.3%	2.3%	6.2%	22.9%
	2018	8,631	79.0%	54.7%	17.2%	1.7%	5.5%	21.0%
	2019	8,572	84.9%	60.8%	17.1%	1.3%	5.6%	15.1%
	2020	7,005	84.4%	58.8%	18.1%	1.7%	5.7%	15.6%
	Keseluruhan	38,669	80.1%	55.1%	17.5%	1.9%	5.6%	19.9%
Negeri Sembilan	2016	8,499	74.9%	50.3%	16.9%	2.7%	5.1%	25.1%
	2017	9,387	77.1%	49.5%	20.3%	2.0%	5.3%	22.9%
	2018	10,688	79.9%	55.5%	17.9%	1.3%	5.3%	20.1%
	2019	10,436	85.1%	60.0%	17.8%	1.3%	6.0%	14.9%
	2020	9,109	84.1%	55.1%	21.1%	2.3%	5.6%	15.9%
	Keseluruhan	48,119	80.4%	54.3%	18.8%	1.9%	5.5%	19.6%
Pahang	2016	10,066	71.6%	48.9%	15.0%	2.9%	4.7%	28.4%
	2017	10,671	74.4%	47.6%	18.5%	2.6%	5.6%	25.6%
	2018	12,212	77.5%	53.4%	17.1%	1.4%	5.6%	22.5%
	2019	11,950	84.8%	60.4%	17.4%	1.9%	5.1%	15.2%
	2020	10,291	83.4%	58.3%	17.6%	2.2%	5.3%	16.6%
	Keseluruhan	55,190	78.5%	53.9%	17.1%	2.2%	5.3%	21.5%

Jadual 9.5

 Status Pekerjaan Graduan **Ijazah Pertama** dan **Diploma** (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah)
 Mengikut Negeri Bermastautin, 2016-2020 (samb.)

Negeri mastautin	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Perak	2016	15,912	71.6%	48.4%	15.3%	2.3%	5.6%	28.4%
	2017	16,923	74.4%	48.2%	17.8%	2.0%	6.4%	25.6%
	2018	18,798	75.4%	51.5%	16.4%	1.3%	6.3%	24.6%
	2019	18,981	83.3%	58.4%	16.5%	1.5%	7.0%	16.7%
	2020	17,022	80.3%	54.0%	17.9%	2.3%	6.1%	19.7%
	Keseluruhan	87,636	77.2%	52.3%	16.8%	1.9%	6.3%	22.8%
Perlis	2016	1,558	72.0%	44.6%	20.3%	3.2%	3.9%	28.0%
	2017	1,865	74.9%	42.1%	26.2%	1.9%	4.7%	25.1%
	2018	2,090	75.3%	47.0%	22.0%	1.5%	4.8%	24.7%
	2019	2,062	85.5%	54.3%	24.3%	1.7%	5.1%	14.5%
	2020	1,685	82.1%	50.0%	25.3%	2.6%	4.2%	17.9%
	Keseluruhan	9,260	78.2%	47.8%	23.7%	2.1%	4.6%	21.8%
Pulau Pinang	2016	10,795	78.4%	53.7%	17.5%	2.0%	5.3%	21.6%
	2017	11,524	81.9%	54.7%	19.8%	1.9%	5.6%	18.1%
	2018	13,465	83.3%	60.3%	17.0%	1.0%	5.0%	16.7%
	2019	13,555	87.9%	64.2%	17.0%	1.1%	5.6%	12.1%
	2020	12,734	87.2%	59.9%	20.6%	1.4%	5.3%	12.8%
	Keseluruhan	62,073	84.0%	58.9%	18.4%	1.4%	5.4%	16.0%
Sabah	2016	9,798	61.6%	39.0%	13.0%	4.3%	5.3%	38.4%
	2017	10,650	62.2%	40.8%	13.2%	2.2%	6.1%	37.8%
	2018	12,049	67.9%	48.0%	12.0%	1.3%	6.7%	32.1%
	2019	12,989	80.6%	59.4%	12.8%	2.7%	5.8%	19.4%
	2020	10,942	75.7%	48.7%	13.0%	7.4%	6.6%	24.3%
	Keseluruhan	56,428	70.2%	47.8%	12.8%	3.5%	6.1%	29.8%
Sarawak	2016	10,503	68.3%	44.5%	16.1%	2.7%	4.9%	31.7%
	2017	12,038	72.1%	46.2%	19.1%	1.8%	5.0%	27.9%
	2018	13,987	75.3%	52.3%	16.7%	1.2%	5.2%	24.7%
	2019	14,153	81.7%	58.9%	15.7%	1.3%	5.7%	18.3%
	2020	12,794	78.4%	53.1%	16.5%	2.6%	6.2%	21.6%
	Keseluruhan	63,475	75.6%	51.5%	16.8%	1.9%	5.4%	24.4%
Selangor	2016	44,595	80.0%	54.8%	18.3%	2.5%	4.4%	20.0%
	2017	50,164	81.9%	53.1%	21.7%	2.4%	4.5%	18.1%
	2018	54,020	82.2%	57.0%	18.8%	1.7%	4.8%	17.8%
	2019	55,625	87.2%	61.8%	19.5%	1.3%	4.6%	12.8%
	2020	47,216	86.0%	58.1%	21.6%	1.7%	4.6%	14.0%
	Keseluruhan	251,620	83.6%	57.1%	20.0%	1.9%	4.6%	16.4%

Jadual 9.5

 Status Pekerjaan Graduan **Ijazah Pertama** dan **Diploma** (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Negeri Bermastautin, 2016-2020 (samb.)

Negeri mastautin	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
Terengganu	2016	9,063	66.8%	42.5%	15.5%	3.7%	5.1%	33.2%
	2017	9,549	69.0%	40.6%	18.9%	3.0%	6.5%	31.0%
	2018	11,115	72.8%	47.9%	17.1%	2.1%	5.7%	27.2%
	2019	10,824	83.6%	55.3%	19.3%	2.8%	6.2%	16.4%
	2020	9,635	81.9%	55.0%	19.3%	2.8%	4.8%	18.1%
	Keseluruhan	50,186	75.1%	48.5%	18.0%	2.8%	5.7%	24.9%
WP Kuala Lumpur	2016	15,485	79.7%	55.4%	17.8%	2.8%	3.7%	20.3%
	2017	15,638	81.6%	54.8%	19.8%	2.8%	4.2%	18.4%
	2018	19,523	82.6%	60.5%	16.1%	1.9%	4.1%	17.4%
	2019	19,444	86.3%	63.2%	17.8%	1.1%	4.1%	13.7%
	2020	15,252	85.5%	58.8%	20.2%	1.6%	4.8%	14.5%
	Keseluruhan	85,342	83.2%	58.8%	18.2%	2.0%	4.2%	16.8%
WP Labuan	2016	375	69.3%	47.7%	12.0%	5.6%	4.0%	30.7%
	2017	365	69.6%	47.7%	15.1%	1.1%	5.8%	30.4%
	2018	540	67.8%	48.7%	12.2%	1.3%	5.6%	32.2%
	2019	468	88.9%	70.3%	12.2%	1.3%	5.1%	11.1%
	2020	442	80.3%	58.8%	13.3%	4.8%	3.4%	19.7%
	Keseluruhan	2,190	75.4%	55.0%	12.9%	2.7%	4.8%	24.6%
WP Putrajaya	2016	964	82.8%	63.7%	13.7%	2.9%	2.5%	17.2%
	2017	937	83.2%	55.5%	19.7%	3.1%	4.9%	16.8%
	2018	976	86.0%	61.6%	16.8%	2.2%	5.4%	14.0%
	2019	1,009	88.0%	61.6%	19.6%	1.8%	5.0%	12.0%
	2020	866	88.1%	61.1%	20.7%	1.8%	4.5%	11.9%
	Keseluruhan	4,752	85.6%	60.7%	18.1%	2.4%	4.5%	14.4%
Luar Negara	2016	97	81.4%	62.9%	18.6%	0.0%	0.0%	18.6%
	2017	134	84.3%	64.9%	16.4%	0.7%	2.2%	15.7%
	2018	127	78.7%	58.3%	16.5%	1.6%	2.4%	21.3%
	2019	131	93.9%	83.2%	8.4%	0.8%	1.5%	6.1%
	2020	103	90.3%	73.8%	14.6%	1.0%	1.0%	9.7%
	Keseluruhan	592	85.8%	68.8%	14.7%	0.8%	1.5%	14.2%

Jadual 9.6a

Status Pekerjaan Graduan **Ijazah Pertama** (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Pengalaman Bekerja Semasa dalam Pengajian, 2016-2020

Tahun	Pengalaman * bekerja semasa anda mengikut pengajian ini	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
2016	Ya	38,925	73.1%	60.4%	4.3%	3.6%	4.9%	26.9%
	Tidak	67,487	68.0%	49.9%	6.2%	3.7%	8.2%	32.0%
2017	Ya	43,099	74.0%	61.1%	4.1%	3.2%	5.7%	26.0%
	Tidak	67,481	69.8%	50.8%	5.8%	3.6%	9.6%	30.2%
2018	Ya	45,503	76.9%	65.3%	3.9%	2.1%	5.6%	23.1%
	Tidak	72,992	71.4%	54.1%	5.1%	2.4%	9.9%	28.6%
2019	Ya	50,185	86.1%	74.0%	4.3%	2.1%	5.7%	13.9%
	Tidak	69,158	80.9%	63.6%	5.8%	2.5%	9.1%	19.1%
2020	Ya	42,490	84.3%	71.5%	4.0%	3.5%	5.3%	15.7%
	Tidak	59,130	79.5%	60.5%	5.9%	4.3%	8.8%	20.5%

Nota: Melibatkan graduan ijazah pertama yang mempunyai maklumat sahaja.

Jadual 9.6b

Status Pekerjaan Graduan **Diploma** (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Pengalaman Bekerja Semasa dalam Pengajian, 2016-2020

Tahun	Pengalaman * bekerja semasa anda mengikut pengajian ini	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
2016	Ya	29,104	82.1%	54.6%	24.1%	1.5%	1.9%	17.9%
	Tidak	57,394	77.1%	41.1%	32.4%	1.4%	2.1%	22.9%
2017	Ya	34,480	84.0%	52.2%	29.0%	1.0%	1.8%	16.0%
	Tidak	65,832	81.4%	40.0%	37.5%	1.0%	2.9%	18.6%
2018	Ya	25,309	82.8%	45.7%	34.5%	0.8%	1.9%	17.2%
	Tidak	49,228	78.0%	31.7%	43.1%	0.8%	2.4%	22.0%
2019	Ya	27,355	85.0%	47.7%	34.7%	0.8%	1.8%	15.0%
	Tidak	46,705	80.3%	32.9%	44.3%	0.9%	2.2%	19.7%
2020	Ya	21,340	85.8%	45.4%	37.7%	0.8%	1.9%	14.2%
	Tidak	39,587	82.2%	28.5%	50.1%	1.0%	2.6%	17.8%

Nota: Melibatkan graduan diploma yang mempunyai maklumat sahaja.

Jadual 9.7a
Status Pekerjaan Graduan Ijazah Pertama (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga, 2018-2020

Kumpulan pendapatan keluarga	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
RM4,000 dan ke bawah	2018	85,779	72.4%	58.8%	3.8%	2.1%	7.7%	27.6%
	2019	83,261	82.6%	69.1%	4.1%	2.3%	7.1%	17.4%
	2020	67,163	81.1%	66.5%	4.0%	4.1%	6.6%	18.9%
	Keseluruhan	236,203	78.5%	64.6%	4.0%	2.7%	7.2%	21.5%
RM4,001 - RM8,500	2018	23,357	75.9%	58.3%	6.0%	2.4%	9.2%	24.1%
	2019	25,209	84.3%	66.8%	6.6%	2.2%	8.6%	15.7%
	2020	23,472	81.9%	63.3%	6.6%	3.7%	8.3%	18.1%
	Keseluruhan	72,038	80.8%	62.9%	6.4%	2.7%	8.7%	19.2%
RM8,501 dan ke atas	2018	9,494	77.9%	55.8%	8.5%	3.0%	10.6%	22.1%
	2019	11,027	84.3%	62.6%	9.2%	2.4%	9.9%	15.7%
	2020	11,117	82.7%	60.3%	8.6%	4.1%	9.8%	17.3%
	Keseluruhan	31,638	81.8%	59.8%	8.8%	3.2%	10.1%	18.2%

Nota: 1) Data 2016 dan 2017 dikecualikan kerana menggunakan skala pendapatan bulanan yang berbeza
 2) Terdapat seramai 46 graduan (2019) dan 58 graduan (2020) tiada maklumat kerana hanya sertai SKPG2.0

Jadual 9.7b
Status Pekerjaan Graduan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga, 2018-2020

Kategori pendapatan keluarga	Tahun	Jumlah responden	Kadar GE	Bekerja	Melanjutkan pengajian	Meningkatkan kemahiran	Menunggu penempatan pekerjaan	Belum bekerja
RM4,000 dan ke bawah	2018	95,449	82.4%	55.3%	23.9%	0.7%	2.5%	17.6%
	2019	93,902	86.8%	58.8%	23.8%	0.8%	3.4%	13.2%
	2020	78,164	84.6%	54.3%	25.9%	0.7%	3.7%	15.4%
	Keseluruhan	267,515	84.6%	56.2%	24.5%	0.7%	3.2%	15.4%
RM4,001 - RM8,500	2018	17,428	85.7%	38.3%	45.0%	0.7%	1.7%	14.3%
	2019	19,137	88.5%	39.7%	45.8%	0.7%	2.3%	11.5%
	2020	18,614	87.6%	36.4%	48.1%	0.7%	2.4%	12.4%
	Keseluruhan	55,179	87.3%	38.1%	46.3%	0.7%	2.2%	12.7%
RM8,501 dan ke atas	2018	6,202	87.8%	25.8%	59.7%	0.8%	1.5%	12.2%
	2019	7,258	91.4%	26.2%	63.0%	0.9%	1.3%	8.6%
	2020	7,834	89.7%	23.6%	63.4%	0.9%	1.8%	10.3%
	Keseluruhan	21,294	89.7%	25.1%	62.2%	0.8%	1.6%	10.3%

Nota: 1) Data 2016 dan 2017 dikecualikan kerana menggunakan skala pendapatan bulanan yang berbeza
 2) Terdapat seramai 78 graduan (2019) dan 226 graduan (2020) tiada maklumat kerana hanya sertai SKPG2.0

BAB 10

BAHAGIAN III

TREND PENDAPATAN BULANAN GRADUAN (WARGANEGARA) BAGI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DAN DIPLOMA (UMUR 30 TAHUN DAN KE BAWAH) 2016-2020

- Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Taraf Pekerjaan
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Jenis IPT
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Tahap Kemahiran
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Pendapatan Keluarga
- Pendapatan Bulanan Graduan Mengikut Sektor Ekonomi Utama

TREND PENDAPATAN BULANAN GRADUAN (WARGANEGARA) BAGI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DAN DIPLOMA (UMUR 30 TAHUN DAN KE BAWAH), 2016-2020

Bab ini membincangkan hasil penganalisan pendapatan bulanan graduan peringkat ijazah pertama dan diploma bagi tahun 2016 hingga 2020. Selain daripada peringkat pengajian, penganalisan juga memfokus kepada graduan warganegara sahaja, berumur 30 tahun & ke bawah serta mengecualikan responden yang berstatus “telah bekerja sebelum menyambung pengajian”.


Bab ini juga memperincikan dapatan trend data pendapatan bulanan graduan mengikut peringkat pengajian fokus kepada ijazah pertama dan diploma, taraf pekerjaan, jenis IPT/ILKA, tahap kemahiran, pendapatan bulanan keluarga dan sektor ekonomi utama.

10.1 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma, 2016-2020

Analisis secara mendalam dilaksanakan untuk melihat sama ada graduan memperoleh pendapatan bulanan mengikut kelayakan akademik graduan. Selain itu, bahagian ini memperincikan perbandingan pendapatan bulanan graduan ijazah pertama dan diploma serta menganalisis graduan yang mempunyai pendapatan RM5,001 & ke atas (**Carta 10.1a**). Di samping itu, analisis graduan diploma yang berpendapatan di bawah gaji minimum, iaitu RM1,000 & ke bawah turut diperincikan seperti pada **Carta 10.1b**.

Carta 10.1a


Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama, 2016-2020



- Berdasarkan trend data dalam tempoh lima tahun (2016-2020), lebih 50.0 peratus graduan ijazah pertama memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,000 & ke bawah.
- Peratusan graduan ijazah pertama yang memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,000 & ke bawah pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 3.5 peratus (2020: 56.2%; 2019: 52.7%).
- Terdapat peningkatan peratus graduan yang memperoleh pendapatan bulanan RM5,001 & ke atas bagi tempoh 2016 hingga 2019. Kebanyakan graduan bekerja di sektor swasta (syarikat multinasional) dan lebih daripada 60.0 peratus bekerja di luar negara [Lampiran B Jadual 10.1a hingga 10.1c]. Namun begitu, berlaku sedikit penurunan pada tahun 2020 yang merekodkan 0.9 peratus graduan berpendapatan RM5,001 & ke atas seperti pada **Carta 10.1a**.

Carta 10.1b

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma, 2016-2020




n= Jumlah responden

- Berdasarkan trend data bagi tempoh lima tahun (2016-2020), sebanyak 59.7 hingga 71.4 peratus graduan diploma memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,001 – RM2,000.
- Peratusan graduan diploma yang memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,001 – RM2,000 pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 3.2 peratus (2020: 71.4%; 2019: 68.2%).
- Dalam tempoh lima (5) tahun tersebut, graduan diploma yang memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,000 & ke bawah menunjukkan penurunan yang amat signifikan iaitu 17.5 peratus pada tahun 2020 berbanding 30.0 peratus yang direkodkan pada tahun 2016.
- Terdapat sebanyak 0.4 peratus graduan diploma berpendapatan RM5,001 & ke atas yang direkodkan pada tahun 2017 hingga 2020 seperti pada **Carta 10.1b**. Bagi graduan tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 47.1 hingga 58.6 peratus adalah graduan yang menceburi bidang keusahawanan seperti yang ditunjukkan pada **Carta 10.1c** dan Lampiran B **Jadual 10.2b**.

Carta 10.1c

Trend Taraf Pekerjaan Graduan Diploma bagi Pendapatan Bulanan RM5,001 dan Ke Atas, 2016-2020



n= Jumlah responden

10.2 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Taraf Pekerjaan, 2016-2020

Bahagian ini mengandungi trend pendapatan bulanan graduan (warganegara) bagi peringkat ijazah pertama dan diploma mengikut taraf pekerjaan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020. Analisis pada bahagian ini memperincikan pendapatan bulanan graduan mengikut taraf pekerjaan sama ada bekerja dengan keluarga, pekerja kerajaan, pekerja swasta (termasuk NGO) dan usahawan. Bahagian ini turut menganalisis sektor ekonomi yang diceburi oleh graduan terutamanya yang bergelar usahawan.

Carta 10.2a

Trend Taraf Pekerjaan Graduan bagi Peringkat Ijazah Pertama dan Diploma, 2016-2020

Taraf pekerjaan	Diploma					Ijazah pertama				
	2016 (n=39,448)	2017 (n=44,335)	2018 (n=61,102)	2019 (n=65,040)	2020 (n=51,401)	2016 (n=57,181)	2017 (n=60,567)	2018 (n=69,332)	2019 (n=81,414)	2020 (n=66,461)
Pekerja swasta (termasuk NGO)	83.7%	85.1%	75.5%	74.5%	73.6%	84.5%	85.0%	78.9%	75.0%	73.4%
Usahawan	4.8%	4.4%	13.1%	15.1%	15.6%	3.5%	3.3%	10.0%	12.8%	14.1%
Pekerja kerajaan	6.9%	5.9%	4.4%	4.3%	3.8%	8.9%	8.5%	7.0%	7.0%	6.5%
Bekerja dengan keluarga	4.6%	4.6%	7.1%	6.1%	6.9%	3.1%	3.2%	4.1%	5.2%	6.0%

n= Jumlah responden

- Lebih daripada 70.0 peratus graduan ijazah pertama dan diploma bekerja dalam sektor swasta (termasuk NGO) bagi tempoh lima tahun (2016 hingga 2020). Namun begitu, trend penurunan berlaku sejak tahun 2018, dengan kadar terendah pada tahun 2020, iaitu antara 73.4 hingga 73.6 peratus.
- Peningkatan graduan yang bekerja usahawan kepada 14.1 peratus direkodkan pada tahun 2020 (2019: 12.8%) bagi graduan ijazah pertama. Begitu juga graduan diploma yang menunjukkan peningkatan kepada 15.6 peratus pada tahun 2020 (2019: 15.1%) seperti pada **Carta 10.2a**.
- Peningkatan ketara peratusan graduan usahawan pada tahun 2018 dipengaruhi oleh penyertaan graduan ILKA terutama graduan GIATMARA dalam skop kajian ini. Peningkatan ini juga selaras dengan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) pada tahun 2019 bagi memupuk minat pelajar IPT/ILKA dalam membudayakan bidang keusahawanan.
- Berdasarkan **Carta 10.2b** didapati lebih daripada 74.0 peratus graduan usahawan peringkat ijazah pertama dan diploma menjadi usahawan dalam sektor Perkhidmatan. Peningkatan peratusan graduan tahun 2020 yang bekerja sebagai usahawan turut didorong oleh pertumbuhan rancak dalam penggunaan platform digital bagi sektor perkhidmatan terutamanya bidang perniagaan baharu.

Carta 10.2b

Trend Sektor Ekonomi Utama Graduan Usahawan Peringkat Ijazah Pertama dan Diploma, 2016-2020

Sektor ekonomi	Diploma					Ijazah pertama				
	2016 (n=27)	2017 (n=35)	2018 (n=120)	2019 (n=138)	2020 (n=133)	2016 (n=48)	2017 (n=53)	2018 (n=136)	2019 (n=217)	2020 (n=128)
Perkhidmatan	74.1%	82.9%	80.8%	78.3%	75.2%	81.3%	84.9%	79.4%	82.5%	88.3%
Pembuatan	7.4%	5.7%	13.3%	6.5%	12.8%	8.3%	1.9%	12.5%	7.4%	6.3%
Pembinaan	18.5%	5.7%	5.0%	11.6%	7.5%	4.2%	7.5%	6.6%	7.8%	3.1%
Perlombongan dan Pengkuarian	0.0%	0.0%	0.0%	1.4%	0.0%	0.0%	0.0%	0.0%	0.5%	1.6%
Pertanian	0.0%	5.7%	0.8%	2.2%	4.5%	6.3%	5.7%	1.5%	1.8%	0.8%

n= Jumlah responden

10.2.1 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Taraf Pekerjaan, 2016-2020

- Peratusan tertinggi graduan ijazah pertama bagi setiap taraf pekerjaan adalah bagi julat pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah berdasarkan trend data bagi tempoh lima (5) tahun.
- Peratusan graduan yang bekerja sebagai pekerja swasta (termasuk NGO) meningkat bagi pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah pada tahun 2020, iaitu kepada 49.3 peratus (2019: 46.2%).
- Begitu juga bagi graduan usahawan, peratusan yang memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah turut meningkat kepada sebanyak 75.8 peratus (2019: 71.6%). [Lampiran B **Jadual 10.2a**]

10.2.2 Pendapatan Bulanan Graduan Diploma Mengikut Taraf Pekerjaan, 2016-2020

- Sebanyak 51.6 hingga 60.5 peratus graduan diploma yang bekerja dengan keluarga menunjukkan peratusan tertinggi memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,000 & ke bawah.


- Sementara graduan diploma yang bekerja sebagai pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO) menunjukkan peratusan tertinggi memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,001 – RM2,000.
- Bagi graduan diploma yang menjadi usahawan, trend data menunjukkan terdapat perubahan peratusan tertinggi dalam julat pendapatan bulanan, iaitu julat RM1,000 & ke bawah yang direkodkan pada tahun 2016 (56.2%) dan 2017 (59.0%) kepada julat RM1,001 – RM2,000 bagi tahun 2018 (53.6%), 2019 (45.7%) dan 2020 (47.1%). [Lampiran B **Jadual 10.2b**]

10.3 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Jenis IPT, 2016-2020

Bahagian ini mengandungi trend pendapatan bulanan graduan (warganegara) bagi peringkat ijazah pertama dan diploma mengikut jenis IPT bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020. Analisis dalam bahagian ini akan memperincikan perbandingan pendapatan bulanan yang diterima graduan mengikut IPT masing-masing.

Carta 10.3a

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama UA, 2016-2020




n= Jumlah responden

- Trend menunjukkan bahawa lebih daripada 60.0 peratus graduan ijazah pertama dari Universiti Awam (UA), iaitu lebih daripada 60.0 peratus graduan memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah bagi tempoh lima (5) tahun. Sebanyak 6.5 hingga 8.2 peratus graduan ijazah pertama berada dalam julat pendapatan melebihi RM3,000 bagi tempoh tersebut (**Carta 10.3a**).
- Manakala bagi graduan ijazah pertama dari IPTS pula menunjukkan peratusan tertinggi graduan memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,001 – RM3,000 (**Carta 10.3b**).
- Berdasarkan analisis tersebut, didapati graduan ijazah pertama dari IPTS ditawarkan gaji yang lebih tinggi berbanding graduan UA.

Carta 10.3b

Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama IPTS, 2016-2020



n= Jumlah responden

- Walaupun sektor pekerjaan swasta tempatan menunjukkan peratusan tertinggi graduan bekerja berbanding sektor lain bagi kedua-dua IPT ini, terdapat perbezaan julat pendapatan bulanan yang diterima bagi graduan ijazah pertama dari UA dan IPTS.
- Didapati graduan IPTS menunjukkan peratusan tertinggi, iaitu sebanyak 44.5 hingga 51.3 peratus graduan memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,001 – RM3,000 berbanding graduan UA yang menunjukkan lebih daripada 60.0 peratus memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM2,000 & ke bawah.
- Bagi graduan diploma pula, peratusan tertinggi ialah graduan yang memperoleh pendapatan bulanan dalam julat RM1,001 – RM2,000 bagi semua jenis IPT dan ILKA. [Lampiran B **Jadual 10.3**]

10.4 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Tahap Kemahiran, 2016-2020

Bahagian ini memaparkan pendapatan bulanan graduan (warganegara) bagi peringkat ijazah pertama dan diploma mengikut tahap kemahiran pekerjaan sama ada dalam kategori mahir, separuh mahir atau berkemahiran rendah.

10.4.1 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Tahap Kemahiran, 2016-2020

- Dari perspektif pekerjaan, graduan ijazah pertama yang bekerja berada dalam kategori mahir merekodkan julat antara 59.2 hingga 75.6 peratus sejak tahun 2016. Ini diikuti kategori separuh mahir dengan peratusan antara 20.8 hingga 35.3 peratus.
- Pada tahun 2020, sebanyak 75.9 peratus (43,046 graduan) berada dalam kategori mahir dengan 64.3 peratus daripadanya bekerja dalam pekerjaan Profesional, diikuti oleh Juruteknik & profesional bersekutu sebanyak 23.1 peratus. Namun begitu, perlu dilihat dengan lebih terperinci ialah peratus graduan

yang bekerja dalam kategori mahir ini dengan jumlah pendapatan bulanan yang diperoleh. Sebanyak 41.6 peratus graduan kategori mahir memperoleh pendapatan bulanan RM2,001 – RM3,000 selari dengan gaji minimum bagi graduan ijazah pertama (RM2,300). Walau bagaimanapun, terdapat 42.8 peratus graduan peringkat ini yang berada dalam kategori mahir memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah. Ini merupakan peratusan tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan yang menunjukkan bahawa terdapat ketidaksepadanan pekerjaan dengan pendapatan yang diperoleh oleh graduan.

- Graduan 2020 yang bekerja dalam kategori berkemahiran rendah juga dilihat meningkat berbanding tahun 2019. Walaupun bilangannya kecil, namun angka ini dilihat agak membimbangkan kerana kumpulan graduan ini boleh dikelaskan sebagai ketidaksepadan pekerjaan kerana mereka tidak menggunakan sepenuhnya kemahiran dan pengetahuan mereka. Graduan ijazah pertama ini juga majoritinya memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah (2020: 89.0%) dan lebih separuh (58.7%) graduan bekerja sebagai pekerja asas. Ini dapat disimpulkan bahawa kumpulan graduan ijazah pertama yang berada dalam kategori ini memilih untuk mencuba apa sahaja pekerjaan yang ditawarkan kepada mereka, apatah lagi dalam keadaan pandemik ketika ini.

Carta 10.4a

Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Tahap Kemahiran, 2016-2020

Tahun	Tahap kemahiran	Jumlah responden	Peratus sumbangan	Pendapatan bulanan graduan			
				RM2,000 dan ke bawah	RM2,001- RM3,000	RM3,001- RM5,000	RM5,001 dan ke atas
2016	Mahir	33,293	60.8	37.9%	50.8%	10.1%	1.1%
	Separuh mahir	18,956	34.6	73.9%	23.3%	2.4%	0.4%
	Berkemahiran rendah	2,504	4.6	82.1%	16.2%	1.4%	0.4%
	Jumlah	54,753	100.0	52.4%	39.7%	7.0%	0.8%
2017	Mahir	34,574	59.4	37.1%	49.2%	12.4%	1.2%
	Separuh mahir	20,536	35.3	74.5%	22.3%	2.7%	0.4%
	Berkemahiran rendah	3,060	5.3	81.0%	16.8%	1.9%	0.3%
	Jumlah	58,170	100.0	52.6%	38.0%	8.4%	0.9%
2018	Mahir	36,721	59.2	34.1%	49.9%	14.7%	1.4%
	Separuh mahir	21,779	35.1	70.3%	25.5%	3.6%	0.6%
	Berkemahiran rendah	3,570	5.8	78.7%	18.4%	2.6%	0.3%
	Jumlah	62,070	100.0	49.3%	39.5%	10.1%	1.1%
2019	Mahir	53,290	75.9	40.2%	44.8%	13.5%	1.5%
	Separuh mahir	15,018	21.4	79.6%	17.2%	2.5%	0.7%
	Berkemahiran rendah	1,892	2.7	86.4%	11.3%	2.0%	0.4%
	Jumlah	70,200	100.0	49.8%	38.0%	10.8%	1.3%
2020	Mahir	43,046	75.6	42.8%	41.6%	14.7%	0.9%
	Separuh mahir	11,843	20.8	84.2%	13.6%	1.9%	0.3%
	Berkemahiran rendah	2,073	3.6	89.0%	9.5%	1.4%	0.1%
	Jumlah	56,962	100.0	53.1%	34.6%	11.5%	0.8%

Nota: Tidak termasuk graduan bekerja sendiri, majikan dan *freelance* serta kumpulan pekerjaan angkatan tentera

10.4.2 Pendapatan Bulanan Graduan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Tahap Kemahiran, 2016-2020

- Bagi graduan diploma, trend meningkat dilihat bagi graduan yang bekerja dalam kategori mahir, iaitu dari 34.8 peratus pada tahun 2016 kepada 52.5 peratus pada tahun 2019. Namun, sedikit menurun pada tahun 2020, iaitu kepada 50.3 peratus. Graduan diploma yang bekerja dalam kategori separuh mahir pula merekodkan sebaliknya dengan antara 50.2 hingga 53.7 peratus pada tahun 2016 hingga 2018, dan menurun kepada 37.6 hingga 38.1 peratus pada tahun berikutnya.
- Pada tahun 2019 dan 2020, lebih separuh (melebihi 50.0 peratus) graduan diploma yang bekerja dalam kategori mahir ini bekerja dalam pekerjaan Juruteknik & profesional bersekutu, diikuti dengan pekerjaan Pengurus dalam lingkungan 30.0 peratus. Begitupun, dengan kategori mahir yang diceburi, majoriti graduan diploma ini memperoleh pendapatan dalam lingkungan RM1,001 – RM2,000. Ini turut menunjukkan ketidaksepadanan taraf jawatan dengan jumlah pendapatan yang diperolehi.
- Jika dilihat dari segi trend, apa jua tahap kemahiran graduan diploma ini bekerja, majoritinya masih memperoleh pendapatan RM1,001 – RM2,000. Dasar gaji minimum yang diperkenalkan kerajaan membantu graduan ini untuk mendapat pendapatan melebihi RM1,000. Jika pada tahun 2016, sebanyak 28.8 peratus graduan diploma ini mendapat gaji dalam lingkungan RM1,000 & ke bawah, dan peratusan ini menunjukkan penurunan dengan 13.3 peratus sahaja graduan yang memperoleh pendapatan yang sama pada tahun 2020. **(Jadual 10.4.2)**

Carta 10.4b

Pendapatan Bulanan Graduan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Tahap Kemahiran, 2016-2020

Tahun	Tahap kemahiran	Jumlah responden	Peratus sumbangan	Pendapatan bulanan graduan				
				RM1,000 dan ke bawah	RM1,001- RM2,000	RM2,001- RM3,000	RM3,001- RM5,000	RM5,001 dan ke atas
2016	Separuh mahir	20,114	53.7	35.0%	58.8%	5.4%	0.6%	0.2%
	Mahir	13,044	34.8	14.4%	67.6%	16.0%	1.6%	0.4%
	Berkemahiran rendah	4,304	11.5	43.5%	52.0%	3.8%	0.5%	0.2%
	Jumlah	37,462	100.0	28.8%	61.1%	8.9%	0.9%	0.3%
2017	Separuh mahir	22,460	53.1	32.2%	60.8%	6.0%	0.8%	0.2%
	Mahir	14,076	33.3	16.1%	66.1%	15.2%	2.1%	0.5%
	Berkemahiran rendah	5,775	13.6	38.5%	56.1%	4.5%	0.8%	0.1%
	Jumlah	42,311	100.0	27.7%	61.9%	8.8%	1.3%	0.3%
2018	Separuh mahir	26,595	50.2	20.6%	71.1%	7.2%	0.9%	0.2%
	Mahir	18,756	35.4	8.3%	72.3%	16.8%	2.3%	0.4%
	Berkemahiran rendah	7,590	14.3	25.3%	68.9%	5.0%	0.7%	0.1%
	Jumlah	52,941	100.0	16.9%	71.2%	10.3%	1.4%	0.3%
2019	Separuh mahir	20,684	38.1	20.2%	73.0%	6.0%	0.7%	0.1%
	Mahir	28,498	52.5	11.6%	71.3%	15.1%	1.8%	0.3%
	Berkemahiran rendah	5,138	9.5	19.0%	74.3%	5.6%	1.0%	0.1%
	Jumlah	54,320	100.0	15.6%	72.2%	10.7%	1.3%	0.2%
2020	Separuh mahir	16,239	37.6	17.7%	76.2%	5.3%	0.7%	0.2%
	Mahir	21,764	50.3	9.7%	75.0%	13.3%	1.7%	0.3%
	Berkemahiran rendah	5,232	12.1	14.7%	78.3%	6.0%	0.8%	0.2%
	Jumlah	43,235	100.0	13.3%	75.9%	9.4%	1.2%	0.2%

Nota: Tidak termasuk graduan bekerja sendiri, majikan dan *freelance* serta kumpulan pekerjaan angkatan tentera

10.5 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga, 2018-2020

- Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat tiga (3) kumpulan isi rumah yang wujud dalam struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia, iaitu B40, M40 dan T20. Isi rumah B40 ialah isi rumah berpendapatan di bawah RM4,360. Isi rumah M40 ialah isi rumah berpendapatan antara RM4,360 hingga RM9,619 manakala kumpulan isi rumah T20 ialah keluarga berpendapatan melebihi RM9,619. Merujuk Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia juga turut menerangkan bahawa nilai purata Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) pada peringkat nasional ialah RM2,208 sebulan.
- Kajian Pengesanan Graduan 2020 turut melihat corak pendapatan keluarga graduan dengan pendapatan graduan ijazah pertama dan diploma yang bekerja. Setiap ibu bapa terutamanya daripada kumpulan pendapatan B40 mengharapkan anak mereka dapat mengeluarkan keluarga mereka daripada kancah kemiskinan. Namun begitu, kebanyakan siswazah yang menjadi harapan keluarga masing-masing yang selama ini tergolong dalam kelompok isi rumah terendah, B40 dan keluarga miskin masih memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah.
- Analisis pada bahagian ini melibatkan dapatan bagi tahun 2018 hingga 2020 sahaja memandangkan skala pendapatan bulanan keluarga sangat berbeza bagi tahun 2016 dan 2017 dengan skala tertinggi hanya RM5,001 & ke atas.

10.5.1 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga, 2018-2020

- **Carta 10.5a** menunjukkan secara keseluruhannya dari tahun 2018 graduan ijazah pertama daripada keluarga B40 melebihi 50.0 peratus dengan 44,671 graduan atau 67.2 peratus direkodkan pada tahun 2020. Ini diikuti dengan 14,868 graduan atau 22.4 peratus dari kalangan keluarga M40. Sebanyak 60.4 peratus graduan ijazah pertama daripada keluarga B40 ini yang pertama kali merasai pengalaman bekerja memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah dan 30.5 peratus memperoleh pendapatan bulanan RM2,001 – RM3,000 dengan majoriti bekerja di sektor swasta. Hanya 0.6 peratus sahaja graduan daripada keluarga B40 berpeluang mendapat pekerjaan yang menawarkan pendapatan RM5,001 & ke atas dengan majoritinya merupakan graduan dari IPTS dan bekerja di sektor swasta.
- Trend yang direkodkan ini bukan disebabkan oleh pandemik COVID-19 semata-mata memandangkan pendapatan RM2,000 & ke bawah yang diperolehi oleh graduan ijazah pertama ini telah mencatatkan purata melebihi 50.0 peratus sejak tahun 2018. Graduan ijazah pertama ini sepatutnya menjawat jawatan dalam kalangan profesional yang dapat membantu mengeluarkan keluarga mereka dari belunggu kemiskinan.

Tahun	Kumpulan pendapatan keluarga	Jumlah responden	Peratus sumbangan	Pendapatan bulanan graduan			
				RM2,000 dan ke bawah	RM2,001-RM3,000	RM3,001-RM5,000	RM5,001 dan ke atas
2018	B40	50,406	72.7	55.5%	35.9%	7.7%	0.9%
	M40	13,624	19.7	40.1%	44.2%	14.2%	1.5%
	T20	5,302	7.6	38.4%	41.2%	17.5%	2.9%
	Jumlah	69,332	100.0	51.2%	37.9%	9.7%	1.2%
2019	B40	57,504	70.6	57.2%	33.7%	8.1%	1.1%
	M40	16,846	20.7	42.9%	40.8%	14.4%	2.0%
	T20	6,908	8.5	39.5%	39.9%	17.8%	2.7%
	* Tidak dinyatakan	156	0.2	36.5%	42.3%	16.7%	4.5%
	Jumlah	81,414	100.0	52.7%	35.7%	10.2%	1.4%
2020	B40	44,671	67.2	60.4%	30.5%	8.5%	0.6%
	M40	14,868	22.4	47.4%	36.9%	14.5%	1.3%
	T20	6,699	10.1	48.2%	33.9%	16.2%	1.7%
	* Tidak dinyatakan	223	0.3	48.4%	38.1%	12.1%	1.3%
	Jumlah	66,461	100.0	56.2%	32.3%	10.6%	0.9%

Nota: * Merujuk kepada graduan yang hanya sertai SKPG2.0

10.5.2 Pendapatan Bulanan Graduan Diploma Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga, 2018-2020

- Bagi graduan peringkat diploma pula, didapati trend yang tidak jauh berbeza dengan graduan ijazah pertama, iaitu graduan dalam kalangan keluarga B40 merekodkan sumbangan melebihi 80.0 peratus setiap tahun namun dilihat menurun dari 86.4 peratus pada tahun 2018 kepada 82.6 peratus pada tahun 2020.
- Berdasarkan **Carta 10.5b**, graduan peringkat diploma yang mendapat pekerjaan pertama memperoleh pendapatan dalam kumpulan RM1,001 – RM2,000. Peratusan dalam kumpulan pendapatan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6 peratus dengan 68.8 peratus direkodkan pada tahun 2018 dan 71.4 peratus dicatatkan pada tahun 2020. Perkara ini selari dengan penetapan garis panduan gaji permulaan lulusan diploma yang terdapat di dalam Buku Panduan Gaji ver.2020 yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia, iaitu antara RM1,330 hingga RM2,460 bergantung kepada tahap kemahiran.
- Hasil daripada analisis menunjukkan bahawa graduan diploma yang berasal daripada keluarga berpendapatan B40 yang mengikuti pengajian di IPTS dan memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah mempunyai sumbangan tertinggi dengan 28.9 peratus manakala graduan dari UA dalam kalangan kumpulan pendapatan RM2,000 & ke bawah hanya memberi sumbangan sebanyak 9.5 peratus.
- Terdapat juga sebilangan kecil graduan diploma daripada keluarga B40 yang berjaya memperoleh pendapatan RM5,001 & ke atas (0.3%; 126 graduan) dengan majoriti graduan bergelar usahawan.

Carta 10.5b

Pendapatan Bulanan Graduan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Kumpulan Pendapatan Keluarga, 2018-2020

Tahun	Kumpulan pendapatan keluarga	Jumlah responden	Peratus sumbangan	Pendapatan bulanan graduan				
				RM1,000 dan ke bawah	RM1,001- RM2,000	RM2,001- RM3,000	RM3,001- RM5,000	RM5,001 dan ke atas
2018	B40	52,817	86.4	19.8%	69.3%	9.4%	1.3%	0.3%
	M40	6,683	10.9	15.1%	65.9%	15.1%	3.0%	0.9%
	T20	1,602	2.6	13.2%	63.7%	16.1%	4.8%	2.1%
	Jumlah	61,102	100.0	19.1%	68.8%	10.2%	1.5%	0.4%
2019	B40	55,217	84.9	19.5%	69.4%	9.6%	1.2%	0.3%
	M40	7,594	11.7	18.5%	62.0%	15.6%	3.0%	0.8%
	T20	1,904	2.9	20.7%	57.6%	15.6%	3.9%	2.2%
	* Tidak dinyatakan	325	0.5	18.2%	74.2%	6.5%	0.6%	0.6%
	Jumlah	65,040	100.0	19.4%	68.2%	10.4%	1.5%	0.4%
2020	B40	42,438	82.6	17.6%	72.5%	8.4%	1.2%	0.3%
	M40	6,768	13.2	16.4%	66.7%	13.4%	2.6%	0.9%
	T20	1,849	3.6	18.6%	61.3%	14.4%	3.7%	2.1%
	* Tidak dinyatakan	346	0.7	15.3%	74.0%	8.4%	1.4%	0.9%
	Jumlah	51,401	100.0	17.5%	71.4%	9.3%	1.5%	0.4%

Nota: * Merujuk kepada graduan yang hanya sertai SKPG2.0

- Sebagai kesimpulan, tanpa pekerjaan atau pendapatan yang setimpal, sukar bagi graduan ini membantu keluarga masing-masing keluar daripada belunggu kemiskinan. Selain sukar meringankan beban keluarga masing-masing, tanpa pekerjaan dengan pendapatan setimpal, graduan ini turut berdepan dengan kesulitan membayar balik pinjaman pendidikan yang diterima sepenuhnya sepanjang tempoh pengajian, sama ada pada peringkat diploma atau ijazah pertama.

10.6 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama dan Diploma Mengikut Sektor Ekonomi Utama, 2016-2020

10.6.1 Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Sektor Ekonomi Utama, 2016-2020

- Bagi sektor ekonomi, graduan ijazah pertama yang berumur 30 tahun & ke bawah bekerja dalam sektor Perkhidmatan mencatatkan trend yang tidak jauh berbeza sejak 2016, iaitu antara 78.0 peratus dan 79.4 peratus. Pada tahun 2020, graduan yang bekerja di sektor Perkhidmatan mencatatkan sumbangan sebanyak 78.0 peratus atau 51,840 graduan. Ini diikuti dengan sektor Pembuatan yang hampir setiap tahun merekodkan sumbangan antara 10.0 hingga 13.0 peratus.
- Trend dari tahun 2016 menunjukkan lebih 50.0 peratus graduan ijazah pertama yang bekerja di sektor Perkhidmatan ini memperoleh pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah. Sehubungan itu, pandemik COVID-19 ini tidak mempengaruhi jumlah pendapatan graduan ini memandangkan hal ini telah berlarutan sejak lima (5) tahun lepas.

Pada tahun 2020, sebanyak 58.4 peratus graduan memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah, iaitu tertinggi sejak 2016 dengan peningkatan sebanyak 3.0 peratus dari tahun sebelumnya. Ini diikuti dengan 30.4 peratus graduan yang bekerja di sektor Perkhidmatan memperoleh pendapatan RM2,001 – RM3,000.

- Jika dilihat bagi sektor Pembinaan, Pembuatan, dan Perlombongan & Pengkuarian, graduan ijazah pertama yang baru bekerja kebanyakannya memperoleh pendapatan antara RM2,001 – RM3,000. Namun, pada tahun 2020, peratusan graduan bagi kumpulan pendapatan ini menurun sebanyak 2.8 hingga 8.5 peratus bagi sektor yang dinyatakan seperti pada **Carta 10.6a**. Ini menunjukkan sedikit sebanyak pandemik ini mempengaruhi pendapatan graduan di dalam sektor ini yang ramai memilih untuk menerima pekerjaan yang menawarkan pendapatan RM2,000 & ke bawah.
- Sebanyak 0.9 peratus graduan ijazah pertama yang memulakan pekerjaan memperoleh pendapatan bulanan RM5,001 & ke atas pada tahun 2020, dengan kebanyakan graduan dari IPTS dan bekerja di syarikat multinasional swasta.

Tahun	Sektor ekonomi	Jumlah responden	Peratus sumbangan	Pendapatan bulanan graduan			
				RM2,000 dan ke bawah	RM2,001- RM3,000	RM3,001- RM5,000	RM5,001 dan ke atas
2016	Perkhidmatan	45,409	79.4	56.3%	36.1%	6.7%	0.9%
	Pembuatan	6,148	10.8	41.8%	50.1%	7.4%	0.8%
	Pembinaan	4,545	7.9	38.2%	51.7%	8.6%	1.5%
	Pertanian	922	1.6	70.1%	24.9%	4.1%	0.9%
	Perlombongan dan Pengkuarian	157	0.3	35.0%	43.3%	19.7%	1.9%
	Jumlah	57,181	100.0	53.5%	38.7%	6.9%	0.9%
2017	Perkhidmatan	47,256	78.0	57.5%	33.8%	7.7%	1.0%
	Pembuatan	6,953	11.5	39.2%	49.9%	10.0%	0.9%
	Pembinaan	5,199	8.6	34.8%	51.9%	12.0%	1.4%
	Pertanian	964	1.6	73.4%	21.3%	4.5%	0.8%
	Perlombongan dan Pengkuarian	195	0.3	31.8%	42.1%	24.6%	1.5%
	Jumlah	60,567	100.0	53.6%	37.1%	8.3%	1.0%
2018	Perkhidmatan	54,524	78.6	54.1%	35.6%	9.2%	1.1%
	Pembuatan	8,349	12.0	40.8%	46.1%	11.7%	1.4%
	Pembinaan	5,259	7.6	33.9%	52.4%	12.2%	1.4%
	Pertanian	946	1.4	73.8%	22.6%	3.1%	0.5%
	Perlombongan dan Pengkuarian	254	0.4	31.9%	41.3%	25.2%	1.6%
	Jumlah	69,332	100.0	51.2%	37.9%	9.7%	1.2%
2019	Perkhidmatan	64,406	79.1	55.4%	33.2%	10.0%	1.4%
	Pembuatan	9,593	11.8	39.9%	46.5%	12.4%	1.2%
	Pembinaan	5,669	7.0	38.1%	50.1%	9.6%	2.2%
	Pertanian	1,414	1.7	78.7%	16.6%	4.0%	0.6%
	Perlombongan dan Pengkuarian	332	0.4	29.5%	40.4%	26.8%	3.3%
	Jumlah	81,414	100.0	52.7%	35.7%	10.2%	1.4%
2020	Perkhidmatan	51,840	78.0	58.4%	30.4%	10.3%	0.9%
	Pembuatan	8,646	13.0	46.0%	38.0%	15.4%	0.6%
	Pembinaan	4,416	6.6	44.5%	47.3%	7.2%	1.1%
	Pertanian	1,366	2.1	78.4%	17.9%	3.3%	0.4%
	Perlombongan dan Pengkuarian	193	0.3	35.8%	36.8%	23.3%	4.1%
	Jumlah	66,461	100.0	56.2%	32.3%	10.6%	0.9%

10.6.2 Pendapatan Bulanan Graduan Diploma yang Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah Mengikut Sektor Ekonomi Utama, 2016-2020

- Bagi graduan diploma, dapat dilihat trend tidak jauh berbeza dengan graduan ijazah pertama yang berumur 30 tahun & ke bawah dan bekerja dalam sektor Perkhidmatan, telah mencatatkan sumbangan tertinggi antara 75.0 peratus dan 79.5 peratus. Trend ini dilihat menurun pada tahun 2020 dengan peratus graduan yang memasuki sektor Perkhidmatan adalah 75.0 peratus (38,575 graduan), iaitu jumlah terendah sejak tahun 2017 (35,235 graduan). Penyertaan graduan dalam sektor Pembuatan pula menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 dengan 17.2 peratus, namun bilangan graduan masih rendah dari tahun 2019.
- Jika pada tahun 2016, sebanyak 30.0 peratus graduan diploma yang memulakan pekerjaan memperoleh pendapatan di bawah RM1,000 & ke bawah, peratusan tersebut dilihat semakin mengecil apabila hanya 17.5 peratus graduan 2020 memperoleh pendapatan dalam kumpulan tersebut. Manakala trend graduan diploma memperoleh pendapatan dalam lingkungan RM1,001 – RM2,000 meningkat pada tahun 2020 dengan 71.4 peratus berbanding 59.7 peratus direkodkan pada tahun 2016 seperti pada **Carta 10.6b**.
- Majoriti graduan diploma yang memasuki semua sektor ekonomi memperoleh pendapatan pertama dalam lingkungan RM1,001 hingga RM2,000. Namun, jika dilihat bagi sektor Pertanian, Perhutanan & Perikanan, masih ramai juga graduan diploma yang memperoleh pendapatan RM1,000 & ke bawah dengan julat antara 32.9 hingga 40.1 peratus. Graduan ini kebanyakannya bekerja sendiri dan berada dalam kategori separuh mahir, iaitu pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan (contoh seperti penanam tanaman ladang dan sayur-sayuran).
- Sebanyak 0.4 peratus graduan diploma yang memulakan pekerjaan dengan memperoleh pendapatan RM5,001 & ke atas pada tahun 2020, dengan kebanyakan graduan dari IPTS dan politeknik yang bergelar usahawan dan bekerja di syarikat swasta.

Carta 10.6b

Pendapatan Bulanan Graduan Diploma (Berumur 30 Tahun dan Ke Bawah) Mengikut Sektor Ekonomi, 2016-2020

Tahun	Tahap kemahiran	Jumlah responden	Peratus sumbangan	Pendapatan bulanan graduan				
				RM1,000 dan ke bawah	RM1,001 - RM2,000	RM2,001 - RM3,000	RM3,001 - RM5,000	RM5,001 dan ke atas
2016	Perkhidmatan	31,270	79.2	32.7%	57.5%	8.5%	0.9%	0.3%
	Pembuatan	4,359	11.0	19.6%	70.9%	8.5%	0.8%	0.2%
	Pembinaan	3,086	7.8	16.2%	66.7%	14.8%	1.9%	0.4%
	Pertanian	696	1.8	38.6%	55.2%	5.0%	0.7%	0.4%
	Perlombongan dan Pengkuarian	77	0.2	18.2%	68.8%	13.0%	0.0%	0.0%
	Jumlah	39,488	100.0	30.0%	59.7%	8.9%	1.0%	0.3%
2017	Perkhidmatan	35,235	79.5	31.6%	58.6%	8.1%	1.3%	0.4%
	Pembuatan	5,226	11.8	17.8%	71.0%	9.9%	1.1%	0.2%
	Pembinaan	2,901	6.5	15.3%	65.8%	15.9%	2.3%	0.6%
	Pertanian	905	2.0	40.1%	51.2%	6.7%	1.5%	0.4%
	Perlombongan dan Pengkuarian	68	0.2	17.6%	70.6%	8.8%	1.5%	1.5%
	Jumlah	44,335	100.0	29.1%	60.4%	8.8%	1.4%	0.4%
2018	Perkhidmatan	46,956	76.8	20.4%	68.3%	9.4%	1.5%	0.4%
	Pembuatan	8,863	14.5	13.8%	73.5%	10.9%	1.4%	0.3%
	Pembinaan	3,999	6.5	11.8%	66.1%	18.9%	2.8%	0.4%
	Pertanian	1,158	1.9	32.9%	60.5%	5.2%	1.0%	0.3%
	Perlombongan dan Pengkuarian	126	0.2	9.5%	72.2%	15.1%	2.4%	0.8%
	Jumlah	61,102	100.0	19.1%	68.8%	10.2%	1.5%	0.4%
2019	Perkhidmatan	50,403	77.5	21.2%	67.1%	9.8%	1.5%	0.4%
	Pembuatan	9,488	14.6	11.9%	75.0%	11.5%	1.4%	0.3%
	Pembinaan	3,686	5.7	9.8%	69.0%	18.0%	2.4%	0.7%
	Pertanian	1,308	2.0	34.2%	58.2%	6.5%	0.8%	0.3%
	Perlombongan dan Pengkuarian	155	0.2	5.2%	74.2%	14.2%	5.2%	1.3%
	Jumlah	65,040	100.0	19.4%	68.2%	10.4%	1.5%	0.4%
2020	Pembinaan	38,575	75.0	19.0%	70.3%	8.7%	1.5%	0.4%
	Perkhidmatan	8,839	17.2	10.9%	77.4%	10.4%	1.0%	0.3%
	Pembuatan	2,719	5.3	10.0%	71.8%	14.8%	2.6%	0.7%
	Pertanian	1,170	2.3	33.1%	58.9%	6.0%	1.5%	0.6%
	Perlombongan dan Pengkuarian	98	0.2	5.1%	69.4%	17.3%	6.1%	2.0%
	Jumlah	51,401	100.0	17.5%	71.4%	9.3%	1.5%	0.4%

LAMPIRAN B

JADUAL BAB 10

Jadual 10.1aTrend Taraf Pekerjaan Graduan **Ijazah Pertama** bagi Pendapatan RM5,001 dan Ke Atas, 2016-2020

Taraf pekerjaan	2016 (n=519)	2017 (n=603)	2018 (n=806)	2019 (n=1,143)	2020 (n=580)
Pekerja swasta (termasuk NGO)	76.3%	73.6%	75.7%	74.3%	68.8%
Usahawan	9.2%	8.8%	16.9%	19.0%	22.1%
Pekerja kerajaan	12.7%	15.4%	5.2%	4.4%	4.7%
Bekerja dengan keluarga	1.7%	2.2%	2.2%	2.4%	4.5%
Jumlah	100	100	100	100	100

Jadual 10.1bTrend Sektor Pekerjaan Graduan **Ijazah Pertama** Bagi Pendapatan RM5,001 dan Ke Atas, 2016-2020

















Taraf pekerjaan	2016 (n=396)	2017 (n=444)	2018 (n=610)	2019 (n=849)	2020 (n=399)
Swasta multinasional	43.9%	41.7%	55.4%	59.7%	58.1%
Swasta tempatan	37.4%	39.6%	30.5%	27.2%	34.6%
Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)	4.8%	3.4%	11.3%	11.2%	6.5%
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	3.3%	3.6%	2.8%	1.9%	0.8%
Perusahaan sendiri	7.1%	7.0%	-	-	-
Lain-lain	3.5%	4.7%	-	-	-
Jumlah	100	100	100	100	100

Nota:

- 1) Melibatkan graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)
- 2) Bermula tahun 2018, sektor pekerjaan Perusahaan sendiri dan Lain-lain dijumlahkan

Jadual 10.1c

 Trend Graduan **Ijazah Pertama** bagi Pendapatan RM5,001 dan Ke Atas Mengikut Negeri Bekerja, 2016-2020

Negeri bekerja	2016 (n=396)	2017 (n=444)	2018 (n=610)	2019 (n=849)	2020 (n=399)
Luar negara	75.0%	71.2%	67.0%	73.1%	60.4%
 WP Kuala Lumpur	7.6%	13.5%	9.0%	12.0%	16.5%
 Selangor	10.6%	8.6%	8.9%	7.3%	13.8%
 Johor	2.0%	1.6%	3.1%	1.8%	3.3%
 Pulau Pinang	0.8%	0.5%	1.1%	0.9%	2.5%
 Sarawak	1.3%	1.1%	1.1%	1.2%	1.0%
 Melaka	0.3%	0.5%	0.3%	0.4%	0.8%
 Sabah	0.3%	0.2%	0.2%	0.7%	0.5%
 Terengganu	0.0%	1.1%	0.7%	0.6%	0.5%
 Kedah	1.0%	0.5%	3.9%	0.4%	0.3%
 Negeri Sembilan	0.3%	0.2%	0.8%	0.6%	0.3%
 WP Labuan	0.0%	0.0%	0.3%	0.2%	0.3%
 Kelantan	0.0%	0.0%	0.2%	0.0%	0.0%
 Pahang	0.3%	0.0%	0.3%	0.2%	0.0%
 Perak	0.8%	0.9%	0.8%	0.5%	0.0%
 Perlis	0.0%	0.2%	2.0%	0.0%	0.0%
 WP Putrajaya	0.0%	0.0%	0.2%	0.1%	0.0%
Jumlah	100%	100%	100%	100%	100%

Nota: Melibatkan graduan pekerja kerajaan dan pekerja swasta (termasuk NGO)

Jadual 10.2a
Trend Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama Mengikut Taraf Pekerjaan, 2016-2020

Pendapatan bulanan/ Taraf pekerjaan	2016		2017		2018		2019		2020	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja dengan keluarga	1,778	100	1,916	100	2,841	100	4,215	100	4,008	100
RM2,000 dan ke bawah	1,573	88.5	1,656	86.4	2,433	85.6	3,774	89.5	3,551	88.6
RM2,001 - RM3,000	161	9.1	205	10.7	317	11.2	337	8.0	352	8.8
RM3,001 - RM5,000	35	2.0	42	2.2	73	2.6	77	1.8	79	2.0
RM5,001 dan ke atas	9	0.5	13	0.7	18	0.6	27	0.6	26	0.6
Pekerja kerajaan	5,089	100	5,177	100	4,848	100	5,700	100	4,314	100
RM2,000 dan ke bawah	3,254	63.9	3,223	62.3	2,972	61.3	3,429	60.2	2,673	62.0
RM2,001 - RM3,000	1,118	22.0	1,193	23.0	1,041	21.5	1,343	23.6	906	21.0
RM3,001 - RM5,000	651	12.8	668	12.9	793	16.4	878	15.4	708	16.4
RM5,001 dan ke atas	66	1.3	93	1.8	42	0.9	50	0.9	27	0.6
Pekerja swasta (termasuk NGO)	48,341	100	51,475	100	54,723	100	61,100	100	48,768	100
RM2,000 dan ke bawah	24,170	50.0	25,987	50.5	25,420	46.5	28,256	46.2	24,023	49.3
RM2,001 - RM3,000	20,588	42.6	20,814	40.4	23,246	42.5	25,233	41.3	18,539	38.0
RM3,001 - RM5,000	3,187	6.6	4,230	8.2	5,447	10.0	6,762	11.1	5,807	11.9
RM5,001 dan ke atas	396	0.8	444	0.9	610	1.1	849	1.4	399	0.8
Usahawan	1,973	100	1,999	100	6,920	100	10,399	100	9,371	100
RM2,000 dan ke bawah	1,570	79.6	1,602	80.1	4,641	67.1	7,444	71.6	7,106	75.8
RM2,001 - RM3,000	265	13.4	240	12.0	1,704	24.6	2,134	20.5	1,679	17.9
RM3,001 - RM5,000	90	4.6	104	5.2	439	6.3	604	5.8	458	4.9
RM5,001 dan ke atas	48	2.4	53	2.7	136	2.0	217	2.1	128	1.4
Jumlah	57,181		50,567		69,332		81,414		66,461	

Jadual 10.2b
Trend Pendapatan Bulanan Graduan Diploma Mengikut Taraf Pekerjaan, 2016-2020

Pendapatan bulanan/ Taraf pekerjaan	2016		2017		2018		2019		2020	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja dengan keluarga	1,818	100	2,043	100	4,330	100	3,946	100	3,569	100
RM1,000 dan ke bawah	1,100	60.5	1,225	60.0	1,948	45.0	2,231	56.5	1,843	51.6
RM1,001 - RM2,000	605	33.3	685	33.5	2,145	49.5	1,450	36.7	1,477	41.4
RM2,001 - RM3,000	89	4.9	102	5.0	181	4.2	192	4.9	181	5.1
RM3,001 - RM5,000	11	0.6	21	1.0	39	0.9	47	1.2	44	1.2
RM5,001 dan ke atas	13	0.7	10	0.5	17	0.4	26	0.7	24	0.7
Pekerja kerajaan	2,741	100	2,624	100	2,678	100	2,812	100	1,945	100
RM1,000 dan ke bawah	706	25.8	754	28.7	520	19.4	587	20.9	291	15.0
RM1,001 - RM2,000	1,527	55.7	1,439	54.8	1,731	64.6	1,606	57.1	1,312	67.5
RM2,001 - RM3,000	468	17.1	383	14.6	383	14.3	580	20.6	318	16.3
RM3,001 - RM5,000	34	1.2	41	1.6	38	1.4	30	1.1	21	1.1
RM5,001 dan ke atas	6	0.2	7	0.3	6	0.2	9	0.3	3	0.2
Pekerja swasta (termasuk NGO)	33,049	100	37,734	100	46,107	100	48,487	100	37,856	100
RM1,000 dan ke bawah	8,995	27.2	9,762	25.9	6,492	14.1	5,722	11.8	3,623	9.6
RM1,001 - RM2,000	20,868	63.1	24,117	63.9	33,869	73.5	36,815	75.9	30,113	79.5
RM2,001 - RM3,000	2,802	8.5	3,273	8.7	4,986	10.8	5,199	10.7	3,597	9.5
RM3,001 - RM5,000	304	0.9	475	1.3	648	1.4	654	1.3	456	1.2
RM5,001 dan ke atas	80	0.2	107	0.3	112	0.2	97	0.2	67	0.2
Usahawan	1,880	100	1,934	100	7,987	100	9,795	100	8,031	100
RM1,000 dan ke bawah	1,057	56.2	1,141	59.0	2,703	33.8	4,102	41.9	3,213	40.0
RM1,001 - RM2,000	579	30.8	536	27.7	4,278	53.6	4,472	45.7	3,786	47.1
RM2,001 - RM3,000	173	9.2	156	8.1	670	8.4	823	8.4	672	8.4
RM3,001 - RM5,000	44	2.3	66	3.4	216	2.7	260	2.7	227	2.8
RM5,001 dan ke atas	27	1.4	35	1.8	120	1.5	138	1.4	133	1.7
Jumlah	39,488		44,335		61,102		65,040		51,401	

Jenis IPT	Pendapatan bulanan	2016	2017	2018	2019	2020
UA	RM1,000 dan ke bawah	29.7%	30.4%	11.1%	23.2%	21.3%
	RM1,001 - RM2,000	57.6%	59.5%	78.0%	63.4%	70.0%
	RM2,001 - RM3,000	11.5%	8.4%	9.3%	11.9%	7.1%
	RM3,001 - RM5,000	1.0%	1.4%	1.2%	1.3%	1.4%
	RM5,001 dan ke atas	0.2%	0.3%	0.4%	0.2%	0.2%
	Jumlah		100%	100%	100%	100%
IPTS	RM1,000 dan ke bawah	30.8%	29.4%	5.1%	20.6%	17.8%
	RM1,001 - RM2,000	58.5%	59.4%	79.7%	66.0%	69.2%
	RM2,001 - RM3,000	9.3%	9.2%	12.6%	11.1%	10.7%
	RM3,001 - RM5,000	1.0%	1.6%	1.9%	1.7%	1.7%
	RM5,001 dan ke atas	0.4%	0.4%	0.7%	0.6%	0.7%
	Jumlah		100%	100%	100%	100%
Politeknik	RM1,000 dan ke bawah	29.4%	28.1%	27.8%	17.5%	15.2%
	RM1,001 - RM2,000	61.2%	61.8%	61.4%	69.9%	73.7%
	RM2,001 - RM3,000	8.1%	8.6%	9.1%	10.6%	9.4%
	RM3,001 - RM5,000	1.0%	1.1%	1.4%	1.5%	1.3%
	RM5,001 dan ke atas	0.3%	0.3%	0.3%	0.4%	0.3%
	Jumlah		100%	100%	100%	100%
Kolej komuniti	RM1,000 dan ke bawah	0.0%	19.5%	11.3%	11.0%	17.7%
	RM1,001 - RM2,000	88.9%	64.9%	58.3%	65.1%	61.6%
	RM2,001 - RM3,000	11.1%	13.0%	28.5%	19.6%	16.7%
	RM3,001 - RM5,000	0.0%	2.6%	2.0%	3.1%	3.5%
	RM5,001 dan ke atas	0.0%	0.0%	0.0%	1.2%	0.5%
	Jumlah		100%	100%	100%	100%
Kolej vokasional	RM1,000 dan ke bawah			36.9%	22.4%	23.6%
	RM1,001 - RM2,000			56.8%	71.2%	71.2%
	RM2,001 - RM3,000			5.1%	5.3%	4.2%
	RM3,001 - RM5,000			0.9%	0.9%	0.7%
	RM5,001 dan ke atas			0.3%	0.2%	0.3%
	Jumlah			100%	100%	100%
ILKAP MAFI	RM1,000 dan ke bawah			39.4%	25.8%	39.0%
	RM1,001 - RM2,000			57.6%	69.4%	51.2%
	RM2,001 - RM3,000			3.0%	1.6%	7.3%
	RM3,001 - RM5,000			0.0%	0.0%	2.4%
	RM5,001 dan ke atas			0.0%	3.2%	0.0%
	Jumlah			100%	100%	100%

Jenis IPT	Pendapatan bulanan	2016	2017	2018	2019	2020
ILKA MOTAC	RM1,000 dan ke bawah				37.2%	40.7%
	RM1,001 - RM2,000				58.1%	51.9%
	RM2,001 - RM3,000				4.7%	3.7%
	RM5,001 dan ke atas				0.0%	3.7%
	Jumlah				100%	100%
ILKA KPLB	RM1,000 dan ke bawah			23.0%	13.6%	13.8%
	RM1,001 - RM2,000			61.3%	68.7%	69.5%
	RM2,001 - RM3,000			12.0%	15.1%	13.6%
	RM3,001 - RM5,000			3.5%	2.4%	2.6%
	RM5,001 dan ke atas			0.2%	0.2%	0.6%
Jumlah			100%	100%	100%	
ILKA KSM	RM1,000 dan ke bawah			8.5%	7.2%	6.1%
	RM1,001 - RM2,000			71.9%	75.3%	78.0%
	RM2,001 - RM3,000			18.0%	15.4%	14.4%
	RM3,001 - RM5,000			1.2%	1.9%	1.3%
	RM5,001 dan ke atas			0.4%	0.2%	0.2%
Jumlah			100%	100%	100%	
ILKBS	RM1,000 dan ke bawah			13.2%	10.0%	6.9%
	RM1,001 - RM2,000			68.6%	65.5%	70.9%
	RM2,001 - RM3,000			16.2%	20.7%	18.2%
	RM3,001 - RM5,000			2.0%	3.3%	3.8%
	RM5,001 dan ke atas			0.0%	0.5%	0.3%
Jumlah			100%	100%	100%	
IPT lain	RM1,000 dan ke bawah	26.4%	31.8%	0.0%	20.7%	18.7%
	RM1,001 - RM2,000	66.0%	61.8%	70.0%	66.7%	69.4%
	RM2,001 - RM3,000	6.8%	5.8%	20.0%	10.3%	9.2%
	RM3,001 - RM5,000	0.5%	0.5%	10.0%	2.2%	1.9%
	RM5,001 dan ke atas	0.3%	0.3%	0.0%	0.1%	0.8%
Jumlah	100%	100%	100%	100%	100%	

Nota: 1) Kajian Pengesanan Graduan bagi kolej vokasional, ILKAP MAFI, ILKA KPLB, ILKA KSM dan ILKBS bermula tahun 2018
 2) ILKA MOTAC pula mula sertai kaji selidik pada tahun 2019

BAB 11

KESIMPULAN



KESIMPULAN


Laporan ini terbahagi kepada tiga (3) bahagian, iaitu Bahagian I: Pengenalan, Bahagian II: Dapatan Kajian Tahun 2020 dan Bahagian III: Trend dapatan bagi tempoh lima (5) tahun (2016-2020). Bab ini secara umum membincangkan rumusan hasil penting kajian dan mengemukakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan kebolehpasaran graduan.

11.1 Keluaran Graduan

Keluaran graduan ialah bilangan graduan yang telah mendapat kelulusan senat serta layak menerima ijazah/diploma/sijil pada tahun tertentu. Pada tahun 2020, keluaran graduan telah menurun sebanyak 8.1 peratus, iaitu kepada 318,593 graduan (2019: 346,686 graduan). Bilangan ini juga lebih rendah berbanding tahun 2018 (-6.7%: 341,311 graduan). Penurunan bilangan ini boleh dikaitkan dengan pengurangan kemasukan pelajar pada tiga (3) tahun lalu terutama di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan juga di kebanyakan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Tambahan pula, pengambilan graduan di kolej komuniti dikurangkan daripada tiga (3) sesi kepada dua (2) sesi pada tahun 2018 dan tahun seterusnya. Pandemik COVID-19 juga memberi kesan kepada penurunan jumlah keluaran terutama bagi pelajar yang terpaksa menangguhkan sesi latihan industri.

Carta 11.1

Kemasukan Pelajar ke IPTA dan IPTS bagi Tahun 2015-2020



Sumber: Statistik Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, 2015-2020

Kadar respons keseluruhan graduan yang dicatatkan pada tahun 2020 merupakan yang terendah bagi tempoh lima (5) tahun kajian, iaitu sebanyak 84.3 peratus. Lazimnya, kadar respons kajian adalah sekitar 87.0 hingga 89.0 peratus bagi tahun 2016-2019. Penurunan ini antara lain mungkin disebabkan pembatalan majlis konvokesyen di kebanyakan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang menyebabkan sukar bagi IPT/ILKA memantau penyertaan graduan mereka terutama dalam kalangan graduan bukan warganegara.

11.1.1 Keluaran Graduan Mengikut Peringkat Pengajian

Bilangan keluaran graduan bagi semua peringkat pengajian menunjukkan penurunan, kecuali peringkat diploma pascasiswazah (2020: 1,374 graduan) dan sijil pascasiswazah (2020: 62 graduan) yang bilangannya sangat kecil. Bagi dua (2) kumpulan terbesar graduan, iaitu graduan ijazah pertama dan diploma masing-masing menurun sebanyak 6.1 peratus dan 7.9 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun sebelumnya. Peringkat pengajian ijazah pertama mencatatkan bilangan keluaran seramai 131,045 graduan (2019: 139,520 graduan) dan diploma seramai 127,747 graduan (2019: 138,768 graduan). Berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), jumlah kemasukan bagi kedua-dua peringkat pengajian tersebut menunjukkan trend menurun bermula tahun 2017 bagi diploma dan 2018 bagi ijazah pertama.

11.1.2 Keluaran Graduan Mengikut Jenis IPT

Jumlah graduan UA yang dicatatkan pada tahun 2020 adalah seramai 127,334 graduan berbanding 129,700 graduan pada tahun 2019, iaitu menurun sebanyak 1.8 peratus. Bilangan graduan ijazah pertama turut menunjukkan penurunan sebanyak 2.9 peratus, iaitu kadar perubahan terendah berbanding peringkat pengajian yang lain.

Bagi IPTS, jumlah graduan 2020 (110,797 graduan) menunjukkan penurunan yang ketara berbanding 2019 (128,392 graduan), iaitu sebanyak 13.7 peratus. Ini merupakan bilangan terendah dalam tempoh lima (5) tahun. Penurunan ini amat terkesan pada peringkat pengajian ijazah pertama yang kebiasaannya mencatat bilangan keluaran tertinggi, didapati menurun sebanyak 10.2 peratus berbanding tahun 2019 (60,309 graduan). Jumlah keluaran graduan peringkat ini pada tahun 2020 (54,177 graduan) hampir menyamai jumlah terendah yang dicatatkan pada tahun 2016 (53,675 graduan). Sementara itu, bagi graduan diploma 2020 (48,168 graduan) yang mencatat bilangan kedua tertinggi turut menurun dan ini merupakan bilangan terendah bagi tempoh lima (5) tahun. Malah, trend penurunan ini berterusan sejak tahun 2018.

Bilangan graduan politeknik pada tahun 2020 secara keseluruhannya menurun sebanyak 2.0 peratus. Penurunan ini disebabkan pengurangan graduan peringkat diploma (2019: 28,830 graduan; 2020: 28,258 graduan) yang merangkumi hampir keseluruhan graduan politeknik. Walau bagaimanapun, sejak tahun 2016, kadar keluaran graduan diploma politeknik konsisten pada kadar antara 99.0 hingga 99.3 peratus.

Bagi kolej komuniti, terdapat kadar penurunan graduan yang ketara (-37.8%) pada tahun 2020, iaitu seramai 6,939 graduan berbanding 11,150 graduan pada tahun 2019. Tahun 2020 mencatatkan bilangan graduan peringkat sijil yang terendah bagi tempoh lima (5) tahun, iaitu seramai 6,720 graduan (2019: 10,864 graduan). Antara faktor yang menyebabkan penurunan ini berlaku ialah peralihan pengambilan pelajar dari tiga (3) kali setahun kepada dua (2) kali setahun.

11.2 Kadar Kebolehpasaran Graduan dan Status Pekerjaan

Kadar kebolehpasaran graduan dalam Kajian Pengesanan Graduan KPT merangkumi graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan. Dalam konteks pendidikan tinggi, kebolehpasaran graduan bukan sekadar ditakrifkan sebagai untuk mendapat pekerjaan semata-mata malah menjadi petunjuk pencapaian satu set kemahiran, pemahaman dan sifat peribadi graduan. Graduan yang mempunyai set lengkap cenderung untuk mendapat pekerjaan dan berjaya dalam pilihan pekerjaan yang seterusnya memberi manfaat bukan sahaja kepada diri mereka sendiri, malah kepada tenaga kerja, masyarakat dan ekonomi negara.

11.2.1 Keseluruhan Graduan Warganegara

Kadar kebolehpasaran graduan warganegara menurun sebanyak 1.8 peratus kepada 84.4 peratus pada tahun 2020 berbanding 86.2 peratus pada tahun 2019. Penurunan tersebut tidak begitu ketara walaupun negara sedang bergelut dengan pandemik COVID-19 sejak awal Januari 2020. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pihak berkepentingan yang merangkumi Kerajaan dan juga pihak industri.

Kadar bekerja turut merekodkan penurunan sebanyak 3.5 peratus pada tahun 2020 (60.0%). Walau bagaimanapun, peratus tersebut masih melebihi kadar yang dicatatkan pada tahun 2016 hingga 2018.

Kadar belum bekerja secara langsung akan meningkat apabila kadar kebolehpasaran graduan menurun. Walaupun peratus belum bekerja bagi tahun 2020 (15.2%) meningkat berbanding 2019 (13.8%), namun bilangan graduan belum bekerja bagi kedua-dua tahun adalah hampir sama, iaitu sekitar 41,000 graduan.

11.2.2 Graduan Ijazah Pertama dan Diploma (Umur 30 Tahun dan Ke Bawah)

Bahagian ini memfokus kepada trend status pekerjaan bagi graduan ijazah pertama dan diploma, yang berumur 30 tahun & ke bawah kerana mereka mewakili lebih 90.0 peratus daripada jumlah graduan negara setiap tahun. Julat kadar kebolehpasaran graduan ijazah pertama sepanjang lima tahun kajian adalah antara 69.9 hingga 83.1 peratus dan sebanyak 78.8 hingga 87.3 peratus bagi graduan diploma. Kadar tertinggi dicatatkan oleh graduan 2019 dan telah menurun pada tahun 2020 sebanyak 1.6 peratus bagi graduan ijazah pertama (81.5%) dan 1.9 peratus bagi graduan diploma (85.4%).

Kadar kebolehpasaran yang dicatatkan oleh graduan diploma lebih tinggi berbanding graduan ijazah pertama. Hal ini kerana kadar graduan diploma yang melanjutkan pengajian adalah antara 29.6 hingga 34.6 peratus berbanding graduan ijazah pertama, iaitu antara 4.6 hingga 5.5 peratus sahaja.

Jika diperincikan kepada kategori bekerja, terdapat trend peningkatan bagi graduan ijazah pertama dalam tempoh empat (4) tahun pertama, iaitu 53.7 peratus (57,181 graduan) pada tahun 2016 kepada 68.0 peratus (81,414 graduan) pada tahun 2019. Namun, pada tahun 2020, berlaku penurunan sebanyak 2.9 peratus kepada 65.1 peratus (66,461 graduan) berbanding tahun sebelumnya. Bagi graduan diploma pula, terdapat peningkatan yang tidak konsisten dalam tempoh ini dengan kadar tertinggi graduan bekerja adalah 53.8 peratus (65,040 graduan) pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, berlaku penurunan pada tahun 2020 kepada 48.8 peratus (51,401 graduan).

Berdasarkan bidang pengajian, purata kadar bekerja bagi graduan ijazah pertama yang melebihi 50.0 peratus ialah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (63.3%), perkhidmatan (65.5%), sains sosial, perniagaan & perundangan (62.6%), sains, matematik & komputer (61.0%), sastera & kemanusiaan (59.0%), serta pertanian & veterinar (56.3%). Bagi graduan diploma pula, purata kadar bekerja melebihi 50.0 peratus ialah bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan (57.1%), perkhidmatan (56.1%), serta kesihatan & kebajikan (53.0%). Dapatan ini konsisten dengan tahun-tahun sebelumnya. Sementara itu, analisis bagi kategori pendapatan bulanan keluarga yang melibatkan tempoh tiga (3) tahun, iaitu 2018 hingga 2020 tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi kadar bekerja graduan.

Kadar melanjutkan pengajian yang direkodkan oleh graduan ijazah pertama bagi tempoh lima (5) tahun kajian adalah antara 4.6 hingga 5.5 peratus, dengan tahun 2019 dan 2020 mencatatkan kadar yang sama, iaitu 5.1 peratus. Sebaliknya bagi graduan diploma, kadar melanjutkan pengajian menunjukkan peningkatan pada tahun 2020 (32.5%; 34,279 graduan) berbanding 2019 (29.6%; 35,777 graduan). Berdasarkan maklum balas sepanjang lima tahun kajian, tiga alasan utama graduan diploma dan ijazah pertama melanjutkan pengajian adalah kerana ingin meningkatkan tahap kelayakan akademik (30.8 hingga 35.0 peratus), minat yang mendalam mencari ilmu (16.7 hingga 26.7 peratus) dan prospek kerjaya yang lebih baik (15.6 hingga 18.2 peratus).

Graduan ijazah pertama dalam kategori meningkatkan kemahiran bertambah dari tahun 2019, iaitu 2.3 peratus (2,753 graduan) kepada 4.0 peratus (4,064 graduan) pada tahun 2020. Peningkatan ini antara lain dipengaruhi oleh penawaran program PENJANA KPT-CAP yang bermula pada tahun 2020. Sebaliknya, peratusan graduan diploma yang berstatus meningkatkan kemahiran menurun sedikit (0.1%) pada tahun 2020 tetapi berlaku peningkatan (2.9%) pada status melanjutkan pengajian.

Bagi status belum bekerja, peratusan graduan ijazah pertama dan diploma menurun dalam tempoh empat (4) tahun, iaitu dari 2016 hingga 2019. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 terdapat sedikit peningkatan, iaitu sebanyak 1.9 peratus bagi diploma dan 1.6 peratus bagi ijazah pertama. Sepanjang tempoh lima (5) tahun kajian antara 71.0 hingga 79.5 peratus graduan ijazah pertama dan 60.4 hingga 67.0 peratus graduan diploma memberi alasan mereka dalam usaha mencari pekerjaan sebagai sebab utama masih berstatus belum bekerja.

11.3 Maklumat Pekerjaan Graduan

Bahagian ini membincangkan tentang taraf pekerjaan dan pendapatan bulanan graduan warganegara yang bekerja. Di samping itu, bidang keusahawanan sebagai peluang pekerjaan turut dibincangkan.

11.3.1 Taraf Pekerjaan Graduan

Sektor swasta (termasuk NGO) merupakan penyedia utama pekerjaan kepada lebih daripada 70.0 peratus graduan warganegara sepanjang tahun 2016 hingga 2019. Walau bagaimanapun, kadar ini menurun kepada 68.5 peratus pada tahun 2020.

11.3.2 Pendapatan Bulanan Graduan

Sejumlah besar graduan berada dalam julat pendapatan bulanan RM2,000 & ke bawah. Bagi graduan ijazah pertama, kadar bagi kumpulan tersebut meningkat setiap tahun sejak 2016. Graduan tahun 2020 mencatatkan peratus tertinggi, iaitu 53.5 peratus berbanding 50.6 peratus pada tahun 2019. Bagi graduan diploma tahun 2020, peratus yang memperoleh pendapatan RM2,000 & ke bawah meningkat kepada 87.6 peratus berbanding 86.6 peratus pada tahun 2019. Jumlah ini merangkumi 17.2 peratus yang berpendapatan RM1,000 & ke bawah, iaitu merupakan kadar terendah bagi tempoh lima (5) tahun. Bagi graduan sijil pula, peratus graduan 2020 dalam julat RM1,000 & ke bawah meningkat kepada 28.9 peratus (2019: 25.8%).

11.3.3 Keusahawanan Sebagai Peluang Pekerjaan

Dalam usaha merealisasikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Keusahawanan' (*entrepreneurship nation*) yang unggul menjelang tahun 2030, KPT telah mewujudkan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020 (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Antara inisiatif pelan ini ialah program keusahawanan IPT yang berstruktur dan holistik yang memberi pendedahan kepada pelajar tentang kemahiran keusahawanan sebagai persediaan selepas bergraduasi.

Trend kadar graduan yang menceburi bidang keusahawanan didapati meningkat setiap tahun sepanjang tempoh kajian. Terdapat peningkatan ketara pada tahun 2018 apabila graduan ILKA turut menyertai Kajian Pengesanan Graduan. Tahun 2020 merekodkan kadar tertinggi (15.2%) yang memilih menjadi usahawan, iaitu peningkatan sebanyak 1.5 peratus berbanding tahun 2019 (13.7%).

Dalam konteks aktiviti ekonomi utama, lebih daripada 78.0 peratus graduan usahawan menceburi sektor Perkhidmatan sepanjang tahun 2016 hingga 2020. Walau bagaimanapun, graduan yang berpendapatan bulanan RM1,000 & ke bawah adalah tidak kurang daripada 41.0 peratus. Sektor kedua teratas ialah Pembuatan, iaitu antara 9.8 hingga 13.6 peratus dengan peratus tertinggi pada tahun 2020. Manakala sektor Pertanian, Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian merekodkan antara 0.1 hingga 5.5 peratus.

11.4 Graduan Belum Bekerja

Pada awal tempoh kajian, kadar graduan belum bekerja adalah sebanyak 22.7 peratus (2016: 54,103 graduan) dan 20.9 peratus (2017: 53,373 graduan). Trend tersebut menunjukkan penurunan sehingga tahun 2019 (13.8%; 41,161 graduan) dan kembali meningkat pada tahun 2020 (15.6%; 40,550 graduan).

Dapatan ini sejajar dengan situasi ekonomi negara yang terjejas akibat pandemik. Penawaran pekerjaan yang menurun di sektor swasta turut memberi impak kepada peningkatan kadar belum bekerja. Berdasarkan laporan Statistik Guna Tenaga, Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), jumlah jawatan di sektor tersebut telah menurun sebanyak 204,000 pada tahun 2020 (2020: 8.457 juta; 2019: 8.661 juta). Penurunan ini menunjukkan permintaan buruh agak perlahan susulan peningkatan semula kes COVID-19 pada suku keempat 2020. Keadaan ini turut memberi kesan kepada graduan baharu yang menyebabkan terdapat sebanyak 72.8 peratus (29,538 graduan) daripada jumlah graduan tahun 2020 yang belum bekerja menyatakan masih mencari pekerjaan. Kadar tersebut kembali menyamai peratus tertinggi yang dicatatkan pada tahun 2016 (72.9%; 39,439 graduan) manakala bagi tempoh 2017 hingga 2019, peratusan yang direkodkan adalah kurang daripada 70.0 peratus.

11.5 Inisiatif Kerajaan dalam Meningkatkan Kebolehpasaran Graduan

Hakikatnya, wabak COVID-19 bukan sahaja telah mencetuskan krisis kesihatan, tetapi telah memberi kesan yang besar kepada keadaan ekonomi dan pasaran buruh keseluruhannya. Jika krisis kesihatan ini berterusan, lebih banyak syarikat akan terkesan dan dianggarkan jutaan pekerja akan kehilangan pekerjaan. Berdasarkan laporan Statistik Utama Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran sehingga Februari 2021 menunjukkan peningkatan, iaitu 4.8 peratus (777,500 orang) berbanding 4.7 peratus (741,600 orang) pada bulan Ogos 2020. Peningkatan kadar pengangguran ini dapat dilihat sejak April 2020 dengan bilangan penduduk yang bekerja terus berkurangan dengan kadar penurunan sebanyak 0.5 peratus (73.9 ribu orang). Dapatan ini jelas menunjukkan isu pengangguran perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan. Hal ini kerana terdapat beberapa sektor yang terjejas akibat daripada pandemik ini antaranya ialah sektor Pembuatan dan Perkhidmatan terutamanya Pelancongan & Perhotelan. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan yang signifikan ke atas graduan tahun 2020 kerana wujud persaingan yang lebih kompetitif dan kadar pengangguran lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Golongan belia dan graduan merupakan kumpulan yang paling terkesan dengan isu pengangguran ini. Secara keseluruhan, kadar kebolehpasaran graduan dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya bidang pengajian, peringkat pengajian, pencapaian akademik dan juga kemahiran. Graduan berkemahiran mempunyai kelebihan dalam kebolehpasaran pekerjaan. Justeru, graduan perlu bersedia untuk menghadapi cabaran ini dengan memperkayakan pengetahuan serta meningkatkan kemahiran baharu yang relevan dengan keperluan semasa dan industri. Para graduan juga perlu menonjolkan keunikan kepakaran bidang mereka sebagai nilai tambah dalam pasaran buruh.

Keadaan COVID-19 juga telah merubah landskap pekerjaan dan kaedah bekerja baharu yang menyaksikan kebanyakan pengurusan industri dan syarikat dijalankan secara atas talian. Kemahiran digital dan teknologi sangat diperlukan dan graduan perlu mempunyai kemahiran asas teknologi maklumat untuk menjalankan tugas harian, melakukan penganalisan dan persembahan data bagi tujuan menambah baik kualiti produk dan perkhidmatan dengan nilai-nilai berdasarkan norma baharu. Graduan yang berjaya menguasai kemahiran ini akan mempunyai peluang yang tinggi untuk memenuhi kekosongan jawatan.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melancarkan **Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025 (PSKG)** pada 16 Oktober 2021 yang lalu. Pelan ini merupakan dokumen strategik yang berupaya membantu dan memberikan panduan kepada IPT untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan masing-masing dalam tempoh pandemik dan pasca pandemik COVID-19. Ini kerana, strategi dan inisiatif yang digariskan oleh Pelan ini telah dibangunkan secara komprehensif dengan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan termasuk pihak industri bagi memastikan pelan yang dibangunkan dapat membantu IPT melahirkan graduan yang kalis masa hadapan, holistik dan seimbang.

Pelan ini memberikan tumpuan kepada pelaksanaan empat strategi teras bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan seperti berikut:

(i) Pengukuhan Kecemerlangan Bakat

Melalui strategi ini bakat pelajar diperkukuhkan dengan inisiatif peningkatan kemahiran berbahasa Inggeris serta kemahiran abad ke-21 seperti automasi, kecerdasan buatan (AI) dan teknologi berkaitan 4IR. Graduan yang menguasai kemahiran-kemahiran tersebut mempunyai potensi besar untuk merebut peluang pekerjaan baharu dalam pasaran pekerjaan.

(ii) Pelasan Kerjaya Pelajar

Usaha untuk memperkemaskan pelaksanaan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan menggunakan teknologi terkini dan data raya ditekankan melalui strategi ini. Antara inisiatif yang digariskan adalah pembangunan modul *JobMatching@GReAT* yang secara automatik dapat memadankan data graduan belum bekerja dengan kriteria keperluan pekerja yang dikunci masuk oleh industri. Modul ini dapat memudahkan pihak industri mencari bakat yang sesuai untuk mengisi kekosongan perjawatan. Bukan sekadar itu, strategi ini juga menekankan kepada pemerksaan fungsi dan peranan pusat kerjaya sebagai pusat sehenti bagi pembangunan dan perkembangan kerjaya pelajar dan melaksanakan profiling kerjaya pelajar secara komprehensif melalui *TalentCorp NEXT- Nurturing Expert Talent*, serta penggunaan portal *MYFutureJobs*, PERKESO bagi menghubungkan pelajar kepada industri yang berdaftar dengan PERKESO.

(iii) Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Melalui strategi ini aktiviti PdP diperkukuhkan melalui dua (2) inisiatif iaitu memastikan kandungan program-program akademik di IPT dapat memenuhi keperluan industri 4.0 dan kompetensi tenaga pengajar di IPT ditingkatkan sejajar dengan perubahan dan perkembangan semasa. Dalam konteks ini, program-program akademik sentiasa disemak dan dikaji semula secara berkala untuk memastikan kandungannya sentiasa terkini, relevan dan bersifat *Future Ready Curriculum*. Selain itu, kemahiran tenaga pengajar khususnya berkaitan keperluan semasa industri sentiasa ditingkatkan melalui program-program sangkutan di industri dan perkongsian kepakaran oleh tokoh-tokoh industri melalui program seperti *CEO@Faculty* dan *Academia Talent Exchange Programme (AixCHANGE)*.

(iv) Pemerksaan Hubungan Industri

Melalui strategi ini kerjasama rapat IPT dan Industri diperkukuhkan melalui pelbagai program dan aktiviti, bermula daripada pembentukan program pengajian, kandungan modul, latihan industri sehingga pelajar menamatkan pengajian dan menerima tawaran pekerjaan daripada industri. Kerjasama erat ini dapat mengurangkan ketidaksepadanan antara kemahiran yang dimiliki graduan dengan keperluan semasa pihak industri. Kerjaya pelajar yang dirancang awal dengan penglibatan tinggi pihak industri dapat membantu mengembangkan bakat; menyediakan dan mempersiapkan mereka dengan keperluan pasaran pekerjaan masa hadapan.

Secara umumnya, kerangka strategi ini meraikan pembentukan ekosistem "*quadruple helix*" yang sinergistik antara graduan; akademik; industri; kerajaan dan komuniti dalam landskap sistem pendidikan tinggi negara. Selain itu, pelan ini turut menekankan elemen pengukuhan kolaborasi dalam bidang pembangunan akademik serta kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi melibatkan pelbagai pihak yang strategik. Pemerksaan elemen inovasi dan teknologi dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran turut diberi perhatian khusus selaras dengan perkembangan teknologi terkini yang amat penting bagi membentuk jati diri dan nilai tambah kepada graduan idaman industri.

11.5.1 Dasar Kerajaan

Pelbagai dasar, program insentif dan sistem sokongan telah diatur oleh pihak kerajaan dalam menangani isu pengangguran. Antara dasar yang telah diperkenalkan ialah:

a) Dasar Kerajaan Berkaitan Pembangunan Ekonomi Negara

Bagi memastikan kelangsungan ekonomi negara dan menjaga kebajikan rakyat semasa pandemik COVID-19, kerajaan telah bertindak pantas dengan melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan PRIHATIN Tambahan bernilai RM260 bilion, serta pakej rangsangan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) berjumlah RM35 bilion dan KITA PRIHATIN bernilai RM10 bilion. Di samping itu, inisiatif seperti Bantuan Prihatin Nasional, moratorium pinjaman bank, pengurangan sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan banyak lagi turut dirangka bagi membendung kesan COVID-19. Manfaat ini dapat dirasai oleh semua rakyat secara umumnya bagi memastikan rakyat tidak tertekan dengan bebanan wang yang tidak mencukupi untuk menyara diri dan keluarga serta membantu Malaysia keluar daripada impak tahap pengangguran yang tinggi.

Kerjasama strategik dengan pelbagai kementerian juga perlu diwujudkan bagi menerokai peluang dan sektor pekerjaan baharu, serta menyediakan inisiatif untuk memperkukuhkan kemahiran dalam kalangan graduan. Justeru, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan program latihan kemahiran baharu, meningkatkan kemahiran sedia ada dan melatih semula graduan supaya lebih kompeten serta memenuhi keperluan semasa.

b) Dasar Keusahawanan Nasional 2030

Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) diperkenalkan sebagai satu panduan untuk menyediakan kerangka atau ekosistem yang holistik untuk pembangunan keusahawanan di Malaysia. Dasar ini merupakan manifestasi kesungguhan dan iltizam kerajaan untuk merealisasikan Malaysia sebagai Negara Keusahawanan Unggul pada 2030.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah diberikan amanah untuk menerajui usaha mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negara. MEDAC sentiasa komited dalam pelaksanaan projek pembangunan yang telah dirancang dan diluluskan dengan peruntukan termasuk di bawah dana PRIHATIN dan PENJANA disalurkan kepada agensi di bawah kawal selia MEDAC bagi pembiayaan program pembangunan keusahawanan.

Di samping itu, MEDAC melaksanakan kerjasama strategik bersama KPT bagi mewujudkan lebih banyak peluang dan inisiatif keusahawanan kepada graduan dan bakal graduan melalui program berimpak tinggi serta bersasar. Antara inisiatif yang dilaksanakan kementerian ialah program perintis *Technopreneurship Programs for Fresh Graduate* dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

c) Dasar Industry4WRD

Dasar Industry4WRD merupakan satu dasar negara untuk transformasi sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan bagi tempoh 2018 hingga 2025. Matlamat utama adalah mewujudkan sektor pembuatan dan perkhidmatan yang kukuh di samping memberi laluan untuk meningkatkan produktiviti, mewujudkan peluang pekerjaan, keupayaan inovasi, kumpulan tenaga kerja berkemahiran tinggi sebagai langkah mengurangkan kadar pengangguran, dan meningkatkan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

Industry4WRD merupakan respons Malaysia kepada Industri 4.0 dan seterusnya, yang memerlukan transformasi sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berkaitan untuk menjadi lebih pintar dan kukuh, didorong oleh manusia, proses dan teknologi. Syarikat pembuatan di Malaysia, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) digalakkan untuk mengaplikasikan pendigitalan dan teknologi industri 4.0 di dalam proses pembuatan serta sistem pengurusan syarikat. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengetuai pembangunan Dasar Industry4WRD sejak pertengahan tahun 2017 bersama beberapa kementerian utama seperti Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta agensi, industri dan pihak-pihak berkepentingan.

11.5.2 Sistem Sokongan di Kementerian Pengajian Tinggi

Graduan merupakan komuniti penting dalam tenaga kerja di sesebuah negara. Mereka memainkan peranan penting sebagai teras inovasi yang menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi. Untuk memastikan mereka memenuhi peranan ini, amat penting bagi mereka menguasai kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri.

Situasi sekarang di mana kerajaan berhadapan dengan kegawatan ekonomi akibat penularan Pandemik COVID-19, keutamaan KPT adalah graduan mendapat pekerjaan atau sekurang-kurangnya dapat menjana pendapatan. Oleh itu, penekanan dan fokus KPT adalah kepada inisiatif-inisiatif bagi membuka peluang kepada graduan mendapat pekerjaan atau sekurang-kurangnya dapat menjana pendapatan sendiri.

Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan inisiatif *Job Creator Framework* di bawah lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) 2015-2025 yang menerapkan nilai dan atribut keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui pendidikan untuk menganjalkan minda mereka daripada pencari kerja (*job seeker*) kepada pencipta kerja (*job creator*).

Program keusahawanan di bawah inisiatif ini, dilaksanakan melalui 3 fasa iaitu membudaya (*enculture*), mengukuh (*empower*) dan melengkap (*equip*) yang melatih pelajar untuk menguruskan sumber dan kewangan serta berkomunikasi dengan baik, berdaya tahan, mempunyai lokus kawalan diri (*internal locus control*), berupaya menguruskan risiko dan yakin dengan keupayaan diri.

Antara strategi Kementerian bagi mempromosi keusahawanan sebagai kerjaya pilihan ialah memperkenalkan program keusahawanan siswa (Siswapreneur) mengikut pengkhususan bidang seperti peruncitan, agrotani dan agrikultur, teknologi maklumat dan komunikasi, multimedia kreatif, sukan dan sebagainya dengan penglibatan industri dan usahawan sebenar dalam proses pembelajaran dan pengajaran. IPT juga menyediakan ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar termasuklah infrastruktur, inkubator, ruang dan peluang perniagaan, modal permulaan, khidmat nasihat dan bimbingan daripada usahawan sebenar serta suri teladan dalam kalangan usahawan muda yang berjaya.

Berikutan krisis pandemik COVID-19 yang melanda negara, bakal graduan berhadapan dengan cabaran ketidaktentuan ekonomi dan peluang mendapat pekerjaan. Antara penyelesaian terbaik untuk mengurangkan impak ini adalah melalui penekanan kepada bidang keusahawanan sebagai pilihan utama pekerjaan bagi graduan. Kementerian melalui inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) turut melaksanakan program PENJANA KPT-CAP (*Career Advancement Program*) yang memberi fokus kepada pelaksanaan program-program latihan kemahiran dan latihan peningkatan kemahiran atau dengan izin *Reskilling* dan *Upskilling*. Melalui program ini juga, latihan kemahiran keusahawanan turut disediakan kepada pelajar yang berminat khususnya berkaitan *gig economy* dan *freelancers*. Apa yang lebih menarik, di akhir program latihan kemahiran keusahawanan ini, akan diadakan sesi padanan dengan agensi penyedia dana perniagaan bagi memastikan pelajar dapat memulakan perniagaan dan menjana pendapatan sebaik sahaja program berakhir.

Kerjasama strategik di antara Kementerian membolehkan Kementerian/Agensi berkaitan dapat menyumbangkan kepakaran/ pengisian/ kaedah pelaksanaan/ pemantauan yang berkesan dalam membantu mahasiswa ini untuk mengembangkan lagi perniagaan semasa dan selepas tamat pengajian kelak. Kerjasama strategik dengan industri dan agensi pembangunan keusahawanan seperti *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC), *Human Resources Development Fund* (HRDF), *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC), *Malaysian Global Innovation & Creativity Centre* (MaGIC), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), *SME Corporation Malaysia* (SME Corp. Malaysia), TEKUN Nasional dan lain-lain turut diperkukuhkan dalam memastikan pelajar yang mempunyai kecenderungan keusahawanan mendapat bimbingan sewajarnya untuk memula, membangunkan dan melengkapkan perniagaan mereka khususnya dalam bidang-bidang terkini selaras dengan keperluan industri 4.0 seperti *eCommerce*, logistik, *big data*, *robotic engineering* dan *Internet of Things*.

Tambahan lagi, bagi memudahkan bakal graduan membangunkan kerjaya dan meningkatkan kebolehpasaran mereka, Kementerian mengambil inisiatif membangunkan portal dengan izin *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya GREaT.

Portal ini adalah portal sehenti kepada graduan untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang kerjaya dan program bagi meningkatkan kemahiran. Antara sistem sokongan yang berkaitan adalah PENJANA KPTCAP (IPTA dan IPTS), program KPT-PACE, e-profiling dan *JobMatching@GREaT*. Graduan yang terpilih mengikuti PENJANA KPT-CAP berpeluang untuk meningkatkan kemahiran serta mendapat penempatan pekerjaan setelah tamat program. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan di Malaysia. Sistem KPT-PACE pula disediakan untuk kegunaan pelajar tahun akhir di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk meningkatkan kemahiran melalui penyertaan dalam program pensijilan profesional. Program ini biasanya terdiri daripada latihan berfokus untuk kerjaya tertentu, seperti teknologi, penjagaan kesihatan atau mekanik. Program ini turut memberi pengiktirafan kecekapan, meningkatkan komitmen terhadap profesion dan membantu dalam kemajuan pekerjaan.

Selain itu, KPT telah menyediakan sistem e-profiling yang juga diletakkan dalam portal GREaT bagi membantu graduan dan pelajar mengenal pasti bidang kerjaya yang sesuai. Sistem ini merupakan proses berstruktur untuk mengenal pasti hubungan keperluan sesuatu pekerjaan dengan pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan ciri-ciri tingkah laku pengguna. KPT telah mengambil langkah meluaskan fungsi Portal GREaT agar berupaya menemupadankan graduan dengan pihak syarikat dan industri khususnya dalam penawaran pekerjaan dan latihan industri dengan membangunkan Modul Pemadanan Pekerjaan (*JobMatching@GREaT*) di Portal GREaT. Ini bertujuan untuk membantu graduan yang masih belum bekerja untuk mendapatkan pekerjaan mengikut kelayakan dan kompetensi mereka, seterusnya meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dalam negara. Pembangunan modul *JobMatching@GREaT* ini adalah selaras dengan inisiatif kedua di bawah Strategi ke-2 Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025, iaitu melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan. Modul *JobMatching@GREaT* bertindak sebagai pelengkap

dengan portal mencari pekerjaan di luar sana di mana data graduan yang masih belum mendapat pekerjaan dalam pangkalan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) dipadankan dengan kekosongan jawatan yang terdapat di industri atau syarikat yang berdaftar dalam modul *JobMatching@GREaT*. Dalam erti kata lain, para graduan berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan tanpa perlu memohon pekerjaan dengan industri. Modul *JobMatching@GREaT* akan diperluaskan fungsinya agar pepadanan yang dilakukan bukan sahaja untuk graduan tidak bekerja, tetapi juga graduan *underemployed* dalam SKPG. Di samping itu, fungsi modul ini juga akan dikembangkan untuk pepadanan data pelajar dengan latihan industri dan program perantisan (*Apprenticeship*).

11.5.3 Insentif Usahawan

Pelbagai insentif telah disediakan oleh kerajaan untuk memupuk minat dan membantu golongan belia menceburi bidang keusahawanan. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) merupakan kementerian khas yang bertanggungjawab berkaitan dengan bidang keusahawanan telah menyediakan insentif khusus seperti menawarkan latihan, bimbingan dan geran pembiayaan untuk usahawan sama ada yang berminat untuk memulakan perniagaan atau mengembangkan rangkaian perniagaan. Di bawah kementerian ini, pelbagai agensi dibentuk untuk melaksanakan perancangan dan strategi yang telah digariskan seperti:

- a) Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) menawarkan kursus-kursus dari peringkat asas keusahawanan, pemasaran digital sehingga ke peringkat pengembangan perniagaan sama ada secara percuma atau berbayar dengan yuran penyertaan yang sangat rendah;
- b) SME Corp Malaysia menyediakan pelbagai program bimbingan dan pembiayaan contohnya Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang melatih golongan belia bumiputera yang berminat untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, khususnya belia yang mempunyai sijil kemahiran asas daripada institusi latihan atau pusat kemahiran tempatan;
- c) TEKUN Nasional menyediakan bantuan kewangan seperti Skim Pembiayaan Mikro yang menyediakan geran sehingga RM100,000 dengan kadar faedah serendah empat (4) peratus setahun dan tempoh bayaran balik sehingga 10 tahun; dan
- d) Bank Rakyat dan Perbadanan Nasional Berhad pula menyediakan insentif bagi membantu usahawan muda menerokai bidang ini.

MEDAC juga telah mengadakan kerjasama dengan UDA Holdings Berhad bagi menyokong perniagaan usahawan di bawah kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Agensi ini ditugaskan menyediakan ruang niaga atau platform yang bersesuaian kepada usahawan di kawasan bandar. Antara program yang ditawarkan termasuk Program Insentif Usahawan UDA, Program Usahawan Wanita dan Program Usahawan Belia. Selain MEDAC, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga terlibat dalam program keusahawanan ini. Kementerian ini menyediakan lebih daripada tiga puluh (30) program pembiayaan kewangan dan geran perniagaan untuk usahawan luar bandar seperti Skim Pembiayaan Teknikal (PUTEK), Skim Pembiayaan Mudah Jaya Untuk Usahawan Tekno (SPiM TEKNO) dan Skim Pembiayaan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Secara umumnya, pelbagai insentif telah disediakan sebagai pemangkin kepada bakal usahawan terutamanya graduan lepasan institusi kerajaan dan swasta di negara ini. Justeru, para graduan perlu memanfaatkan secara maksimum peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan sosioekonomi golongan belia.

- Jabatan Kebajikan Masyarakat, “Pendaftaran Orang Kurang Upaya,” laman sesawang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, diakses 28 Julai 2021, <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHhacVN4aHNpUIPayt2QT09>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli, “Suku Kaum,” laman sesawang Kementerian Pembangunan Luar Bandar, diakses 20 Julai 2021, <https://www.jakoa.gov.my/suku-kaum/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia, “Siaran Akhbar Statistik Utama Tenaga Buruh Di Malaysia, Februari 2021” laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, diakses 1 Ogos 2021, <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=UXIFcW1pSnhhZUFSStc0RDhnR3V3dz09>
- Jabatan Perdana Menteri, “Teks Ucapan Yab Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin Perdana Menteri Sempena Majlis Pelancaran Mydigital Dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia” laman sesawang Unit Perancang Ekonomi, diakses 30 Jun 2021, https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2021-02/Teks%20Ucapan%20Perasmian%20MyDIGITAL%20YAB%20PM_0.pdf
- Jabatan Perdana Menteri & Jabatan Perangkaan Malaysia, “Tenaga Buruh, Malaysia Februari 2021,” laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia, diakses 28 Julai 2021, https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/Labour_Force/Monthly/2021/Feb%202021/LAPORAN%20TENAGA%20BURUH%20FEBRUARI%202021%20v4.pdf
- Kementerian Kewangan Malaysia, “Tinjauan Ekonomi 2021,” laman sesawang Pembangunan Sumber Manusia Berhad, diakses 25 November 2021, [belanjawan2021.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/2021/tinjauan-ekonomi-2021.pdf](https://www.belanjawan2021.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/2021/tinjauan-ekonomi-2021.pdf)
- Kementerian Pendidikan Malaysia, “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2020 (Pendidikan Tinggi)” laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia, diakses pada 2 Ogos 2021, <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/pppm-2015-2025-pt/103-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi/file>
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. National Graduate Employability Blueprint 2012-2017, (Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2021), 19.
- Kumpulan Karang kraf, “8.45 juta jawatan direkodkan dalam sektor swasta,” Sinar Harian, 9 Februari 2021.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2020 (Pendidikan Tinggi)” laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia, diakses pada 2 Ogos 2021, <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/penerbitan-jurnal-dan-laporan/pppm-2015-2025-pt/103-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi/file>
- Ruth Bridgstock & Denise Jackson, “Strategic institutional approaches to graduate employability: Navigating meanings, measurements and what really matters,” laman sesawang Edith Cowan University, diakses 30 Jun 2021, <https://ro.ecu.edu.au/cgi/viewcontent.cgi?article=7559&context=ecuworkspost2013>
- Ruwaida Md Zain, “KPT lancar Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan,” Berita Harian Online, 24 September 2021.



LAMPIRAN

LAMPIRAN C-G



Bidang pengajian	Merujuk kepada garis panduan kod Pendidikan Nasional (NEC), iaitu pendidikan, sains sosial, perniagaan dan perundangan, sains, matematik dan komputer, kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan, pertanian dan veterinar, kesihatan dan kebajikan serta perkhidmatan.
Diploma	Diploma yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan diploma itu atau yang setaraf dengannya.
Diploma lanjutan	Diploma lanjutan yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan diploma lanjutan itu atau yang setaraf dengannya.
<i>Freelance</i>	Graduan yang menawarkan perkhidmatannya kepada pelbagai majikan.
Graduan	Bilangan graduan yang telah lulus dan menamatkan pengajian dengan sempurna pada akhir sesi pengajiannya. Tahun keluaran merujuk kepada tahun pelajar berkenaan tamat pengajian.
Graduan bekerja	Graduan yang bekerja sekurang-kurangnya sejam (1 JAM) semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (pekerja, sebagai majikan, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji).
Graduan bekerja sendiri	Graduan yang menjalankan perusahaan sendiri sama ada secara persendirian atau perkongsian dan sama ada melaksanakan sendiri kerja perusahaannya itu atau mengupah pekerja lain.
Graduan belum bekerja	Graduan yang tidak mempunyai pekerjaan.
Graduan melanjutkan pengajian	Graduan yang mendaftar sebagai penuntut Institusi Pengajian Tinggi.
Graduan meningkatkan kemahiran	Graduan yang mengikuti latihan bagi melengkapkan diri atau menambah kemahiran yang telah diperolehi semasa di institusi. Ia merangkumi skim-skim latihan yang dikelolakan oleh agensi-agensi kerajaan.
Graduan menunggu penempatan bekerja	Graduan yang mendapat tawaran bekerja tetapi belum ditempatkan untuk bekerja. Termasuk dalam kategori ini ialah graduan bidang pendidikan yang ditaja oleh kerajaan atau Institusi Pengajian Tinggi lain dengan kontrak untuk bertugas sebagai guru atau pensyarah atau pekerjaan lain yang ditetapkan oleh penaja.
Graduan pascasiswazah	Graduan yang memiliki ijazah sarjana atau PhD dan setaraf.
Graduan usahawan	Graduan yang bekerja sendiri, sebagai majikan dan <i>freelance</i> .

Ijazah	Ijazah yang dianugerahkan kepada seseorang di peringkat Sarjana Muda, atau diperingkat Sarjana atau di peringkat Kedoktoran sesudah orang itu mencapai dengan jayanya satu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan ijazah itu atau yang setaraf dengannya.
Institut Latihan Kemahiran Awam	Institusi peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan, latihan teknik dan vokasional.
Institusi Pendidikan Tinggi	Sesuatu institusi pendidikan yang sama ada atau tidak ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan termasuklah institusi pendidikan swasta yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya.
Institusi Pendidikan Tinggi Awam	Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti yang beroperasi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.
Institusi Pendidikan Tinggi Lain (IPT lain)	Merujuk kepada institusi pendidikan tinggi di bawah kementerian lain, iaitu Kolej Profesional MARA di bawah KPLB, ASWARA di bawah MOTAC, INSPEN di bawah MOF dan IPDAS di bawah kerajaan negeri Sabah.
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	Institusi Pendidikan Tinggi yang berdaftar dengan KPM di bawah Akta IPTS 1996.
Kebolehpasaran Graduan (GE)	Merujuk kepada status graduan yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.
Kolej	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang mengendalikan pendidikan tertiar peringkat sijil, diploma, ijazah pertama dan kelayakan profesional lain.
Kolej komuniti	Institusi peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan, latihan teknik dan vokasional serta menganugerahkan sijil atau diploma. Institusi ini turut mengendalikan latihan jangka pendek mengikut keperluan dan permintaan komuniti setempat.
Kolej Universiti	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang mengendalikan pendidikan peringkat tertiar dalam bidang profesional atau sesuatu bidang pengajian yang khusus.
Latihan industri	Penempatan penuntut IPT di sesuatu organisasi bagi menjalankan latihan praktikal yang diselia oleh IPT berkenaan dalam suatu jangka masa tertentu yang menjadi syarat penganugerahan sijil, diploma, ijazah atau kelayakan profesional. Terma ini merangkumi praktikum, internship, penempatan sebagai pekerja pelatih, latihan amali yang dilakukan di firma industri, latihan mengajar, latihan klinikal dan perantis usahawan.
Orang Asli	Warganegara Malaysia yang tergolong dalam etnik orang asli atau penduduk asal negara ini mengikut takrifan Akta Orang Asli 1954.
Orang Kurang Upaya (OKU)	Seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera.

Politeknik	Institusi pendidikan peringkat tertiar yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi mengendalikan pendidikan teknik dan vokasional serta menganugerahkan sijil dan diploma.
Responden	Graduan yang menyertai Kajian Pengesanan Graduan.
Sektor Ekonomi	<p>Sektor ekonomi atau klasifikasi industri yang digunakan adalah merujuk kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 ver. 1.0. Terdapat 21 kategori aktiviti ekonomi yang kemudiannya dikelaskan kepada lima sektor iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan, Perincian sektor dan aktiviti ekonomi adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pertanian – aktiviti Pertanian, Perhutanan dan Perikanan 2) Perlombongan & Pengkuarian – aktiviti Perlombongan dan Pengkuarian 3) Pembuatan – aktiviti Pembuatan 4) Pembinaan – aktiviti Pembinaan 5) Perkhidmatan – selain daripada aktiviti di atas.
Sistem Kajian Pengesanan Graduan	<p>Sistem ini merupakan platform bagi menjalankan kaji selidik bagi meninjau status pekerjaan graduan pada musim konvokesyen institusi masing-masing. Terdapat tiga komponen soal selidik yang digunakan mengikut kumpulan sasaran, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) SKPG1 – memaparkan soal selidik bagi graduan UA, IPTS dan IPT lain 2) SKPG TVET – soal selidik khusus kepada graduan TVET dari ILKA 3) SKPG2.0 – dibangunkan khusus bagi membolehkan semua graduan IPT/ILKA mengemas kini status pekerjaan jika terdapat perubahan status pekerjaan. Sistem ini juga dikenali sebagai Sistem Kemas Kini Status Pekerjaan dengan soalan yang sangat ringkas. Malahan, sistem ini juga membolehkan graduan yang tidak respons SKPG1 dan SKPG TVET setelah tamat tempoh capaian menyertai kaji selidik.
Sijil	Sijil yang dianugerahkan kepada seseorang sesudah orang itu mencapai dengan jayanya suatu set hasil pembelajaran yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan sijil itu atau yang setaraf dengannya.
Tahap Kemahiran	<p>Bagi tujuan pelaporan, kategori pekerjaan dikelaskan kepada tiga tahap kemahiran seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Mahir – (1) Pengurus; (2) Profesional; (3) Juruteknik dan profesional bersekutu b) Separuh mahir – (4) Pekerja sokongan perkeranian; (5) Pekerja perkhidmatan dan jualan; (6) Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; (7) Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; (8) Operator mesin dan loji, dan pemasang c) Berkemahiran rendah – (9) Pekerja asas

Universiti Awam (UA)

Institusi Pendidikan Tinggi bertaraf universiti awam yang ditubuhkan oleh kerajaan dan dikategorikan kepada empat (4) kumpulan iaitu:

a) Universiti Penyelidikan – memberikan tumpuan kepada bidang penyelidikan. Terdiri daripada lima (5) UA iaitu i) Universiti Malaya, ii) Universiti Kebangsaan Malaysia, iii) Universiti Teknologi Malaysia, iv) Universiti Sains Malaysia dan v) Universiti Putra Malaysia;

b) Universiti Komprehensif - menawarkan pelbagai kursus dan bidang pengajian yang merangkumi empat (4) UA iaitu i) Universiti Teknologi MARA, ii) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, iii) Universiti Malaysia Sabah dan iv) Universiti Malaysia Sarawak;

c) Universiti Berfokus - memberikan tumpuan atau perhatian kepada bidang khusus berkaitan dengan penubuhannya. Terdiri daripada tujuh (7) UA iaitu i) Universiti Utara Malaysia, ii) Universiti Pendidikan Sultan Idris, iii) Universiti Malaysia Terengganu, iv) Universiti Sains Islam Malaysia, v) Universiti Sultan Zainal Abidin, vi) Universiti Malaysia Kelantan dan vii) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia; dan

d) Universiti MTUN – menawarkan pelbagai kursus teknikal bagi memenuhi keperluan industri yang merangkumi empat (4) UA iaitu i) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, ii) Universiti Teknikal Malaysia Melaka, iii) Universiti Malaysia Perlis dan iv) Universiti Malaysia Pahang.

ABM	Akademi Binaan Malaysia
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
ASWARA	Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BKPKK	Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti
BNM	Bank Negara Malaysia
BW	Bukan Warganegara
CIAST	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
GLC	Syarikat berkaitan kerajaan (<i>Government- link company</i>)
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKTBN	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
ILKA	Institusi Latihan Kemahiran Awam
ILKAP	Institut Latihan Kemahiran Awam Pertanian
ILKBS	Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan
ILP	Institut Latihan Perindustrian
INSKEN	Institut Keusahawan Negara
INSPEN	Institut Penilaian Negara
IPDAS	Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KK	Kolej Komuniti
KKR	Kementerian Kerja Raya
KKTM	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KR	Kadar respons (peratus)
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KV	Kolej Vokasional
L	Lelaki
MAFI	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
MAISN	Majlis Agama Islam Negeri
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MASCO	<i>Malaysia Standard of Classification of Occupations</i>
MINDEF	Kementerian Pertahanan Malaysia
MEA	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
N	Bilangan graduan
n	Bilangan responden

NGO	Organisasi bukan kerajaan (<i>Non-governmental organization</i>)
P	Perempuan
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PhD	Doktor Falsafah
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya
PTPK	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
SKPG	Sistem Kajian Pengesanan Graduan
SKPG2.0	Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kemas Kini Status Pekerjaan
TNB	Tenaga Nasional Berhad
UA	Universiti Awam
UPE	Unit Perancang Ekonomi
W	Warganegara
WP	Wilayah Persekutuan
YTAR	Yayasan Tunku Abdul Rahman

PENASIHAT

YBhg. Dato' Shahrudin Bin Abu Sohot
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar

JAWATANKUASA PENGARANG

Ketua Pengarang

Prof. Madya Dr. Fauziah Baharom

Pengarang

Prof. Madya Dr. Yuhanis Yusof	Prof. Madya Dr. Haslina Mohd
Prof. Madya Dr. Rohaida Romli	Prof. Madya Dr. Nur Haryani Zakaria
Prof. Madya Dr. Azman Ta'a	Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed
Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hasbullah Omar	Dr. Hazaruddin Harun
Ts. Dr. Mohamed Ali Saip	Pn. Siti Sarah Che Dan
Pn. Sulizah Abdul Salam	En. Hamdan Muhamad Isa
Pn. Azlina Saleh	Cik Sarina Ab Rahman
	Pn. Norfadila Masdan

Penyunting

Ts. Salwati Badroddin
Timbalan Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar

Seksyen Data
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar

Penyunting Bahasa

Datuk Prof. Dr. Nuraini Yusoff

Pereka Grafik

Cik Nur Hidayah Mohd Hanafi

JAWATANKUASA SOAL SELIDIK

Pengerusi

YBrs. Dr. Mohd Zabri Yusoff

Ahli

<p>Prof. Dr. Mohd. Cairul Iqbal Mohd Amin Jabatan Pendidikan Tinggi</p>	<p>Pn. Normalia Ibrahim Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>
<p>En. Fazli Said Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>	<p>Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis Saad Jabatan Pendidikan Tinggi</p>
<p>Pn. Suaibatul Aslamiah Abd Halim Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>	<p>Pn. Hanim Sharom Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>
<p>Pn. Sulizah Abdul Salam Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>	<p>Pn. Mashitoh Darus Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>
<p>Prof. Madya Dr. Rohana Jani Universiti Malaya</p>	<p>Prof. Dr. Muhammad Hisyam Lee Abdullah Universiti Teknologi Malaysia</p>
<p>Prof. Dr. Yong Zulina Zubairi Universiti Malaya</p>	<p>En. Akmal Arif Abd Rahim Bahagian Pembangunan Modal Insan, MEA</p>
<p>Dr. Chang Peng Kee Universiti Kebangsaan Malaysia</p>	<p>Pn. Nor Hanizah Abu Hanit Jabatan Perangkaan Malaysia</p>
<p>Prof. Madya Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman Universiti Teknologi MARA</p>	<p>Prof. Madya Dr. Mass Hareeza Ali@Hamid Universiti Putra Malaysia</p>
<p>Pn. Sharifah Sarina Syed Yusof Universiti Terbuka Malaysia</p>	<p>En. Anas Zainal Abidin Universiti Teknologi Petronas</p>
<p>En. Noor Affinndi Nor Hashim Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, KBS</p>	<p>Pn. Lau Yat Ching Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman</p>
<p>Pn. Jerrize Izah Jamalludin Cawangan Pembangunan dan Penyelidikan, MARA</p>	<p>Pn. Farah Hida Mohiddin Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, KPT</p>
<p>En. Hasnul Hadi Jamali Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian, MAFI</p>	<p>Pn. Intan Izyan Roslan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, KPT</p>
<p>En. Mohd. Rahdi Darus Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional, KPM</p>	<p>Pn. Nor Faizah Abdul Karim Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JTM, KSM</p>
<p>En. Yazid Parlan Institut Kraf Negara</p>	<p>Pn. Zamzuraini Ani Jabatan Pembangunan Kemahiran, CIAST</p>
<p>Pn. Rohaliza Johar Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng</p>	<p>Pn. Siti Humairah Mohd Yasin Bahagian Pembangunan Kerjaya dan Industri, GIATMARA</p>
<p>Pn. Noor Asdalina Hashim Institut Kraf Negara</p>	<p>En. Muhammad Izat Ishak Bahagian Latihan dan Kompetensi Sektor Personel Binaan, CIDB</p>
<p>Pn. Suryana Embong Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>	<p>Pn. Harlina Sadan Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar</p>
<p>Pn. Rohaida Ali Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>	<p>En. Hasril Rezuan Suboh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>
<p>Pn. Rose Sabrina Basri Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar</p>	

JAWATANKUASA PELAKSANA PROJEK

Prof. Madya Dr. Fauziah Baharom

Pengarah Projek

Prof. Madya Dr. Yuhanis Yusof

Pengurus Projek

Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad

Prof. Dr. Huda Hj. Ibrahim

Prof. Madya Dr. Azman Ta'a

Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hasbullah Omar

Ts. Dr. Hazaruddin Harun

Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed

Pn. Nurul Asshura Mohamad Suyutey

Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah

Prof. Madya Dr. Haslina Mohd

Prof. Madya Dr. Nur Haryani Zakaria

Prof. Madya Dr. Rohaida Romli

Ts. Dr. Mohamed Ali Saip

En. Mohd Farhan Ismail

Cik Sarina Ab. Rahman

JAWATANKUASA TEKNIKAL

En. Hamizan Abdul Karim

Pn. Norliza Md Yusof

PENGANALISIS DATA

Cik Sarina Ab. Rahman

Pn. Azlina Saleh

Pn. Norfadila Masdan

JAWATANKUASA

Pn. Azlina Saleh

Pn. Mariyah Jamilah Kamis

Cik Zuraini Che Soh

PENGURUSAN DATA

Cik Norzalina Isa

Pn. Norfadila Masdan

Pn. Farhana Badri

UNIVERSITI AWAM

Bil.	Singkatan	Nama institusi	Jumlah graduan	Kadar respons (%)
1	UIAM	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA	5,619	77.2
2	UKM	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	6,168	92.8
3	UM	UNIVERSITI MALAYA	5,443	87.7
4	UMK	UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	1,916	98.9
5	UMP	UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG	3,556	86.8
6	UniMAP	UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS	2,761	93.7
7	UMS	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	4,612	96.8
8	UNIMAS	UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	3,701	99.0
9	UMT	UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU	2,842	98.4
10	UPSI	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	4,007	98.0
11	UPNM	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	995	99.9
12	UPM	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	5,548	90.2
13	USIM	UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA	2,602	96.4
14	USM	UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	5,965	89.8
15	UniSZA	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	3,345	97.9
16	UTeM	UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	2,979	99.1
17	UTM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	5,946	99.4
18	UiTM	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	49,533	69.1
19	UTHM	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA	4,001	97.4
20	UUM	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	5,795	95.1
Keseluruhan UA			127,334	83.9

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

Bil.	Singkatan	IPTS bertaraf universiti	Jumlah graduan	Kadar respons (%)
		Nama institusi		
1	AIMST	AIMST UNIVERSITY	664	99.2
2	AeU	ASIA E UNIVERSITY	817	88.2
3	AMU	ASIA METROPOLITAN UNIVERSITY	7	57.1
4	APU	ASIA PACIFIC UNIVERSITY OF TECHNOLOGY & INNOVATION	786	62.3
5	ASB	ASIA SCHOOL OF BUSINESS	47	68.1
6	BUME	BINARY UNIVERSITY OF MANAGEMENT & ENTREPRENEURSHIP	133	100.0
7	CITY U	CITY UNIVERSITY	1,001	82.6
8	DHUAM	DRB-HICOM UNIVERSITY OF AUTOMOTIVE MALAYSIA	141	100.0
9	HU	HELP UNIVERSITY	984	30.8
10	IUKL	INFRASTRUCTURE UNIVERSITY KUALA LUMPUR	747	71.0
